BUKU PANDUAN PENTADBIRAN KONTRAK KERJA RAYA

EDISI KETIGA

JABATAN KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
KUALA LUMPUR
2010



DISEDIAKAN OLEH
PEJABAT PENGARAH KANAN
CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA

KATA-KATA ALUAN

PENGARAH KANAN

CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN

Bismillahirramanirrahim.

ASSALAMUALAIKUM W.B.T.,

SALAM SEJAHTERA dan SALAM 1 MALAYSIA

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua telah memungkinkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga ini dihasilkan.

Untuk makluman Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya yang telah dikeluarkan sebelum ini adalah Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Edisi Kedua yang telah diterbitkan oleh Cawangan ini pada tahun 1992. Namun demikian dengan mengambil kira perkembangan semasa di mana antaranya melibatkan penggunaan borang syarat-syarat kontrak yang baru yakni borang kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010), Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan berserta dengan Surat-Surat Arahan Perbendaharaan dan termasuk juga Surat-Surat Pekeliling dan Surat-Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya yang dikeluarkan dari masa ke semasa; maka adalah wajar satu Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya baru yang dikemaskinikan disediakan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum pengurusan serta pentadbiran kontrak yang kemas, rapi dan teliti menyumbang secara langsung kepada kejayaan pelaksanaan sesebuah projek tersebut. Untuk tujuan itu, Buku Panduan ini menerangkan prosidur berhubung dengan pengurusan serta pentadbiran kontrak Kerajaan dengan mengambil kira prosidur semasa Kerajaan, syarat-syarat kontrak berserta dengan amalan terbaik semasa, agar semua pihak yang terlibat dapat memahami serta melaksanakannya dengan berkesan demi untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek tersebut tercapai.

Buku Panduan ini juga mengandungi borang-borang piawai berhubung dengan pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran kontrak Kerajaan agar semua pihak yang terlibat mengetahui dan menggunakannya dengan lebih berkesan. Meskipun Buku Panduan ini bukanlah satu buku yang komprehensif berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran kontrak, tetapi ia amat berguna bagi membantu semua pihak yang

terlibat, sama ada pegawai-pegawai baru atau lama, untuk menggunakannya sebagai satu bahan rujukan semasa melaksanakan pengurusan serta pentadbiran kontrak Kerajaan.

Satu Jawatankuasa penyediaan Buku Panduan ini telah ditubuhkan yang melibatkan para Juruukur Bahan di peringkat Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan dan juga diperingkat JKR-JKR Negeri yang sama-sama telah menyumbang dalam penyediaan Buku Panduan ini. Segala usaha telah dibuat untuk memperkemaskinikan prosidur dan sistem pengurusan serta pentadbiran kontrak dengan mengambil kira perkembangan semasa. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Buku Panduan ini hanya dapat mengemaskinikannya sehingga bulan Oktober 2011.

Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua Juruukur Bahan yang terlibat di peringkat Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Malaysia dan di peringkat JKR-JKR Negeri, yang telah menyumbang sama ada secara langsung atau tidak langsung demi untuk menjayakan penghasilan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Edisi Ketiga ini.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dato’ Sr Abdull Manaf bin Haji Hashim
Pengarah Kanan,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,
Ibu Pejabat JKR Malaysia.

SENARAI KANDUNGAN

MUKASURAT

SENARAI LAMPIRAN			v
SENARAI SINGKATAN			ix
BAB 1	-	PENGENALAN	1
BAB 2	-	ORGANISASI JKR MENGIKUT FUNGSI	2
BAB 3	-	PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN PROJEK	10
BAB 4	-	PERANCANGAN DAN KAWALAN KOS	21
BAB 5	-	PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER	50
BAB 6	-	PELAWAAN DAN PENERIMAAN TENDER	89
BAB 7	-	PENILAIAN DAN SETUJU TERIMA TENDER	118
BAB 8	-	DOKUMEN KONTRAK	159
BAB 9	-	PENYEDIAAN, PENGESANAN KEMAJUAN DAN REKOD TAPAK BINA	170
BAB 10	-	KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA	206
BAB 11	-	KERJA TIDAK SIAP	226
BAB 12	-	PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR	237
BAB 13	-	PENYIAPAN KERJA, PENYERAHAN KERJA DAN KECACATAN	270
BAB 14	-	SUB KONTRAKTOR DINAMAKAN DAN PEMBEKAL DINAMAKAN	291
BAB 15	-	BAYARAN PENDAHULUAN DAN PERAKUAN INTERIM	362
BAB 16	-	PERUBAHAN KERJA DAN AKAUN MUKTAMAD	394

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 2A - Carta Organisasi JKR Malaysia

LAMPIRAN 2B - Carta fungsi Struktur Organisasi JKR Malaysia

LAMPIRAN 4A - Senarai standard elemen bangunan yang disediakan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan

LAMPIRAN 4B - Borang Analisa Kos Elemental (ECA)

LAMPIRAN 4C - Borang Cabutan Butir-butir Permulaan bagi projek bangunan (PDA)

LAMPIRAN 4D - Borang Cabutan Butir-butir Selepas Tender (ATDA)

LAMPIRAN 4E - Borang Cabutan Butir-butir Selepas Siap (ACDA)

LAMPIRAN 5A - Senarai Semakan Dokumen Wajib

LAMPIRAN 5B - Borang Tender - borang JKR 203B-Pin.5/2008 Untuk Kontrak Berdasarkan Senarai Kuantiti

LAMPIRAN 5C - Borang Tender JKR 203C-Pin.5/2008 Untuk Kontrak Berdasarkan Lukisan Dan Spesifikasi

LAMPIRAN 5D - Borang Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans Untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Kerja)

LAMPIRAN 5E - Borang Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Insurans Untuk Bayaran Pendahuluan (Kontraktor Bekalan/Perkhidmatan/Kerja)

LAMPIRAN 5F – Peruntukan Khas Kepada Syarat-Syarat Kontrak Bagi Wang Pendahuluan

LAMPIRAN 6A - Kelas Pendaftaran Bagi Kontraktor Kerja Awam

LAMPIRAN 6B - Pengkelasan Kontraktor-Kontraktor Untuk Kerja-Kerja Elektrik

LAMPIRAN 6C - Kepala dan sub-kepala pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)

LAMPIRAN 6D - Kelas pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)

LAMPIRAN 6E - Contoh Iklan Tender (Kerja)

LAMPIRAN 6F - Contoh Iklan Tender Yang Dirangkumkan

LAMPIRAN 6G - Contoh Jadual Pelaksanaan Tender

LAMPIRAN 6H - Jadual Tender Kerja

LAMPIRAN 7A - Borang Q14A/2005/A - Kertas Perakuan Tender Kepada Lembaga Perolehan ‘A’ Jabatan Kerja Raya

LAMPIRAN 7B - Borang Q14A/2005/B - Kertas Perakuan Tender Kepada Lembaga Perolehan ‘B’ Jabatan Kerja Raya

LAMPIRAN 7C - Borang Q14A/2005/A - Kertas Perakuan Tender KepadaLembaga Perolehan ‘A’ Kementerian Kerja Raya

SENARAI LAMPIRAN (Samb.)

LAMPIRAN 7D - Borang Q14A/2005/B - Kertas Perakuan Tender Kepada Lembaga Perolehan 'B' Kementerian Kerja Raya

LAMPIRAN 7E - Borang Q14/1987 - Kertas Perakuan Tender Kepada Lembaga Tender Jabatan Kerja Raya

LAMPIRAN 7F - Borang Q14/1979 Pin. 85 - Kertas Perakuan Tender Kepada Lembaga Tender Kementerian Kerja Raya

LAMPIRAN 7G - Jadual Tender Kerja

LAMPIRAN 7H - Kertas Perakuan kepada Lembaga Tender JKR

LAMPIRAN 7I - Laporan Penilaian Tender

LAMPIRAN 7J - Jadual Semakan Kesilapan Pengiraan Harga Tender (Mengikut Susunan Harga)

LAMPIRAN 7K - Contoh Surat Niat (SPP 5/2007)

LAMPIRAN 7L - Contoh Surat Setuju Terima Tender (JKR 203D – Pind 1/2011)

LAMPIRAN 8A - Surat Permohonan Untuk Mendapatkan Nombor Kontrak

LAMPIRAN 8B - Format Kulit Dokumen Kontrak

LAMPIRAN 8C - Senarai Pegawai Yang Mempunyai Kuasa Untuk Menandatangani Kontrak

LAMPIRAN 9A - Penentuan Pegawai Penguasa/Pengarah Projek

LAMPIRAN 9B - Pegawai Yang Diberi Kuasa Untuk Bertindak Bagi Pihak Kerajaan

LAMPIRAN 9C - Penentuan Wakil P.P Kerja Utama Dan Wakil P.P Kerja Pakar

LAMPIRAN 9D - Pegawai Yang Berkuasa Menandatangani Perakuan-perakuan yang dikeluarkan di bawah Kontrak berdasarkan Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A

LAMPIRAN 9E - Surat Perwakilan Kuasa(Kepada Wakil Pegawai Penguasa (P.P.) Kerja Utama untuk Penyeliaan dan Arahan Keseluruhan Kerja Berdasarkan Syarat–Syarat Kontrak JKR 203/203A Pindaan 1/2010)

LAMPIRAN 9F - Surat Perwakilan Kuasa (Kepada Wakil Pegawai Penguasa (Jurutera Elektrik/Mekanikal)* untuk Penyeliaan Kerja Tertentu di bawah Subkontrak Dinamakan Berdasarkan Syarat Syarat Kontrak JKR203/203A Pindaan 1/2010)

LAMPIRAN 9G - Surat Perwakilan Kuasa (Kepada Wakil Pegawai Penguasa (P.P.) untuk Penyeliaan Pembekalan Tertentu di bawah Subkontrak Dinamakan Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak JKR 203/203A Pindaan 1/2010)

LAMPIRAN 9H - Surat Perwakilan Kuasa (Kepada Wakil Pegawai Penguasa (P.P.) (Juruukur Bahan) untuk Memberi Perkhidmatan Ukur Bahan Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak JKR 203/203A Pindaan 1/2010)

LAMPIRAN 9I - Pemberitahuan Perwakilan Kuasa (Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak PWD Form 203/203A Rev. 1/2010)

LAMPIRAN 9J - Catatan Mesyuarat Tapa

SENARAI LAMPIRAN (Samb.)

LAMPIRAN 10A – Borang Permohonan Lanjutan Masa

LAMPIRAN 10B – Senarai Keanggotaan Urusetia JKLM

LAMPIRAN 10C – Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (JKR 203T-Pin. 5/2008)

LAMPIRAN 11A - Surat Piawai Bagi Notis Untuk Mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap

LAMPIRAN 11B - Perakuan Kerja Tidak Siap (JKR 203X-Pind.2/2008)

LAMPIRAN 11C - Ringkasan Ke atas Kontrak Yang Akan Dikeluarkan "Perakuan Kerja Tidak Siap"

LAMPIRAN 12A - Panduan untuk menyediakan draf Notis untuk Tujuan Penamatan dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

LAMPIRAN 12B - Contoh Notis untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

LAMPIRAN 12C - Panduan untuk menyediakan draf Notis untuk Penamatan dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

LAMPIRAN 12D - Contoh Notis untuk Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

LAMPIRAN 13A - Perakuan Siap Kerja (JKR 203S - Pindaan 3/2008)

LAMPIRAN 13B - Perakuan Pemulangan Wang Jaminan Perlaksanaan

LAMPIRAN 13C - Surat kepada Penjamin iaitu Bank/ Syarikat Insurans/ Syarikat Kewangan

LAMPIRAN 13D - Perakuan Pendudukan Separa (JKR 203W-Pind.1/2008)

LAMPIRAN 13E - Perakuan Serahan Kerja Siap

LAMPIRAN 13F - Perakuan Serahan Kerja Siap Berbahagian

LAMPIRAN 13G - Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan, (JKR 203Y Pind. 3/2008)

LAMPIRAN 14A - Borang Tender (JKR 203N1 Pind.2010)

LAMPIRAN 14B - Syarat-syarat Membuat Tender dan Maklumat Am (JKR 203N2 Pind.2010)

LAMPIRAN 14C - Borang Tender (JKR 203P1 Pind.2010)

LAMPIRAN 14D - Syarat-syarat membuat tender dan Maklumat Am (JKR 203P2 Pind.2010)

LAMPIRAN 14E - Surat Penamaan kepada Kontraktor (JKR 203N3 Pind.2010)

LAMPIRAN 14F - Surat Setujuterima Tender (JKR 203N4 Pind.2010)

LAMPIRAN 14G - Perintah Rasmi Untuk Memulakan Kerja (JKR 203N5 Pind.2010)

LAMPIRAN 14H- Surat Pemberitahuan Penamaan kepada Subkontraktor Dinamakan (JKR 203N6 Pind.2010)

LAMPIRAN 14J - Surat Jaminan Tanggung Rugi (JKR 203N7 Pind.2010)

LAMPIRAN 14K - Borang Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans untuk Bon Pelaksanaan (Subkontrak Dinamakan)

LAMPIRAN 14L - Surat Pemberitahuan Penamaan kepada kontraktor (JKR 203P3 Pind.2010)

LAMPIRAN 14M - Surat Pemberitahuan Penamaan kepada Subkontraktor Dinamakan (JKR 203P6 Pind.2010)

SENARAI LAMPIRAN (Samb.)

LAMPIRAN 14N - Surat Jaminan Tanggung Rugi (JKR 203P7 Pind.2010)

LAMPIRAN 14O - Surat Setujuterima Tender (JKR 203P4 Pind.2010)

LAMPIRAN 14P - Pesanan untuk Membekal dan Menyerah-Hantar Artikel-artikel (JKR 203P5 Pind.2010)

LAMPIRAN 14Q - Jadual Artikel-artikel Yang Dipesan Untuk Dibekal Dan Diserah Hantar (JKR 203P5A Pind.2010)

LAMPIRAN 14R - Borang Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Bekalan/Perkhidmatan)

LAMPIRAN 14S - Surat Setujuterima Tender Dari Kontraktor Bagi Kerja Atau Bekalan Bahan Atau Barang Di Bawah Peruntukan P.C

LAMPIRAN 15A - Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/Jaminan Bank Islam/Jaminan Takaful Untuk Bayaran Pendahuluan (Sub Kontraktor Dinamakan)

LAMPIRAN 15B - Perakuan dan Bayaran Interim (JKR 66 (Pind.1/2011)

LAMPIRAN 15C - Surat Ikatan Penyerahakkan

LAMPIRAN 15D - Persetujuan Kerajaan Kepada Surat Ikatan Penyerahakan

LAMPIRAN 15E - Borang Permohonan Kontraktor untuk Mendapatkan Bahan Binaan Bagi Kegunaan Projek-Projek Kerajaan

LAMPIRAN 15F - Borang Arahan Hantaran Tempatan (D.O.)

LAMPIRAN 15G - Borang Inbois Jualan.

LAMPIRAN 15H - Perjanjian Penyerahan Hak dengan Kontraktor (*Deed of Assignment*)

LAMPIRAN 15J - Persetujuan Kerajaan kepada penyerahan hak (*Consent by Government for Direct Payment to Third Party through Deed of Assignment)*

LAMPIRAN 15K - Carta aliran Kerja penyediaan bayaran interim

LAMPIRAN 16A - Jawatankuasa Perubahan Kerja JKR

LAMPIRAN 16B – Borang Arahan Perubahan Kerja JKR-APK (Pind.3/2008)

LAMPIRAN 16C - Permohonan Kelulusan Perubahan Kerja borang JKR-KPK (Pind. 1/2008)

LAMPIRAN 16D - Borang Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (JKR-PHK Pind. 2/2008)

LAMPIRAN 16E - Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad (JKR 66A (Pind.2/1999)

LAMPIRAN I – P.W.D Form 203 (Rev.1/2010)

LAMPIRAN II – P.W.D Form 203A (Rev.1/2010)

LAMPIRAN III – P.W.D Form 203N (Rev.1/2010)

LAMPIRAN IV – P.W.D Form 203P (Rev.1/2010)

SENARAI SINGKATAN

ACDA	-	Cabutan Butir-butir Selepas Siap *(As Complete Detail Abstract)*
APK	-	Arahan Perubahan Kerja
ATDA	-	Cabutan Butir-butir Selepas Tender *(As Tendered Detail Abstract)*
A.P	-	Arahan Perbendaharaan
BOT	-	*Build Operate andTransfer*
CESMM	-	*Civil Engineering Method of Measurement*
CIDB	-	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
CKUB	-	Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
CPM	-	Kaedah Aliran Kritikal (*Critical Path Method)*
D.O.	-	Borang Arahan Hantaran Tempatan
ECA	-	*Elemental Cost Analysis*
eP	-	ePerolehan
GFA	-	*Gross Floor Area*
HOPT	-	Ketua Pasukan Projek *(Head of Project Team)*
ICT	-	*'Information and Communications Technology'*
JKLM	-	Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
JPS	-	Jabatan Pengairan dan Saliran
KPK	-	Kelulusan Perubahan Kerja
KPKR	-	Ketua Pengarah Kerja Raya
KKR	-	Kementerian Kerja Raya
LPIPM	-	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
MAPF	-	Pengukuran, Perincian Dan Faktor Menghargakan Senarai Kuantiti (*Measurement, Amplification and Pricing Factor*)
MAMPU	-	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PDA	-	Borang Cabutan Butir-butir Permulaan bagi projek bangunan
PKK	-	Pusat Khidmat Kontraktor
P.P.	-	Pegawai Penguasa
PKP	-	Pekeliling Kontrak Perbendaharaan
PHK	-	Perakuan Pelarasan Harga Kontrak
PUKONSA	-	Pusat Pendaftaran Kontraktorkontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah
PERKESO	-	Pertubuhan Keselamatan Sosial (*Social Security Organisation Malaysia*)

SENARAI SINGKATAN (Samb)

RATOL	-	'*Rate Online'*
SPK	-	Sistem Pengurusan Kualiti
SMM 2	-	*Standard Method of Measurement of Building Works Second Edition*
SPP	-	Surat Pekeliling Perbendaharaan
SAP	-	Surat Arahan Perbendaharaan
SAKPKR	-	Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya
SPK	-	Sistem Pengurusan Kualiti
UPKJ	-	Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak
UPE	-	Unit Perancang Ekonomi
VO	-	Perubahan Kerja *(Variation Order)*
V.O.P	-	Perubahan turun naik harga *(Variation Of Price)*
WJP	-	Wang Jaminan Pelaksanaan

BAB 1

PENDAHULUAN

BAB 1 – PENDAHULUAN

1.1 Tujuan

1.1.1 Buku Panduan ini bertujuan memberi penerangan dan penjelasan mengenai tatacara perolehan dan pentadbiran kontrak bagi melaksanakan projek-projek Kerajaan.

1.1.2 Buku panduan ini juga boleh digunakan sebagai panduan oleh agensi Kerajaan lain termasuk Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun.

1.2 Skop

1.2.1 Buku Panduan ini mengandungi prosedur pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak bagi pembinaan kerja secara konvensional berdasarkan Borang Syarat-syarat Kontrak P.W.D. 203/203A (Rev. 1/2010).

1.2.2 Buku Panduan ini hendaklah dibaca bersama Arahan Perbendaharaan (A.P), Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP), Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP), Surat Arahan Perbendaharaan (SAP), Surat-surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (SAKPKR) yang sedang berkuatkuasa serta Surat Arahan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB).

1.2.3 Rujukan hendaklah juga dibuat kepada Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), Jabatan Kerja Raya yang terkini. Pengubahsuaian hendaklah dibuat di mana perlu selaras dengan peraturan semasa.

BAB 2

ORGANISASI JKR

BAB 2 – ORGANISASI JKR

2.1 Pengenalan

2.1.1 Jabatan Kerja Raya (JKR) telah ditubuhkan sejak 1872 dan berfungsi sebagai sebuah agensi teknikal kepada Kerajaan Malaysia. Jabatan Kerja Raya Malaysia berperanan melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur bagi pelbagai Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri bagi memenuhi keperluan pembangunan Negara.

2.2 Fungsi

2.2.1 JKR bertanggungjawab terhadap:

(a) perancangan, reka bentuk dan pembinaan projek infrastruktur seperti jalan, bangunan Kerajaan, lapangan terbang, pelabuhan, jeti dan produk kejuruteraan yang berkaitan;

(b) penyenggaraan jalan dan bangunan Kerajaan yang tertentu; dan

(c) memberi khidmat nasihat teknikal kepada Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah.

2.3 Visi, Misi dan Objektif

2.3.1 Visi JKR ialah untuk memberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan kejuruteraan untuk pembangunan infrastruktur Negara berteraskan modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.

2.3.2 Misi JKR ialah untuk menyumbang kepada pembangunan Negara dengan:

(a) Membantu pelanggan merealisasikan matlamat dasar dan menyampaikan perkhidmatan melalui kerjasama sebagai rakan kongsi strategik;

(b) Mempiawai proses dan sistem kita untuk memberikan hasil perkhidmatan yang konsisten;

(c) Menyediakan perkhidmatan pengurusan aset dan projek yang efektif dan inovatif;

(d) Mengukuhkan kompetensi kejuruteraan sedia ada;

(e) Membangunkan modal insan dan kompetensi baru;

(f) Membina hubungan harmoni dengan masyarakat; dan

(g) Memelihara alam sekitar dalam penyampaian perkhidmatan.

2.3.3 Objektif utama JKR adalah untuk menyerahkan projek yang menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan.

2.4 Bisnes Utama JKR Malaysia

Bisnes utama JKR adalah seperti berikut:

(a) Perkhidmatan Perundingan Teknikal

Perkhidmatan yang diberikan oleh JKR untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti pengurusan aset bagi merealisasikan projek untuk pelanggan. Aktiviti-aktiviti ini merangkumi perancangan, rekabentuk dan input profesional, perolehan, pengurusan pembinaan, pentadbiran kontrak, pentauliahan dan penyerahan termasuk penyenggaraan.

(b) Perkhidmatan Pengurusan Projek

Perkhidmatan yang diberikan oleh JKR untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti merancang, mengelola dan mengurus sumber-sumber bagi merealisasikan projek. JKR menjalankan pengurusan projek yang dilaksanakan sama ada secara Konvensional, Reka dan Bina (*Design & Build)*, *Build Operate and Transfer* (BOT) atau Penswastaan *(Privatisation*).

(c) Perkhidmatan Pengurusan Penyenggaraan

Perkhidmatan operasi dan menguruskan penyenggaraan seperti jalan, bangunan, woksyop dan sebagainya.

2.5 Struktur Organisasi JKR

2.5.1 JKR Malaysia diterajui oleh seorang Ketua Pengarah Kerja Raya dan dibantu oleh tiga orang Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya. Pentadbiran JKR Malaysia meliputi seluruh Malaysia kecuali JKR Sabah dan Sarawak. Carta Organisasi JKR Malaysia adalah seperti di Lampiran 2A.

2.6 Organisasi JKR Malaysia Mengikut Fungsi

2.6.1 Organisasi JKR Malaysia terbahagi kepada tiga sektor seperti berikut:

(a) Sektor Bisnes

Sektor ini adalah bertanggungjawab bagi merancang, menyelaras, melaksana dan memantau projek-projek pembangunan untuk Kementerian / Jabatan Pelanggan melalui cawangan-cawangan berikut:

(i) Cawangan Jalan
(ii) Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim
(iii) Cawangan Kerja Bangunan Am
(iv) Cawangan Kerja Kesihatan
(v) Cawangan Kerja Keselamatan
(vi) Cawangan Kerja Pendidikan dan Pengajian Tinggi

(b) Sektor Pengurusan

Sektor ini adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan korporat termasuk sumber manusia, kewangan, pentadbiran dan perkhidmatan, *'Information and Communications Technology'* (ICT), komunikasi, pembangunan kompetensi, pengurusan aset dan fasiliti, membangunkan sistem pengurusan projek serta memantau dan menyelaras projek-projek yang dilaksanakan oleh Cawangan, JKR Negeri, JKR Wilayah dan Unit Khas JKR seperti berikut:

(i) Cawangan Pengurusan Korporat
(ii) Cawangan Kejuruteraan Senggara
(iii) Cawangan Pengurusan Projek Kompleks
(iv) Semua JKR Negeri
(v) Semua JKR Wilayah Persekutuan
(vi) Unit JKR KESEDAR

(c) Sektor Pakar

Sektor ini adalah bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepakaran iaitu menyediakan reka bentuk, memberi khidmat nasihat teknikal, pengurusan perolehan dan kontrak pembinaan serta mengurus dan memantau pelan-pelan alam sekitar melalui cawangan-cawangan pakar berikut:

(i) Cawangan Arkitek
(ii) Cawangan Kejuruteraan Elektrik
(iii) Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik
(iv) Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
(v) Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan
(vi) Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
(vii) Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga

Carta Fungsi Struktur Organisasi JKR Malaysia ditunjukkan dalam Lampiran 2B.

2.7 Ibu Pejabat JKR Malaysia

2.7.1 Ibu Pejabat JKR Malaysia bertanggungjawab untuk merangka dasar, garis panduan dan memberi nasihat teknikal serta merancang dan mereka bentuk projek-projek pembangunan, memantau pelaksanaan projek di peringkat JKR Negeri, JKR Wilayah Persekutuan dan Unit Khas JKR.

2.8 JKR Negeri, JKR Wilayah Persekutuan dan Unit Khas JKR

2.8.1 JKR Negeri

(a) diterajui oleh seorang Pengarah dan bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan menyenggara projek-projek pembangunan negeri seperti jalan dan bangunan Kerajaan.

(b) bertanggungjawab terus kepada Kerajaan Negeri untuk semua projek Negeri dan disokong dengan nasihat teknikal oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia.

(c) bertanggungjawab terus kepada KPKR untuk projek-projek Persekutuan di Negeri masing-masing (kecuali JKR Sabah dan Sarawak)

2.8.2 JKR Wilayah Persekutuan

(a) JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya masing-masing diterajui oleh seorang Pengarah yang bertanggungjawab terus kepada KPKR.

(b) bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan menyenggara bangunan-bangunan Kerajaan yang tertentu di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Selain dari itu, JKR Wilayah Persekutuan juga menyenggara jalan di Labuan.

2.8.3 Unit Khas JKR

a) JKR Malaysia mempunyai Unit Khas JKR untuk melaksana, menyelaras, dan memantau projek-projek pembangunan Persekutuan, Pihak Berkuasa Wilayah atau projek khas.


b) Unit-unit ini diterajui oleh seorang Pengarah yang bertanggungjawab terus kepada KPKR.

2.9 JKR Daerah/Jajahan


2.9.1 Setiap pejabat ini diketuai oleh seorang Jurutera Daerah atau Jurutera Jajahan (Negeri Kelantan) yang bertanggungjawab terus kepada Pengarah JKR Negeri masing-masing untuk melaksanakan dan menyenggarakan projek-projek Persekutuan dan Negeri.

LAMPIRAN 2A

STRUKTUR ORGANISASI JKR MALAYSIA



CARTA FUNGSI STRUKTUR ORGANISASI JKR



BAB 3

PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN PROJEK

BAB 3 – PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROJEK

3.1 Pengenalan

3.1.1 Pengetahuan mengenai organisasi JKR mengikut fungsi (rujuk Bab 2) akan bermanfaat bagi pemahaman pelbagai prosedur tender dan kontrak yang terkandung dalam buku panduan ini, begitu juga pengetahuan mengenai proses-proses yang terlibat dalam pelaksanaan projek pembinaan. Gambaran menyeluruh tentang proses-proses yang terlibat adalah perlu, khususnya proses-proses yang berkaitan dengan penyerahan dan pentadbiran kontrak untuk pembinaannya.

3.1.2 Proses-proses utama yang terlibat di dalam pelaksanaan projek pembinaan iaitu dari peringkat kelulusan pelan pembangunan, dan perolehan peruntukan yang perlu dari Kerajaan sehingga penyiapan dan penyelesaian bayaran bagi pembinaannya adalah seperti berikut:

(a) Penyediaan ringkasan projek
(b) Pengambilan tanah
(c) Pengukuran tapak bina, dan penyelidikan tapak bina dan tanah
(d) Penyediaan reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina
(e) Reka bentuk perincian arkitek dan/atau kejuruteraan
(f) Penyediaan anggaran awal dan kawalan kos
(g) Penyediaan dokumen tender
(h) Pelawaan dan penerimaan tender
(i) Penilaian dan setujuterima tender
(j) Penyediaan dan menandatangani Dokumen Kontrak
(k) Penyeliaan dan pengesanan kemajuan kerja
(l) Lanjutan masa penyiapan
(m) Pengenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan
(n) Penamatan pengambilan kerja kontraktor
(o) Penyiapan dan penyerahan kerja
(p) Pelantikan subkontraktor dan pembekal
(q) Pengurusan bayaran
(r) Penyediaan penilaian kerja perubahan dan Akaun Muktamad

Setiap satu perkara di atas dihuraikan secara ringkas dalam perenggan-perenggan berikut.

3.2 Penyediaan Ringkasan Projek

3.2.1 Ringkasan projek adalah disediakan oleh Kementerian/Jabatan Pelanggan. Lazimnya ringkasan ini mengandungi keperluan projek secara kasar seperti hasil yang akan dikehendaki (dinyatakan sebagai keluasan ruang lantai, jenis dan bilangan kuarters, bilangan bilik darjah, bilangan katil hospital, dsb.), tarikh penyiapan dijangkakan, ciri-ciri reka bentuk dan lain-lain. Amaun peruntukan bagi projek juga dinyatakan dalam ringkasan ini.

3.2.2 Setelah ringkasan projek diterima daripada Kementerian/Jabatan Pelanggan, Cawangan yang berkenaan akan mengkaji untuk mengenal pasti dan menentukan kehendak Kementerian/Jabatan Pelanggan. Perbincangan akan diadakan dengan Kementerian/Jabatan Pelanggan untuk memuktamadkan perincian-perincian projek bagi membolehkan JKR meneruskan pelaksanaannya.

3.3 Pengambilan Tanah

3.3.1 Pengambilan tanah adalah tanggungjawab Kementerian/Jabatan Pelanggan. Walaupun pada kebiasaannya tanah telah ada semasa ringkasan projek diterima, terdapat beberapa kejadian di mana JKR dihalangi dari memasukinya kerana tanah tersebut belum diambil atau tuan punya tanah belum dibayar pampasan sepenuhnya. Pihak JKR tidak dapat meneruskan kerjanya sekiranya tidak dapat akses ke tapak bina. Pegawai JKR telah diarah supaya merujuk masalah sedemikian kepada Kementerian/Jabatan Pelanggan untuk penyelesaian sebelum projek tersebut diterima untuk dilaksanakan.

3.4 Pengukuran Tapak Bina, dan Penyelidikan Tapak Bina dan Tanah

3.4.1 Sekiranya tiada masalah akses ke tapak bina atau masalah tersebut telah diselesaikan, tapak bina akan diukur bagi menentukan sempadan dan aras atau garisan kontur, dan mengenal pasti halangan di permukaan tanah. Pengukuran atau penyelidikan lanjut mungkin juga dijalankan untuk mengesan halangan di bawah permukaan tanah seperti paip kemudahan, kabel, dan lain-lain. Usaha ini perlu bagi tapak bina yang telah dibangunkan atau terdapat harta tanah yang berhampiran. Pengukuran dan/atau penyelidikan tapak bina lazimnya dijalankan oleh JKR kecuali bagi tapak bina yang luas di mana Juru Ukur Tanah bertauliah akan diambil bekerja.

3.4.2 Di samping pengukuran dan/atau penyelidikan tapak bina, penyelidikan tanah juga dijalankan bagi menentukan keupayaan galas dan sifat tanah bagi penyediaan reka bentuk asas tapak. Usaha ini lazimnya dijalankan sama ada oleh Kumpulan IKRAM, setelah reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina diluluskan oleh Kementerian/Jabatan Pelanggan.

3.5 Penyediaan Reka Bentuk Permulaan dan Pelan Susun Atur Tapak Bina

3.5.1 Cawangan yang berkenaan akan menyediakan reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina berdasarkan ringkasan projek dan data yang diterima dari pengukuran dan penyelidikan tapak bina. Reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina tersebut akan dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan Pelanggan berserta dengan anggaran awal untuk kelulusan.

3.5.2 Kelulusan dari Kementerian/Jabatan Pelanggan selalunya mengambil masa yang lama. Penerangan mengenai reka bentuk permulaan secara rasmi adalah perlu di mana perbincangan-perbincangan kerap kali diadakan dan pelarasan dibuat ke atas reka bentuk permulaan sebelum kelulusan diperolehi.

3.6 Reka Bentuk Perincian Arkitek dan/atau Kejuruteraan

3.6.1 Setelah Kementerian/Jabatan Pelanggan meluluskan reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina, dan mengesahkan adanya peruntukan, JKR akan memulakan reka bentuk perincian arkitek dan/atau kejuruteraan. Kerja-kerja reka bentuk kejuruteraan struktur dimulakan setelah menerima laporan penyelidikan tanah.

3.6.2 Sekiranya bangunan Kerajaan yang sedia ada akan dirobohkan, Perakuan meroboh perlu disediakan di peringkat ini untuk kelulusan. Perakuan meroboh ini lazimnya disediakan oleh pejabat yang melaksanakan pengukuran tapak bina. Bagi projek Kerajaan Persekutuan, Ketua Pengarah Kerja Raya atau Pengarah Cawangan berkenaan yang diberi kuasa akan meluluskannya sementara bagi projek Kerajaan Negeri, kelulusan akan diberi oleh Pengarah JKR Negeri yang berkenaan. Keuntungan yang diperolehi dari penjualan bahan hasil dari perobohan bangunan hendaklah dikreditkan ke dalam hasil Kerajaan.

3.6.3 Semasa reka bentuk perincian disediakan, adalah penting untuk memastikan tugas pereka bentuk dari pelbagai disiplin diselaraskan. Adalah penting juga untuk memastikan kehendak-kehendak badan-badan berkuasa perancangan, kemudahan dan tempatan dimasukkan ke dalam reka bentuk, dan reka bentuk tersebut lengkap (sekiranya mungkin) dari semua aspek sebelum pelawaan tender.

3.7 Penyediaan Anggaran Awal dan Kawalan Kos

3.7.1 Apabila reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina telah siap, anggaran awal disediakan dan dikemukakan bersama-sama reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina kepada Kementerian/Jabatan Pelanggan untuk kelulusan. Anggaran awal ini merupakan satu semakan ke atas peruntukan yang telah disediakan dan/atau juga menjadi petunjuk terhadap amaun wang yang diperlukan bagi projek tersebut.

3.7.2 Semakan kos hendaklah dibuat semasa penyediaan reka bentuk perincian bagi memastikan perbelanjaan atau peruntukan yang telah diluluskan tidak dilampaui. Huraian mengenai konsep sistem kawalan kos ada terkandung dalam Bab 4 untuk makluman.

3.8 Penyediaan Dokumen Tender

3.8.1 Pelaksanaan kerja lazimnya diserahkan kepada kontraktor melalui ikatan kontrak. Dokumen tender akan disediakan dan tender akan dipelawa kecuali jika kerja tersebut dianggarkan bernilai kurang daripada RM 500,000 di mana sebut harga boleh dipelawa.

3.8.2 Lazimnya sesuatu kontrak adalah berdasarkan kepada lukisan dan spesifikasi atau senarai kuantiti. Spesifikasi piawai sering kali digunakan dalam penyediaan dokumen tender. Apabila Spesifikasi piawai digunakan, spesifikasi *addenda* perlu juga disediakan untuk mengambil kira kehendak khusus sesuatu projek. Senarai kuantiti pada amnya disediakan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan mengikut kaedah ukuran piawai yang telah ditetapkan.

3.8.3 Satu peranggu dokumen tender (Dokumen Meja Tender) yang mengandungi syarat-syarat kontrak, borang tender dan borang-borang lain, spesifikasi, senarai kuantiti, lukisan, dan lain-lain, dipamerkan di atas meja tender bagi pemeriksaan petender-petender dalam tempoh pelawaan tender.

3.9 Pelawaan dan Penerimaan Tender

3.9.1 Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kelas pendaftaran dan mempunyai kepala dan subkepala pendaftaran yang tertentu sahaja layak menyertai sesuatu tender. Sebelum tender dipelawa keputusan diperolehi dari Bahagian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya, sama ada sesuatu tender itu boleh disertai oleh kontraktor bumiputera sahaja atau dibuka kepada kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera.

3.9.2 Bagi maksud mempelawa tender, notis tender lazimnya disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian utama bahasa melayu; contohnya Berita Harian atau Utusan Malaysia. Notis tender antara lain menyatakan, kelas (dan kepala dan subkepala pendaftaran) kontraktor yang dipelawa, pejabat dari mana dokumen tender boleh diambil, pejabat di mana tender akan diserahkan kembali dan tarikh yang ditetapkan bagi penyerahan tender. Dokumen tender hendaklah diambil dan diserahkan kembali di pejabat yang sama, sama ada di Pejabat JKR Negeri atau di Bahagian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya. Tempoh pelawaan tender lazimnya ditetapkan selama minimum tiga minggu.

3.9.3 Tender-tender akan dibuka oleh satu Jawatankuasa Membuka Tender yang menjadualkan nama, harga tender dan tempoh penyiapan setiap petender ke dalam satu jadual tender. Tender-tender yang diterima, bersama dengan jadual tender, akan dikembalikan kepada pejabat yang mempelawa tender untuk penilaian. Satu jadual berasingan yang menyenaraikan harga-harga tender yang diterima disedia dan dipamerkan pada papan kenyataan untuk makluman semua petender.

3.10 Penilaian dan Setujuterima Tender

3.10.1 Pejabat yang mempelawa tender akan mengkaji dan menilai tender, dan membuat perakuan kepada Lembaga Perolehan. Perakuan tender dibuat kepada sama ada Lembaga Perolehan di peringkat Negeri atau peringkat Kementerian Kerja Raya atau di peringkat Ibu Pejabat JKR, bergantung kepada harga tender dan pejabat mana (sama ada di peringkat Ibu Pejabat atau Negeri) yang menerima tender tersebut. Semua perakuan kepada Lembaga Perolehan di Kementerian Kerja Raya atau di Ibu Pejabat JKR diproses dan dikemukakan kepada Lembaga Perolehan melalui Urusetianya di Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan.

3.10.2 Surat Setujuterima Tender akan dikeluarkan setelah kelulusan Lembaga Perolehan (dan Kementerian Kewangan bergantung kepada harga tender) telah diperolehi. Walau bagaimanapun sebelum Surat Setujuterima Tender dikeluarkan, pengesahan mengenai kecukupan peruntukan perlu dibuat terlebih

dahulu dengan Kementerian/Jabatan Pelanggan.

3.11 Penyediaan dan Menandatangani Dokumen Kontrak

3.11.1 Dokumen Kontrak disediakan oleh pejabat yang mempelawa tender. Dokumen Kontrak mengandungi borang-borang, lukisan-lukisan dan dokumen yang sama seperti Dokumen Meja Tender. Walaupun kesediaan Dokumen Kontrak untuk ditandatangani bergantung pada bila Kontraktor mengembalikan Surat Setujuterima Tender dan mengemukakan Bon Pelaksanaan dan polisi-polisi insurans yang tertentu, tindakan menyediakannya lazimnya dimulakan dari awal lagi bagi memastikan dokumen kontrak sedia untuk ditandatangani secepat mungkin setelah Surat Setujuterima Tender dikeluarkan.

3.11.2 Dokumen Kontrak ini ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk bertindak demikian oleh Menteri Kerja Raya menurut Akta Kontrak Kerajaan. Pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani Dokumen Kontrak dan Kontraktor akan menandatangani Dokumen Kontrak tersebut. Tarikh Kontrak diambil sebagai tarikh pegawai yang diberi kuasa menandatangani dokumen kontrak.

3.12 Penyeliaan dan Pengesanan Kemajuan Kerja

3.12.1 Pentadbiran Kontrak adalah tanggungjawab Pegawai Penguasa (P.P.) yang pada amnya terdiri dari Pengarah Negeri atau Unit Khas. Pelaksanaan kerja diawasi oleh wakil P.P. yang diberi kuasa untuk bertindak sedemikian dan diwakilkan kuasa oleh P.P. untuk bertindak atas perkara-perkara khusus. Perkara-perkara yang berkaitan dengan Kontrak dan pelaksanaan kerja adalah dirujuk kepada P.P. (dimaksudkan disini, sebelum ini dan dalam bab-bab yang kemudian dalam buku panduan ini sebagai termasuk wakil P.P.), untuk kelulusan.

3.12.2 Kerja pembinaan bermula sebaik sahaja setelah Surat Setujuterima Tender dikeluarkan, tetapi sebelum Kontraktor dibenarkan memulakan kerja, beliau

dikehendaki sama ada mengemukakan Bon Pelaksanaan atau Wang Jaminan Pelaksanaan dan polisi-polisi insurans yang tertentu atau nota perlindungan bagi polisi-polisi insurans tersebut. Semasa kerja dilaksanakan, kemajuannya akan dikesan bagi memastikan ianya disiapkan menurut jadual. Sekiranya Jumlah Harga Kontrak melebihi RM 500,000 mesyuarat tapak bina bulanan diadakan untuk mengesan kemajuan dan menyelesaikan masalah yang berbangkit dari pelaksanaan kerja tersebut.

3.13 Lanjutan Masa Penyiapan

3.13.1 Apabila ternyata penyiapan kerja akan terlambat, sebab-sebab kelambatan perlu diteliti.

3.13.2 Walaupun sebab-sebab khusus yang membenarkan Kontraktor mendapat lanjutan masa seperti dinyatakan dalam Kontrak, dia lazimnya diberi lanjutan masa sekiranya sebab kelambatan adalah diluar kawalannya. Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa akan dikeluarkan bagi maksud melanjutkan masa penyiapan.

3.14 Pengenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan

3.14.1 Apabila penyiapan kerja terlambat dan sebab kelambatan tidak membenarkan lanjutan masa, semua kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kelambatan tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

3.14.2 Kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Kerajaan didapatkan kembali daripada Kontraktor melalui pengenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Perakuan Kerja Tak Siap dikeluarkan bagi maksud mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan.

3.15 Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

3.15.1 Disamping menunjukkan penyiapan kerja akan terlambat, pengesanan kemajuan kerja juga boleh menunjukkan yang penyiapan dalam tempoh yang munasabah (seandainya dapat disiapkan) adalah jauh untuk dicapai. Perlakuan Kontraktor boleh menyebabkan dirinya tidak berupaya menyiapkan atau memperlihatkan niatnya enggan menyiapkan kerja.

3.15.2 Apabila terbukti Kontraktor tidak mungkin dapat menyiapkan atau beliau memperlihatkan niatnya enggan menyiapkannya atau telah menyebabkan dirinya tidak berupaya menyiapkan kerja, adalah perlu untuk menimbangkan cara-cara lain bagi menyiapkan kerja tersebut. Pengambilan kerja Kontraktor hendaklah ditamatkan. Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor akan dikeluarkan dahulu diikuti oleh Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.

3.15.3 Apabila pengambilan kerja Kontraktor ditamatkan, baki kerja yang tidak siap akan diserahkan melalui kontrak kepada Kontraktor lain, dan proses yang dihuraikan dalam perenggan 3.8 hingga 3.15 akan diulangi.

3.16 Penyiapan dan Penyerahan Kerja

3.16.1 Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan apabila semua kerja siap. Kerja yang telah disiapkan diserahkan oleh Kontraktor kepada JKR yang seterusnya menyerahkannya kepada Kementerian/Jabatan Pelanggan.

3.16.2 Pengeluaran Perakuan Siap Kerja menandakan permulaan Tempoh Liabiliti Kecacatan yang ditetapkan selama enam atau dua belas bulan bergantung kepada anggaran nilai Kontrak. Sebarang kecacatan yang mungkin kelihatan dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan hendaklah diperbaiki oleh Kontraktor. Apabila semua kecacatan telah diperbaiki, Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan akan dikeluarkan.

3.17 Pelantikan Subkontraktor dan Pembekal

3.17.1 Wang Kos Prima dan/atau Wang Peruntukan Sementara sering kali dimasukkan ke dalam Kontrak bagi kerja yang perlu dijalankan oleh subkontraktor, atau bagi bahan-bahan atau barang-barang yang perlu dibekalkan oleh pembekal-pembekal yang dilantik oleh P.P.. Subkontraktor atau pembekal yang dilantik oleh P.P. akan menjadi Subkontraktor atau Pembekal Dinamakan kepada Kontraktor.

3.17.2 Proses-proses yang terlibat dalam mengsubkontrakkan kerja atau pembekalan amnya adalah seperti yang dihuraikan dalam perenggan 3.8 hingga 3.10. Walau bagaimanapun, adalah penting Subkontraktor dan Pembekal Dinamakan dilantik awal supaya tidak menyebabkan sebarang kelambatan kepada penyiapan keseluruhan kerja.

3.18 Pengurusan Bayaran

3.18.1 Peruntukan bagi bayaran pendahuluan dan bayaran interim kepada Kontraktor ada terkandung dalam Kontrak.

3.18.2 Bayaran pendahuluan dibayar kepada Kontraktor apabila beliau mengemukakan permohonannya berserta dengan jaminan bank atau insurans senilai dengan amaun wang pendahuluan yang akan dibayar, dengan syarat beliau telah mengembalikan Surat Setujuterima Tender yang telah ditandatangani dan disaksikan dengan sewajarnya, dan mengemukakan Bon Pelaksanaan dan polisi-polisi insurans tertentu yang dikehendaki di bawah Kontrak.

3.18.3 Bayaran interim dibayar bagi nilai kerja yang terlaksana dan bahan-bahan atau barang-barang yang dibawa masuk ke tapak bina. Walaupun bayaran amnya dibuat pada tiap-tiap bulan, terdapat satu nilai minimum bagi kerja terlaksana sebelum Perakuan Interim dikeluarkan dan bayaran dibuat. Kerja perubahan yang telah dilaksanakan adalah dianggap dan dibayar sebagai kerja terlaksana dalam bayaran interim.

3.19 Penyediaan Penilaian Kerja Perubahan dan Akaun Muktamad

3.19.1 Semasa kerja sedang dijalankan, ianya mungkin diubah untuk menyesuaikannya dengan keadaan tapak bina, atau menampung kekurangan dalam reka bentuk atau kehendak Kementerian/Jabatan Pelanggan. Bagi maksud mengadakan perubahan kepada kerja yang terkandung dalam Kontrak, Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan dan nilai kerja perubahan diperakukan melalui Kelulusan Perubahan Kerja (KPK).

3.19.2 Selain daripada memperakukan nilai kerja perubahan yang dilaksanakan melalui Kelulusan Perubahan Kerja, Jumlah Harga Kontrak mesti juga dilaras. Selain itu, Jumlah Harga Kontrak perlu juga dilaras atas sebab tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan oleh Kontraktor berbangkit daripada pematuhan arahan P.P. dan kelambatan disebabkan oleh Kerajaan, atas sebab pelarasan Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara, pelarasan bagi turun naik harga, pengukuran semula kerja yang diukur sementara, dan lain-lain. Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dikeluarkan bagi maksud melaras Jumlah Harga Kontrak.

3.19.3 Bagi memastikan Kontraktor dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Kontrak, adalah wajar untuk mengukur dan menilai kerja perubahan dan kerja yang diukur sementara, dan seterusnya membuat pelarasan yang perlu ke atas Jumlah Harga Kontrak seperti yang dikehendaki di bawah Kontrak dan pelarasan-pelarasan lain secepat mungkin.

3.19.4 Akaun Muktamad disediakan secepat mungkin setelah kontraktor memenuhi obligasinya di bawah Kontrak yang meliputi kerja memperbaiki kecacatan, dan setelah tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan yang beliau layak di bawah Kontrak dinilai, Bayaran Muktamad kepada Kontraktor dibuat melalui Perakuan Muktamad.

BAB 4

PERANCANGAN DAN KAWALAN KOS

BAB 4 – PERANCANGAN DAN KAWALAN KOS

4.1 Pendahuluan

4.1.1 Reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina disediakan berdasarkan ringkasan projek dan data-data yang diperolehi dari pengukuran dan penyelidikan di tapak bina. Anggaran kos awalan hendaklah disediakan berdasarkan reka bentuk awalan dan pelan susun atur tapak yang diluluskan oleh Kementerian/Jabatan Pelanggan.

4.1.2. Anggaran kos awalan merupakan satu cara semakan sama ada wang atau peruntukan yang diperuntukkan oleh Kementerian/Jabatan Pelanggan mencukupi dan/atau menjadi petunjuk terhadap amaun wang yang diperlukan bagi projek tersebut. Sekiranya anggaran kos awalan melebihi peruntukan projek, kelulusan dari Kementerian/Jabatan Pelanggan hendaklah dipohon sama ada dengan mendapatkan peruntukan tambahan atau mengurangkan kos melalui kajian semula skop kerja.

4.1.3. Semasa penyediaan reka bentuk terperinci (setelah kelulusan reka bentuk awalan diperolehi daripada Kementerian/Jabatan Pelanggan) semakan kos dibuat bagi memastikan belanjawan atau peruntukan yang telah diluluskan tidak dilampaui.

4.2 Perancangan Kos

4.2.1 Prosedur Perancangan Kos

Prosedur perancangan kos ke atas reka bentuk sesuatu bangunan adalah seperti berikut:

(a) Pelan kos bangunan disediakan mengikut elemen fungsi. Senarai standard elemen bangunan yang disediakan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan adalah seperti di Lampiran 4A. Kos bagi setiap elemen dianggarkan dengan

menggunakan data kos yang telah dikumpul dan disusun khusus untuk tujuan ini atau dengan menggunakan kaedah kuantiti hampir.

(b) Sebelum pelan kos disediakan, Arkitek bersama-sama dengan Juruukur Bahan akan menimbangkan faktor-faktor kos asas yang mempengaruhi reka bentuk keseluruhan seperti pilihan bentuk-bentuk pelan, bilangan tingkat, dan lain-lain. Semasa memperuntukkan kos kepada setiap elemen, beberapa reka bentuk pilihan haruslah diambil kira seperti jenis binaan struktur kerangka, struktur bumbung, pilihan kemasan dan bahan-bahan lain untuk dinding, lantai, siling, dan sebagainya. Perbandingan anggaran-anggaran yang mengambil kira perkara-perkara ini boleh juga dibuat bagi memastikan peruntukan yang ada digunakan dengan optimum.

(c) Semasa reka bentuk disediakan, kos setiap elemen disemak dan dibandingkan dengan anggaran. Sekiranya anggaran untuk sesuatu elemen dan anggaran untuk bangunan secara keseluruhannya melebihi anggaran, reka bentuk elemen tersebut akan dikaji semula untuk mendapatkan penjimatan. Sebagai pilihan, penjimatan mungkin boleh diperolehi dengan mengkaji semula reka bentuk elemen-elemen lain.

Walaupun prosedur yang dihuraikan di perenggan di atas digunakan bagi perancangan kos reka bentuk sesebuah bangunan, prosedur yang sama juga boleh digunakan untuk perancangan dan kawalan kos reka bentuk satu-satu projek bangunan yang mengandungi lebih dari satu bangunan dan kerja-kerja lain yang berkaitan secara keseluruhan. Perancangan dan kawalan kos bagi reka bentuk projek kejuruteraan awam adalah sama seperti projek bangunan, walau bagaimanapun, fungsi elemen-elemen berbeza dari apa yang terdapat dalam bangunan.

4.2.2 Analisis Kos Elemen (ECA – Elemental Cost Analysis)

(a) Definisi

Pecahan secara sistematik kos bangunan dalam pelbagai elemen yang berguna kepada pelanggan dan pasukan reka bentuk.

(b) Tujuan dan Penggunaan

(i) Memudahkan pasukan reka bentuk mengenal pasti kos yang diperlukan dalam setiap elemen.

(ii) Mencapai pengagihan kos yang seimbang di kalangan elemen-elemen sesebuah bangunan.

(iii) Mendapatkan perbandingan kos dalam elemen yang sama dalam bangunan yang berlainan.

(iv) Mendapat dan menyimpan data kos bagi kegunaan dalam perancangan projek-projek lain.

(c) Prinsip-Prinsip Analisis

(i) Bangunan-bangunan dalam projek yang sama dianalisis secara berasingan (jika sesebuah projek mengandungi lebih dari satu bangunan).

(ii) Maklumat seperti Dokumen Kontrak dan Lukisan Kontrak perlu disediakan untuk penyediaan anggaran.

(iii) Analisis berperingkat di mana setiap peringkat memberikan perincian yang lebih mendalam.

(iv) Kerja-kerja luaran dianalisa berasingan untuk keseluruhan projek.

(v) Kerja-kerja permulaan diperuntukkan sebagai butiran berasingan dan pembahagian tidak perlu dibuat ke atas setiap elemen bangunan.

(vi) Bagi kontrak yang kompleks, kerja Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara perlu dibahagikan kepada bangunan yang dikenal pasti dengan menggunakan perkiraan seperti dibawah

$$\frac{\textit{Kos Bangunan A}}{\textit{Kos Bangunan A* + Bangunan B* + … dan seterusnya (jika ada)}} \; X \; \textit{Wang Peruntukan Sementara / Wang Kos Prima}$$

Nota: * *Kos Bangunan tidak termasuk Wang Peruntukan Sementara, Wang Kos Prima, Kerja-Kerja Permulaan, dan Kerja-kerja Luaran*

(vii) Dalam keadaan kadar harga yang telah diselaraskan dalam Senarai Kuantiti Kontrak, penyelarasan kadar harga perlu dibuat berdasarkan kadar harga tender.

(viii) Pelarasan bagi kerja pukal perlu diagihkan secara *pro rata* melibatkan semua elemen bangunan dan kerja luaran tidak termasuk kerja Wang Peruntukan Sementara, dan kerja Wang Kos Prima.

(ix) Yuran Profesional dan Kos Luar Jangka tidak termasuk dalam analisis ECA.

Borang Analisa Kos Elemen adalah seperti ditunjukkan di Lampiran 4B.

4.2.3 Penyediaan Anggaran Kos Awalan

Lazimnya penyediaan anggaran kos awalan adalah berdasarkan salah satu atau gabungan kedua-dua kaedah seperti berikut:

(a) Kaedah Unit Hasil Terakhir (*Unit of End Product Method - cost/m2)*

(i) Kaedah ini menggunakan unit kuantiti hasil terakhir; panjang jalan atau jambatan, keluasan lantai bangunan, untuk mendapatkan anggaran kos awalan. Kuantiti hasil terakhir diambil sama ada dari ringkasan projek atau diperolehi melalui pengukuran kerja daripada reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina.

(ii) Kuantiti hasil terakhir didarab dengan harga seunit untuk mendapatkan anggaran kos. Harga seunit yang digunakan diperolehi dari data kos

projek yang serupa yang telah dilaksanakan. Data kos projek-projek bangunan dikumpul, disusun dan diedarkan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan setiap tahun. Apabila menggunakan harga seunit, pelarasan haruslah dibuat ke atasnya untuk mengambil kira perbezaan dalam angka tunjuk harga tender, lokasi, keadaan tapak bina, arah aliran pasaran, penggunaan bahan binaan, teknologi binaan dan lain-lain.

(b) Kaedah Kuantiti Hampir *(Approximate Quantity)*

(i) Kaedah ini menggunakan kuantiti hampir sesuatu kerja untuk mendapatkan anggaran kos awalan. Kuantiti hampir bagi kerja diperolehi melalui pengukuran sementara daripada reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina. Pengukuran kuantiti tidak perlu diukur secara terperinci seperti yang dilakukan bagi penyediaan senarai kuantiti (rujuk Bab 5). Pengiraan bagi kerja diringkaskan dengan mengumpul kerja dalam butiran komposit, misalnya dinding bata termasuk kerja melepa dan mengecat.

(ii) Kuantiti hampir bagi kerja didarabkan dengan harga seunit untuk mendapatkan anggaran. Harga seunit yang digunakan boleh juga diperolehi dengan mencampurkan kadar-kadar harga yang terdapat dalam jadual kadar harga piawai iaitu Jadual Kadar Harga bagi Kerja-kerja Bangunan yang disediakan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, bagi butir-butir yang terkandung dalam butiran komposit, atau dari kos data projek-projek yang telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, hanya kontrak yang berdasarkan senarai kuantiti sahaja dapat mengadakan data kos harga seunit bagi maksud ini. Sekiranya harga seunit bagi kerja yang serupa tidak boleh dikira berdasarkan kadar-kadar harga dalam jadual kadar harga piawai atau data kos projek-projek yang telah dilaksanakan, harga seunit hendaklah dikira melalui analisis ke atas kos kerja tersebut di pasaran.

4.2.4 Penggunaan kaedah yang dihuraikan di perenggan 4.2.1. adalah bergantung kepada maklumat reka bentuk yang diperolehi sewaktu anggaran kos awalan disediakan. Walaupun kaedah kuantiti hampir memberikan anggaran kos yang munasabah, kaedah ini memerlukan maklumat reka bentuk yang lebih lengkap termasuk jadual kemasan untuk membolehkan anggaran disediakan dengan lebih terperinci. Lazimnya kaedah unit hasil terakhir digunakan untuk mendapatkan anggaran kasar, dan apabila reka bentuk dapat dibangunkan dengan terperinci (dan lebih maklumat reka bentuk diperolehi), maka kaedah kuantiti hampir digunakan untuk menyemak dan mengesahkan atau mengkaji semula anggaran yang telah disediakan.

4.2.5 Penggunaan kaedah yang telah dihuraikan di perenggan 4.2.1. juga bergantung kepada jenis kerja dan maklumat kos yang ada. Sekiranya maklumat kos tidak ada untuk membolehkan penggunaan kaedah unit hasil terakhir, kaedah kuantiti hampir sahaja merupakan pilihan untuk menyediakan anggaran, misalnya bagi kerja-kerja ubah suai atau naik taraf. Dalam penyediaan anggaran kos bagi projek binaan, penggabungan kedua-dua kaedah ini sering digunakan; kaedah unit hasil terakhir bagi bangunan dan kaedah kuantiti hampir untuk kerja-kerja luar.

4.3 Sumber-sumber Maklumat Kos

4.3.1 Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Kecil Dan Memperbaiki

Digunakan untuk perkiraan kos kerja undi (kerja memperbaiki yang tidak mengubah struktur asal dan nilainya tidak melebihi RM100,000). Tambahan peratusan hendaklah digunakan sekiranya kerja dilaksanakan di luar Kuala Lumpur. Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Kecil Dan Memperbaiki ini dikemaskini setiap dua tahun (mengikut Arahan Perbendaharaan 179) dan mendapat kelulusan Kementerian Kewangan sebelum diedarkan.

4.3.2 Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Pukal

Merupakan sebahagian daripada kontrak berasaskan lukisan dan spesifikasi. Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Pukal digunakan sebagai panduan untuk anggaran bagi projek bangunan yang berasaskan lukisan dan spesifikasi. Jadual Kadar Harga ini digunakan sebagai asas dalam penilaian perubahan kerja. Pengemaskinian dilakukan setiap dua tahun.

4.3.3 Buku Kos Purata Semeter Persegi Kerja-kerja Pembinaan Bangunan

Merupakan maklumat kos yang diperolehi daripada pelan piawai. Data-data kos diperolehi dari Cabutan Butir-butir Selepas Tender *(As Tendered Detailed Abstract - ATDA*). Maklumat yang diperolehi dikategorikan mengikut kawasan*.* Buku ini diterbitkan dua kali setahun.

4.3.4 Jadual Kadar Harga Tender Kerja-kerja Kejuruteraan Awam Bagi Semenanjung Malaysia.

Jadual ini mengandungi analisis statistik kadar harga tender kerja-kerja kejuruteraan awam, harga bahan, upah buruh dan sewa loji. Jadual ini diterbitkan dua kali setahun dan digunakan untuk mendapatkan harga purata tender semasa bagi kerja-kerja kejuruteraan awam, buruh dan sewa loji untuk penyediaan anggaran kos projek.

4.3.5 '*Rate Online'* (RATOL)

RATOL diperkenalkan kepada kakitangan JKR bagi mendapatkan maklumat purata kadar harga tender di atas talian (*average tendered rates online*). Proses pengumpulan maklumat dilakukan melalui atas talian dan boleh dilayari oleh kakitangan JKR pada bila-bila masa. Data-data yang dipamerkan adalah kadar harga terkini. RATOL juga boleh digunakan untuk mendapatkan harga purata tender semasa bagi kerja-kerja bangunan dan digunakan sebagai panduan penyediaan anggaran kos projek, kerja-kerja perubahan, dan arah aliran kadar harga semasa.

4.3.6 Analisis Kos Elemen (*Elemental Cost Analysis* - ECA)

Analisis Kos Elemen (ECA) disediakan menurut Dokumen Kontrak dan maklumat analisis tersebut antaranya digunakan untuk membuat perancangan kos (cost plan), penyediaan anggaran awalan, analisis pengagihan kos antara elemen, dan juga sebagai rujukan pangkalan data kos. Maklumat yang disediakan adalah seperti berikut:

(a) Analisis kos setiap elemen

(b) Analisis kos/ Keluasan Kasar Lantai (*Gross Floor Area –GFA*)

(c) Analisis komponen konkrit, besi tetulang dan acuan

4.4 Kawalan Kos

Proses kawalan kos boleh diteruskan dalam peringkat pembinaan sehingga projek siap. Pelan kos akan dikemas kini mengikut harga tender dan kerja perubahan boleh dianggap sama seperti pindaan di peringkat reka bentuk. Nilai kerja perubahan mungkin dihadkan oleh amaun luar jangka yang diperuntukkan atau penjimatan yang diperolehi daripada bahagian-bahagian lain dalam kerja bagi memastikan agar kos muktamad tidak melebihi had kos yang telah diluluskan.

4.4.1 Cabutan Butir-butir Permulaan *(Preliminary Detailed Abstract - PDA)*

(a) Anggaran kos awal yang disediakan dengan menggunakan salah satu atau gabungan kedua-dua kaedah yang dihuraikan di perenggan 4.2. di atas akan dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan Pelanggan di dalam borang Cabutan Butir-butir Permulaan.

(b) Borang Cabutan Butir-butir Permulaan bagi projek bangunan adalah seperti ditunjukkan di Lampiran 4C[1]. Dalam borang Cabutan Butir-butir Permulaan, anggaran kos projek dipecah bahagi kepada beberapa bahagian. Bagi projek bangunan, anggaran kos setiap bahagian dinyatakan secara berasingan seperti berikut:

[1] Surat KPKR ruj.(3)dlm.JKR.KPKR/01/2/A16 bertarikh 10.6.92.dan Surat UPE(S)10/104/6 Vol.VI bertarikh 13.10.2005.

(i) Kerja awalan[2]

(ii) Kerja-kerja cerucuk

(iii) Bangunan termasuk lengkapan lekat dan perabot, tetapi tidak termasuk kemudahan dalaman (walau bagaimanapun, jika lengkapan lekat dan perabot merupakan jumlah yang agak besar dan sebahagian daripada rekaan dalaman, jumlah ini dimasukkan di bawah tajuk kemudahan dalaman)

(iv) Kemudahan dalaman dan kerja-kerja pakar

(v) Kerja-kerja luar termasuk pengukuran tapak bina dan penyelidikan tapak bina dan tanah (sekiranya kedua-duanya dikendalikan oleh Juruukur Tanah berlesen dan firma perunding pakar), sumbangan kepada Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, Pihak Berkuasa Bekalan Air dan Pembentungan, kelulusan pembangunan mengikut kehendak Pihak Berkuasa Tempatan (sekiranya perlu) di mana projek ini hendak dilaksanakan

(vi) Peruntukan turun naik harga.

(vii) Iklan dan kos dokumentasi

(viii) Penyeliaan (contohnya, pelantikan pihak ketiga seperti *independent checker*)

(x) Peruntukan bagi perkara-perkara luar jangka

(x) Bayaran ikhtisas sekiranya perkhidmatan perunding digunakan.

[2] Panduan Kos Binaan JKR Edisi 2001 Penyediaan Anggaran Kos Awal

4.4.2 Cabutan Butir-butir Tender *(As Tendered Detailed Abstract - ATDA)*

Cabutan Butir-butir Tender disedia berdasarkan harga kontrak. Cabutan ini menunjukkan pecahan harga kontrak dan jumlah peruntukan yang diperlukan. Cabutan ini juga digunakan oleh Kementerian/Jabatan Pelanggan sebelum kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan di tapak bina. Cabutan Butir-butir Tender adalah seperti ditunjukkan di Lampiran 4D.

4.4.3 Cabutan Butir-butir Seperti Yang Disiapkan *(As Completed Detailed Abstract - ACDA)*

Cabutan Butir-butir Seperti Yang Disiapkan disediakan selepas projek siap di mana ia menunjukkan jumlah kos yang dibelanjakan untuk sesuatu projek. Cabutan ini juga mengandungi pelbagai perubahan kepada harga kontrak seperti:

(a) Perubahan Kerja (VO)
(b) Turun Naik Harga Bahan
(c) Lain-lain tuntutan kontrak

Cabutan Butir-butir Seperti Yang Disiapkan adalah seperti ditunjukkan di Lampiran 4E.

LAMPIRAN 4A

CONTOH SENARAI ELEMEN-ELEMEN BANGUNAN

1. Sub struktur
   - lA Cerucuk/Asas khas
   - lB Kerja Di bawah Paras Lantai
   - lC Lapis Lindung dan Longkang sekeliling

2. Superstruktur
   - 2A Kerangka
   - 2B Lantai Atas
   - 2C Bumbung
   - 2D Tangga
   - 2E Dinding Luar
   - 2F Tingkap dan Pintu Luar
   - 2G Dinding Dalam dan Sesekat
   - 2H Pintu Dalam

3. Kemasan
   - 3A Kemasan Lantai Luar
   - 3B Kemasan Lantai Dalam
   - 3C Kemasan Siling Luar
   - 3D Kemasan Siling Dalam
   - 3E Kemasan Dinding Luar
   - 3F Kemasan Dinding Dalam

4. Kelengkapan dan Perabot

5. Kemudahan
   - 5A Kelengkapan Sanitari
   - 5B Pemasangan Paip
   - 5C Pemasangan Elektrikal
   - 5D Pemasangan Telefon
   - 5E Pemasangan Pencegah Kebakaran
   - 5F Sistem Pendingin Hawa dan Pengedaran Udara
   - 5G Pembuangan Sampah

5H Pemasangan Lif dan Konveyer

5J Pemasangan-Pemasangan Lain (seperti Alatan Dapur, Alatan Dobi, Sistem Automatis Bangunan, Sistem Keselamatan, Pemasangan Gas, dan sebagainya.)

JABATAN KERJA RAYA

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 1

INFORMATION OF CONTRACT

JOB TITLE :

CLIENT :

LOCATION :

TENDER DATE :

Scope of works :

Site Conditions :

Market Conditions :

Contract Particulars

Contract No :

Type of Contract : *Conventional/Turnkey/Cost Plus

Form of Contract : *PWD 203A / PAM/ISM

Basis Of Tender : *Open/Bumiputera/Selected/Competition/ Negotiated

Contract Period Stipulated By Client : Weeks

Contract Period Offered By Contractor : Weeks

Number Of Tenders Issued :

Number Of Tenders Received :

Basis of Cost Fluctuation

(RM)

Preliminaries

(being ____ % of remainder Contract Sum)

Buildings

External Works

Contract Sum

Extract of Total

P.C. Sum

Provisional Sum

Competitive Tender List	
Tender No.	Amount (RM)

* Delete where appropriate

ANALYSIS OF SINGLE BUILDING

Bldg. Type :

Bldg. Code:

Name of Building :

BQ Reg. Nos:

Design/Shape Information :

Areas

Below Ground Floor : M2
Ground Floor : M2
Upper Floor : M2

GROSS FLOOR AREA : M2

Floor Space NOT Enclosed : M2

Roof Area : M2

Functional Unit : M2

Enclosing Wall To Floor Ratio = _____

=

Storey Heights :

Av. Below Grd. Floor : M

At. Grd. Floor : M

Above Grd. Floor : M

Number/Composition Of Storeys

a) Below Grd Floor %
b) Single Storey %
c) 2-Storey %
d) 3-Storey %
e) - Storey %

Drawing No.:

Brief Cost Information (To be filled by BPKK)

Building Cost : RM

Provisional Sum : RM

Prime Cost Sum : RM

Analysis Index :

Building Functional Unit Cost :

Building Cost/m2 GFA :

Base Index :

Base Building Functional Unit Cost :

Base Building Cost/m2 GFA :

Prepared by : _____ Unit _____

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 2 (CONT'D)

ANALYSIS OF SINGLE BUILDING (CONT'D)	Bldg. Type : Bldg. Code :

SUMMARY OF ELEMENT COSTS

GROSS FLOOR AREA : SQ.M TENDER DATE :

REF.	ELEMENT	ELEMENT COST RM A	ELEMENT COST/SQ.M OF GFA RM B=A/(GFA)	ELEMENT UNIT QUANTITY C	ELEMENT UNIT RATE RM D = A/C	ELEMENT TO FLOOR RATIO E = C/(GFA)	% OF BLDG. COST F = (A/∑A)%
1	SUBSTRUCTURE						
1A	Piling/Special Foundation			M			
1B	Work Below Lowest Floor Finish			M2			
1C	Aprons & Perimeter Drains			M			
	GROSS ELEMENT TOTAL						
2	SUPERSTRUCTURE						
2A	Frame			M2			
2B	Upper Floor			M2			
2C	Roof			M2			
2D	Stairs			M3			
2E	External Wall			M2			
2F	Windows & External Doors			M2			
2G	Internal Walls & Partitions			M2			
2H	Internal Doors			M2			
	GROUP ELEMENT TOTAL						
	Sub Total C/F						

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 2 (CONT'D)

ANALYSIS OF SINGLE BUILDING (CONT'D)					Bldg. Type :		
					Bldg. Code:		
REF.	ELEMENT	ELEMENT COST RM	ELEMENT COST/SQ.M OF GFA RM	ELEMENT UNIT QUANTITY	ELEMENT UNIT RATE RM	ELEMENT TO FLOOR RATIO	% OF BLDG. COST
		A	B=A/(GFA)	C	D = A/C	E = C/(GFA)	F = (A/∑A)%
	Sub Total B/F						
3	FINISHES						
3A	External Floor Finishes			M2			
3B	Internal Floor Finishes			M2			
3C	External Ceiling Finishes			M2			
3D	Internal Ceiling Finishes			M2			
3E	External Wall Finishes			M2			
3F	Internal Wall Finishes			M2			
	GROSS ELEMENT TOTAL						
4	FITTINGS , FURNISHING & SIGNAGE						
5	SERVICES				PRIME COST SUM	TENDER SUM	
5A	Sanitary Appliances			NO			
5B	Cold Water and Soil Plumbing Installation			M2			
5C	Electrical Installation			M2			
5D	Fire Protection Installation			M2			
5E	Air Conditioning			M2			
5F	Lift and Conveyor Installation			M2			
5G	Mechanical Roller Shutter Door			M2			
5H	Air Compresser System			M2			
5I	Booster Pump System			M2			
5J	Telephone and ICT System			M2			
5K	Extra Low Voltage Appl.			M2			
5L	Equipment System						
5M	Generator Set			M2			
5N	Traffic Light System			M2			
	GROUP ELEMENT TOTAL						
	TOTAL ELEMENT COST*						

* Must equal to Building Cost as in page 1/3

JABATAN KERJA RAYA

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 2A

ANALYSIS OF REINFORCED CONCRETE WORKS					Bldg. Type :	
					Bldg. Code:	
REF.	ELEMENT	REINFORCED CONCRETE	REINFORCEMENT		FORMWORK	
		M3	Kg.	Kg./M3	M2	M2/M3
A.	**Piling/Special Foundation**					
B.	**Work Below Lowest Floor Finish**					
B.i	Strip footing					
B.ii	Stump Wall					
B.iii	Pile Caps					
B.iv	Column Stumps					
B.v	Ground Beam					
B.vi	Ground Slab And Thickening					
C	**Aprons & Perimeter Drains**					
	GROUP ELEMENT TOTAL					
	SUPERSTRUCTURE					
A.	**Frame**					
A.i	**Columns**					
A.ii	**Beams**					
A.ii.a	Floor					
A.ii.b	Roof					
A.ii.c	Other*					
2B	**Upper Floors**					
2C	**Roof**					
2D	**Stairs**					
2E	**External Wall**					
2F	**Windows & External Doors**					
2G	**Internal Walls & Partitions**					
2H	**Internal Doors**					
	GROUP ELEMENT TOTAL					
	TOTAL					

* fascia beam, arch beam, etc.

JABATAN KERJA RAYA

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 2B

BRIEF SPECIFICATION FOR BUILDING	Bldg. Type : Bldg. Code:

BRIEF SPECIFICATION

GROSS FLOOR AREA : M2 TENDER DATE :

REF.	ELEMENT	SPECIFICATION
1.	**SUBSTRUCTURE**	
1A.	Piling	
B.	Work Below Lowest Floor Finish	
1C.	Apron & Perimeter Drains	
2	**SUPERSTRUCTURE**	
2A.	Frame	
2B.	Upper Floor	
2C.	Roof	
2C.i	Roof Structure	
2C.ii	Roof Covering	
2C.iii	Roof Drainage	
2D.	Stairs	
2D.i	Stairs Structure	
2D.ii	Stair Finishes	
2D.iii	Stair Balustrades & Handrails	
2E.	External Walls	
2F.	Windows & External Doors	
2G.	Internal Walls & Partitions	
2H.	Internal Doors	

JABATAN KERJA RAYA

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 2B (contd)

BRIEF SPECIFICATION FOR BUILDING		Bldg. Type : **0** Bldg. Code:
REF.	ELEMENT	SPECIFICATION
3	**FINISHES**	
3A.	External Floor Finishes	
3B.	Internal Floor Finishes	
3C.	External Ceiling Finishes	
3D.	Internal Ceiling Finishes	
3E.	External Wall Finishes	
3F.	Internal Wall Finishes	
4.	**FITTING , FURNISHING & SIGNAGE**	
5.	**SERVICES**	
5A.	Sanitary Appliances	
5B.	Cold Water and Soil Plumbing Installation	
5C.	Electrical Installation	
5D.	Communication Installation	
5E.	Fire Fighting Installation	
5F.	Air Conditioning Installation	
5H.	Roller Shutter Door	
5I.	Air Compresser System	
5J.	Booster Pump System	
5K.	Telephone and ICT System	
5L.	Extra Low Voltage Application	

JABATAN KERJA RAYA

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 2B (contd)

BRIEF SPECIFICATION FOR BUILDING		Bldg. Type : **0** Bldg. Code: 0
REF.	ELEMENT	SPECIFICATION
5M.	Generator Set	
5N.	Traffic Light System	
5O.	Sterilizer System	-
5P.	Lift And Conveyor Installation	-
5Q.	Dental Units & Associated Equipment System	-

JABATAN KERJA RAYA

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 3

ANALYSIS OF EXTERNAL WORKS GROSS FLOOR AREA : SQ.M.				JOB TITLE:			
REF.	**ELEMENT**	**ELEMENT COST** **RM**	**ELEMENT COST/SQ.M OF GFA** **RM**	**ELEMENT UNIT QUANTITY** **UNIT**	**QUANTITY**	**ELEMENT UNIT RATE** **RM**	**% OF BLDG. COST**
		A	**B=A/(GFA)**	**C**	**D**	**E=A/D**	**F=A/COST OF ALL BLDGS.**
1	**Site Preparation And Earthworks**			**Hectares (M3)**			
2	**Turfing And Soft Landscaping**			**Turfed Area (M2)**			
3	**Roads, Hardstanding, Footpaths and Pavings**			**Surface Area (M2)**			
4	**Fencing And Gates**			**Perimeter (M)**			
5	**Surface Drainage**			**Total length of drain & pipework (M)**			
6	**Soil Drainage**			**-**			
7	**Water Reticulation**			**-**			
8	**Flag Post**			**No**			
9	**Kolah Air**			**M3**			
10	**Tempat Letak Kereta**			**M2**			
11	**Staircase and Ramp**			**M2**			
12	**Retaining Wall**			**M3**			
	TOTAL ELEMENT COST						

JABATAN KERJA RAYA

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 3A

BRIEF SPECIFICATION FOR EXTERNAL WORKS		JOB TITLE:
REF.	ELEMENT	SPECIFICATION
1.	Site Preparation and Earthworks	
2.	Turfing And Soft Landscaping	
3.	Roads, Hardstanding, Footpaths And Pavings	
4.	Fencing and Gates	
5.	Surface Drainage	
6.	Soil Drainage	
7.	Water Reticulation	
8	Sewerage	
9	Flag Post	

JABATAN KERJA RAYA

ELEMENTAL COST ANALYSIS - FORM 3A (Cont'd)

BRIEF SPECIFICATION FOR EXTERNAL WORKS		JOB TITLE:
REF.	ELEMENT	SPECIFICATION
10	Kolah Air	
11	Tempat Letak Kereta Dan Bot Berbumbung	
12	Staircase And Ramp	
13	Retaining Wall	

(PWD 142A - Rev.`91)

JABATAN KERJA RAYA

PRELIMINARY DETAILED ABSTRACT FOR

HEAD SUBHEAD YEAR	TOTAL PROVISION RM PROVISION FOR CONSTRUCTION RM

	BRIEF DESCRIPTION OF BUILDINGS							
	BUILDING	Frame	Wall	Roof	Floor	Ceiling	Window	Standard
a								
b								
c								
d								
e								
f								
g								
h								
j								
k								

	BREAKDOWN OF PRELIMINARY COST ESTIMATE	**COST RM**
1	**PRELIMINARIES**	
2	**PILING/SPECIAL FOUNDATION** **Type and Size**	
a		
b		
c		

3	**BUILDING**	**Drawing No.**	**Floor Area m2**	**Cost/m2**	
a					
b					
c					
d					
e					
f					
g					
h					
j					
k					

4	**INTERNAL SERVICES**	
a	Plumbing Installation	
b	Sanitary Appliances	
c	Electrical Installation	
d	Fire Protection Installation	
e	Air Conditioning Installation	
f	Lift & Conveyor Installation	
g	Communication Installation	
h		
j		
k		
	SUBTOTAL carried forward	

	BREAKDOWN OF PRELIMINARY COST ESTIMATE (CONT'D)			COST RM
	SUBTOTAL brought forward			
5	**EXTERNAL WORKS**			
a	i) Site Preparation			
	ii) Earthwork			
b	Roads,Hardstanding,			
	Footpaths & Paving			
c	Fencing & Gates			
d	Turfing & Soft Landscaping			
e	Surface Drainage			
f	Sewerage			
g	External Electrical Installation			
h	External Water Supply Installation			
i	External Telephone Installation			
j				
k				
6	**VARIATION OF PRICES**			
7	**CONTRIBUTION FEE TO LOCAL & UTILITY AUTHORITY**			
a	Tenaga Elektrik Nasional			
b				
c				
8	**MISCELLANEOUS**			
a	Advertisement			
b	Documentation			
c				
9	**CONTINGENCIES**			
	ALL IN UNIT RATES (of Total items 1 to 9)		TOTAL (items 1 to 9)	
	Total Floor Area m2 :	**Cost/m2 :**		
10	**SUPERVISION**			
11	**PROFESSIONAL FEES**			
a	Architect			
b	Civil & Structural Engineer			
c	Mechanical Engineer			
d	Electrical Engineer			
e	Quantity Surveyor			
f				
	TOTAL COST OF PROJECT			

Quantity Surveyor / Estimating Officer Date:	State Director of Works Date:	Portfolio Branch Director of Works Date:

* Only necessary if PDA is prepared at JKR State level

LAMPIRAN 4D
(PWD 142B - Rev.`91)

JABATAN KERJA RAYA

AS TENDERED DETAILED ABSTRACT FOR		Total Amount of Main Tender: RM	
		Contractor for Main Works	Class
Head Sub/Head Year	Total Prov. RM Prov. for Const. RM	Closing Date of Tender	Tender Valid Until

Contract Period:	COMPETITIVE TENDER LIST			
	Tender No.	Tender Sum	Tender No.	Tender Sum
Type of Contract:				
Form of Contract:				
Basis of Tender:				
No. of Tenders Received:				

BRIEF DESCRIPTION OF BUILDINGS

	BUILDING	Frame	Wall	Roof	Floor	Ceiling	Window	Standard
a								
b								
c								
d								
e								
f								

PRIME COST AND PROVISIONAL SUMS

	ITEM	ALLOWED RM	ACTUAL RM
a			
b			
c			
d			
e			
f			
g			
h			

	BREAKDOWN OF COST	COST RM					
1	PRELIMINARIES		Being % of Remainder of Main Tender				
2	PILING/SPECIAL FOUNDATION Type and Size	-	Unit	Quantity		Unit Cost	
a			M				
b			M				
c							
3	BUILDING	-	Drawing No.	Floor Area m2	0 Cost/m2	Vol.m3*	Cost/m3*
a							
b							
c							
d							
e							
f							
g							
	SUBTOTAL carried forward	-					

*Refer to Note 8.2 (b)

	BREAKDOWN OF COST (CONT'D)		COST RM				
	SUBTOTAL brought forward		-				
4	INTERNAL SERVICES	*		Building Served		Cost /m2	% of Bldg.
				Ref. No.	Floor Area Served	RM	Cost
a	Plumbing Installation						
b	Sanitary Appliances						
c	Electrical Installation						
d	Fire Protection Installation		PLEASE REFER TO APPENDIX 'B'				
e	Air Conditioning Installation						
f	Lift & Conveyor Installation						
5	EXTERNAL WORKS			Appropriate Unit		Quantity	Unit Cost
a	i) Site Preparation			i) Hectares			
	ii) Earthwork (I.f. = %)			ii) Cu. m moved (m3)			
b	Roads, Hardstanding,			Surface Area (m2)			
	Footpaths & Paving						
c	Fencing & Gates		PLEASE	Perimeter (m)			
d	Turfing & Soft Landscaping		REFER TO	Turfed Area (m2)			
	(S.t. = %)		APPENDIX 'C'				
e	Surface Drainage			Tot. length of drn. & pipes (m)			
f	Sewerage			No. of occupants served			
g	External Electrical Installation			No. of KVA required			
h	External Water Supply Installation			No. of occupants served			
i	External Telephone Installation			No. of Tel. points served			

6	VARIATION OF PRICES		ALL IN UNIT RATE (of Total Items 1 to 9)	
7	CONTRIBUTION FEE TO LOCAL AND UTILITY AUTHORITY		Total Floor Area m2 :	Cost/m2 :
a	TNB & JBA		Quantity Surveyor/ Superintending Officer's Representative	
b	Telekoms			
8	MISCELLANEOUS			
a	Advertisement & Documentation			
b	Soil Investigation		Date :	
			Superintending Officer/ State Director of Works	
9	CONTINGENCIES			
	TOTAL (Items 1 to 9)			
10	SUPERVISION			
11	PROFESSIONAL FEES			
a	Architect		Date :	
b	Civil & Structural Engineer		Portfolio Branch Director of Works	
c	Mechanical Engineer			
d	Electrical Engineer			
e	Quantity Surveyor			
	TOTAL COST OF PROJECT		Date :	

* Refer to Note 9.2 (b) & 10.2

LAMPIRAN 4E
(PWD 142C - Rev.`91)

JABATAN KERJA RAYA

AS COMPLETED DETAILED ABSTRACT FOR		Total Amount of Main Tender: RM	
		Contractor for Main Works	Class
		Date of Possession of Site	Actual Date of Completion
		Original Contract Period	
		Extension of Time (if any)	
Head Sub/Head Year	Total Prov. RM Prov. for Const. RM	Amount of L&A Damages (if any)	

BRIEF DESCRIPTION OF BUILDINGS

	BUILDING	Frame	Wall	Roof	Floor	Ceiling	Window	Standard
a								
b								
c								
d								
e								
f								

PRIME COST AND PROVISIONAL SUMS

	ITEM	ALLOWED RM	ACTUAL RM
a			
b			
c			
d			
e			
f			
g			
h			

	BREAKDOWN OF COST	COST RM					
1	PRELIMINARIES		Being % of Remainder of Main Tender				
2	PILING/SPECIAL FOUNDATION Type and Size	-	Unit	Quantity		Unit Cost	
a							
b							
c							
3	BUILDING	-	Drawing No.	Floor Area m2	0 Cost/m2	Vol.m3*	Cost/m3*
a							
b							
c							
d							
e							
f							
g							
	SUBTOTAL carried forward	-					

*Refer to Note 8.2 (b)

	BREAKDOWN OF COST (CONT'D)		COST RM				
	SUBTOTAL brought forward		-				
4	INTERNAL SERVICES	*		Building Served		Cost /m2	% of Bldg.
				Ref. No.	Floor Area Served	RM	Cost
a	Plumbing Installation						
b	Sanitary Appliances						
c	Electrical Installation						
d	Fire Protection Installation						
e	Air Conditioning Installation						
f	Lift & Conveyor Installation						
5	EXTERNAL WORKS			Appropriate Unit		Quantity	Unit Cost
a	i) Site Preparation			i) Hectares			
	ii) Earthwork (I.f. = %)**			ii) Cu. m moved (m3)			
b	Roads, Hardstanding,			Surface Area (m2)			
	Footpaths & Paving						
c	Fencing & Gates			Perimeter (m)			
d	Turfing & Soft Landscaping			Turfed Area (m2)			
	(S.t. = %)						
e	Surface Drainage			Tot. length of drn. & pipes (m)			
f	Sewerage			No. of occupants served			
g	External Electrical Installation			No. of KVA required			
h	External Water Supply Installation			No. of occupants served			
i	External Telephone Installation			No. of Tel. points served			

6	VARIATION OF PRICES		ALL IN UNIT RATE (of Total Items 1 to 9)
7	CONTRIBUTION FEE TO LOCAL AND UTILITY AUTHORITY		Total Floor Area m2 : / Cost/m2 :
a	TNB & JBA		Quantity Surveyor/ Superintending Officer's Representative
b	Telekoms		
8	MISCELLANEOUS		
a	Advertisement & Documentation		
b	Soil Investigation		Date :
			Superintending Officer/
	TOTAL (Items 1 to 9)		State Director of Works
10	SUPERVISION		
11	PROFESSIONAL FEES		
a	Architect		
b	Civil & Structural Engineer		
c	Mechanical Engineer		Date :
d	Electrical Engineer		Portfolio Branch Director of Works
e	Quantity Surveyor		
f			
	TOTAL COST OF PROJECT		Date :

* Refer to Note 7.1 (b) & 8.2

** Refer to Supplementary Note 2.2 (b)

BAB 5

PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER

BAB 5 - PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER

5.1 Pendahuluan

5.1.1 Lazimnya sesuatu kerja diserahkan kepada kontraktor secara kontrak untuk dilaksanakan. Kontrak pada amnya dilaksanakan sama ada secara lukisan dan spesifikasi atau berdasarkan kepada senarai kuantiti. Semua kontrak kerja, secara amnya, hendaklah berdasarkan kepada senarai kuantiti kecuali Ketua Pengarah Kerja Raya memutuskan sebaliknya[1]. Ini adalah kerana kontrak berdasarkan kepada senarai kuantiti memberi kebaikan-kebaikan seperti berikut:

(a) Senarai kuantiti membolehkan semua petender menghargakan tender berdasarkan asas yang sama bagi menghasilkan harga-harga tender yang lebih realistik.

(b) Oleh kerana kuantiti kerja yang hendak dilaksanakan diukur oleh satu pasukan kerja yang dilantik khas dan tidak oleh petender sendiri, penggunaan sumber dalam industri binaan dan negara adalah lebih optimum. Dalam jangka panjang kos bagi menghargakan tender akan menjadi lebih rendah.

(c) Senarai kuantiti menyediakan satu asas yang lebih saksama untuk penilaian kerja yang telah dilaksanakan bagi tujuan bayaran interim dan untuk penilaian perubahan kerja berbanding dengan jadual kadar harga yang digunakan dalam kontrak yang berdasarkan lukisan dan spesifikasi. Kadar-kadar harga dalam jadual kadar harga adalah didapati kurang berkaitan dengan bidang kerja yang diperuntukkan dalam Senarai Kuantiti lebih-lebih lagi berhubung dengan sifat kerja serta kuantiti kerja yang terlibat.

(d) Senarai kuantiti adalah satu-satunya asas kos kerja-kerja binaan yang boleh dianalisis secara terperinci dan boleh digunakan sebagai rujukan dalam perancangan dan kawalan kos.

[1]Surat Arahan KPKR Bil. 3/1993 bertarikh 6.8.93

5.1.2 Dokumen tender mestilah disediakan dan tender dipanggil bagi kerja yang dianggarkan berharga melebihi RM500,000[2]. Satu peranggu lengkap Dokumen Meja Tender mestilah juga disediakan dan dipamerkan di meja tender untuk diteliti oleh petender sepanjang tempoh tender.

5.2 Keperluan Asas Dokumen Tender

5.2.1 Dokumen tender mestilah memenuhi keperluan asas seperti berikut:

(a) Peruntukan-peruntukan dalam dokumen tender mestilah menjadi asas bagi satu kontrak yang boleh dilaksanakan oleh kontraktor secara fizikal. Kontraktor tidak boleh melaksanakan kerja yang tidak dinyatakan dalam dokumen tender tersebut kecuali mendapat arahan pihak yang diberi kuasa.

(b) Peruntukan di dalam dokumen tender mestilah menggambarkan perolehan mengikut tatacara yang diluluskan oleh Kerajaan dan mestilah merangkumi dasar-dasar Kerajaan yang terkini.

(c) Kerja yang akan dilaksanakan mestilah didefinasikan dan ditentukan dengan jelas dan tepat, dan dokumen tender mestilah bebas dari kesamaran dan percanggahan.

(d) Kerja yang ditentukan mestilah memenuhi kehendak-kehendak nyata dan kehendak-kehendak lain Kementerian/Jabatan Pelanggan.

(e) Kerja yang ditentukan mestilah memenuhi kehendak Agensi Pelaksana/ Kementerian/Jabatan Pelanggan daripada segi piawaian reka bentuk dan memenuhi fungsi projek yang dikehendaki.

5.2.2 Adalah penting untuk menentukan bahawa dokumen tender memenuhi keperluan-keperluan yang disenaraikan dalam perenggan 5.2.1.

[2] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2009.

5.2.3 Dokumen Tender/ Dokumen Meja Tender yang disediakan berasaskan Senarai Kuantiti hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:-

(a) Surat Pelawaan Kepada Petender
(b) Senarai Semakan Mengemukakan Tender *(dijilid berasingan)*
(c) Arahan Kepada Petender
(d) Borang Tender (J.K.R. 203 B-Pin.5/2008)
(e) Surat Setujuterima Tender (JKR 203D-Pin 1/2011) *(Dokumen Meja Tender Sahaja)*
(f) Borang Kontrak Piawai [P.W.D. FORM 203A (Rev. 1/ 2010)] *(Dokumen Meja Tender Sahaja)*
(g) Addenda kepada Syarat-syarat Kontrak
(h) Peruntukan Khas Kepada Syarat-syarat Kontrak
(i) Spesifikasi Piawai dan Spesifikasi Addenda *(Dokumen Meja Tender Sahaja)*
(j) Pengukuran, Perincian Dan Faktor Menghargakan Senarai Kuantiti (*Measurement, Amplification and Pricing Factor*-MAPF)
(k) Senarai Kuantiti
(l) Borang-borang Maklumat Am Latar Belakang Petender dan dokumen-dokumen sokongan *(dijilid berasingan)*
Borang A- Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan oleh Petender.
Borang B- Maklumat Am Latar Belakang Petender
Borang C- Data-Data Kewangan
Borang D- Rekod Pengalaman Kerja
Borang E- Kakitangan Teknikal
Borang F- Keempunyaan Loji dan Peralatan Pembinaan Utama
Borang G- Senarai Kerja Kontrak Semasa
Borang CA- Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kedudukan Kewangan Petender
Borang GA- Laporan Penyelia Projek Atas Prestasi Kerja (bukan projek JKR) Semasa Petender
Borang GA1- Laporan Jurutera Projek Atas Prestasi Kerja Petender

(m) Jaminan Bank dan Insurans untuk Bon Pelaksanaan *(dijilid berasingan)*

(n) Jaminan Bank dan Insurans untuk Bayaran Pendahuluan*(dijilid berasingan)*

(o) Senarai Lukisan

(p) Lukisan-Lukisan Lengkap *(Dokumen Meja Tender sahaja)*

5.2.4 Dokumen Tender/ Dokumen Meja Tender yang disediakan berasaskan Lukisan dan Spesifikasi hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:-

(a) Surat Pelawaan Kepada Petender

(b) Senarai Semakan Mengemukakan Tender *(dijilid berasingan)*

(c) Arahan Kepada Petender

(d) Ringkasan Tender

(e) Senarai Kuantiti Sementara (sekiranya ada)

(f) Borang Tender (J.K.R. 203 C-Pin.5/2008)

(g) Surat Setujuterima Tender (J.K.R. 203 D-Pin.1/2011) (*Dokumen Meja Tender Sahaja*)

(h) Borang Kontrak Piawai [P.W.D. FORM 203 (Rev. 1/ 2010)] *(Dokumen Meja Tender Sahaja)*

(i) Addenda kepada Syarat-syarat Kontrak

(j) Peruntukan Khas Kepada Syarat-syarat Kontrak

(k) Spesifikasi Piawai dan Spesifikasi Addenda (*Dokumen Meja Tender Sahaja*)

(l) Jadual Kadar Harga

(m) Jadual Kadar Harga Kerja Harian

(n) Borang-Borang Maklumat Am Latar Belakang Petender dan dokumen-dokumen sokongan sokongan: (dijilid berasingan)

- Borang A- Surat Pengakuan kebenaran maklumat dan keesahan dokumen yang dikemukakan oleh petender.
- Borang B- Malumat Am Latar Belakang Petender
- Borang C- Data-Data Kewangan
- Borang D- Rekod Pengalaman Kerja
- Borang E- Kakitangan Teknikal
- Borang F- Keempunyaan Loji dan Peralatan Pembinaan Utama
- Borang G- Senarai Kerja Kontrak Semasa

- Borang CA- Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kedudukan Kewangan Petender
- Borang GA- Laporan Penyelia Projek Atas Prestasi Kerja (bukan projek JKR) Semasa Petender.
- Borang GA1- Laporan Jurutera Projek atas Prestasi Kerja Petender

(o) Jaminan Bank dan Insurans untuk Bon Pelaksanaan *(dijilid berasingan)*

(p) Jaminan Bank dan Insurans untuk Bayaran Pendahuluan *(dijilid berasingan)*

(q) Senarai Lukisan

(r) Lukisan-Lukisan Lengkap *(Dokumen Meja Tender sahaja)*

5.2.5 Salinan Dokumen Tender dan Dokumen Meja Tender yang mencukupi hendaklah disediakan untuk dikeluarkan kepada petender dan dipamerkan di meja tender. Pada kebiasaannya, Dokumen Tender yang dijual kepada petender tidak mengandungi dokumen-dokumen piawai yang lengkap di mana dokumen tersebut boleh dirujuk oleh petender dalam Dokumen Meja Tender. Dokumen Meja Tender disimpan di pejabat mempelawa tender dan satu naskah diserah ke pejabat melaksanakan pasca kontrak.

5.2.6 Penjelasan lanjut kepada perkara-perkara yang terkandung dalam Dokumen Tender/Dokumen Meja Tender adalah seperti berikut:

(a) Surat Pelawaan Kepada Petender

Dokumen tender yang dikeluarkan kepada petender mestilah diiringi dengan surat kepada petender mempelawa untuk membuat tawaran. Surat tersebut hendaklah menyatakan antara lain dokumen-dokumen yang dikeluarkan kepada petender; bayaran dokumen tender yang dikenakan; tempat, tarikh, masa mengemukakan tender; tindakan menggantung pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) akan dikenakan bagi keengganan menjalankan kerja selepas tender disetujuterima atau menarik balik tender selepas tamat tempoh sah laku tender, dan arahan-arahan lain kepada petender.

(b) Senarai Semakan Mengemukakan Tender

Dokumen Tender yang dikeluarkan kepada petender mestilah disertakan dengan senarai semakan mengemukakan tender. Lazimnya senarai semakan ini dikepilkan/dijilidkan dan dikemukakan bersama Dokumen Tender. Senarai semakan yang perlu disediakan ialah senarai semakan untuk petender mengemukakan tender[3] dan senarai semakan dokumen wajib[4].

(c) Borang Kontrak

(i) Borang Kontrak merupakan satu dokumen yang memperuntukkan hak-hak dan tanggungan-tanggungan yang mengikat pihak-pihak yang berkontrak dalam melaksanakan projek pembinaan.

(ii) Borang Kontrak [P.W.D. FORM 203A (Rev. 1/2010)] untuk kontrak berasaskan senarai kuantiti dan Borang Kontrak [P.W.D. FORM 203 (Rev. 1/2010)] untuk kontrak berasaskan lukisan dan spesifikasi, mestilah menjadi salah satu dari dokumen didalam Dokumen Meja Tender. Jika diperlukan ia juga boleh diberikan kepada petender bersama-sama dengan Dokumen Tender.

(iii) Borang Kontrak juga membolehkan peruntukan khas kepada Syarat-syarat Kontrak dimasukkan. Peruntukan-peruntukan khas yang perlu dimasukkan buat masa ini ialah:

(1) Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga Bahan-bahan Binaan.[5]
(2) Bayaran Wang Pendahuluan ke atas Kontrak Kerja (Lampiran 5F).
(3) Penggunaan Bahan/Barangan/Perkhidmatan Tempatan dan Perolehan Kerajaan[6]
(4) Dasar Pengagihan Kerja Kepada Kontraktor Kelas E dan F[7]

[3] Surat Arahan KPKR ruj.(25)dlm.JKR.KPKR.020.050/03 Jld.2 bth 11 Mac 1999
[4] Surat Arahan CKUB ruj.(1)JKR: UB.123/SPKP/014 bth 2 Okt 2009
[5] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008
[6] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002
[7] Surat Arahan KPKR Bil.2/2010 bertarikh 5 April 2010

(5) Kaedah Pelantikan Syarikat Bagi Perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)*[8]

(iv) Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak memberi butir-butir kontrak yang dirujuk di dalam syarat-syarat kontrak. Sebahagian daripadanya adalah berhubung dengan perkara-perkara di mana maklumat perlu diisi/diberikan sama ada dengan mengisi di Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak atau dengan memasukkan peruntukan yang sewajarnya ke dalam spesifikasi atau senarai kuantiti. Perkara-perkara ini adalah berkenaan dengan:

(1) Jawatan pegawai yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Kerajaan bersabit dengan ganti rugi kerana tak siap, kelambatan dan lanjutan masa, penamatan pengambilan kerja kontraktor, kesan perang atau gempa bumi, dan timbang tara [9] [Klausa 4.1 (b)]

(2) Jawatankuasa/pegawai yang diberi kuasa meluluskan kerja perubahan.[10] [Klausa 4.1 (a)]

(3) Amaun minimum insurans yang dikehendaki bagi liabiliti terhadap pihak ketiga, amaun yang hendak ditambah kepada nilai penuh Harga Kontrak bagi insurans kerja, dan amaun fasal lebihan yang dibenarkan bagi liabiliti terhadap pihak ketiga dan insurans kerja [Klausa 15, 15.1(b) 18 & 18(b)]

(4) Tarikh Tender (Klausa 21.2).

(5) Nilai minima kerja yang perlu dilaksanakan sebelum Perakuan Bayaran Interim pertama dikeluarkan (Klausa 28.1)

(6) Nilai kerja yang perlu dilaksanakan sebelum Perakuan Bayaran Interim berikutnya dikeluarkan (Klausa 28.2)

---

[8] Surat Arahan Perbendaharaan Bertarikh 31 Julai 2009
[9] Surat Arahan KPKR bil.(24) JKR.KPKR.020.050/03 klt.7 bertarikh 4 Oktober 2006
[10] Surat Arahan KPKR Bil 5/2008 bertarikh 24 Oktober 2008

(7) Tempoh bagi menunaikan Bayaran Interim (Klausa 28.6)

(8) Kerja yang diliputi oleh Wang Kos Prima yang mana kontraktor dibenarkan menyertai tender (Klausa 34.4)

(9) Kadar untuk Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan[11] (Klausa 40); Pengiraan bagi kadar Ganti Rugi Tertentu:

$$\frac{\textit{Base Lending Rate}\ (\text{BLR})\ (\%) \times \text{Harga Kontrak}}{365\ \text{Hari}}$$

(10) Kenyataan terhadap bahagian-bahagian Kerja di mana tarikh milikan tapak bina secara berbahagian-bahagian yang dikenal pasti, tarikh penyiapan berbahagian-bahagian yang ditetapkan dan kadar-kadar untuk Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan untuk bahagian-bahagian berkenaan.(Klausa 41). Sekiranya ditetapkan oleh Ketua Pasukan Projek (HOPT)/Pelanggan bagi penyiapan berbahagian-bahagian, maklumat berkaitan perlu dimasukkan.;

(11) Tempoh masa untuk Tempoh Tanggungan Kecacatan (Klausa 48.1) .

(d) Borang Tender

Borang tender untuk kontrak berdasarkan senarai kuantiti (lihat Lampiran 5B) dan borang tender untuk kontrak berdasarkan lukisan dan spesifikasi (lihat Lampiran 5C) mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender dan Dokumen Meja Tender. Petender hendaklah membuat tawaran dengan menggunakan borang tender sahaja.

[11] Surat Arahan KPKR bil (12) dlm JKR.KPKR:01/2/A44 bertarikh 12/5/93

(e) Borang-borang Maklumat Am Latar Belakang Petender.

Borang-borang ini akan disertakan bersama Dokumen Tender dan dijilid secara berasingan. Petender wajib mengembalikan borang berkenaan bersama Dokumen Tender sebelum tender ditutup untuk tujuan penilaian dan perakuan tender.

(f) Surat Setujuterima Tender

Surat Setujuterima Tender mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Meja Tender. Ini adalah perlu untuk menunjukkan kepada petender kandungan Surat Setujuterima Tender yang akhirnya akan menjadi sebahagian dari Dokumen Kontrak.

(g) Jaminan Bank dan Insurans untuk Bon Pelaksanaan dan Bayaran Pendahuluan

Borang-borang jaminan bank dan insurans untuk Bon Pelaksanaan (lihat Lampiran 5D), dan Bayaran Pendahuluan[12] (Lampiran 15E) mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Meja Tender. Ini adalah perlu untuk memberitahu kepada petender syarat-syarat jaminan yang akan diluluskan oleh Kerajaan.

(h) Spesifikasi

(i) Spesifikasi mestilah menjadi sebahagian Dokumen Meja Tender dan jika perlu, boleh menjadi sebahagian daripada dokumen tender. Spesifikasi menentukan keperluan kerja yang tidak dijelaskan di dalam lukisan dan juga keperluan-keperluan lain Kontrak yang tidak dinyatakan dalam mana-mana dokumen lain.

(ii) Di mana spesifikasi piawai umpamanya Spesifikasi Piawai untuk Kerja-kerja Binaan Bangunan digunakan, ianya mestilah digunakan dengan spesifikasi addenda[13]. Spesifikasi addenda mestilah disediakan untuk

[12] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007
[13] Surat Arahan KPKR Bil. 7/1989 bertarikh 21.10.89

memasukkan keperluan-keperluan khusus bagi Kontrak berkenaan.

(i) Pengukuran, Perincian Dan Faktor Menghargakan Senarai Kuantiti (Measurement Amplification and Pricing Factor (MAPF)

MAPF dimasukkan dalam Dokumen Tender bagi menjelaskan penyimpangan kaedah pengukuran daripada Kaedah Pengukuran Piawai yang diperuntukan dalam *Standard Method of Measurement of Building Works Second Edition (*SMM 2) dalam penyediaan senarai kuantiti.

(j) Senarai Kuantiti.

(i) Senarai Kuantiti adalah dokumen yang terkandung dalam Dokumen Tender, yang mengandungi huraian serta kuantiti butir-butir kerja yang terlibat dalam pembinaan sesebuah projek. Senarai kuantiti membolehkan kontraktor menghargakan setiap butiran kerja yang terlibat untuk mendapatkan jumlah harga tawaran.

(ii) Kontrak berdasarkan senarai kuantiti mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender yang dikeluarkan kepada petender dan juga menjadi sebahagian daripada Dokumen Meja Tender. Senarai kuantiti adalah asas untuk mendapat Harga Kontrak.

(iii) Pendahuluan Kepada Senarai Kuantiti (*Preambles to Bill of Quantities*) hendaklah digunakan bagi tender berasaskan senarai kuantiti.

(iv) Syarat-Syarat Kontrak juga menghendaki Senarai Kuantiti disediakan mengikut kaedah yang terkandung dalam *Malaysian Standard Method of Measurement of Building Works Second Edition* (SMM 2) yang diterbitkan oleh Institut Juruukur (Malaysia) dan kerja-kerja kejuruteraan awam mengikut kaedah yang terkandung dalam *Civil Engineering Method of Measurement* (CESMM) yang diterbitkan oleh Institut Jurutera Awam (London). Sekiranya terdapat penyimpangan daripada kaedah mengukur piawaian ini atau di mana kaedah mengukur lain digunakan, ianya hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Senarai Kuantiti.

(v) Senarai Kuantiti mestilah disediakan oleh seorang yang terlatih dan berkelayakan. Ini adalah sangat penting kerana sebarang kesamaran, percanggahan atau kesilapan dalam Senarai Kuantiti akan membawa kepada permasalahan pentadbiran kontrak dan boleh menimbulkan pertikaian antara kontraktor dan Kerajaan.

(k) Ringkasan Tender

(i) Untuk kontrak berasaskan lukisan dan spesifikasi, Ringkasan Tender mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender yang dikeluarkan kepada petender dan Dokumen Meja Tender. Ringkasan Tender menyenaraikan ringkasan kerja-kerja yang perlu disiapkan dan hendaklah dibaca bersama dengan lukisan dan spesifikasi untuk membolehkan petender menghargakan kerja berkenaan, dan harga-harga tersebut akan menjadi asas penilaian kerja untuk tujuan bayaran interim dan salah satu asas penilaian perubahan kerja.

(ii) Keseluruhan kerja yang akan dilaksanakan hendaklah disenaraikan dalam Ringkasan Tender, tanpa kesamaran dan percanggahan dengan kerja yang ditunjukkan di lukisan dan/atau ditentukan dalam spesifikasi. Kerja berkenaan mestilah disenaraikan dan disusun mengikut kaedah tertentu untuk memudahkan:

(1) menghargakan keseluruhan kerja yang perlu dilaksanakan;
(2) penyediaan Cabutan Butiran Seperti Tender di peringkat tender;
(3) penyediaan cabutan maklumat kos;
(4) penilaian perubahan harga bahan-bahan binaan untuk kerja binaan bangunan;
(5) penilaian kerja untuk tujuan bayaran interim; dan
(6) asas penilaian perubahan kerja.[14]

(l) Walaupun kuantiti kerja boleh dicatatkan di Ringkasan Tender, amalan ini secara amnya adalah tidak digalakkan. Di mana kuantiti kerja perlu dinyatakan, umpamanya untuk kerja cerucuk, cara pengukuran dan

[14] Surat Arahan KPKR Bil. 5/2008

pembayaran hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Dokumen Tender.

(m) Jadual Kadar Harga

Untuk kontrak berdasarkan lukisan dan spesifikasi, satu jadual kadar harga terkini mestilah menjadi sebahagian daripada dokumen tender dan dokumen meja tender. Jadual kadar harga ini diperlukan untuk tujuan penilaian kerja perubahan.

(n) Lukisan

(i) Lukisan-lukisan untuk pelaksanaan kerja mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender yang dikeluarkan kepada petender dan Dokumen Meja Tender. Untuk kontrak berdasarkan senarai kuantiti, lukisan adalah di perlukan untuk memberikan gambaran kepada petender secara keseluruhan tentang jenis dan skop kerja, dan butiran-butiran lain yang diperlukan untuk mengharga kerja yang disenaraikan di dalam senarai kuantiti.

(ii) Untuk kontrak binaan bangunan, hanya pelan tatatur tapak bina, pelan-pelan lantai, keratan dan tampak bangunan-bangunan, dan butiran-butiran kerja lain yang tidak dapat dihuraikan dengan jelas dalam senarai kuantiti adalah memadai dan disenaraikan sebagai senarai lukisan dikeluarkan kepada petender. Untuk kontrak kerja kejuruteraan awam, satu set lengkap lukisan hendaklah dikemukakan kepada petender.

(iii) Untuk kontrak berdasarkan lukisan dan spesifikasi, lukisan-lukisan bersama-sama dengan Spesifikasi dan Ringkasan Tender menjadi asas Harga Kontrak. Satu peranggu lengkap lukisan-lukisan hendaklah disertakan bersama sebagaimana wajarnya.

(iv) Lukisan-lukisan hendaklah lengkap. Segala keperluan yang tidak dijelaskan dalam Spesifikasi mestilah ditunjukkan dalam lukisan. Bersama-sama dengan Spesifikasi, lukisan-lukisan mestilah sepenuhnya menunjukkan atau menerangkan keperluan kerja yang

hendak dilaksanakan. Keputusan terhadap reka bentuk seharusnya tidak ditangguhkan sehingga ke peringkat pembinaan.

(v) Lukisan-lukisan mestilah juga disemak untuk mengelakkan percanggahan di antara lukisan-lukisan yang disediakan oleh para pereka bentuk dari bidang yang sama dan juga dengan lukisan-lukisan yang disediakan oleh para pereka bentuk dari berlainan bidang.

(vi) Di mana lukisan-lukisan piawai digunakan, nombor siri lukisan hendaklah tidak ditukar dari satu kontrak ke satu kontrak. Begitu juga dengan penggunaan lukisan-lukisan dari kontrak yang terdahulu. Di mana pindaan kepada lukisan piawai atau lukisan dari kontrak yang terdahulu diperlukan, pindaan tersebut mestilah dicatat dengan jelas di ruang nota di atas lukisan dan nombor lukisan hendaklah ditambah dengan cara yang sesuai dengan menggunakan suatu abjad.

(vii) Lukisan-lukisan yang lengkap perlu disediakan dan dimasukkan ke dalam Dokumen Meja Tender.

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN WAJIB / SOKONGAN

Nama Tender :……
……
……

No Rujukan Petender :……

Tarikh Dokumen Diterima :……
Tarikh Buka Tender :……
Tarikh Tutup Tender :……
Jumlah Sampul :……

BIL	BUTIRAN DOKUMEN	UNTUK DIISI OLEH PETENDER			UNTUK KEGUNAAN JSDW		
		TANDAKAN (√) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN	TANDAKAN (√) PADA PETAK ADA	TIADA	ULASAN
1	**Penyata Bulan Bank** **Nama Bank** a) Bulan…… …… b) Bulan…… …… c) Bulan…… ……	☐	☐		☐	☐	
2	**Laporan Kewangan / Surat Sokongan Bank** Nama Bank: 1…… 2…… 3……	☐	☐		☐ Nama Bank: 1…… 2…… 3……	☐	
3	**Akaun Syarikat Yang Telah Diaudit** a) Tahun…… b) Tahun……	**Diaudit** ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐			**Diaudit** ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐		
4	**Pengalaman Kerja 5 tahun kebelakangan** a) Surat Setujuterima b) Perakuan Siap Kerja c) Sijil Bayaran Interim Terakhir/Sijil Akaun Terakhir	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐		☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐	
5	**Kakitangan Teknikal** a) Penyata Caruman KWSP b) Sijil Kelulusan c) Surat Perlantikan	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐		☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐	
6	**Loji Milik Pentender** a) Kad Pendaftaran b) Resit Pembelian/ Perjanjian Sewa Beli	☐ ☐	☐ ☐		☐ ☐	☐ ☐	
7	**Prestasi Kerja Semasa** a) Surat Setujuterima / Sijil Bayaran Interim b) Laporan Prestasi	☐ ☐	☐ ☐		☐ ☐	☐ ☐	
8	**Peralatan / bahan** a) Teknikal Data b) Katalog	☐ ☐	☐ ☐		☐ ☐	☐ ☐	
9	**Lain-Lain Dokumen Wajib** a) …… b) ……	☐ ☐	☐ ☐		☐ ☐	☐ ☐	

Tandatangan & Cop Rasmi Petender**	**Pengerusi**	**AHLI 1**	**AHLI 2**
	Tandatangan :……	Tandatangan :……	Tandatangan :……
……	Nama :……	Nama :……	Nama :……
Tarikh :……	Cop Rasmi :……	Cop Rasmi :……	Cop Rasmi :……

***** Perlu ditandatangani dan disertakan bersama tender***

LAMPIRAN 5B

(J.K.R. 203B – Pind.5/2008)+

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA

BORANG TENDER
(FORM OF TENDER)

TENDER BAGI .....
TENDER FOR
.....

.....

.....

mengikut Pelan-Pelan No .....
in accordance with Drawings No.
.....

.....

dan lain-lain pelan terperinci yang diberi untuk menerangkannya.
and any other detail drawings supplied in amplification thereof.

Salinan-salinan Dokumen Meja Tender yang merangkumi Perjanjian Kontrak, Pelan-Pelan tersebut di atas, Senarai Kuantiti dan/atau Spesifikasi dan Dokumen Tender yang lain boleh dilihat di tempat yang dinyatakan dalam Notis Tender dalam masa waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja hingga tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender.

Copies of the Tender Table Documents comprising the Contract Agreement, the above-mentioned Drawings, Specification and other Tender Documents may be seen at the place specified in the Tender Notice during office hours on any working day until the final date fixed for the submission of tenders.

Kepada:
To

……..

……..

……..
(Pihak menerima tender)

TUAN,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat Tender yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat tender dan menawar untuk melaksana dan menjalankan Kerja dan peruntukan-peruntukan dan membekalkan semua buruh, bahan dan loji dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah ditakrifkan daripada Dokumen Tender, yang hendaklah dilaksana dan dibekalkan oleh pihak Kontraktor, bagi Kerja yang diperihalkan di atas, dengan menepati Dokumen Tender tersebut bagi jumlah wang pukal yang disebutkan di bawah ini.

Under and subject to the Conditions of Tendering annexed hereto, the undersigned does hereby tender and offer to execute and perform the Works and provisions and supply all labour, materials and plants and everything of every kind respectively named, shown, described and alluded to in, or to be inferred from the Tender Documents, to be executed and supplied on the part of the Contractor, for the Works above described, in conformity with the said Tender Documents for the lump sum named herein below.

+ Borang ini hendaklah digunakan jika kuantiti menjadi sebahagian daripada kontrak
This form is to be used where quantities form part of the contract

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat oleh dan tunduk kepada Syarat-Syarat Kontrak dan Senarai Kuantiti yang terletak harganya dan/atau Spesifikasi tersebut dan bersetuju bahawa sebelum Surat Setujuterima Tender dikeluarkan, harga atau kadar harga dalam Senarai Kuantiti hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa dengan memastikan kemunasabahannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Tender.

Senarai Kuantiti yang terletak harganya tersebut, selepas diperbetulkan atau diselaraskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Syarat-Syarat Kontrak, hendaklah menjadi asas bagi menilaikan bayaran interim dan apa-apa perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pegawai Penguasa dari semasa ke semasa.

The undersigned agrees to be bound by and submit to the Conditions of Contract and priced Bills of Quantities and Specification and agrees that before the issuance of the Letter of Acceptance, the prices or rates in the Bills of Quantities shall be scrutinized and adjusted by the Superintending Officer as to its reasonableness without altering the amount as stated in the Form of Tender.

The said priced Bills of Quantities after rectification or adjustment as provided in the Conditions of Contract, shall form the basis of valuation for interim payment and any variation which may from time to time be ordered by the Superintending Officer.

3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menyiapkan Kerja itu dalam masa ..... hari/minggu/bulan* dari tarikh pemilikan tapakbina atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diperuntukkan dalam Syarat-Syarat Kontrak.

And further, the undersigned agrees to complete the Works within …… days/weeks/months from the date of possession of site or within such extended time* as *by the Conditions of Contract provided.*

4. Jumlah amaun Tender ini ialah jumlah wang pukal sebanyak Ringgit Malaysia…….
The total amount of the Tender is the lump sum of Ringgit Malaysia
…….

……

iaitu, RM*……..*
i.e.

5. Yang bertandatangan di bawah ini berharap dibenarkan membuat tender, dalam sedikit masa lagi bagi kerja berikut yang mana dijalankan secara langsung oleh yang bertandatangan di bawah ini dalam perjalanan biasa perniagaannya dan yang baginya Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara telah dimasukkan dalam amaun Tender ini:

The undersigned desires to be permitted to tender in due course, for the following work which the undersigned in the ordinary course of business directly carries out and for which Prime Cost or Provisional Sums have been included in the amount of this Tender:

.....

.....

.....

.....

---

* Petender dikehendaki memotong yang tidak berkenaan.
The tenderer to delete whichever is not applicable

6. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Kerajaan sentiasa berhak menyetujuterima atau menolak Tender ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada tender-tender yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Tender ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

1. Apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM .....) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM .....) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga ..... (kemudian daripada ini disebut

"Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan atau dalam keadaan dimana kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit ..... (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM .....).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/ SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk	)	.....
dan bagi pihak Penjamin	)	Nama : .....
di hadapan	)	Jawatan : .....
	)	Cop Bank/Syarikat Kewangan/ Syarikat Insurans

.....
(Saksi)

Nama : .....
Jawatan : .....
Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans :

BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/ JAMINAN INSURANS UNTUK BAYARAN PENDAHULUAN (KONTRAKTOR BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sebagai balasan Kerajaan Malaysia (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kerajaan") bersetuju membuat bayaran pendahuluan selaras dengan terma dan syarat-syarat Kontrak yang dibuat selaras dengan ildan tender/pelawaan oleh Kerajaan bertarikh ..... dan tawaran oleh ..... (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kontraktor") bertarikh ..... dan persetujuan daripada itu melalui Surat Setuju Terima oleh Kerajaan bil. ..... bertarikh .....dan tertalduk kepada apa-apa terma dan syarat baru (jika ada), dibuat oleh Kerajaan dan diterima oleh Kontraktor pada .....dengan syarat jika kontrak rasmi disediakan berikutnya, selaras dengan terma-terma dan syarat kontrak rasmi tersebut, untuk .....(sebutkan nama perolehan) (kemudian daripada ini disebut "Bekalan"/"Perkhidmatan"/"Kerja") kami, yang bertandatangan di bawah ini, atas permintaan Kontraktor, mengaku janji (iaitu aku janji yang tak boleh batal) satu Jaminan kepada Kerajaan bahawa:

1. Kami hendaldah membayar kepada Kerajaan tanpa faedah, jumlah wang sebanyak Ringgit ..... (RM .....) sebagai wang pendahuluan seperti yang tersebut di atas atau sebahagian daripada itu yang belum lagi didapatkan kembali oleh Kerajaan selaras dengan perenggan 3 atau 4 yang berkenaan dan jumlah harga itu hendaldah dibayar apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan tanpa mengira apa-apa tentangan atau bantahan daripada Kontraktor atau daripada kami atau daripada mana-mana pihak ketiga yang lain. Sekiranya dalam apa-apa keadaan kami melengah-lengahkan membuat pembayaran dan seumpamanya setelah menerima tuntutan daripada Kerajaan, maka pihak Kerajaan berhak menuntut dan berhak dibayar apa-apa kos tambahan sebagai ganti rugi akibat keengganan kami mematuhi syarat-syarat Jaminan ini.

2. Apa-apa konsesi atau tolak ansur yang diberi oleh Kerajaan kepada Kontraktor atau apa-apa persetujuan antara Kerajaan dan Kontraktor atau apa-apa pengekangan/penahanan yang dibuat oleh Kerajaan kepada Kontraktor sama ada berkenaan dengan bayaran, tempoh, prestasi atau selainnya tidak akan melepaskan kami daripada jaminan ini tetapi kami adalah berhak untuk diberitahu akan persetujuan atau perubahan tersebut.

3. Tertalduk kepada perenggan 4, tanggungjawab kami untuk membayar jumlah yang tersebut sebanyak RM ..... hendaldah secara

automatik dikurangkan daripada amaun atau amaun-amaun pembayaran yang dibuat oleh kami kepada Kerajaan berhubung dengan Jaminan ini.

4. Jumlah wang tersebut yang dijamin oleh kami untuk dibayar kepada Kerajaan hendaklah dikurangkan secara automatik mengikut kadar potongan yang dibuat oleh Kerajaan daripada bayaran kemajuan yang layak dibayar kepada Kontraktor sebagai pembayaran balik wang pendahuluan yang telah dibuat. Jaminan ini terbatal dan hendaklah dikembalikan dengan serta-merta setelah kesemua wang pendahuluan dijelaskan melalui potongan daripada bayaran kemajuan yang layak dibayar kepada Kontraktor, atau selepas semua bekalan telah dihantar/perkhidmatan telah disiapkan/kerja telah dilaksanakan dengan memuaskan oleh Kontraktor kepada Kerajaan selaras dengan terma dan syarat-syarat kontrak mengikut mana yang terdahulu.

5. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga ..... (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Asal") iaitu meliputi tempoh kontrak. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Luput Asal Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tiga (3) bulan daripada Tarikh Mati Asal (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Lanjutan") apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan.

Diturunkan tandatangan kami pada hari ini ..... untuk dan bagi pihak Penjamin di atas.

.....
Nama : .....
Jawatan : .....

Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans:

Di hadapan : .....
Nama : .....
Jawatan : .....

SPECIAL PROVISION TO THE CONDITIONS OF CONTRACT
ADVANCE PAYMENT ON 'WORKS' CONTRACT

(a) The Contractor shall be entitled to an Advance Payment on the Contract amounting to 25% of the Builder's Works* (subject to a maximum of RM10 Million) on compliance with the following conditions:-

(i) On return of the Letter of Acceptance duly signed by the Contractor together with the Performance Bond, Insurance Policies, confirmation from SOCSO Authorities (if applicable) and the receipts for all premium paid,

(ii) Production of a Banker's Guarantee as per attached format, equal in value to the advance proposed to be paid.

(b) The advance payment shall be recouped when the cumulative total value of the Builder's work executed and certified (including the amount certified for materials on site) in the Interim Certificate reaches twenty five (25%) percent of the Contract value of Builder's works*;by way of a fixed percentage from the total certified value of the builder's work executed (including the amount certified for the materials on site) during the period covered by the Interim Certificate, in all the subsequent Certificate on the basis that the Advance Payment made shall be fully recovered in the Interim Certificate in which the cumulative total certified value of builder's work executed (including the amount certified for materials on site) reaches seventy five percent (75%) of the total Contract value of the Builder's work*. The deduction shall be calculated as follows:-

$$RM\ D = 200 \quad \frac{RM\ A}{RM\ B} \text{ percent of } RM\ P$$

Where

RM D = Cumulative deduction to be made in Interim Certificate
RM A = Total amount of Advance Payment paid
RM B = Total Contract value of Builder's work*
RM P = Gross certified value of builder's work executed (including the amount certified for materials on site) in excess of 25% of RM B.

(c) The liability under the Bank Guarantee shall be terminated upon realization by the Government of the full sum of Advance paid. However if the full sum of the Advance paid cannot be realized before the completion date of the Contract or any authorised extension thereof or in the case of the contract been determined before the date of the determination, then the balance of the Advance repayable to the Government shall be recovered from the Bank Guarantee.

(d) This special provision does not apply to Nominated Sub-Contractor or Nominated Supplier.

** Contract Sum less P.C. Sums, Provisional Sums and Contingencies (if any)*

BAB 6

PELAWAAN DAN PENERIMAAN TENDER

BAB 6 - PELAWAAN DAN PENERIMAAN TENDER

6.1 Pendahuluan

6.1.1 Tender mestilah dipelawa untuk melaksanakan kerja-kerja yang kosnya dianggarkan melebihi RM500,000[1]. Perubahan had nilai ini juga berkuat kuasa kepada tender yang diuruskan melalui sistem ePerolehan (eP). Prosedur pelawaan tender adalah bergantung kepada sumber pembiayaan, keadaan dan kos kerja tersebut.

6.1.2 Sumber pembiayaan adalah penentu utama prosedur menender yang perlu diamalkan. Jabatan hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa Anggaran Peruntukan Pembangunan bagi perolehan yang berkenaan telah diluluskan. Kerja yang dibiayai melalui pinjaman dari institusi peminjam antarabangsa seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia adalah tertakluk kepada syarat-syarat pinjaman dan aturcara perolehan yang ditentukan oleh mereka.

6.1.3 Bab ini tidak akan menghuraikan prosedur perolehan institusi peminjam antarabangsa, atau prosedur berkaitan pelaksanaan kontrak-kontrak antarabangsa dan pra-kelayakan kontraktor. Prosedur yang dihuraikan dalam bab ini dan bab-bab lain adalah mengenai kerja-kerja biayaan tempatan sahaja.

6.2 Kelayakan Kontraktor-Kontraktor Untuk Menender

6.2.1 Untuk layak menender, kontraktor hendaklah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM).

6.2.2 Kontraktor-kontraktor didaftarkan di bawah kelas pendaftaran yang berbeza berdasarkan keupayaan kewangan mereka dan diberikan beberapa kepala-kepala dan subkepala pendaftaran bergantung kepada kepakaran teknikal dan pengalaman mereka. Kelas pendaftaran kontraktor bangunan, kejuruteraan

[1] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5/2009 bertarikh 24 Februari 2009.

awam dan kejuruteraan mekanikal adalah seperti Lampiran 6A[2] dan kontraktor elektrik di Lampiran 6B[3]. Kepala dan subkepala pendaftaran adalah seperti di Lampiran 6C. Kelas pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) adalah seperti di Lampiran 6D.

6.2.3 Kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)[4] atau Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) boleh dipelawa bersama-sama kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan PKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Semenanjung.

6.2.4 Kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan PUKONSA boleh dipelawa bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan PKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Sabah. Kontraktor kerja yang berdaftar dengan LPIPM dan PKK juga boleh dipelawa untuk menyertai bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan PUKONSA bagi perolehan kerja yang menggunakan peruntukan negeri di Sabah.

6.2.5 Kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan UPKJ boleh dipelawa bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan PKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Sarawak. Kontraktor kerja yang berdaftar dengan LPIPM dan PKK juga boleh dipelawa menyertai bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan UPKJ bagi perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Negeri di Sarawak.

6.2.6 Merujuk Lampiran 6A bagi tender kerja bangunan, kejuruteraan awam dan kejuruteraan mekanikal umumnya terbatas kepada satu kelas kontraktor sahaja, manakala kontraktor-kontraktor kejuruteraan mekanikal tidak dibatasi oleh had kewangan pendaftaran. Walau bagaimanapun bagi kontraktor-kontraktor kejuruteraan mekanikal yang berdaftar dalam kelas-kelas lebih tinggi dari kelas terbawah yang layak adalah dibenarkan menender[5]. Bagi kerja-kerja mekanikal

---

2 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.14 Tahun 2002

3 Surat Pekeliling perbendaharaan Bil.6 Tahun 2007

4 Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 30 April 2010

5 Surat KPKR bil (6) dlm KPKR.SULIT/A/1/71A Vol III bertarikh 29/3/89

yang bernilai kurang dari RM500,000 sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor bumiputera sahaja.

6.3 Penentuan Kelayakan Taraf Tender

6.3.1 Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memperuntukkan 30% dari jumlah nilai kerja kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Sebelum dipelawa, keputusan Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya perlu diperolehi untuk menentukan sama ada kedudukan tender tersebut adalah Tender Khas Bumiputera atau Tender Terbuka. Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya hendaklah dimaklumkan tentang tender yang akan dipelawa setiap bulan, dengan memberi maklumat-maklumat seperti berikut:

(a) Huraian perihal atau tajuk kerja tersebut.
(b) Lokasi tapak.
(c) Anggaran kos kerja.
(d) Tarikh tender dijangka akan dipelawa.

6.3.2 Pelawaan tender kerja hendaklah dibuat kepada syarikat-syarikat berdasarkan had kewangan seperti berikut:

(a) Tender kerja yang dianggarkan bernilai tidak melebihi RM30 juta hendaklah dipelawa kepada syarikat yang seratus peratus (100%) milik warganegara.

(b) Tender kerja yang dianggarkan bernilai antara RM30 juta hingga RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:

i) syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau
ii) syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan saham individu asing tidak melebihi tiga puluh peratus (30%) dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai seratus peratus (100%) oleh warganegara.

6.3.3 Tender kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:

(a) syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau
(b) syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau
(c) syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan peratus (49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

6.3.4 Kerja kejuruteraan mekanikal, elektrik dan kerja pakar yang diperuntukkan di bawah Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara dikecualikan daripada keperluan di para 6.3.2 dan dikehendaki dipelawa secara terbuka. Bagaimanapun kontraktor Bumiputera diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik yang bernilai kurang dari RM500,000, sebut harga hendaklah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera sahaja. Kontraktor bukan Bumiputera hanya boleh dipelawa sekiranya bilangan kontraktor Bumiputera yang berkelayakan di bawah tajuk, kelas dan bidang yang berkenaan adalah kurang daripada lima (5).[6]

6.4 Tender Terhad

6.4.1 Dalam keadaan di mana kerja perlu dilaksanakan segera atau atas sebab-sebab keselamatan, tender boleh dipelawa secara tender terhad dikalangan kontraktor Bumiputera yang layak. Pemilihan kontraktor-kontraktor yang layak dan kelulusan tender bagi tender yang tidak melebihi RM10 juta hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Perolehan Jabatan dan bagi tender yang melebihi had nilai yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan[7].

6.4.2 Setiap permohonan untuk tender terhad hendaklah dibuat dengan memberi butir-butir seperti berikut[8]:

6 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/1995 bertarikh 12 April 1995
7 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2009
8 Surat KPKR Bil.(38)dlm JKR.kpkr.020.050/03 klt bertarikh 24/11/2005

(a) Tajuk kerja.

(b) Skop kerja.

(c) Anggaran kos kerja.

(d) Kelas, kepala serta subkepala pendaftaran yang dikehendaki.

(e) Sebab-sebab tender terpilih dicadangkan.

(f) Senarai kontraktor yang dicadangkan.

(g) Tempoh Siap Inginan.

(h) Maklumat kontraktor termasuk alamat, kelas, taraf, rekod pengalaman kerja yang lepas dan kerja semasa.

6.4.3 Memandangkan kemungkinan berlakunya muafakat dalam tender terhad, semua maklumat yang berkaitan adalah SULIT.

6.5 Notis Tender [9]

6.5.1 Semua pelawaan tender tempatan hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu (1) akhbar harian utama Bahasa Melayu. Kandungan iklan tender hendaklah jelas, kemas, ringkas dan tidak mendatangkan apa-apa keraguan atau pembaziran. Kandungan iklan tender hendaklah menyatakan perkara-perkara berikut:

(a) Agensi yang memanggil tender;

(b) Tajuk tender yang diiklankan;

(c) Jenis tender, sama ada terbuka dan/atau khas Bumiputera;

(d) Syarat-syarat kelayakan petender:

(i) bagi tender bekalan dan/atau perkhidmatan -berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang dan sub-bidang yang berkenaan; atau

(ii) bagi tender kerja - berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah kelas, kepala dan subkepala yang berkenaan dan

[9] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 bertarikh 27 Februari 2007

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan;

(e) Tempat, tarikh dan masa dokumen tender dijual;

(f) Tempat, tarikh dan masa bagi lawatan tapak/premis (jika berkenaan);

(g) Harga, cara bayaran dan jawatan penerima bayaran dokumen tender; dan

(h) Tempat, tarikh dan waktu tender diterima dan ditutup

6.5.2 Contoh iklan tender seperti di Lampiran 6E boleh digunakan. Bagi mengurangkan kos pengiklanan, Agensi yang mempunyai banyak tender adalah digalakkan untuk merangkumkan kesemua tender di dalam satu kenyataan tender sahaja seperti contoh iklan tender di Lampiran 6F.

6.5.3 Masa yang cukup hendaklah diberi bagi membolehkan petender mengkaji tawaran dan membuat persediaan bagi sesuatu tender. Untuk tujuan ini, tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dari tarikh dokumen tender mula dijual.

6.5.4 Bagi tender yang melibatkan lawatan tapak/premis, agensi hendaklah memastikan bahawa tarikh tutup tender hendaklah sekurang-kurangnya 21 hari dari tarikh lawatan yang ditetapkan.

6.5.6 Agensi hendaklah menetapkan jam 12.00 tengah hari pada hari tender ditutup (hari bekerja) sebagai waktu terakhir untuk menerima tender. Tender yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dipertimbangkan.

6.5.7 Agensi adalah bertanggungjawab untuk memasukkan/menghantar sesalinan kenyataan tender yang diiklankan ke dalam laman web masing-masing dan pautan (*hyperlink*) kepada laman web *MyGovernment Portal* [*www.gov.my*].

6.5.8 Bagi tender kerja untuk projek kerja/pembinaan Kerajaan, semua agensi Kerajaan juga dikehendaki memasukkan secara '*online'* maklumat iklan tender kerja ke dalam laman web Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB). Iklan tersebut boleh dimasukkan secara percuma

melalui laman web khas LPIPM iaitu di alamat *www.tender.gov.my*. Panduan untuk memasukkan iklan tender kerja secara *online* tersebut turut boleh diperolehi daripada alamat tersebut.

6.5.9 Bagi tender yang dikendalikan oleh perunding, peraturan seperti di perenggan 6.5.1 hingga 6.5.8 hendaklah dipatuhi sepenuhnya.Selain daripada itu, tempat penjualan dan penyerahan dokumen tender hendaklah di Agensi yang mengendalikan perolehan tersebut.

6.6 Kadar Bayaran Dokumen Tender (*Hard Copy/Soft Copy*) [10]

6.6.1 Dokumen tender hendaklah dijual dalam bentuk *hard copy*. Sekiranya perlu, agensi boleh menyediakan dokumen tender dalam bentuk *soft copy*, dan bayaran tambahan sebanyak RM10 bagi sekeping cakera liut (disket)/cakera padat hendaklah dikenakan kepada petender yang memerlukan. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara *soft copy* dan *hard copy*, dokumen dalam *hard copy* hendaklah diguna pakai.

6.6.2 Walau bagaimanapun, tender hendaklah dikemukakan dalam bentuk *hard copy* sahaja.

6.6.3 Pengiraan harga satu (1) set dokumen tender untuk tender kerja hendaklah dibuat berdasarkan kadar berikut:

(a) Harga semuka dokumen yang menggunakan kertas saiz A4 adalah RM0.35 dan saiz A3 adalah RM0.70;

(b) Harga bagi sesalinan lukisan/pelan ialah :

Saiz kertas	Harga (RM)
A3	0.70
A2	3.50
A1	6.50
A	8.00

[10] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 bertarikh 27 Februari 2007

(c) Walau apa pun kadar yang ditetapkan di perenggan (a) dan (b), bayaran minimum bagi tiap-tiap satu (1) set dokumen tender ialah RM50.

6.6.4 Jika dokumen tender disediakan oleh perunding yang dilantik, Agensi hendaklah memastikan bahawa bayaran yang dikenakan adalah seperti di perenggan 6.6.1 dan 6.6.3. Walau bagaimanapun, perunding tersebut tidak dibenarkan mengguna kadar-kadar di atas untuk apa-apa jenis tuntutan termasuk tuntutan imbuhan balik daripada Agensi.

6.6.5 Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpalang (*postal order*), dan dibayar atas nama Ketua Agensi berkenaan. Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. Wang tunai atau cek tidak boleh diterima.

6.6.6 Apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan bagi maksud perolehan Kerajaan yang bernilai melebihi RM500,000 perlu juga dikenakan bayaran seperti di para 6.6.3.

6.6.7 Bagi dokumen tender yang mempunyai *Security Drawing* atau *Security Document*, deposit sebanyak RM5,000 hendaklah dikenakan kepada petender. Deposit ini akan dikembalikan apabila *Security Drawing* atau *Security Document* tersebut dikembalikan kepada Agensi dalam keadaan asal semasa ianya dikeluarkan.

6.6.8 Bayaran deposit untuk *Security Drawing* atau *Security Document* hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpalang (*postal order*), dan dibayar atas nama ketua Agensi berkenaan. Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. Wang tunai atau cek tidak boleh diterima.

6.7 Penjualan Dokumen Tender

6.7.1 Dokumen tender hendaklah dijual di Ibu Pejabat JKR oleh Cawangan Pengurusan Perolehan dan Harta, Kementerian Kerja Raya, dan di peringkat negeri oleh Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Pejabat JKR Negeri. Penjualan dokumen hendaklah berasaskan syarat-syarat yang dinyatakan dalam iklan tender.

6.7.2 Jabatan hendaklah mempamerkan dokumen Meja Tender di tempat penjualan tender untuk membolehkan petender menyemak dokumen tender tersebut sebelum membuat pembelian.

6.7.3 Setiap petender hanya dibenarkan membeli satu dokumen tender dan mengemukakan satu tender sahaja. Tender alternatif adalah tidak dibenarkan.

6.7.4 Pegawai yang menjual dokumen tender hendaklah:

(a) Memastikan wakil kontraktor menunjukkan bukti bertulis bahawa beliau diberi kuasa untuk membeli dokumen tender;

(b) Memastikan wakil kontraktor menunjukkan salinan asal atau salinan yang diakui sah Sijil Pendaftaran Kontraktor yang masih berkuatkuasa atau kontraktor tidak digantung dari memasuki tender.

(c) Memastikan bagi tender khas Bumiputera, wakil kontraktor menunjukkan salinan asal atau salinan yang diakui sah Sijil Taraf Bumiputera; dan

(d) Memastikan bahawa petender telah menghadiri taklimat tender atau lawatan tapak yang diwajibkan

6.7.5 Pegawai yang menjual dokumen tender hendaklah mencatatkan nama, alamat, kelas pendaftaran, taraf kontraktor, dan tarikh menjual tender di atas Borang Tender dan menandatanganinya.

6.7.6 Semua bayaran yang diterima untuk dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam hasil Kerajaan, manakala wang cagaran lukisan dimasukkan dalam akaun simpanan untuk dipulangkan kepada petender-petender kelak.

6.8 Kebenaran Khas Untuk Mentender

6.8.1 Kontraktor boleh memohon kebenaran khas untuk mentender kerja yang mana mereka tiada kelayakan sama ada kerana tiada kelas berkenaan atau tiada kepala dan subkepala pendaftaran yang berkenaan.

6.8.2 Kebenaran khas ini hanya boleh diperolehi daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

6.9 Tempoh Sah Laku Tender[11]

6.9.1 Sebelum sesuatu tender dipelawa, satu jadual pelaksanaan hendaklah disediakan bagi menunjukkan anggaran masa, untuk setiap peringkat, dari tarikh penyediaan spesifikasi sehingga keputusan dibuat. Contoh jadual pelaksanaan bagi tender Kerja adalah seperti di Lampiran 6G.

6.9.2 Tempoh sah laku tender yang munasabah hendaklah ditetapkan dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:

(a) Jangka masa untuk menilai tawaran dari segi teknikal;

(b) Jangka masa untuk menilai tawaran dari segi harga;

(c) Jangka masa untuk menilai keupayaan petender;

(d) Jangka masa untuk menyediakan laporan dan masa yang diperlukan untuk membuat keputusan bagi tender tersebut; dan

(e) Jangka masa untuk membuat keputusan dan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada petender yang berjaya.

6.9.3 Penilaian tender hendaklah dilakukan dengan segera dan tidak melewati tempoh ditetapkan dalam jadual pelaksanaan tender.

[11] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 bertarikh 27 Februari 2007

6.9.4 Tempoh sah laku tender yang minimum adalah sembilan puluh (90) hari, yang dikira dari tarikh tender ditutup.

6.9.5 Pejabat yang memanggil tender tidak digalakkan untuk melanjutkan tempoh sah laku tender daripada tempoh sah yang telah ditetapkan kerana ini boleh menyebabkan petender menarik diri. Sekiranya perlanjutan tempoh sah laku tender diperlukan, pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku asal tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi yang berkenaan.

6.9.6 Sebarang pembatalan tender hendaklah mendapat kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi yang berkenaan dan dimaklumkan kepada Lembaga Perolehan Agensi dengan menyatakan sebab-sebab pembatalan.

6.10 Penerimaan Dan Membuka Tender[12]

6.10.1 Tender-tender (termasuk anggaran Jabatan) hendaklah dikemukakan pada masa dan tarikh, dan di tempat yang dinyatakan dalam notis tender, dan dimasukkan ke dalam peti tender berkenaaan. Setiap peti tender hendaklah dipasangkan dengan dua kunci. Di Ibu Pejabat JKR, satu kunci disimpan di pejabat Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya dan yang satu lagi di pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya. Di peringkat negeri, kunci-kunci disimpan di pejabat Pengarah JKR Negeri dan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri.

6.10.2 Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dianggotai sekurang-kurangnya oleh dua (2) orang pegawai, di mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

6.10.3 Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender.

6.10.4 Pada hari yang sama ditetapkan untuk mengemukakan tender, ahli-ahli Jawatankuasa Membuka Tender mestilah mengambil kunci-kunci kotak tender,

[12] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 bertarikh 27 Februari 2007

membukakannya dan memulangkan kunci-kunci tersebut kepada pejabat di mana ia disimpan.

6.10.5 Semasa dokumen tender dibuka (termasuk anggaran jabatan), ahli-ahli Jawatankuasa Membuka Tender mestilah menyenaraikan nama, kelas pendaftaran, taraf dan harga tender setiap petender dan tempoh siap kerja, mengikut susunan tender-tender tersebut dibuka, di dalam jadual tender kerja dan mereka kemudian menandatanganinya. Anggaran jabatan mestilah juga dicatatkan di dalam jadual tender kerja (contoh di Lampiran 6E). Dokumen-dokumen tender yang diterima mestilah dinomborkan dan ditandatangan ringkas oleh ahli-ahli Jawatankuasa Membuka Tender.

6.10.6 Selain daripada jadual tender kerja, satu senarai yang berasingan yang menyenaraikan hanya harga-harga tender yang diterima dan tempoh siap kerja hendaklah disediakan dan ditampal di papan notis untuk makluman petender-petender dan orang awam.

6.10.7 Sebarang tender yang diterima selepas masa yang ditentukan tidak boleh dibuka, dan catatan hendaklah dibuat tentang dalam keadaan mana ia diterima, untuk dikemukakan kepada Lembaga Tender. Bagaimanapun, jika tender diterima lewat tidak lebih dari setengah jam, Jawatankuasa Membuka Tender boleh menggunakan budibicaranya untuk membuka tender tersebut dan menyenaraikan bersama dengan tender-tender yang diterima. Dalam keadaan tersebut, Lembaga Tender mestilah diberitahu dalam keadaan mana ia diterima dan sebab-sebab mengapa ia dibuka.[13]

6.10.8 Bagi tender yang melibatkan keselamatan negara, Jabatan tidak diwajibkan mempamerkan jadual tender kerja tersebut.

6.10.9 Pejabat yang memanggil tender bertanggungjawab menguruskan semua urusan tender dari mula sehingga proses tender selesai. Sebagai panduan, antara tugas-tugas Pejabat yang memanggil tender adalah seperti berikut:

(a) Menguruskan perancangan awal dan jadual pelaksanaan tender;
(b) Mengurus dan menyediakan dokumen tender;

[13]Pindaan Bil. 1 bertarikh 5.1.82 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18/1981.

(c) Menguruskan iklan atau pelawaan tender;

(d) Menyediakan rekod penjualan dokumen tawaran dan mengatur lawatan tapak/premis (jika berkenaan);

(e) Menutup peti tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan;

(f) Menjaga keselamatan peti tender dan dokumen tender;

(g) Menguruskan pembukaan tender; dan

(h) Menguruskan penilaian tender.

6.10.10 Semua tawaran tender melebihi RM50 juta hendaklah dibuka di hadapan orang awam. Pembukaan tender di hadapan orang awam bermaksud pembukaan tender di kalangan petender yang memasuki tender.

6.11 Merahsiakan Maklumat Dan Kedudukan Sesuatu Tender[14]

6.11.1 Semua maklumat berkenaan sesuatu tender termasuk dokumen tender dan penilaian tender hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat sebelum keputusan muktamad dibuat.

6.11.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575). Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu tender adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam Akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.

[14] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 bertarikh 27 Februari 2007

6.11.3 Pejabat yang menguruskan tender hendaklah memasukkan peruntukan berkenaan larangan pengiklanan dan publisiti dalam syarat tender dan dokumen kontrak. Contoh peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

"IKLAN & PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu."

6.11.4 Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi daripada Pengerusi Lembaga Perolehan sekiranya Jawatankuasa Penilaian memerlukan penjelasan lanjut daripada petender semasa proses penilaian tender. Walau bagaimanapun, sebarang perundingan tidak dibenarkan. Penjelasan tersebut hendaklah diuruskan oleh Urus Setia Tender secara bertulis.

6.11.5 Semua pihak yang terlibat dalam sesuatu urusan tender termasuk mempertimbangkan sesuatu tender **dilarang** mengubah apa-apa maklumat yang dikemukakan petender di dalam dokumen tender termasuk harga, pengalaman petender dan sebagainya. Sekiranya terdapat kesilapan pengiraan oleh petender dan berlaku perbezaan harga di antara harga di dalam Senarai Kuantiti dan Borang Tender yang telah ditandatangani, harga di dalam Borang Tender hendaklah diguna pakai dalam mempertimbangkan sesuatu perolehan.

KELAS PENDAFTARAN BAGI KONTRAKTOR KERJA AWAM

Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 14 Tahun 2002 bertarikh 24.9.2002 telah menetapkan kelas-kelas pendaftaran kontraktor serta had kewangan bagi tiap-tiap kelas tersebut seperti berikut:

Kelas	Had Kewangan
A	Melebihi RM 10,000,000
B	RM 5,000,001 hingga RM 10,000,000
C	RM 2,000,001 hingga RM 5,000,000
D	RM 500,001 hingga RM 2,000,000
E	RM 200,001 hingga RM 500,000
F	Sehingga RM 200,000

PENGKELASAN KONTRAKTOR-KONTRAKTOR
UNTUK KERJA-KERJA ELEKTRIK

Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1987 bertarikh 25.7.87 telah menetapkan kelas-kelas pendaftaran kontraktor serta had kewangan bagi tiap-tiap kelas tersebut seperti berikut:

Kelas	Had Kewangan
I	RM 50,001 ke atas
II	RM 1,000,000 ke bawah
III	RM 500,000 ke bawah
IV	RM 150,000 ke bawah
V	RM 50,000 ke bawah
VI	RM 20,000 ke bawah

KEPALA DAN SUB KEPALA UNTUK
PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA AWAM
DENGAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

KEPALA I

KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM

Sub-Kepala 1
Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam

Sub-Kepala 2
Jambatan, Jeti dan Struktur Kerja Laut

Sub-Kepala 3
(a) Struktur Penahan Air
(b) Empangan

Sub-Kepala 4
Pengorekan

Sub-Kepala 5
Sistem Pembentungan

Sub-Kepala 6
(a) Penerowongan
(b) Dinding Gegendang dan Tambatan pada Tanah

Sub-Kepala 7
Kerja-kerja Pengairan, Penyaliran Kawasan Banjir Dan Kerja-kerja Hidrokuasa
(a) Struktur Hidraulik
(b) Kerja-kerja Tanah
(c) Konduit Kuasa
(d) Rumah Kuasa

Sub-Kepala 8
Kerja-kerja Landasan Keretapi

Sub-Kepala 9
Penanaman Sesalur dan Pembinaan Peti Penyambung dan/atau Lurang Untuk Rangkaian Kabel Telefon

KEPALA II

KERJA-KERJA BANGUNAN

Sub-Kepala 1
Kerja-kerja Pembinaan Tidak Termasuk Struktur Rangka Konkrit Bertetulang

Sub-Kepala 2
(a) Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang Yang Tidak Melebihi (4) Tingkat
(b) Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang Yang Melebihi Empat (4) Tingkat

Sub-Kepala 3
Bangunan Kayu Pasang Siap

Sub-Kepala 4
Bangunan Konkrit Pasang Siap

Sub-Kepala 5
Bangunan Rangka Keluli

Sub-Kepala 6
Kerja-kerja Bumbung Berpaten

Sub-Kepala 7
(a) Lantai Paket dan Blok Kayu
(b) Kemasan Lantai dan Dinding yang lain
(c) Perabot Bina Dalam
(d) Pemasangan Tangga

Sub-Kepala 8
Kerja-kerja Penyelenggaraan
(a) Penyelenggaraan Sistem Kebersihan
(b) Pengecatan Semula dan Pembaikan Am Bangunan

Sub-Kepala 9
Pelbagai (Nyatakan)

KEPALA III

KERJA-KERJA KEJURUTERAAN MEKANIKAL PEMBERSIHAN DAN AIR (SEMUA SUB-KEPALA TERMASUK BEKALAN PERALATAN)

Sub-Kepala 1
(a) Sistem Penyaman Udara dan Pengalihudara
(b) Bilik Sejuk

Sub-Kepala 2
Lif dan Eskalator

Sub-Kepala 3
Pemasangan Paip dan Alat-alat Kebersihan

Sub-Kepala 4
Pemasangan Alat Pengepaman

Sub-kepala 5
Pemasangan Loji Pembersihan Kumbahan

Sub-Kepala 6
Pemasangan Loji Pembersihan Air

Sub-Kepala 7
Pemasangan Kelengkapan Memasak dan Dapur

Sub-Kepala 8
Pemasangan Kelengkapan Dobi

Sub-Kepala 9
Pemasangan Loji Dandang dan Kebuk Tekanan Tak Berapi

Sub-Kepala 10
Pemasangan Sistem Mencegah Kebakaran

Sub-Kepala 11
Pemasangan Sistem Penyampai

Sub-Kepala 12
(a) Kren Bagan
(b) Kren Workshop
(c) Unit Pengangkat Untuk Penyelenggaraan Bangunan

Sub-Kepala 13
(a) Pemasangan Loji Penghancuran dan Penapisan
(b) Pemasangan Loji Mencampur Asfalt

Sub-Kepala 14
Pemasangan Sistem Kawalan Pencemaran

Sub-Kepala 15
Pemasangan Kelengkapan Jentera Kilang Minyak dan Getah

Sub-Kepala 16
(a) Pembaikan dan Pemulihan Gerabak Keretapi Penumpang dan Gerabak Keretapi Barang
(b) Kerja-kerja Kimpalan Landasan Keretapi

Sub-Kepala 17
Pelbagai
(a) Pemasangan Sistem Pemampatan Udara
(b) Pemasangan Sistem Air Panas
(c) Pemasangan Sistem Gas Petrolium Cecair (LPG)
(d) Pemasangan Pensteril dan Autoklaf
(e) Pemasangan Gas Perubatan
(f) Pemasangan Alat Bakar Sampah
(g) Pemasangan Sistem Automatik untuk Bangunan
(h) Pemasangan Rak Bergerak
(i) Pemasangan Kelengkapan Makmal
(j) Pemasangan Peralatan Kolam Renang
(k) Pemasangan Alat Angkat Pintu Hidraulik
(l) Pemasangan dan Pembaikan Loji Jentera dan Kelengkapan

KEPALA IV

LAIN-LAIN KERJA PAKAR KEJURUTERAAN AWAM

Sub-Kepala 1
Kerja-kerja Tanah

Sub-Kepala 2
Kerja-kerja Cerucuk

(a) Konkrit Di Situ
(b) Konkrit Bertetulang Tuang Dahulu
(c) Konkrit Prategasan atau Pascategasan
(d) Keluli
(e) Kayu
(f) Sistem Berpaten

Sub-Kepala 3
(a) Kerja-kerja Penyalutan Berasfalt
(b) Kerja-kerja Permukaan Jalan Bitumen
(c) Kerja-kerja Membuat Isyarat dan Mengecat Jalan
(d) Kerja-kerja Membuat Pengadang Susur, Sawar, Penanda Batu dan kerja yang lain untuk jalan

Sub-Kepala 4
(a) Kerja-kerja Keluli
(b) Kerja-kerja Keluli Berpaten dan Pasangsiap

Sub-Kepala 5
Penyaliran Bawah Tanah

Sub-Kepala 6
(a) Pemasangan Sesalur Air
(b) Pemasangan Sesalur Minyak dan Gas

Sub-Kepala 7
(a) Pengerudian untuk air bawah tanah
(b) Kerja-kerja penyelidikan tanah
(c) Kerja-kerja kajian Geofizik

Sub-Kepala 8
Konkrit Bertetulang atau Tanpa Tetulang Tuang dahulu untuk Rusuk, Berbendul Jalan Pembetung dan Saliran

Sub-Kepala 9
Pembinaan Konkrit Prategasan atau Pascategangan

Sub-Kepala 10
Pelbagai
(a) Kerja-kerja Penurapan Tekanan
(b) Guniting
(c) Kerja-kerja Ujian yang tidak memberikan kesan pada anggota konkrit
(d) Kerja-kerja Sokong Bawah
(e) Kerja-kerja Serombong Stesen Kuasa

KEPALA V

KERJA-KERJA KUARI, MEMBEKAL LOGAM DAN TANAH, KERJA-KERJA ANGKUT DAN PENGANGKUTAN

Sub-Kepala 1
Kerja-kerja Memecah Batu dan Membekal Logam

Sub-Kepala 2
Kerja-kerja Menggerudi dan Meletupkan Batu Kuari

Sub-Kepala 3
Kerja-kerja Membekal Tanah

Sub-Kepala 4
Kerja-kerja Angkut dan Pengangkutan

KEPALA VI

PEMBANGUNAN HUTAN DAN TANAH

Sub-Kepala 1
Penyediaan dan Penyelenggaraan Tapak Semaian

Sub-Kepala 2
Kerja-kerja Pembersihan Hutan dan Penyediaan Tanah

Sub-Kepala 3
(a) Kerja-kerja Penanaman dan Penyelenggaraan Pokok
(b) Kerja-kerja Penanaman Semula dan penyelenggaraan Pokok

Sub-Kepala 4
Kerja-kerja Memungut dan Mengangkut Hasil Tanaman

Sub-Kepala 5
Kerja-kerja Pemulihan Hutan

Sub-kepala 6
(a) Kerja-kerja Seni Taman
(b) Kerja-kerja Penanaman Benih Berair

Sub-Kepala 7
Jalan Hutan

Sub-Kepala 8
Kerja-kerja Am Pertanian

Sub-Kepala 9
Pelbagai (Nyatakan)

KEPALA VIII

KERJA-KERJA TELEKOMUNIKASI

Sub-Kepala 1
(a) Penanaman, Penyambungan dan Pengujian Rangkaian kabel Agihan
(b) Penanaman, Penyambungan dan Pengujian Rangkaian Kabel Utama
(c) Penanaman, Penyambungan dan Pengujian Rangkaian Kabel Simpang

Sub-Kepala 2
(a) Pemasangan Penaik Kabel Rangka Agihan Utama Peti Agihan Salur Bawah Lantai dan Kabel Telefon dalam Bangunan
(b) Pemasangan Sepasang Kabel Telefon dalam Bangunan

Sub-Kepala 3

Sistem Semboyan dan Perhubungan Keretapi

(a) Pemasangan Sistem Semboyan yang mengandungi Geganti Berkaitpanca dan Geganti Bongkah Automatik

(b) Pemasangan Sistem Perhubungan untuk Kawalan Pusat dan Laluan Tepi Stesen

(c) Pemasangan Sawar Elektrik Lengkap dengan Isyarat/Susur dan Penggera Lebuhraya

KEPALA DAN SUB-KEPALA UNTUK PENDAFTARAN KONTRAKTOR ELEKTRIK

Kepala	Sub-Kepala	
Kepala VII	1	Kerja-kerja pendawaian am
	2	Pendawaian sistem kawalan
	3	Pemasangan talian atas voltan rendah dan kabel bawah tanah
	4	Pemasangan kabel bawah tanah melebihi 1 KV sehingga dan termasuk 11 KV
	5	Pemasangan logi penjanaan sehingga dan termasuk 1 KV
	6	Pemasangan logi penjanaan voltan tinggi
	7	Pemasangan kabel bawah tanah yang melebihi 11 KV
	8	Pemasangan talian atas termasuk menara penghantaran 6.6 KV ke atas
	9	Pembersihan rentas untuk 6.6 KV dan ke atas
	10	Pemasangan kelengkapan voltan tinggi :*(a)* hingga dan termasuk 11 KV *(b)* melebihi 11 KV
	11	Pemasangan lampu jalan awam
	12	Pemasangan lampu lapangan terbang
	13	Pemasangan lampu khas seperti lampu stadium dan kawasan lampu limpah, lampu pentas dan sebagainya
	14	Pemasangan sistem bekalan kuasa tanpa gangguan
	15	Pemasangan sistem kejuruteraan elektrik/elektronik voltan rendah tambahan seperti sistem pemasangan dan penggerak, sistem keselamatan dan sebagainya
	16	Sistem bunyi

REGISTRATION REQUIREMENTS AND PROCEDURES

From: Appendix C-2

Fulfilling Financial Capacity and corresponding full-time Personnel Resources criteria according to Contractor Grade [G1 – G7]

Grade	Tendering Capacity [RM]	Paid Up capital*/ Net Capital Worth** [RM]	Minimum Personnel Resources Requirement #
G 7	No Limit	750,000.00	Group A and 1 Group B (both min. 5 years experience) or 2 Group A (one of whom must have min. 5 years experience)
G6	Not exceeding 10 million	500,000.00	Group A and 1 Group B (one of whom must have min. 3 years experience)
G 5	Not exceeding 5 million	250,000.00	1 Group A or 1 Group B (min.5 years experience)
G 4	Not exceeding 3 million	150,000.00	1 Group B
G 3	Not exceeding 1 million	50,000.00	Course Certificate/experience
G2	Not exceeding 500,000.00	25,000.00	Course Certificate/experience
G1	Not exceeding 100,000.00	5,000.00	Course Certificate/experience

Note:

* Paid Up Capital (for Private Limited Company/Public Company)

** Net Capital Worth (For Sole Proprietorship/Partnership) in the form of current account bank statement (average balance considered) /balance from saying account/overdraft facilities/uncharged fixed deposit statement/ASB/ASN shares

\# Group A - Degree holder in construction related fields.

Group B - Diploma holder in construction related fields or other degree holder with experience in construction works.

CONTOH IKLAN TENDER
(KERJA)

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TENDER DITUTUP
Cadangan Membina dan Menyiapkan Pejabat dan Rumah Kediaman Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di Lenggong, Perak Darul Ridzuan	**RM300.00** (Tidak akan dikembalikan)	Bahagian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Aras 4, Blok D2, Parcel D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 PUTRAJAYA **Rabu, 3 Mei 2006 hingga Selasa, 29 Mei 2006 pada waktu pejabat.**	PKK Kelas C Kepala II Sub Kepala 2a **dan** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G5	**Isnin, 8 Mei 2006** Jam 10.30 pagi Berkumpul di Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong **Lawatan Tapak adalah WAJIB**	**Khamis, 29 Mei 2006 pada jam 12.00 Tengah hari** **Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan**

Naskhah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Aras 4, Blok D2, Parcel D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 PUTRAJAYA** pada waktu pejabat bermula 3 Mei 2006. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank atau Kiriman Wang** di atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera** dan satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

KETUA SETIAUSAHA
Bahagian Pembangunan,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Aras 4, Blok D2, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62546 PUTRAJAYA

CONTOH IKLAN TENDER
YANG DIRANGKUMKAN

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembangunan Malaysia (CIDB) / Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) (bagi perkhidmatan Kawalan Keselamatan), berkelayakan dan berpengalaman untuk memasuki tender bagi kerja-kerja berikut:

No. Tender	Butir-Butir Bekalan	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh Lawatan Tapak
KWSP/JH/ BPP/T/ 027/06	Cadangan Pengubahsuaian Ruang Dalaman dan Kaunter Utama KWSP Cawangan Shah Alam di Tingkat 1, Bangunan Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS) Selangor Darul Ehsan	**PKK** Kelas E atau D, Kepala II, Sub Kepala 2, 7, 8 **CIDB** Gred G2 atau G3 Kategori B04 & B07	RM 150	-
KWSP/JH/ BPP/T/ 028/06	Membekal, Menghantar, Memasang dan menguji lari Komputer Peribadi kepada KWSP	**KKM** Kod Bidang 210101 hingga 210106	RM 50	-
KWSP/JH/ BPP/T/ 029/06	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Bangunan KWSP Negeri Terengganu di Lot 1247K, Jln Padang Hiliran, 2100 Kuala Terengganu, Terengganu	**KKM & KDN** Kepala 220302 Kawalan Keselamatan	RM 50	6 April 2006 Jam 10.00 pagi

Dokumen Tender boleh didapati mulai 3 April 2006 hingga 27 April 2006 pada waktu pejabat di alamat **Bahagian Perolehan Bekalan, Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Tingkat 8, Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur** dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk **Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos** di atas nama **Ketua Pegawai Eksekutif KWSP**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.

Kontraktor perlu mengemukakan **Sijil Pendaftaran Asal** masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).** Manakala bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, pembekal perlu mengemukakan **sijil asal dari Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil Dokumen Tender. Salinan fotostat Sijil Pendaftaran tidak akan dilayan. Naskhah Meja Tender akan dipamerkan di alamat seperti di atas pada waktu pejabat.

Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Tender dan jenis kerja berkaitan dan dikembalikan kepada:

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
JABATAN PENGURUSAN PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN
TINGKAT 8, BANGUNAN KWSP, JALAN RAJA LAUT,50350 KUALA LUMPUR

Tarikh tutup tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari pada 27 April 2006.** Pihak KWSP tidak terikat untuk menerima tawaran Tender yang terendah atau sebarang Tender.

CONTOH

JADUAL PELAKSANAAN TENDER

BIL.	JENIS AKTIVITI	TEMPOH MASA	Jan 2006				Feb 2006				Mac 2006				Apr 2006				Mei 2006			
			1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1.	Penyediaan Spesifikasi	30 hari																				
2.	Penyediaan Dokumen Tender	20 hari																				
3.	Iklan	min. 21 hari																				
4.	Pembukaan Peti Tender/Paner Jadual Tender Di Papan Kenyataan	1 hari																				
5.	Semakan Ke Atas Tawaran Tender	14 hari																				
6.	Penilaian Tawaran Teknikal Penilaian Tawaran Kewangan	30 hari																				
7.	Penyediaan Kertas Taklimat Tender	21 hari																				
8.	Pertimbangan Lembaga Perolehan	1 hari																				
9.	Pengeluaran Surat Setuju Terima	2 hari																				

(JKR 28 Pin. 85)

JADUAL TENDER KERJA

(Untuk Disediakan Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender)

Tender : .....
.....

Tarikh Tender Ditutup	Jenis Tender	Kelas/Tajuk/Tajuk Kecil Yang Ditetapkan	Anggaran Jabatan
Tarikh :	.....	.....	.....

Jam : .....

Bil.	Nama Kontraktor	Kelas	Taraf (Bumiputera/Bukan Bumiputera)	Harga	Tempoh Siap

Sebanyak ( ) tender yang telah diterima dan dibuka pada jam ..... seperti terjadual di atas.

.....
(Pengerusi)

.....
(Ahli)

.....
(Ahli)

Tarikh : .....

JADUAL TENDER KERJA
(Untuk Di pamer Di Papan Kenyataan)

Tajuk : .....
No. Tender : .....

Bil.	Kod Petender	Harga	Tempoh Siap (Jika Berkenaan)

Sebanyak ( ) tender yang telah diterima dan dibuka pada jam ..... seperti terjadual di atas.

Nota: Harga-harga tawaran di atas adalah harga yang tercatat dalam dokumen tender yang diterima dan sebelum diperiksa. Kerajaan adalah tidak terikat menerima tender terendah atau mana-mana tender.

.....
(Pengerusi)

.....
(Ahli)

.....
(Ahli)

Tarikh : .....

BAB 7

PENILAIAN DAN SETUJUTERIMA TENDER

BAB 7 - PENILAIAN DAN SETUJUTERIMA TENDER

7.1 Pendahuluan

7.1.1 Anggaran Jabatan hendaklah disediakan untuk tujuan penilaian tender dan hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT.

7.1.2 Selepas tender dibuka dan disenaraikan ianya akan dikembalikan ke pejabat yang memanggil tender tersebut untuk dibuat penilaian dan pengesyoran kepada Lembaga Perolehan. Pengesyoran tender akan dikemukakan kepada Lembaga Perolehan di peringkat Negeri atau Ibu Pejabat atau pun Kementerian Kerja Raya bergantung kepada harga tender atau pejabat di mana tender itu diterima (sama ada di Ibu Pejabat atau Negeri) dan juga dari mana peruntukan diperolehi.

7.1.3 Setelah kelulusan daripada Lembaga Perolehan (dan Perbendaharaan sekiranya harga tender yang diterima melebihi RM 100.0 juta)[1] telah diterima dan terdapat peruntukan dan kelulusan daripada Perbendaharaan tentang penerimaan, maka Surat Setujuterima Tender boleh dikeluarkan.

7.2 Penyediaan Anggaran Jabatan

7.2.1 Anggaran Jabatan mesti[2]:

(i) Disediakan dan siap untuk diserahkan sebelum tarikh tutup tender;

(ii) Disahkan oleh Juruukur Bahan dan Ketua Jabatan atau Cawangan atau Unit berkenaan;

(iii) Disediakan dalam dua salinan sahaja, satu salinan dimasukkan ke dalam peti tender sebelum masa dan tarikh tutup tender yang ditetapkan dan satu salinan lagi hendaklah disimpan di dalam fail SULIT oleh pegawai berkenaan; dan

[1] AP198.1
[2] SPP5/2007 bertarikh 27 Feb 2007 dan Surat Arahan KPKR 1/2008

(iv) Tidak dipinda bagi menyesuaikan dengan harga tender-tender yang diterima.

(V) Sekiranya Anggaran Jabatan didapati tidak munasabah dan mengandungi kesilapan serius selepas tarikh dan waktu tender dibuka, penjelasan mengenainya hendaklah dinyatakan di dalam Laporan Penilaian Tender.[3]

7.3 Jawatankuasa Penilaian Tender, Keahlian dan Tugas Jawatankuasa

7.3.1 Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender.

7.3.2 Proses penilaian tender hendaklah disiapkan dan dilaksanakan seboleh-bolehnya tidak melebihi tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh tawaran tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian.

7.3.3 Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua Jawatankuasa.

7.3 Penilaian Tender

7.3.1 Peraturan baru penilaian tender-tender kerja hendaklah digunakan[4] bagi semua tender kerja Persekutuan dan dibiayai oleh peruntukan wang tempatan, termasuk kerja Mekanikal dan Elektrik sama ada dilaksanakan secara kontrak langsung atau secara sub-kontrak yang dinamakan.

7.3.2 Penilaian tender hendaklah dibuat ke atas aspek-aspek berikut:

(a) Memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan di dalam Borang Tender. Tender-tender hendaklah dinilai bagi menentukan sama ada ketidaksempurnaan di dalamnya mungkin menyebabkan ikatan kontrak tidak boleh diwujudkan

[3] Surat Arahan KPKR (61) dlm KPKR.020.050/03 Klt. 3 bertarikh 25/5/2000

[4] Surat Arahan KPKR 4/1993 bertarikh 5 April 1993, SPKPKR (93)JKR.KPKR.020.050/03 Klt.5 bertarikh 24 Mac 2004 Penggunaan dan Penetapan Harga `Cut-off' bertarikh 6/1/2005 dan 20/5/2004 dan SP KPKR (85) dlm. JKR.KPKR:020.050/03 Klt.5 bertarikh 17 Disember 2003

sekiranya tender tersebut disetujuterima. Kekurangan di dalam tender seperti Lembaran Imbangan, Penyata Bulanan Akaun Bank, Laporan Bank, Laporan Penyelia Projek Bagi Kerja Semasa Bukan Kerja JKR dan lain-lain yang tidak disertakan mesti dinyatakan dalam Laporan Penilaian Tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan[5].

(b) Penilaian Keupayaan. Jawatankuasa yang menilai tender hendaklah memastikan perkara-perkara berikut diambilkira:

(i) Memastikan petender memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan dalam dokumen tender.

(ii) Menilai keupayaan teknikal petender seperti pengalaman kerja termasuk rekod prestasi, projek yang sedang dilaksanakan , kakitangan teknikal dan keempunyaan loji dan peralatan asas (disewa atau milik sendiri).

(iii) Menilai keupayaan kewangan petender dari segi modal pusingan, *net worth*, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.

(iv) Menganalisis harga tender dengan mengambil kira tempoh siap/penghantaran yang ditawarkan berdasarkan tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan.

7.3.3 Penilaian tender kerja berasaskan Reka dan Bina hendaklah dibuat oleh dua (2) jawatankuasa yang berasingan seperti berikut:

(a) Jawatankuasa Penilaian Teknikal

(i) Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana sekurang-kurang seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

[5] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 bertarikh 27 Feb 2007.

(ii) Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah terdiri daripada pegawai yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan tentang barangan/perkhidmatan tersebut. Sekiranya Agensi tidak mempunyai kemahiran dalaman, maka pakar dari Jabatan-jabatan Teknik/pakar yang lain boleh digunakan, seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kimia, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, MAMPU dan sebagainya.

(ii) Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah membuat penilaian secara terperinci bagi memastikan penilaian yang dibuat adalah berasaskan kepada spesifikasi perolehan yang ditetapkan dalam dokumen tender. Penilaian hendaklah dibuat berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan, pernyataan pematuhan (statement of compliance) dan/atau penilaian fizikal. Walau bagaimanapun, maklumat dan teknologi semasa mengenai barang/perkhidmatan tersebut boleh diambilkira.

(iii) Penilaian teknikal hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian teknikal secara edaran adalah tidak dibenarkan.

(b) Jawatankuasa Penilaian Harga

(i) Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada dua (2) orang, iaitu seorang pengerusi dan seorang ahli, dimana salah seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

(ii) Penilaian harga sesuatu tender hendaklah mengambilkira faktor-faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan petender dan sebagainya. Perbandingan antara satu tawaran petender dengan tawaran petender yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*).

(iii) Penilaian bagi pembelian harta modal seperti kenderaan, jentera berat, sistem maklumat dan lain-lain hendaklah berdasarkan kepada prinsip tawaran harga menyeluruh (*total cost bid*), yang bermaksud

mengambilkira harga barangan, alat ganti, latihan, pentauliahan/pemasangan, jaminan, penyelnggaraan dan lain-lain.

(iv) Penilaian harga hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian harga secara edaran adalah tidak dibenarkan.

7.3.4 Beberapa syarat mesti dipatuhi semasa penyediaan penilaian tender seperti berikut:

(a) Tender yang perlu dipertimbangkan adalah terhad kepada tender-tender yang telah dibuka dan disenaraikan dalam jadual tender sahaja. Tender yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dibuka dan dibuat penilaian.[6]

(b) Semua pihak yang terlibat dalam sesuatu urusan tender termasuk mempertimbangkan sesuatu tender dilarang mengubah apa-apa maklumat yang dikemukakan petender di dalam dokumen tender termasuk harga, pengalaman petender dan sebagainya.[7]

(c) Di mana dokumen tender membenarkan tender alternatif (contohnya kerja cerucuk) dikemukakan, setiap alternatif mestilah diambil kira dan dinilai sebagai satu tender berasingan. Di mana tender tidak meminta petender memberi alternatif, sebarang alternatif yang ditawarkan tidak akan dipertimbangkan.[8]

(d) Perhubungan dengan petender-petender adalah tidak dibenarkan semasa proses penilaian tender.[9] Walau bagaimanapun sekiranya penjelasan atau pengesahan diperlukan daripada petender-petender, ianya mestilah diperolehi secara bertulis setelah mendapat kebenaran daripada pihak-pihak berikut[10]:

(i) Tender bagi pertimbangan Lembaga - Pengerusi Lembaga Perolehan diperingkat Negeri Perolehan Tender berkenaan

[6] SPP5/2007 bertarikh 27 Feb 2007
[7] SPP5/2007 bertarikh 27 Feb 2007
[8] Surat Arahan KPKR Bil. **6**/1989 bertarikh 30.9.89.
[9] AP193.G Ms95 & SPP5/2007 bertarikh 27 Feb 2007
[10] AP 193.g Ms 95

(ii) Tender bagi pertimbangan Lembaga - Pengerusi Lembaga Perolehan 'A' atau 'B' Perolehan Tender di peringkat Ibu Pejabat JKR berkenaan

(iii) Tender bagi pertimbangan Lembaga - Pengerusi Lembaga Perolehan 'A' atau 'B' di Perolehan Tender peringkat Kementerian Kerja Raya berkenaan

(e) Semua dokumen dan maklumat yang berkaitan dengan sesuatu tender termasuk analisa penilaian tender adalah SULIT dan tidak boleh diberitahu kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan penilaian tender tersebut.[11]

7.4 Perakuan Kepada Lembaga Perolehan

7.4.1 Ketua Jabatan hendaklah membuat perakuan kepada Lembaga Perolehan berdasarkan kepada Laporan Penilaian Tender. Perakuan tersebut hendaklah berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan agensi dan hendaklah mengambilkira prinsip-prinsip perolehan dan dasar-dasar semasa Kerajaan. Perakuan tersebut juga hendaklah menyatakan dengan khusus tawaran petender yang dicadangkan untuk dipertimbangkan.

7.4.2 Selepas penilaian tender dibuat, dokumen tender yang dinilai hendaklah disertakan bersama dengan laporan dan pengesyoran tender kepada Lembaga Perolehan yang berkenaan.

7.4.3 Pengesyoran tender hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Lembaga Perolehan (atau Jawatankuasa Khas) sama ada di peringkat Negeri atau Ibu Pejabat JKR atau Kementerian Kerja Raya bergantung kepada pejabat di mana tender diterima, harga tender yang disyorkan dan sumber peruntukan seperti berikut:

[11] SPP5/2007 bertarikh 27 Feb 2007 dan Surat Arahan KPKR 1/2008

7.4.4 Had Nilai Dan Kuasa Lembaga Perolehan[12]/Jawatankuasa Sebut harga[13]

		Nilai Sehingga (RM)
(a)	Lembaga Perolehan Kementerian / Jabatan	
	(i) Tender Kerja	100 juta
	(ii) Tender Bekalan/Perkhidmatan	50 juta
	(iii)Tender Terhad (Kerja/Bekalan/Perkhidmatan)	10 juta
(b)	Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri	
	(i) Tender Kerja	20 juta
	(ii) Tender Terhad (Kerja)	1 juta
(c)	Lembaga Perolehan Persekutuan (Sabah/Sarawak)	
	(i) Tender Kerja/Bekalan/Perkhidmatan	30 juta
	(ii) Tender Terhad (Kerja/Bekalan/Perkhidmatan)	5 juta
(d)	Lembaga Perolehan Badan Berkanun	
	(i) Tender Kerja/Bekalan/Perkhidmatan	100 juta
	(ii) Tender Terhad (Kerja/Bekalan/Perkhidmatan)	10 juta
(e)	Lembaga Perolehan Syarikat Kerajaan	
	(i) Tender Kerja/Bekalan/Perkhidmatan	300 juta
(f)	Jawatankuasa Sebut harga	
	(i) Sebut harga Kerja	500 ribu
	(ii) Sebut harga Bekalan/Perkhidmatan	500 ribu

7.4.5 Pengesyoran tender kepada Lembaga Perolehan di peringkat Ibu Pejabat JKR dan Kementerian Kerja Raya hendaklah dibuat melalui Urusetia di Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan.[14]

[12] SPP 11/2001 bertarikh 21 sept.2001
[13] SPP 5/2009 bertarikh 24 Feb 2009
[14] Surat Arahan KPKR Bil. 12/1985 bertarikh 16.8.85.

7.4.6 Pengesyoran tender kepada Lembaga Perolehan di peringkat Ibu Pejabat JKR dan Kementerian Kerja Raya hendaklah disediakan sebanyak sembilan (9) salinan sebagaimana syarat-syarat berikut[15]:

(a) Menggunakan kertas cetak biasa saiz A4 sahaja. Kertas `flimsy' tidak dibenarkan.

(b) Semua teks mesti jarak berganda.

(c) Salinan dokumen yang difotostat mestilah jelas.

(d) Semua mukasurat dan lampiran hendaklah dinomborkan.

(e) Dokumen-dokumen yang hendak disertakan bersama pengesyoran tender hendaklah disusun mengikut aturan berikut:

(i) Peringkat Jabatan Kerja Raya

(1) Kertas Perakuan Tender Perolehan 'A'
Borang Q14A/2005/A (Lihat Lampiran 7A)

(2) Kertas Perakuan Tender Perolehan 'B'
Borang Q14A/2005/B (Lihat Lampiran 7B)

(ii) Peringkat Kementerian Kerja Raya

(1) Kertas Perakuan Tender Perolehan 'A'
Borang Q14A/2005/A (Lihat Lampiran 7C)

(2) Kertas Perakuan Tender Perolehan 'B'
Borang Q14A/2005/B (Lihat Lampiran 7D)

(iii) Ringkasan Maklumat Tender

(1) Peringkat Jabatan Kerja Raya
Borang Q14/1987 (Lihat Lampiran 7E)

(2) Peringkat Kementerian Kerja Raya
Borang Q14/1979 Pind. 85 (Lihat Lampiran 7F)

[15] Surat Arahan KPKR Bil. 13/1985 bertarikh 23.8.85 dan Bil. 14/1987 bertarikh 9.12.87.

(f) Lampiran untuk borang Q14/1987 dan Borang Q14/1979 Pin.85 adalah seperti berikut:

(i) Lampiran A - Keratan Kenyataan Tender (Lihat Bab 6) atau surat kelulusan bagi tender terpilih.

(ii) Lampiran A1 - Senarai Kehadiran Lawatan Tapak (Jika Berkenaan)

(iii) Lampiran B - Jadual Tender Kerja Borang JKR 28 sebagaimana yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Membuka Tender (Lihat Lampiran 7G).

(iv) Lampiran C - Senarai tender yang telah disenaraikan semula mengikut susunan tender yang terendah (Lihat Lampiran 7H).

(v) Lampiran C1- Borang Penentuan Harga '*Cut-off*' *(*Sekiranya berkenaan)

(vi) Lampiran D - Isi kandungan dan susunan Laporan Penilaian Tender (Lihat lampiran 7I)

(v) Lampiran D1 - Jadual Semakan Kesilapan Pengiraan Harga Tender (Mengikut Susunan Harga) (Lihat Lampiran 7J)

(vi) Lampiran E - Borang-borang penilaian tender/analisa yang digunakan adalah seperti yang berikut:

<u>Tender Besar Dan Tender Kecil</u>

(1) Borang 1 – Analisa Kesempurnaan Tender
(2) Borang 2 – Analisa Kecukupan Dokumen Wajib
(3) Borang 3 – Analisa Kecukupan Modal
(4) Borang 4 – Analisa Penilaian Prestasi Semasa Petender
(5) Borang 5 – Jadual Keputusan Penilaian Peringkat Pertama Tender
(6) Borang 6 – Senarai Petender Yang Lulus Penilaian Awal Mengikut Turutan Harga Tender

(7) Borang 7 – (i) Penilaian modal minima petender setelah mengambilkira Kesan Rendahan Harga Tender (Tender Kecil)

(ii) Analisa Data-data Penilaian Keupayaan Kewangan Petender (Nilai Tahunan Baki Kerja Dalam Tangan)(Tender Besar)

(8) Borang 8 – (i) Senarai Petender Yang Lulus Penilaian Peringkat Kedua setelah mengambilkira Kesan Rendahan Harga mengikut Turutan Modal Yang Tertinggi (Tender Kecil)

(ii) Analisa Data-data Penilaian Keupayaan Petender (Kedudukan Kewangan Petender) (Tender Besar)

<u>Tender Besar</u>

(1) Borang 9 – Analisa Data-data Penilaian Keupayaan Teknikal Petender (Pengalaman Kerja)

(2) Borang 10 – Analisa Data-data Penilaian Keupayaan Teknikal Petender (Kakitangan Teknikal)

(3) Borang 11 – Analisa Data-data Penilaian Keupayaan Teknikal Petender (Keempunyaan Loji dan Peralatan Asas)

(4) Borang 12 – Analisa Pengiraan Markah Penilaian Bagi Tender Kerja (Binaan Bangunan/Mekanikal & Elektrikal/Kejuruteraan Awam)

(5) Borang 13 – Jadual Keputusan Penilaian Keupayaan Petender

(6) Borang 14 – Penilaian Keupayaan Kewangan Petender Kerana Mengambilkira Kesan Rendahan Harga

(vii) Lampiran-lampiran lain

Dokumen-dokumen lain yang berkenaan untuk makluman dan pertimbangan Lembaga Perolehan.

7.5 Lembaga Perolehan[16]

7.5.1 Lembaga Perolehan di Jabatan Kerja Raya terbahagi kepada dua peringkat iaitu di peringkat Ibu Pejabat dan di peringkat Negeri. Di peringkat Ibu Pejabat, terdapat dua Lembaga Perolehan iaitu ”Lembaga Perolehan `A’ JKR” (bagi tender bernilai melebihi RM20 Juta tetapi tidak melebihi RM100 Juta) dan ”Lembaga Perolehan `B’ JKR” (bagi tender bernilai kurang dari RM20 Juta) . Di peringkat Kementerian Kerja Raya, terdapat dua Lembaga Perolehan iaitu ”Lembaga Perolehan `A’ KKR” (bagi tender bernilai melebihi RM20 Juta tetapi tidak melebihi RM100 Juta) dan ”Lembaga Perolehan `B’ KKR” (bagi tender bernilai kurang dari RM20 Juta).

7.5.2 Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan

(a) Ahli Lembaga Perolehan Persekutuan hendaklah dilantik oleh Menteri Kewangan dan ahli Lembaga Perolehan Negeri oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Penubuhan Lembaga Perolehan adalah diwajibkan dan diuruskan oleh Perbendaharaan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Dalam keadaan tertentu, Kementerian Kewangan boleh menubuhkan Lembaga Perolehan Khusus bagi pelaksanaan projek-projek yang diberi peruntukan khas dari semasa ke semasa. Semua perolehan yang melibatkan peruntuan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada sebahagian atau sepernuhnya, hendaklah dibawa ke Lembaga Perolehan Persekutuan untuk pertimbangan dan keputusan.

(b) Keahlian Lembaga Perolehan hendaklah diwartakan dalam Warta Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang mana berkenaan. Pewartaan bagi Lembaga Perolehan Persekutuan akan diuruskan oleh Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan, Pewartaan Lembaga Perolehan Badan Berkanun hendaklah diuruskan sendiri oleh Agensi berkenaan. Salinan warta hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod.

(c) Agensi Persekutuan hendaklah menubuhkan Lembaga Perolehan ’A’ dan Lembaga Perolehan ’B’. Bagi Badan Berkanun Persekutuan, cadangan keahlian Lembaga Perolehan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian masing-masing.

[16] SPP 9 Tahun 2009

(d) Bagi menentukan sama ada sesuatu tender perlu diputuskan oleh Lembaga Perolehan ’A’ atau Lembaga Perolehan ’B’, anggaran Jabatan hendaklah digunakan sebagai panduan.

(e) Keahlian/wakil semua Lembaga Perolehan hendaklah terdiri daripada pegawai awam dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan/atau yang setara bagi Lembaga Perolehan Syarikat Kerajaan. Hanya ahli yang diwartakan berserta Urusetia mesyuarat sahaja dibenarkan berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan dibuat.

(f) Keahlian bagi mesyuarat Lembaga Perolehan hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang termasuk Pengerusi. Kehadiran wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan diwajibkan dalam Lembaga Perolehan ’A’ manakala kehadiran wakil Ketua Pengarah Kerja Raya diwajibkan dalam Lembaga Perolehan ’B’.

7.5.3 Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan:

(a) Keahlian Lembaga Perolehan Kementerian adalah seperti berikut:

<u>Lembaga Perolehan ’A’</u>

Pengerusi : Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha

Ahli :
- (i) Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan); dan
- (ii) Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakilnya.

<u>Lembaga Perolehan ’B’</u>

Pengerusi : Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha

Ahli :
- (i) Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakilnya;
- (ii) Seorang Setiausaha Bahagian/Ketua Bahagian; dan
- (iii) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/

pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

b) Keahlian Lembaga Perolehan Jabatan Kerja Raya adalah seperti berikut:

<u>Lembaga Perolehan 'A'</u>

Pengerusi : Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya

Ahli :
(i) Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan); dan
(ii) Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya.

<u>Lembaga Perolehan 'B'</u>

Pengerusi : Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya

Ahli :
(i) Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya;
(ii) Seorang Pengarah Cawangan; dan
(iii) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/ pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

7.5.4 Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri

a) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

Ahli :

(i) Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah atau wakilnya;

(ii) Pegawai Kemajuan Negeri Sabah atau wakilnya;

(iii) Ketua Penolong Pengarah Unit Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri Sabah atau wakilnya; dan

(iv) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/ pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

(b) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak

Ahli :

(i) Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak atau wakilnya;

(ii) Pegawai Kemajuan Negeri Sarawak atau wakilnya;

(iii) Ketua Pengarah Kerja Raya atau waklnya; dan

(iv) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/

pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

(c) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pegawai Kemajuan Negeri

Ahli :
(i) Pengarah Kerja Raya Negeri atau wakilnya;
(ii) Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri atau wakilnya; dan
(iii) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/ pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

(d) Keahlian Lembaga Perolehan (Kecil) Persekutuan[17] adalah seperti berikut:

Pengerusi : Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan

Ahli :
(i) Ketua Pengarah Kerja Raya Negeri atau wakilnya;
(ii) Setiausaha Bahagian berkaitan bagi Kementerian berkenaan; dan
(iii) Seorang pegawai Kerajaan dari Jabatan lain yang dengan
pengalamannya boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan

[17] SPP Bil 2/1999

7.5.5 Keahlian Lembaga Perolehan Negeri

a) Keahlian Lembaga Perolehan Negeri adalah seperti berikut:

Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri

Ahli :

(i) Pegawai Kewangan Negeri, jika tidak menjadi Pengerusi, atau wakilnya; dan

(ii) Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri atau wakilnya; dan

(iii) Ketua Penolong Pengarah Unit Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri Sabah atau wakilnya; dan

(iv) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/ pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

7.5.6 Tanggungjawab Lembaga Perolehan

Tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan, Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab mempertimbang dan menyetuju terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan Kerajaan. Antara tanggungjawab dan tugas-tugas Lembaga Perolehan adalah seperti berikut:

(a) Memeriksa dan meneliti pendaftaran dengan Kementerian Kewangan atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), iklan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (jika perlu), jadual tender yang disediakan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan laporan penilaian kewangan dan lain-lain;

(b) Memastikan semua pelawaan tender mematuhi tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa. Bagi tender bekalan, pelawaan hendaklah dikalangan pembuat sahaja dan jika tiada pembuat tempatan, tender hendaklah dipelawa di kalangan pembekal. Tender tidak boleh dipelawa bersekali di kalangan pembuat tempatan dan pembekal;

(c) Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender;

(d) Mempertimbang dan memutuskan tender yang paling menguntungkan dengan mengambilkira harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan;

(e) Memutuskan untuk menender semula atau mengesyorkan kaedah perolehan yang lain, jika Lembaga Perolehan mendapati tatacara perolehan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan atau mengesyaki perkara luar aturan berlaku;

(f) Mempertimbang dan menyetujuterima tender dengan syarat keputusan hendaklah sebulat suara dan selaras dengan had nilai yang diluluskan;

(g) Mempertimbang dan menyetujuterima mana-mana sebut harga yang diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang melebihi had nilai sebut harga;

(h) Sekiranya ahli Lembaga Perolehan masih memerlukan maklumat lanjut daripada petender mengenai sesuatu perkara semasa mesyuarat bersidang, Lembaga Perolehan boleh meminta Urusetia Tender mendapatkan maklumat berkenaan;

(i) Mana-mana ahli Lembaga Perolehan yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu tender itu, ahli tersebut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri dari perbincangan dan keputusan tender berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan;

(j) Ahli Lembaga Perolehan hendaklah bersikap neutral dan profesional dalam mempertimbangkan sesuatu tender serta bebas dari pengaruh luar; dan

(k) Memastikan ahli Lembaga Perolehan berserta Urusetia mesyuarat sahaja berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan tender hendak dibuat. Mana-mana pihak yang bukan ahli Lembaga Perolehan tidak dibenarkan berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan dibuat dan Pengerusi Lembaga Perolehan hendaklah memastikan peraturan ini dipatuhi.

7.5.7 Pengerusi Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab memastikan Agenda Mesyuarat turut merangkumi pengesahan minit mesyuarat, perancangan tender, laporan kemajuan tender sebelum membincangkan kertas pertimbangan tender. Bagi tujuan penyelenggaraan rekod, kesemua perkara-perkara tersebut hendaklah diminitkan dengan jelas bagi memudahkan rujukan. Bagi kertas pertimbangan tender, perkara-perkara yang dibincangkan termasuk alasan penolakan dan pemilihan syarikat yang berjaya hendaklah dimasukkan dalam minit mesyuarat. Pengerusi Lembaga Perolehan diberi kuasa untuk melanjutkan tempoh sah laku tender. Agensi hendaklah memastikan pelanjutan tempoh tersebut dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku asal tamat.

7.5.8 Ketua Jabatan tidak boleh mengambil bahagian sebagai ahli Lembaga Perolehan semasa tender dari Jabatannya sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab Setiausaha Kerajaan Negeri/Pegawai Kewangan Negeri/ Pegawai Kemajuan Negeri sebagai pengerusi Lembaga Perolehan untuk menentukan keputusan dibuat oleh Pengerusi dan sekurang-kurang dua ahli lain.

7.5.9 Kedua-dua Lembaga Perolehan di peringkat Ibu Pejabat JKR dan Kementerian Kerja Raya adalah diberi kuasa meluluskan tender yang mana harga tender adalah tidak melebihi RM100 juta. Di mana harga tender melebihi RM100 juta, tender tersebut dan perakuan Lembaga Perolehan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan untuk kelulusan. Lembaga Perolehan di peringkat Negeri diberi kuasa meluluskan tender yang mana harganya tidak melebihi RM20 juta[18].

[18] AP 198.1 (b)

7.6 Surat Niat [19]

7.6.1 Surat Niat ialah surat yang dikemukakan kepada petender yang kandungannya meliputi hasrat/niat Kerajaan untuk menerima tawaran petender, tertakluk kepada persetujuan selepas perbincangan/rundingan diadakan antara pihak Kerajaan dengan petender berkaitan syarat dan terma yang ditetapkan oleh Kerajaan. (Lihat Lampiran 7K). Surat niat bagaimanapun tidak mengikat Kerajaan dan Kontraktor kepada satu kontrak yang sah.

7.6.2 Keadaan di mana Kerajaan perlu memaklumkan berkenaan syarat dan terma tertentu yang perlu dipatuhi sebelum memasuki tender maka Surat Niat perlu dikemukakan kepada petender. Amalan mengemukakan Surat Niat kebiasaannya digunakan bagi proses perolehan secara Reka dan Bina, *Turnkey, Built, Operate & Transfer (BOT)* dan seumpamanya.

7.7 Surat Setujuterima Tender

7.7.1 Surat Setujuterima Tender ialah surat pengesahan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen tender dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui yang berkaitan dengan kontrak tersebut. Surat ini merupakan dokumen perundangan dan sebahagian daripada kontrak yang sah. Satu ikatan kontrak mula wujud di antara Kerajaan dengan petender setelah Surat Setujuterima Tender ditandatangani dan dikembalikan oleh petender kepada Kerajaan. Surat Setujuterima Tender haruslah dielakkan daripada unsur-unsur bersyarat di dalam isi kandungannya.

7.7.2 Surat Setujuterima Tender ialah surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender, syarat yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. Sehubungan dengan itu, apa-apa syarat yang telah dipersetujui sebelumnya hendaklah dinyatakan dengan jelas dan persetujuan tersebut merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. Surat Setujuterima ialah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak.

[19] SPP 5/2007 bertarikh 27 Feb 2007

7.7.3 Apabila semua perkara telah diselesaikan dan tiada rundingan lanjut diperlukan, Surat Setujuterima hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperolehi dan dalam tempoh sah laku tender.

7.7.4 Setelah kelulusan diterima daripada Lembaga Perolehan/Jawatankuasa Khas dan kelulusan daripada Perbendaharaan (sekiranya harga tender yang akan disetujuterima melebihi RM100 juta) tender disetujuterima dengan pengeluaran Surat Setujuterima Tender melalui borang JKR 203D-Pin.1/2011 (Lihat Lampiran 7L).

7.7.5 Sebelum Surat Setujuterima Tender dikeluarkan, pengesahan hendaklah dibuat dengan Jabatan/Kementerian Pelanggan mengenai peruntukan. Bagi projek bangunan, jumlah anggaran projek - termasuk harga tender yang diterima, kos yang berkaitan yang tidak dimasukkan di dalam harga tender seperti bayaran kepada pihak berkuasa kerajaan tempatan peruntukan untuk pelarasan perubahan harga dan kontingensi dan lain-lain hendaklah disediakan dengan menggunakan borang ”As Tendered Detailed Abstract (ATDA) PWD 142B – Rev. ’91”. (Rujuk Bab 4 - Lampiran 4C). Jabatan/Kementerian Pelanggan hendaklah mendapatkan pengesahan daripada Perbendaharaan tentang terdapatnya peruntukan sebelum mengarahkan JKR meneruskan dengan pengeluaran Surat Setujuterima Tender.[20]

7.7.6 Surat Setujuterima Tender hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa Menandatangani Kontrak. Kuasa bagi menandatangani Surat Setujuterima Tender adalah pegawai awam yang diberi kuasa di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973)[21] (Rujuk Bab 8 – Lampiran 8C).

7.7.7 Setelah Surat Setujuterima Tender ditandatangani, ia hendaklah diserahkan kepada petender yang berjaya dan salinannya hendaklah diserahkan kepada pihak-pihak yang berkaitan sepertimana tersenarai di dalam contoh Surat Setujuterima Tender. (Rujuk: JKR. 203D-Pin. 1/2011).

[20] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1/2000 bertarikh 29.2.00.

[21] Pemberian Kuasa Daripada Menteri Kerja Raya Untuk Menandatangani Kontrak-Kontrak Kerajaan – Sek.2 Akta Kontrak Kerajaan 1949(Disemak 1973) KKR.BK.400-12/2/9 Jld.8(79) bertarikh 14 Julai 2009

7.8 Surat Pemberitahuan Penerimaan Tender

7.8.1 Surat Pemberitahuan Penerimaan Tender ialah surat yang dikemukakan kepada petender yang berjaya bersama-sama dengan Surat Setujuterima Tender. Walaubagaimanapun surat ini tidak menjadi sebahagian daripada Kontrak.

LAMPIRAN 7A

BORANG Q14A/2005/A

KERTAS PERAKUAN TENDER KEPADA
LEMBAGA PEROLEHAN 'A' JABATAN KERJA RAYA

Bil. ……

Cawangan …….
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya
Jalan Sulatan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur.

Kepada: Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Perolehan 'A'
Jabatan Kerja Raya

Tarikh:

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN :
KEMENTERIAN :
KEPALA PERBELANJAAN :
PECAHAN KEPALA PERBELANJAAN :

NAMA TENDER .....

Sejumlah (.....) tender telah diterima seperti yang dijadualkan.
Tender yang layak dipertimbangkan dan paling menguntungkan untuk disetujuterima adalah:-

RUJ.	NAMA & ALAMAT PETENDER	KEDUDUKAN TENDER	HARGA (RM)	TEMPOH SIAP KERJA

(.....)
Pengarah Cawangan .....
Ibu Pejabat JKR Malaysia

KEPUTUSAN LEMBAGA PEROLEHAN JKR

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Bahagian Perolehan Kerajaan) / Wakil

.....
( )

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya / Wakil

.....
( )

Pengerusi Lembaga Perolehan Jabatan Kerja Raya

.....
( )

LAMPIRAN 7B

BORANG Q14A/2005/B

KERTAS PERAKUAN TENDER KEPADA
LEMBAGA PEROLEHAN 'B' JABATAN KERJA RAYA

Bil. ……..

Cawangan …….
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya
Jalan Sulatan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur.

Kepada: Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Perolehan 'B'
Jabatan Kerja Raya

Tarikh:

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN :
KEMENTERIAN :
KEPALA PERBELANJAAN :
PECAHAN KEPALA PERBELANJAAN :

NAMA TENDER .....

Sejumlah (.....) tender telah diterima seperti yang dijadualkan.
Tender yang layak dipertimbangkan dan paling menguntungkan untuk disetujuterima adalah:-

RUJ.	NAMA & ALAMAT PETENDER	KEDUDUKAN TENDER	HARGA (RM)	TEMPOH SIAP KERJA

(.....)
Pengarah Cawangan .....
Ibu Pejabat JKR Malaysia

KEPUTUSAN LEMBAGA PEROLEHAN JKR

Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran / Wakil

……
( )

Pengarah Cawangan JKR

……
( )

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya / Wakil

.....
( )

Pengerusi Lembaga Perolehan Jabatan Kerja Raya

……
( )

LAMPIRAN 7C

BORANG Q14A/2005/A

KERTAS PERAKUAN TENDER KEPADA
LEMBAGA PEROLEHAN 'A' KEMENTERIAN KERJA RAYA

Bil. ……

Cawangan ……
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya
Jalan Sulatan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur.

Kepada: Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Perolehan 'A'
Kementerian Kerja Raya

Tarikh:

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN :
KEMENTERIAN :
KEPALA PERBELANJAAN :
PECAHAN KEPALA PERBELANJAAN :

NAMA TENDER .....

Sejumlah (.....) tender telah diterima seperti yang dijadualkan.
Tender yang layak dipertimbangkan dan paling menguntungkan untuk disetujuterima adalah:-

RUJ.	NAMA & ALAMAT PETENDER	KEDUDUKAN TENDER	HARGA (RM)	TEMPOH SIAP KERJA

(.....)
Pengarah Cawangan .....
Ibu Pejabat JKR Malaysia

KEPUTUSAN LEMBAGA PEROLEHAN KKR

Ketua Pengarah Kerja Raya / Wakil

……
( )

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Bahagian Perolehan Kerajaan) / Wakil

.....……
( )

Pengerusi Lembaga Perolehan 'A' Kementerian Kerja Raya

…….....……
( )

LAMPIRAN 7D

BORANG Q14A/2005/B

KERTAS PERAKUAN TENDER KEPADA
LEMBAGA PEROLEHAN 'B' KEMENTERIAN KERJA RAYA

Bil. ……

Cawangan ……
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya
Jalan Sulatan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur.

Kepada: Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Perolehan 'B'
Kementerian Kerja Raya

Tarikh:

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN :
KEMENTERIAN :
KEPALA PERBELANJAAN :
PECAHAN KEPALA PERBELANJAAN :

NAMA TENDER .....

Sejumlah (.....) tender telah diterima seperti yang dijadualkan.
Tender yang layak dipertimbangkan dan paling menguntungkan untuk disetujuterima adalah:-

RUJ.	NAMA & ALAMAT PETENDER	KEDUDUKAN TENDER	HARGA (RM)	TEMPOH SIAP KERJA

(.....)
Pengarah Cawangan .....
Ibu Pejabat JKR Malaysia

KEPUTUSAN LEMBAGA PEROLEHAN KKR

Ketua Pengarah Kerja Raya / Wakil

……
( )

Setiausaha Bahagian Kementerian Kerja Raya / Wakil

……
( )

Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran / Wakil

……
( )

Pengerusi Lembaga Perolehan Kementerian Kerja Raya

……
( )

LAMPIRAN 7E

Borang Q14/1987

KERTAS PERAKUAN TENDER
KEPADA
LEMBAGA TENDER JABATAN KERJA RAYA

1. **Nama Tender**

.....
.....

2. **Jenis Tender**

(Sama ada Tempatan, Terbuka, Tender Khas Bumiputera, Pilihan Khas atau Antarabangsa)
.....

3. **Pembiayaan**

(Sama ada daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Bank Dunia ADB/IDB atau lain-lain)

.....

4. **Butir-butir Tender :**

4.1 Tarikh diiklan : .....

4.2 Tarikh iklan ditutup : .....

4.3 Tarikh tamat sah tender : .....

4.4 Salinan Fotostat iklan hendaklah dikemukakan sebagai **Lampiran 'A'**.

5. **Jadual Tender**

5.1 Sertakan Jadual Tender Borang JKR 28/Pin 87 sebagai **Lampiran 'B'**.

5.2 Jadual Tender mengikut susunan harga sebagai **Lampiran 'C'**.

6. **Kertas Laporan Penilaian Tender**

6.1 Penilaian dan Perakuan yang disediakan sebagai **Lampiran 'D'**.

6.2 Penilaian tender yang disediakan oleh Juruperunding sebagai sebahagian daripada **Lampiran 'D'**.

6.2.1 Nama Juruperunding :……

6.2.2 Alamat Juruperunding: …….

LAMPIRAN 7F

Borang Q14/1979 Pin. 85

KERTAS PERAKUAN TENDER
KEPADA LEMBAGA TENDER KEMENTERIAN KERJA RAYA

1. **Nama Tender :**
.....

2. **Jenis Tender :**
(Samada Tempatan, Terbuka, Tawaran Khas Bumiputera, Pilihan Khas atau Antarabangsa)
.....

3. **Pembiayaan :**
(Samada daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Bank Dunia ADB/IDB atau lain-lain)
.....

4. **Butir-butir Iklan :**

4.1 Tarikh diiklan : .....

4.2 Tarikh iklan ditutup : .....

4.3 Tarikh tamat sah tender : .....

4.4 Salinan fotostat iklan hendaklah dikemukakan sebagai **Lampiran 'A'**.

5. **Jadual Tawaran :**

5.1 Sertakan Jadual Tawaran, Borang JKR 28/Pin. 85 sebagai **Lampiran 'B'**.

5.2 Jadual Tawaran mengikut susunan harga sebagai **Lampiran 'C'**.

6. **Kertas Laporan Penilaian Tender :**

6.1 Penilaian dan Perakuan yang disediakan sebagai **Lampiran 'D'**.

6.2 Penilaian tender yang disediakan oleh juruperunding sebagai sebahagian dari **Lampiran 'D'**.

6.2.1 Nama Juruperunding

.....

6.2.2 Alamat Juruperunding
.....

7. **Juru-juru Perunding Yang Terlibat Di Dalam Projek Ini :**

.....

LAMPIRAN 7G

Borang JKR 28/Pin.87

JADUAL TENDER KERJA

(Untuk Disediakan Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender)

Tender : .....

.....

Tarikh Tender Tutup :	Jenis Tender	Kelas/Kepala/Sub-Kepala yang ditetapkan	Anggaran Jabatan
Haribulan :	……	……..	…….
Jam:……..			

Bil.	Nama Kontraktor	Kelas	Taraf	Harga(RM)	Tempoh Siap
.	.	.	.	.	.
.	.	.	.	.	.
.	.	.	.	.	.
.	.	.	.	.	.

Sebanyak ( ) tender telah diterima dan dibuka pada jam ..... seperti terjadual di atas.

.....
(.....)
(Pengerusi)
Nama:
Jawatan:
Tarikh:

.....
(.....)
(Ahli)
Nama:
Jawatan:
Tarikh:

LAMPIRAN 7H

Lampiran C

KERTAS PERAKUAN TENDER

KEPADA

LEMBAGA TENDER JABATAN KERJA RAYA

JADUAL TENDER

(Mengikut Susunan Harga Tender Asal)

Tender : .....

.....

Bil.	No. Ruj.	Nama Petender	Kelas	Taraf	Harga (RM)	** % Kp	Tempoh Siap
.		.	.	.	.	.	.
.		.	.	.	.	.	.
.		.	.	.	.	.	.
.		.	.	.	.	.	.

LAMPIRAN 7I

Lampiran D

LAPORAN PENILAIAN TENDER

1.0 Latarbelakang Tender

i)	Nama Tender	:
ii)	Anggaran J K R	:
iii)	Tarikh Tutup Tender	:
iv)	Tarikh Tamat Sah Laku Tender	:
vi)	Tarikh Kerja Dijangka Bermula	:
vii)	Jenis Tender	:

2.0 Skop Kerja

(Nyatakan dengan jelas skop kerja yang berkaitan dengan perlaksanaan projek yang dicadangkan)

3.0 Penerimaan Tender

(Bilangan dan lingkungan harga yang ditenderkan dari yang terendah hingga yang tinggi dan tempoh siap kerja yang ditender)

4.0 Lawatan Tapak

(Nyatakan tarikh lawatan yang diadakan)

5.0 Anggaran Jabatan

(Nyatakan Anggaran Jabatan projek)

6.0 Tempoh Siap Kerja

7.0 Metodologi Penilaian

8.0 Penilaian Tender

8.1 Pendahuluan

8.2 Penilaian Peringkat Pertama

8.2..1 Kesempurnaan Tender

Borang 1 adalah berkaitan.

8.2..2 Kecukupan Dokumen

Borang 2 adalah berkaitan.

8.2..3 Kecukupan Modal Minimum

Borang 3 adalah berkaitan.

8.2.4 **Prestasi Kerja Semasa**

Borang 4 adalah berkaitan.

8.2.5 Keputusan Penilaian Awal/Peringkat Pertama

Borang 5 dan 6 adalah berkaitan.

8.3 Penilaian Peringkat Kedua / Faktor Rendahan Harga (FRH) Bagi Tender Kategori Kecil atau Penilaian Keupayaan Kewangan Dan Teknikal Bagi Tender Kategori Besar

Borang 7 dan 8 adalah berkaitan untuk Tender Kategori Kecil

Borang 7, 8, 9, 9a, 9b, 10, 11, 12a, 12b, 12c dan 13 adalah berkaitan untuk Tender Kategori Besar

8.4 Penilaian Peringkat Ketiga / Faktor Rendahan Harga (FRH) Bagi Tender Kategori Besar

Borang 14 adalah berkaitan.

8.5 Ringkasan Penilaian Tender

8.4.1 Petender ……..

Petender : **……**

Harga : **……**

Tempoh siap : **……**

Status : **……**

9.0 PENGESYORAN JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER JABATAN

A Adalah diperakukan bahawa senarai petender-petender yang **layak** dipertimbangkan berdasarkan keutamaan berikut:

RUJ	NAMA PETENDER	KEDUDUKAN TENDER	HARGA (RM) / TEMPOH	ASAS PERAKUAN
		Ke- Terendah	RM Minggu	
	HARGA CUT-OFF		RM	
		Ke- Terendah	RM Minggu	

B. Adalah diperakukan bahawa senarai petender-petender yang **tidak layak** dipertimbangkan adalah seperti berikut :

RUJ	NAMA PETENDER	KEDUDUKAN TENDER	HARGA (RM) / TEMPOH	ASAS PENOLAKAN
		Ke- Terendah	RM Minggu	
	HARGA CUT-OFF		RM	
		Ke- Terendah	RM Minggu	

9.0 PERAKUAN JABATAN

C. Berdasarkan kepada kenyataan di atas, adalah diperakukan bahawa tender yang layak dipertimbangkan dan paling menguntungkan untuk disetujuterima adalah :

RUJ	NAMA & ALAMAT PETENDER	KEDUDUKAN TENDER	HARGA (RM)	TEMPOH SIAP KERJA

Pegawai Yang Menilai :

……..
(**…….**)

Pegawai Yang Memperakukan :

…… ……
(**……**) (**……**)

.....
(.....)
Pengarah

LAMPIRAN 7J

JADUAL SEMAKAN KESILAPAN PENGIRAAN HARGA TENDER
(MENGIKUT SUSUNAN HARGA)

TENDER UNTUK :

TARIKH TENDER DITUTUP :

No.	Perkara	Anggaran Jabatan	Tender Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 2 Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 3 Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 4 Terendah Ruj. Tender
Jumlah						
Harga Di Borang Tender JKR 203B						
Tambahan/Kurangan (Kesilapan/Diskaun)						
Peratus Tambahan/Kurangan (Kesilapan/Diskaun)						
Tempoh Penyiapan (Minggu)						

CONTOH

SURAT NIAT

.....

….....

.....

.....

Tuan,

……

……

Merujuk kepada tender *bekalan/perkhidmatan/kerja tuan yang tersebut di atas, Kerajaan Malaysia ingin memberitahu tuan bahawa pada amnya terma-terma tender tuan boleh diterima oleh Kerajaan.

2. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak dapat menerima tender tuan tanpa perbincangan/rundingan lanjut dengan tuan berhubung dengan terma-terma tertentu untuk kontrak yang dicadangkan itu, terutama terma-terma yang berkenaan dengan perkara-perkara berikut:

*2.1 harga tender;
*2.2 pembiayaan kontrak yang dicadangkan;
*2.3 penyertaan tenaga kerja tempatan/Bumiputera;
*2.4 pemindahan teknologi/latihan/guna tenaga tempatan;
*2.5 terma-terma pembayaran;
*2.6 kandungan tempatan - berhubung dengan misalnya bahan-bahan, ejen pengembaraan, pengangkutan, insurans dan lain-lain.
*2.7 .....….

3. Bagi tujuan perbincangan/rundingan, Kerajaan bercadang untuk mengadakan mesyuarat di antara wakil-wakil Kerajaan dengan pihak tuan. Sila nyatakan secara rasmi persetujuan tuan untuk berbincang/berunding *dalam tempoh ..... hari daripada tarikh surat ini. Jika tuan bersetuju, tarikh
mesyuarat akan ditetapkan kelak.

4. Surat ini adalah RAHSIA KERAJAAN dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak lain.

5. Surat ini hanyalah suatu surat niat dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima Kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

.....……..
(Tandatangan Pegawai)

* Potong jika tidak berkenaan

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA

SURAT SETUJUTERIMA TENDER

Rujukan: Pejabat: …….....

…….....

…….....

Tarikh: …….....

Kepada:

.....…….....

.....…….....

.....…….....

(Kontraktor)

(Berdaftar dengan PKK dalam Kelas " "
Bertaraf Bumiputra/Bukan Bumiputra*)

Tuan,

Tender untuk .....

.....

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga Ringgit: ..... iaitu RM …….. disetujuterima, tertakluk kepada had, syarat dan perjanjian dalam Dokumen Tender yang menjadi asas Tender ini dan juga had serta syarat yang dinyatakan di dalam surat ini.

2. Tuan dikehendaki melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Bagaimanapun, sehinggalah Perjanjian Kontrak yang formal itu dilaksanakan, Tender tuan berserta Surat Setujuterima Tender ini akan menjadi kontrak yang sah mengikat di antara tuan dan Kerajaan .

3. Bersama surat ini dikembarkan pelarasan harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Tender atau Senarai Kuantiti, mengikut yang mana berkenaan, setelah ditelilti dan diselaraskan oleh Kerajaan tentang kemunasabahannya menurut klausa 26.2 syarat-syarat kontrak, yang mana akan menjadi sebahagian daripada terma-terma kontrak. Untuk makluman tuan, Jumlah Harga Kontrak seperti di atas adalah kekal dan tidak berubah.

---

*Batalkan yang mana tidak berkenaan

4. Tuan dikehendaki menyatakan pilihan kaedah Bon Pelaksanaan sama ada:-

(i) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan); atau
(ii) Jaminan Syarikat Kewangan; atau
(iii) Jaminan Insurans/Takaful; atau
(iv) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) Jumlah Harga Kontrak.

5. Sekiranya tuan memilih kaedah di para 4(i), 4(ii) atau 4(iii), tuan hendaklah menyerahkan Bon Pelaksanaan bernilai RM …….... dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Kerajaan berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan.

6. Tarikh milik tapak bina, seperti yang disebutkan dalam Syarat-syarat Kontrak, ialah pada..... Walau bagaimanapun, tuan hanya boleh memulakan kerja setelah tuan menyerahkan kepada Pegawai Penguasa perkara-perkara berikut:-

(a) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) nilai insurans tidak kurang daripada RM……

(b) Polisi Insurans Kerja: RM……

(c) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Walau bagaimanapun, bagi memulakan kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Nota-nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Penguasa. Tuan dikehendaki menyerahkan Polisi–polisi Insurans yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 6 di atas, dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota-nota Liputan diserahkan.

7. Kegagalan tuan memulakan kerja dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak akan mengakibatkan pengambilan kerja tuan di bawah kontrak ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-syarat Kontrak.

8. Pihak tuan juga dikehendaki untuk mengemukakan senarai nama-nama subkontraktor berserta pengalamannya dengan menyatakan bahagian-bahagian kerja yang terlibat kepada Pegawai Penguasa sebelum memulakan kerja di tapak bina untuk kelulusan. Sejajar dengan klausa 47.1 Syarat-syarat kontrak PWD 203/203A (Rev.2007/Rev.1/2010) tuan tidak boleh mengsub-kontrakkan keseluruhan kerja ataupun sebahagian tanpa kelulusan Pegawai Penguasa terlebih dahulu. Sekiranya Pegawai Penguasa meluluskan permohonan tuan untuk mengsub-kontrakkan sebahagian kerja atau keseluruhan kerja, kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada kontraktor mengikat perjanjian penyerahan hak (*Deed of Assignment*) dengan subkontraktor terlebih dahulu.

9. Pihak tuan juga dikehendaki untuk mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti yang dikepilkan kepada surat ini dan hendaklah mengembalikannya berserta dengan Surat Setujuterima Tender yang ditandatangani oleh pihak tuan kepada pejabat ini. Surat Akuan Pembida Berjaya tersebut,setelah ditandatangani akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

10. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang ditenderkan selama ……. hari/minggu/bulan*, Tarikh Siap untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini ialah ……..

11. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua (2) salinan. Sila nyatakan persetujuan tuan dengan mengembalikan salinan asal, yang telah ditandatangani oleh tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat ini.

.....
(Tandatangan Pegawai)

Nama Penuh:.....

Nama Jawatan:.....

Untuk dan bagi pihak Kerajaan.

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini bersetuju dengan syarat-syarat di atas termasuk pelarasan harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Tender atau Senarai Kuantiti, mengikut yang mana berkenaan; dan mengaku penerimaan surat di atas dan salinannya telah disimpan.

….. Tandatangan Kontraktor	..... Tandatangan Saksi
Nama Penuh:	Nama Penuh: .....
Atas Sifat:.....	Nama Jawatan: .....
	Alamat:.....
diberikan dengan sempurna untuk menandatangani untuk dan bagi pihak:	.....
	.....
..... Meterai atau Cop Kontraktor	
Tarikh:	Tarikh: .....

*Batalkan yang mana tidak berkenaan

s. k.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kewangan,
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan.

Ketua Penolong Setiausaha,
Cawangan Pembangunan Usahawan Negeri……,
Kementerian Kerja Raya.

Akauntan Perbendaharaan

Pengarah,
Cawangan Pengurusan Korporat,
lbu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.

Pengarah Cawangan.....
lbu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.

Pengarah,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,
lbu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.
(u.p: Urusetia Tender)

Pengarah JKR,
Negeri .....

Pengarah,
Pusat Khidmat Kontraktor,
Kementerian Kerja Raya.

Ketua Eksekutif,
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Penolong Pengarah Kanan,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.
Cawangan Negeri .....

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

(Tajuk dan Nombor Tender/Sebut Harga) .

Saya, **(Nama Wakil Syarikat)** nombor K.P**. .....** yang mewakili **(Nama Syarikat)** nombor Pendaftaran . **(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)** dengan ini mengisytiharkan mana-mana individu yang mewakil syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian/Agensi)** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian/Agensi)** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

(Tandatangan) .
(Nama dan No. K.P.)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

BAB 8

DOKUMEN KONTRAK

BAB 8 - DOKUMEN KONTRAK

8.1 Pendahuluan

8.1.1 Dokumen kontrak adalah merupakan suatu dokumen yang merekodkan terma-terma kontrak bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang berkontrak secara bertulis dan sangat penting dalam pelaksanaan kerja pembinaan. Di antara sebab lain mengapa Dokumen Kontrak diperlukan adalah seperti berikut:

(a) ia boleh menjelaskan skop kerja yang perlu dilakukan;

(b) menetapkan harga dan tempoh siap; dan

(c) menjelaskan tindakan yang boleh diambil jika terdapat sebarang kemungkiran atau pertikaian oleh mana-mana pihak.

8.1.2 Penyediaan Dokumen Kontrak hendaklah diuruskan oleh pejabat yang memanggil tender. Dokumen Kontrak hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa[1] oleh Menteri Kerja Raya[2] atau mana mana Menteri dari Kementerian yang berkenaan bagi pihak Kerajaan di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (semakan 1973) [Akta 120][3] dengan Kontraktor. Kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh Surat Setujuterima Tender.

8.2 Nombor Kontrak

8.2.1 Di Ibu Pejabat, pendaftaran Kontrak diurus oleh Bahagian Kewangan, Cawangan Pengurusan Perolehan Dan Harta, Kementerian Kerja Raya dan semua permohonan untuk mendapatkan nombor kontrak hendaklah menggunakan borang seperti dalam Lampiran 8A[4]. Di peringkat Negeri, pendaftaran Kontrak diuruskan oleh Pejabat JKR Negeri yang berkenaan. Satu

[1] SPP Bil.5/2007 bertarikh 27 Februari 2007
[2] Surat Pemberian Kuasa bil. KKR.BK.(S)400-12/2/9 Jld.8(79) bertarikh 14 Julai 2009
[3] Arahan Perbendaharaan 200.1
[4] Surat Pekeliling Kementerian Kerja Raya KRKA(K&B) 8/80 bertarikh 14 Oktober 1980.

sistem seragam bolehlah dirujuk kepada Ibu Pejabat JKR untuk menomborkan kontrak telah ditetapkan seperti berikut:

(i) Di Ibu Pejabat
JKR/PER/IP/CAWANGAN/NOMBOR SIRI/TAHUN di mana CAWANGAN ialah singkatan untuk Cawangan di Ibu Pejabat JKR

(ii) Di Peringkat Negeri
JKR/PER/NEGERI/NOMBOR SIRI/TAHUN di mana NEGERI ialah singkatan untuk negeri.

8.2.2 Singkatan yang digunakan untuk negeri adalah seperti berikut:

Johor	=	J
Kedah	=	K
Perlis	=	Ps
Kelantan	=	Kn
Melaka	=	M
N. Sembilan	=	N.S.
Pahang	=	Phg
Penang, Seberang Prai	=	P & PW
Perak	=	Pk
Selangor	=	Sel
Terengganu	=	T
Sarawak	=	*Swk*
Sabah	=	*Sbh*

8.3 Penyediaan Dokumen Kontrak

8.3.1 Format kulit Dokumen Kontrak hendaklah seragam dan menggunakan warna korporat JKR. Contoh format muka hadapan Dokumen Kontrak adalah seperti dalam Lampiran 8B[5].

[5] Surat Arahan KPKR bil. (28) dlm. KPKR/Sulit/A/091 SJ.I bertarikh 11 Jun 1991.

8.3.2 Kandungan Dokumen Kontrak hendaklah mengikut kandungan Dokumen Meja Tender.

(a) Kontrak berasaskan Senarai Kuantiti:

(i) Arahan Kepada Petender
(ii) Borang Tender (JKR 203 B-Pin.8/2008)
(iii) Surat Setujuterima Tender (JKR 203D-Pin 1/2011)
(iv) Borang Kontrak Piawai [P.W.D. FORM 203A (Rev. 1/2010)]
(v) Addenda kepada Syarat-syarat Kontrak
(vi) Peruntukan Khas Kepada Syarat-syarat Kontrak
(vii) Spesifikasi Piawai
(viii) Spesifikasi Addenda
(ix) Pengukuran, Perincian Dan Faktor Menghargakan Senarai Kuantiti (*Measurement, Amplification and Pricing Factor*-MAPF)
(x) Senarai Kuantiti / Ringkasan Tender / Jadual Kadar Harga
(xi) Jadual Kadar Harga Harian
(xii) Senarai Lukisan Untuk Tandatangani Oleh Kedua-dua Pihak
(xiii) Lukisan-Lukisan Yang Disenarai Di Dalam Senarai Lukisan

(b) Kontrak berasaskan Lukisan dan Spesifikasi:

(i) Arahan Kepada Petender
(ii) Borang Tender (JKR 203 C-Pin.8/2008)
(iii) Surat Setujuterima Tender (JKR 203 D-Pin.1/2011)
(iv) Borang Kontrak Piawai [P.W.D FORM 203 (Rev. 1/2010)]
(v) Addenda kepada Syarat-syarat Kontrak
(vi) Peruntukan Khas Kepada Syarat-syarat Kontrak
(vii) Spesifikasi Piawai
(viii) Spesifikasi Addenda
(ix) Jadual Kadar Harga
(x) Jadual Kadar Harga Harian
(xi) Senarai Lukisan Untuk Di Tandatangani Oleh Kedua-dua Pihak
(xii) Lukisan-Lukisan Yang Disenarai Di Dalam Senarai Lukisan

8.4 Pindaan Kandungan Dokumen Kontrak

8.4.1 Lazimnya Dokumen Kontrak hendaklah mengandungi dokumen-dokumen yang sama dengan Dokumen Tender dan Dokumen Meja Tender. Segala pindaan yang telah dibuat dalam Dokumen Tender yang diserahkan kepada petender atau Dokumen Meja Tender, mestilah dimasukkan dalam Dokumen Kontrak.

8.4.2 Sebarang pindaan ke atas maklumat yang tercatat dalam Dokumen Kontrak mestilah ditandatangani oleh kedua-dua pihak iaitu Kontraktor dan pegawai yang menyediakannya[6].

8.5 Pelarasan Harga dan Kadar harga

8.5.1 Ringkasan Tender, Senarai Kuantiti dan Jadual Kadar Harga akan diteliti dan diselaraskan untuk memastikan kemunasabahannya, sebelum tender disetujuterima sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Syarat–Syarat Kontrak yang berkenaan. Pelarasan harga hendaklah tidak mengubah Jumlah Harga seperti di dalam Borang Tender. Pegawai yang menyediakan Dokumen Kontrak hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

(a) Kesalahan perkiraan dalam Senarai Kuantiti atau Ringkasan Tender mestilah diperbetulkan.

(b) Harga dan kadar harga dalam Senarai Kuantiti hendaklah diselaraskan agar jumlah harga setiap elemen/komponen atau butiran dalam Ringkasan Harga adalah mengikut peratus pengagihan yang telah dipersetujui oleh Kontraktor sebelum tender di setujuterima.

(c) Bagi Kontrak berasaskan Senarai Kuantiti, kadar harga dan harga-harga dalam Senarai Kuantiti juga mesti disemak dan diselaraskan untuk memastikan keseragaman kadar harga.

[6] Surat Arahan KPKR bil.(57) dlm JKR.KPKR 020.050/03 klt.6 bertarikh 21 Februari 2006

(d) Bagi Kontrak berasaskan Lukisan dan Spesifikasi, harga-harga dalam Ringkasan Tender perlu diselaraskan mengikut peratus pengagihan harga yang telah dipersetujui oleh Kontraktor sebelum tender disetujuterima.

(e) Pelarasan peratusan untuk kadar harga atau kadar harga pindaan dalam Jadual Kadar Harga mestilah juga disemak dengan teliti dan diselaraskan untuk memastikan kemunasabahannya.

(f) Butiran-butiran Wang Peruntukan Sementara dan Wang Kos Prima tidak boleh diselaraskan.

Tujuan bagi proses pelarasan hendaklah merujuk kepada surat arahan KPKR dari masa ke semasa.

8.6 Menandatangani Dokumen Kontrak

8.6.1 Dokumen Kontrak mestilah ditandatangani oleh Kontraktor dan pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (semakan 1973) [Akta 120][7]. Tarikh kontrak ialah tarikh Dokumen Kontrak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri.

8.6.2 Sebelum seseorang wakil Kontraktor dibenarkan untuk menandatangani Dokumen Kontrak, beliau hendaklah mengemukakan salinan resolusi rasmi syarikat atau sebarang dokumen yang dapat membuktikan bahawa beliau diberi kuasa untuk menandatangani Dokumen Kontrak bagi pihak Kontraktor. Nombor kad pengenalan dan nama penuh sesiapa yang menandatangani Dokumen Kontrak hendaklah direkod di dalam Dokumen itu. Nombor kad pengenalan dan nama saksi juga hendaklah direkod.

8.6.3 Pegawai JKR yang diberi kuasa untuk menandatangani Dokumen Kontrak bagi pihak Kerajaan adalah pegawai yang diwakilkan oleh Menteri Kerja Raya mengikut pemberian kuasa di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973)[8]. Jawatan pegawai-pegawai pada masa kini yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan dan had kuasa mereka adalah seperti ditunjukkan di Lampiran 8C**.**

[7] Arahan Perbendaharaan 200.1
[8] Surat Pemberian Kuasa bil. KKR.BK.(S)400-12/2/9 JILID 8(79) bertarikh 14 Julai 2009

8.7 Mematikan Setem

8.7.1 Borang Syarat-syarat Kontrak Piawai [P.W.D. 203/203A (Rev.1/2010)] memperuntukkan keperluan kontraktor membayar duti setem dalam pelaksanaan perjanjian kontrak dengan Kerajaan. Namun demikian, pengecualian kontraktor daripada membayar duti setem apabila mengemukakan dokumen kontrak tertakluk kepada pengecualian daripada Y.B Menteri Kewangan.

8.8 Pengedaran Dokumen Kontrak

8.8.1 Dua salinan asal Dokumen Kontrak hendaklah disediakan. Bilangan salinan Dokumen Kontrak yang cukup hendaklah disediakan untuk diedarkan seperti berikut:-

(a)	Pejabat yang menyediakan Dokumen Kontrak	- 1 salinan asal dengan Lukisan
(b)	Kontraktor Utama	- 1 salinan asal dengan Lukisan
(c)	Pegawai Penguasa (P.P.)	- 1 salinan dengan lukisan dan satu salinan tanpa lukisan
(d)	Wakil P.P. Utama	- 1 salinan dengan lukisan dan satu salinan tanpa lukisan
(e)	Wakil P.P. Pakar (Ukur Bahan) (Jika dilantik mengawasi Projek)	- 1 salinan dengan lukisan dan satu salinan tanpa lukisan
(f)	Cawangan Portfolio di Ibu Pejabat JKR	- 1 salinan dengan lukisan dan satu salinan tanpa lukisan
(g)	Caw. Kontrak dan Ukur Bahan JKR Negeri (Jika dilantik mengawasi Projek)	- 1 salinan dengan lukisan dan satu salinan tanpa lukisan

(h)	Akauntan Kementerian Kerja Raya atau pihak berkuasa lain yang membuat pembayaran	- 2 salinan tanpa lukisan
(i)	Bank atau Syarikat yang mengeluarkan Bon Perlaksanaan	- 1 salinan tanpa lukisan
(j)	Kementerian/Jabatan Pelanggan	- 1 salinan dengan lukisan (jika diminta)

8.9 Penyimpanan Dokumen Kontrak

8.9.1 Salinan asal Dokumen Kontrak hendaklah disimpan dengan selamat dalam bilik berkunci di pejabat di mana Dokumen Kontrak disediakan. Dokumen tersebut hendaklah disimpan di tempat yang mudah untuk diperolehi apabila ianya dikehendaki.

LAMPIRAN 8A

CONTOH
SURAT PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN
NOMBOR KONTRAK

Surat Kami:

Ketua Setiausaha
Bahagian Kewangan
Cawangan Pengurusan Perolehan dan Harta
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
Kuala Lumpur

Tuan

Permohonan untuk mendapatkan Nombor Kontrak bagi Projek:

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan bersama-sama ini diperturunkan butir-butir mengenai projek tersebut dan diharap dapat memberi Nombor Pendaftaran Kontrak dengan seberapa segera.

a) Butir-butir kerja:
b) Harga:
c) Nama dan Alamat Pemborong:
d) Kelas Pemborong:
e) Kepala Perbelanjaan di dalam Anggaran Perbelanjaan:
Kepala: Pecahan Kepala:
f) Cawangan:
g) Tarikh mula kerja:
h) Tarikh siap kerja:
i) * Jenis Tender : Terbuka/Bumiputra/Terpilih/Antarabangsa
j) * Taraf Pemborong: Bumiputra/Bukan Bumiputra
k) Dimajukan satu (1) salinan Surat Setujuterima Tender.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Nama: ……

Jawatan: ……

Cawangan: ……

Tandatangan: ……

*Potong mana yang tidak berkenaan.

LAMPIRAN 8A (samb)

Pengarah
Cawangan .....
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
Kuala Lumpur

Tuan

Permohonan untuk mendapatkan Nombor Kontrak bagi Projek:

.....……

Kontrak yang tersebut di atas telah didaftarkan sebagai kontrak

bil. JKR/PER/.....……

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah

(……)
Bahagian Kewangan
Cawangan Pengurusan Perolehan Dan Harta
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia

LAMPIRAN 8B

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

DOKUMEN KONTRAK

UNTUK

(Nama Projek)

NO. KONTRAK :

JILID :

(Bulan/Tahun)

KETUA PENGARAH KERJA RAYA
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50582 KUALA LUMPUR

LAMPIRAN 8C

SENARAI PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK BAGI PIHAK KERAJAAN

Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949
(Disemak 1973)

NO.	JAWATAN	HARGA KONTRAK (Tidak Melebihi)
1.	Ketua Pengarah Kerja Raya	RM100 juta
2.	Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya	RM50 juta
3.	Pengarah Kanan Cawangan	RM20 juta
4.	Pengarah Cawangan	RM10 juta
5.	Pengarah Kerja Raya Negeri/Wilayah	RM10 juta
6.	Pengarah Bekalan Air Negeri	RM5 juta
7.	Pengarah JKR Unit Khas KESEDAR	RM5 juta
8.	Timbalan Pengarah Kerja Raya Negeri /Wilayah	RM5 juta
9.	Ketua Penolong Pengarah Kanan Elektrik (Penyelenggaraan), Jalan Cheras	RM3 juta
10.	Ketua Penolong Pengarah Kanan Mekanikal (Worksyop Persekutuan), Jalan Cheras	RM3 juta
11.	Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua Penolong Pengarah (Elektrik) Negeri	RM3 juta
12.	Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua Penolong Pengarah (Mekanikal) Negeri	RM3 juta
13.	Jurutera Daerah/Jajahan	RM1 juta
14.	Jurutera Bekalan Air Daerah/Wilayah/Bahagian	RM1 juta

BAB 9

PENYEDIAAN, PENGESANAN KEMAJUAN DAN REKOD TAPAK BINA

PENYELIAAN, PEMANTAUAN KEMAJUAN DAN REKOD TAPAK BINA

9.1 Pendahuluan

9.1.1 Pentadbiran Kontrak adalah tanggungjawab Pegawai Penguasa (P.P.). Pelaksanaan Kerja diselia oleh Wakil P.P. yang diberi kuasa untuk menjalani tugas itu dan yang diwakilkan kuasa untuk bertindak atas perkara-perkara khusus oleh P.P..

9.1.2 Kerja-kerja pembinaan bermula dalam tempoh yang ditetapkan dalam Surat Setujuterima Tender. Semasa kerja dilaksanakan, kemajuannya dipantau untuk memastikan ianya disiapkan mengikut tempoh yang dibenarkan di dalam Kontrak. Mesyuarat tapak bina hendaklah diadakan untuk memantau kemajuan dan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit daripada pelaksanaan kerja. Rekod-rekod tapak bina juga disimpan melalui penggunaan buku harian tapak bina, lukisan-lukisan dan lain-lain bagi memastikan adanya maklumat untuk pelbagai tujuan di antaranya membuat keputusan dalam pentadbiran Kontrak dan penyelesaian tuntutan daripada kontraktor.

9.2 Pegawai Penguasa (P.P.), Kuasa Dan Tugas-Tugasnya[1]

9.2.1 Pentadbiran Kontrak bagi maksud pelaksanaan Kerja adalah tanggungjawab P.P..Pegawai yang akan dilantik menjadi P.P. bergantung kepada had nilai Kerja, pejabat (sama ada Ibu Pejabat atau Daerah) yang ditugaskan menyelia pelaksanaan Kerja dan lokasi Kerja tersebut, menurut peraturan-peraturan seperti di Lampiran 9A[2]

9.2.2 P.P. diberi kuasa membuat keputusan atas semua perkara berhubung dengan Kontrak kecuali perkara-perkara di bawah peruntukan khusus dalam Kontrak yang dikhaskan kepada pegawai yang dinamakan dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak.

---

[1] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011

[2] Surat Arahan KPKR Bil 6/2009 ruj:.(1)dlm JKR.:KPKR:020.050/03 Klt 9 bertarikh 02.09.2009

9.2.3 Kuasa P.P. untuk mengarah perubahan kerja adalah tertakluk kepada peruntukan Arahan Perbendaharaan 202 yang berkehendakkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melulus.

9.2.4 P.P. adalah bertanggungjawab untuk memastikan Kontraktor menjalankan Kerja menurut peruntukan Kontrak dan obligasi Kerajaan ditunaikan. Di antara lain, P.P. hendaklah :

(a) memastikan kualiti bahan yang digunakan dan tahap mutu kerja adalah mematuhi Kontrak;

(b) memastikan peraturan-peraturan pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa lain yang mempengaruhi Kerja tersebut dipatuhi semasa pelaksanaan kerja;

(c) memastikan Kontraktor tidak mengabaikan hal kebajikan pekerjanya, khususnya berkaitan dengan keselamatan dan perlindungan insurans, dan pekerja-pekerja menerima gaji yang kena dibayar kepada mereka;

(d) memastikan tempoh liputan insurans yang diperlukan di bawah peruntukan yang berkenaan dalam Kontrak tidak luput semasa kerja-kerja sedang berjalan, dan jika perlu mengambil tindakan melanjutkan tempohnya;

(e) memantau kemajuan Kerja Kontraktor dan jika perlu mengambil tindakan awal untuk memberi lanjutan masa atau mengenakan ganti rugi tertentu dan ditetapkan dan/atau menamatkan pengambilan kerja Kontraktor; dan

(f) memastikan Kerajaan menunaikan obligasinya di bawah Kontrak kepada Kontraktor:

(i) Kontraktor tidak dihalang atau disekat atau ditegah daripada menjalankan kerja-kerjanya sejajar dengan Kontrak;

(ii) kelulusan dan keputusan yang dipohon oleh Kontraktor diberi dengan segera; dan

(iii) bayaran kepada Kontraktor disediakan dengan segera dan mematuhi peruntukan yang berkenaan dalam Kontrak.

9.3 Wakil Pegawai Penguasa, Tugas Dan Kuasanya

9.3.1 P.P. adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran Kontrak dan boleh mewakilkan kuasanya untuk penyeliaan, pelaksanaan kerja dan tugas-tugas lain kepada Wakil P.P..

9.3.2 P.P. boleh mewakilkan kuasanya kepada lebih daripada seorang pegawai untuk melaksanakan tugas-tugas bagi pihaknya seperti berikut[3]:

(a) Wakil P.P. Utama

Pegawai yang diwakilkan kuasa untuk menyelia dan mengarah pelaksanaan Kerja secara keseluruhan.

(b) Wakil P.P. Pakar

(i) Jurutera Elektrik atau Mekanikal atau pakar-pakar lain yang diwakilkan kuasa untuk menyelia pelaksanaan kerja elektrik atau kerja mekanikal atau kerja pakar yang lain atau bekalan bahan-bahan atau barang-barang.

(ii) Jurukur Bahan yang diwakilkan kuasa bagi memberi perkhidmatan ukur bahan.

9.3.3 Apabila mewakilkan kuasa kepada wakilnya, P.P. hendaklah:

(a) memastikan pegawai tersebut ialah pegawai teknikal dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional;

(b) berpuas hati bahawa pegawai berkenaan mempunyai kebolehan dan pengalaman yang perlu untuk memikul tanggungjawab yang diwakilkan kepadanya; dan

[3] Surat Arahan KPKR Bil.6/2009 ruj:(1)dlm.JKR:KPKR 020.050/03 Klt.9 bertarikh 02.09.2009

(c) memberi perhatian bahawa hak untuk mengambil tindakan di bawah klausa-klausa 51 , 52, 53, 58 dan 66 berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev.1/2010) adalah seperti di Lampiran 9C. Pegawai Yang Berkuasa menandatangani perakuan-perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203/203A adalah seperti Lampiran 9D.

9.3.4 Kontraktor hendaklah dimaklumkan mengenai perlantikan Wakil P.P. dan kuasa yang diwakilkan kepadanya. Surat piawai bagi perwakilan kuasa dan pemberitahuan kepada Kontraktor berdasarkan P.W.D. FORM 203/203A (Rev. 1/2010) seperti di Lampiran 9E, 9F, 9G, 9H, 9I berikut:

Lampiran		Bagi Perwakilan Kuasa
9E	-	Kepada Wakil P.P. Utama untuk penyeliaan dan arahan pelaksanaan kerja secara keseluruhan.
9F	-	Kepada Wakil P.P. Pakar untuk penyeliaan kerja-kerja tertentu di bawah subkontrak dinamakan.
9G	-	Kepada Wakil P.P. Pakar untuk penyeliaan pembekalan bahan-bahan dan barang-barang tertentu di bawah subkontrak dinamakan.
9H	-	Kepada Wakil P.P. Pakar (Juruukur Bahan) untuk memberi perkhidmatan ukur bahan.
9I	-	Pemberitahuan Perwakilan Kuasa.

9.3.5 Dalam melaksanakan tugasnya dan menggunakan kuasa yang diwakilkan kepadanya, Wakil P.P. mesti mematuhi peraturan-peraturan seperti berikut:

(a) Beliau tidak dibenarkan mewakilkan selanjutnya kuasa-kuasa yang telah diwakilkan kepadanya.

(b) Beliau tidak boleh mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang mana kuasa baginya tidak diwakilkan.

(c) Walaupun beliau diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan perubahan kerja, beliau masih tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 202 untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melulus.

(d) Wakil P.P. Utama mesti mengesahkan tentang adanya peruntukan kewangan. Manakala bagi Wakil P.P. Pakar pula menyalurkan permohonan bagi perubahan kerja tambahan untuk kelulusan terlebih dahulu melalui Wakil P.P. Utama.

9.4. Memantau Kemajuan Kerja

9.4.1. Program kerja Kontraktor hendaklah menggunakan Kaedah Aliran Kritikal (*Critical Path Method*) bagi memantau dan mengawal kemajuan Kerja dan mentadbir Kontrak.[4]

9.4.2 Langkah-langkah berikut hendaklah dipatuhi:

(a) Apabila menerima program kerja Kontraktor, ia hendaklah disemak dengan teliti antaranya ialah:

(i) sama ada program secara keseluruhannya mencerminkan susunan operasi kerja yang munasabah dan realistik untuk membolehkan keseluruhan Kerja disiapkan pada atau sebelum Tarikh Siap; dan

(ii) kemunasabahan tarikh-tarikh permulaan dan penyiapan Kerja yang dicadangkan untuk dilaksanakan oleh subkontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan.

(b) Program kerja hendaklah dibincangkan dengan Kontraktor. Kontraktor hendaklah meminda atau menyemak semula program kerja tersebut

[4] Surat Arahan KPKR Bil.(69)dlm.JKR:KPKR 020/050/03 Klt.3 bertarikh 31.07.2000 dan Bil.(57) dlm.JKR.KPKR.020.050/03 Klt.3 bertarikh 23 Mei 2000

sekiranya perlu. Sebaiknya, Kontraktor dikehendaki menjadualkan penyiapan Kerjanya sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum Tarikh Siap. Kontraktor juga hendaklah diberitahu bahawa permohonan bagi kelulusan dan penjelasan hendaklah dikemukakan awal untuk tindakan P.P..

(c) Setelah program kerja didapati memuaskan dan kelulusan telah diberi oleh P.P. atau wakilnya, semua pihak yang terlibat hendaklah mematuhinya.

(d) Pemantauan sekurang-kurangnya sebulan sekali hendaklah dibuat ke atas kemajuan sebenar yang telah dicapai berbanding dengan program kerja. Jika didapati kemajuan Kontraktor terkebelakang dari jadual, Kontraktor hendaklah dengan serta merta diarah mempergiatkan Kerjanya, memberi sebab-sebab mengapa kerjanya terlewat dan mengemukakan program kerja yang telah dipinda untuk semakan dan kelulusan P.P..

(e) Usaha hendaklah sentiasa diambil untuk memastikan bahawa Kerajaan tidak menyebabkan kelewatan. Apabila didapati Kerajaan mungkin telah menyebabkan kelewatan misalnya kelewatan melantik subkontraktor dinamakan atau kelewatan mengarah perubahan kerja, Kontraktor hendaklah dengan serta merta diarah mengkaji semula kesan kelewatan itu ke atas tarikh penyiapan keseluruhan Kerja. Kontraktor hendaklah menyedia dan mengemukakan program kerja yang telah dipinda untuk semakan dan kelulusan P.P. dan jika perlu lanjutan masa hendaklah dipertimbangkan.

9.5 Mesyuarat Tapak Bina

9.5.1 Mesyuarat pra pembinaan hendaklah diadakan dengan seberapa segera yang boleh selepas pengeluaran Surat Setujuterima Tender. Walaupun mesyuarat tapak bina sepatutnya diadakan di Tapak Bina untuk memberi peluang kepada mereka yang terlibat membuat pemeriksaan ke atas Kerja sebelum mesyuarat bermula, mesyuarat tapak bina boleh diadakan di pejabat P.P. kerana kemungkinan pejabat tapak untuk P.P. belum lagi siap pada waktu itu.

9.5.2 Mesyuarat pra pembinaan adalah penting untuk memperkenalkan semua pihak yang terlibat dalam projek ini. Ia juga memberi peluang kepada P.P. menerangkan kehendak am Kontrak dan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) diantaranya:

(a) Mengemukakan Bon Pelaksanaan, Polisi-polisi Insurans dan Caruman Perkeso.
(b) Program Kerja.
(c) Carta Organisasi Kontraktor di Tapak.
(d) Perlindungan kemudahan-kemudahan di bawah tanah.
(e) Verifikasi Harta Pelanggan.
(f) Kerja-kerja dan bahan-bahan dan barang-barang tak pasang.
(g) Keselamatan dan kesihatan di Tapak Bina.

9.5.3 Mesyuarat tapak bina diadakan untuk memberi Kontraktor peluang membentangkan masalah-masalah yang dihadapi semasa melaksanakan kerja supaya masalah-masalah ini boleh dibincang dan diselesaikan dengan cepat. Mesyuarat tapak bina juga memudahkan kajian semula kemajuan kerja yang dicapai berbanding dengan program kerja.

9.5.4 Kekerapan mengadakan mesyuarat tapak bina bergantung kepada nilai kontrak seperti berikut:

(a) Bagi kontrak yang bernilai kurang dari RM 0.5 juta, mesyuarat tapak bina diadakan apabila perlu sahaja;

(b) Bagi kontrak yang bernilai RM 0.5 juta tetapi tidak melebihi RM 10.0 juta, mesyuarat tapak bina diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua bulan; dan

(c) Bagi kontrak yang bernilai melebihi RM 10.0 juta, mesyuarat tapak bina diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali ;

9.5.5 Walaupun ini merupakan peraturan yang sedia ada, mesyuarat tapak bina hendaklah diadakan lebih kerap lagi bagi sesuatu kontrak jika keadaan memerlukannya.

9.5.6 Prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi berhubung dengan pengemukaan sampel bahan-bahan dan barang-barang untuk kelulusan, pemeriksaan kerja-kerja yang akan ditutup, penilaian interim, pengemukaan tuntutan, dan sebagainya hendaklah dibincang dan dipersetujui di mesyuarat tersebut.

9.5.6 Minit mesyuarat tapak bina hendaklah disedia dan diedarkan seberapa segera yang boleh selepas setiap kali mesyuarat diadakan. Format piawai dan senarai edaran adalah seperti di Lampiran 9J[5] dan Sistem Pengurusan Kualiti[6].

9.6 Rekod Tapak Bina

9.6.1 Rekod tapak bina mesti disimpan melalui penggunaan buku harian tapak bina, lukisan-lukisan, gambar foto dan sebagainya. Maklumat dalam rekod tapak bina adalah penting untuk membantu membuat keputusan dalam mentadbir Kontrak dan khususnya untuk menilai tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan Kontraktor.

9.6.2 Buku harian tapak bina hendaklah diuruskan dengan teratur. Peraturan-peraturan berikut hendaklah dipatuhi[7]:

(a) Arahan bagi penggunaan buku harian tapak bina yang terkandung di dalam buku itu mesti diikuti.

(b) Buku harian tapak bina mesti disimpan dalam jagaan yang selamat di tapak bina dari tarikh mula hingga tarikh siap kerja. Setelah itu buku harian tapak bina hendaklah disimpan dalam jagaan yang selamat di pejabat P.P.

(c) Salah seorang pegawai yang menyelia projek mesti dipertanggungjawabkan secara khusus untuk mengemaskini dan menjaga buku harian di Tapak Bina selain daripada tugas-tugas biasanya.

(d) Catatan hendaklah dibuat ke dalam buku harian tapak bina setiap hari. Pegawai yang bertanggungjawab mengemaskini dan menjaga buku harian

[5] Surat Arahan KPKR Bil. 3/1991 bertarikh 14.10.91
[6] Borang JKR.PK(0)04.6-Sistem Pengurusan Kualiti 2004(ISO 9001:2000)
[7] Surat Arahan KPKR Bil 4/1988 bertarikh 4.5.1988

tapak bina dan ejen Kontraktor yang telah diberi kuasa mesti berjumpa di akhir waktu kerja di tapak bina untuk menyemak dan menyetujui ketepatan catatan yang dibuat dan menandatangani buku tersebut.

(e) Buku harian tersebut hendaklah disemak oleh pegawai atasan dan P.P. setiap kali mereka membuat pemeriksaan tapak bina

PENENTUAN PEGAWAI PENGUASA/PENGARAH PROJEK

Bil.	Jawatan	Nilai Kontrak
		Pegawai Penguasa (Konvensional)
1.	KPKR	Melebihi RM750 juta
2.	TKPKR	RM500,000,001 – RM750 juta(melebihi RM750 juta atas budibicara KPKR)
3.	Pengarah/Pengarah Kanan Cawangan	Atas budibicara KPKR (sehingga RM500 juta)
4.	Pengarah Pembinaan (JUSA)	Sehingga RM500 juta
5.	Pengarah Negeri/ Wilayah/Bekalan Air/Unit Khas (JUSA)	Sehingga RM500 juta
6.	Pengurus Besar Kanan Pembinaan (J52 ke J54)	Sehingga RM250 juta
7.	Pengarah Negeri/Wilayah/Bekalan Air/Unit Khas (selain JUSA)	Sehingga RM250 juta
8.	KPPK/KPP (M & E) Negeri	Sehingga RM10 juta bagi kontrak yang dipelawa secara terus atau kontrak penyenggaraan bagi kerja pakar
9.	Jurutera Daerah/Jajahan/Wilayah	Sehingga RM20 juta

**Surat Arahan KPKR Bil. 6/2009 ruj: (1)dlm.JKR.KPKR.020.050/03 Klt.9 bertarikh 02.09.2009.

PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK BERTINDAK BAGI PIHAK KERAJAAN

[Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203/203A(Rev. 1/2010)]

Bil	Pegawai Yang Menjadi Pegawai penguasa /Pengarah Projek (Mengikut Had Nilai Kontrak Yang ditetapkan Dalam Surat Arahan KPKR Bil.6/2009)	Nilai Kontrak
		Klausa 51,52,53,58 dan 66
1	**KPKR**	Melebihi RM750 juta
2	**TKPKR**	Sehingga RM750 juta
3	**Pengarah/Pengarah Kanan Cawangan**	Sehingga RM500 juta jika menjadi P.P.
4	**Pengarah Pembinaan (JUSA)**	Sehingga RM500 juta
5	**Pengarah Negeri/Wilayah/Bekalan Air/Unit Khas (JUSA)**	Sehingga RM500 juta kecuali projek bangunan Reka & Bina sehingga RM50 juta
6	**Pengurus Besar Kanan Pembinaan (J52-54)**	Sehingga RM250 juta
7	**Pengarah Negeri/Wilayah/Bekalan Air/Unit Khas (Selain JUSA)**	Sehingga RM250 juta kecuali projek bangunan Reka & Bina sehingga RM30 juta
8	**KPPK/KPP(M&E) Negeri**	Sehingga RM10 juta bagi kontrak yang dipelawa secara terus atau kontrak penyenggaraan bagi kerja pakar
9	**Jurutera Daerah/Jajahan/Wilayah**	Sehingga RM10 juta
10	**KPP/PPK di peringkat Wilayah Persekutuan**	Sehingga RM10 juta

*Catatan:
Berdasarkan Syarat-syarat Kontrak P.W.D FORM JKR203/203 (Rev.1/2010)

Klausa 51 – Events and Consequences of Default
By The Contractor
Klausa 52 – Termination On National Interest
Klausa 53 – Termination On Corruption
Klausa 58– Effect of Force Majeure
Klausa 66 – Arbitration

**Surat Arahan KPKR Bil 6/2009 ruj: (1)dlm.JKR.KPKR.020.050/03 Klt.9 bertarikh 02.09.2009 dan Surat Arahan KPKR bil 1/2010 bertarikh 2 Mac 2010.

PENENTUAN WAKIL P.P KERJA UTAMA DAN WAKIL P.P KERJA PAKAR

Bil.	Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P)	Wakil P.P Utama	Wakil P.P Pakar (Konvensional)
1.	KPKR	Pengarah/Pengarah Kanan Cawangan Kerja berkenaan/Pengarah Pembinaan	KPPK Pakar di Pejabat Wakil P.P berkenaan
2.	TKPKR	Pengarah/Pengarah Kanan Cawangan Kerja berkenaan/Pengarah Pembinaan	KPPK Pakar di Pejabat Wakil P.P berkenaan
3.	Pengarah/Pengarah Kanan Cawangan (atas budibicara KPKR)	KPPK (HOPT) Cawangan berkenaan	KPPK/KPP Pakar di Cawangan berkenaan
4.	Pengarah Pembinaan (JUSA)	KPPK Yang Dilantik Oleh Pengarah Pembinaan	KPPK/KPP Pakar Yang Dilantik Oleh Pengarah Pembinaan
5.	Pengarah Negeri/ Wilayah/Bekalan Air/Unit Khas (JUSA)	Jurutera Daerah (JD)	KPP/PPK Pakar Di Negeri
6.	Pengurus Besar Kanan Pembinaan (J52 ke J54)	KPP/PPK Yang Dilantik Oleh Pengurus Besar Kanan Pembinaan	KPP/PPK Yang Dilantik Oleh Pengurus Besar Kanan Pembinaan
7.	Pengarah Negeri/Wilayah/Bekalan Air/Unit Khas (selain JUSA)	Jurutera Daerah (JD)/KPP/PPK Negeri	KPP/PPK Pakar Di Negeri
8.	KPPK/KPP (M & E) Negeri	Jurutera M & E Yang Dilantik	-
9.	Jurutera Daerah/Jajahan/ Wilayah	KPP/PPK Yang Dilantik	KPP/PPK Pakar Di Negeri
10.	KPP/PPK di peringkat Wilayah Persekutuan	Jurutera Yang Dilantik	KPP/PPK Pakar Di Wilayah berkenaan/SBU

**Surat Arahan KPKR Bil 6/2009 ruj: (1)dlm.JKR.KPKR.020.050/03 Klt.9 bertarikh 02.09.2009.

LAMPIRAN 9D

PEGAWAI YANG BERKUASA MENANDATANGANI PERAKUAN-PERAKUAN YANG DIKELUARKAN DI BAWAH KONTRAK BERDASARKAN SYARAT-SYARAT KONTRAK P.W.D FORM 203/203A

Bil.	Perakuan	Pegawai Yang Berkuasa Menandatangani
1.	Arahan Perubahan Kerja (APK)	P.P.
2.	Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK)	P.P.
3.	Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa	P.P.
4.	Perakuan Siap Kerja	P.P. atau Wakil P.P. Kerja Utama
5.	Perakuan Pendudukan Separa	P.P. atau Wakil P.P. Kerja Utama
6.	Perakuan Kerja Tidak Siap	P.P.
7.	Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan	P.P. atau Wakil P.P. Kerja Utama
8.	Perakuan Bayaran Interim	P.P. atau Wakil P.P. Kerja Utama
9.	Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad	P.P.
10.	Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor	P.P.

**Surat Arahan KPKR Bil 6/2009 ruj: (1)dlm.JKR.KPKR.020.050/03 Klt.9 bertarikh 02.09.2009

LAMPIRAN 9E

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

SURAT PERWAKILAN KUASA

(Kepada Wakil Pegawai Penguasa (P.P.) Kerja Utama
untuk Penyeliaan dan Arahan Keseluruhan Kerja
Berdasarkan Syarat–Syarat Kontrak PWD Form 203/203A (Rev. 1/2010)

Rujukan : ……Pejabat : .....……
…….....
……
Tarikh : ...……

Kepada : ……
……
……...
(Wakil P.P.)

Tuan,

Kontrak No: ……

Untuk: ……
……
…….....

Dalam melaksanakan kuasa yang diletakhakkan kepada saya mengikut fasal 3.3 Syarat-syarat Kontrak, saya, (1)…… sebagai Pegawai Penguasa Kontrak yang tersebut di atas, dengan ini melantik tuan sebagai Wakil P.P. untuk bertindak bagi pihak diri saya bagi tujuan penyeliaan dan arahan keseluruhan kerja di bawah Kontrak. Kewajipan saya dan kuasa-kuasa yang diletakhakkan kepada saya di bawah Kontrak adalah dengan ini diwakilkan kepada tuan **KECUALI** kuasa-kuasa berikut:

---

(1) Nama jawatan Pegawai Penguasa

(i) Di bawah Kontrak Utama

Bil.	Fasal	Perkara
1.	5.1 (a);24.1	Arahan-arahan yang berkehendakkan perubahan, tertakluk kepada subfasal 4.1 (b).
2.	13.3	Penggunaan dan potongan daripada Bon Perlaksanaan
3.	25*	Pengukuran dan penilaian perubahan sahaja
4.	28.1;28.2*	Penilaian kerja yang dijalankan tertakluk kepada persetujuan pihak yang berkuasa untuk mengeluarkan Perakuan Bayaran Interim.
5.	31	Kelulusan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.
6.	40	Memperakui secara bertulis bahawa kerja tidak siap.
7.	43	Pemberian lanjutan masa.
8.	44	Penerimaan notis tuntutan daripada Kontraktor.
9.	44*	Penilaian tuntutan atas perbelanjaan tambahan dan kerugian.
10.	48.3*	Penentuan kesusutan nilai kerja oleh sebab adanya kecacatan, ketidak sempurnaan, kekecutan atau kerosakan lain, tertakluk kepada persetujuan P.P..
11.	50	Penangguhan Kerja
12.	51	Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor
13.	52	Penamatan Di atas Kepentingan Negara
14.	53	Penamatan Disebabkan Rasuah
15.	58	*Force Majeure*
16.	66	Timbangtara

---

* *Batalkan jika Wakil P.P. (Ukur Bahan) tidak dilantik*

(ii) Di bawah Subkontrak Dinamakan (Kerja Mekanikal dan Elektrik)**

Bil.	Fasal	Perkara
1.	7.0	Perlaksanaan Subkontrak.
2.	20.0	Arahan-arahan yang berkehendakkan perubahan, tertakluk kepada sub-subfasal 4.1(b) di dalam syarat - syarat kontrak induk.
3.	21.0	Penilaian perubahan, tertakluk kepada persetujuan P.P.
4.	22.0	Liabiliti kecacatan.

(iii) Di bawah Subkontrak Dinamakan bagi Pembekal Dinamakan**

Bil.	Fasal	Perkara
1.	6	Perlaksanaan subkontrak.
2.	8.1	Sampel, ujian dan akses ke kilang dan lain-lain.
3.	13.2	Perakuan tentang kualiti Artikel.
4.	14.1	Pembayaran kepada Pembekal Dinamakan.
5.	14.3	Hak Kontraktor kepada penolakan daripada bayaran untuk pembekal dinamakan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

……
……
……
(Pegawai Penguasa)

s.k. Pengarah Cawangan ……

** *Batalkan jika Wakil P.P. tertentu tidak dilantik*

Nota : Surat Perwakilan Kuasa ini hendaklah disalinkan kepada Kontraktor bersama-sama dengan surat Pemberitahuan Perwakilan Kuasa yang berasingan

LAMPIRAN 9F

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA

SURAT PERWAKILAN KUASA

(Kepada Wakil Pegawai Penguasa (Jurutera Elektrik/Mekanikal)*
untuk Penyeliaan Kerja Tertentu di bawah Subkontrak Dinamakan
Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak PWD Form 203/203A (Rev. 1/2010)

Rujukan : …… Pejabat : …….....
……....
.....
Tarikh : ……...

Kepada : ……
.....……..
…….
(Wakil P.P.)

Tuan,

Kontrak No: …….....

Untuk……
…….....

Subkontrak bagi kerja.....

Dalam melaksanakan kuasa yang diletakhakkan kepada saya mengikut fasal 3.3 Syarat-syarat Kontrak, saya, (1)…… sebagai Pegawai Penguasa Kontrak yang tersebut di atas, dengan ini melantik tuan sebagai Wakil P.P. untuk bertindak bagi pihak diri saya bagi tujuan penyeliaan kerja (2)……. di bawah Kontrak. Kewajipan saya dan kuasa-kuasa yang diletakhakkan kepada saya di bawah Kontrak sepertimana yang disenaraikan di bawah ini, setakat mana yang berkenaan dengan kerja tersebut, adalah dengan ini diwakilkan kepada tuan:

---

(1) Isi nama jawatan Pegawai Penguasa

(2)Huraian jenis kerja yang berkenaan

** Potong mana yang tidak berkenaan*

(i) Di bawah Kontrak Utama

Bil.	Fasal	Perkara
1.	5.1(c)	Pengalihan dari Tapak Bina bahan-bahan atau barang-barang yang telah dibawa ke atasnya dan penggantiannya dengan bahan-bahan atau barang-barang lain.
2.	5.1(d)	Penghapusan dan/atau pelaksanaan semula kerja yang telah dilaksanakan.
3.	5.1(f);35.2	Pendedahan untuk diperiksa kerja yang tertutup.
4.	5.1(g);48.1(a)	Pemindahan dan pembaikan kecacatan.
5.	8.1(b) & (c)	Pemberian salinan Dokumen Kontrak dan pelan-pelan kerja atau butir-butir lanjut
6.	8.1(e)	Pengambilan pelan-pelan, butir-butir, spesifikasi dan dokumen-dokumen lain yang sempurnanya
7.	19	Maklumat pancang tanda.
8.	21.2	Pertukaran dalam undang-undang bertulis dan sebagainya yang memerlukan perubahan kepada Kerja.
9.	25	Pengukuran dan penilaian perubahan, tertakluk kepada persetujuan P.P.
10.	28.1,28.2	Penilaian kerja yang dijalankan, tertakluk kepada persetujuan pihak yang berkuasa untuk mengeluarkan Perakuan Bayaran Interim.
11.	31.1	Penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, tertakluk kepada persetujuan P.P..
12.	35.1	Baucer-baucer dan/atau perakuan ujian pengilang bahan-bahan dan barang-barang.
13.	35.2	Ujian ke atas bahan-bahan atau barang-barang, atau ke atas kerja terlaksana.
14.	48.3	Penentuan kesusutan nilai Kerja oleh sebab adanya kecacatan, ketidak-sempurnaan, kekecutan atau kerosakan lain, tertakluk kepada persetujuan P.P.

(ii) Di bawah Subkontrak Dinamakan

Bil.	Fasal	Perkara
1.	7.0	Perlaksanaan Subkontrak.
2.	20.0	Arahan-arahan yang berkehendakkan perubahan, tertakluk kepada sub-subfasal 4.1(b) di dalam Syarat-syarat Kontrak Induk.
3.	21.0	Penilaian perubahan, tertakluk kepada persetujuan P.P..
4.	22.0	Liabiliti kecacatan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

……
……
……
(Pegawai Penguasa)

s.k. Pengarah Cawangan ……

Nota : Surat Perwakilan Kuasa ini hendaklah disalinkan kepada Kontraktor bersama-sama dengan surat Pemberitahu Perwakilan Kuasa yang berasingan.

LAMPIRAN 9G

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

SURAT PERWAKILAN KUASA

(Kepada Wakil Pegawai Penguasa (P.P.) untuk Penyeliaan
Pembekalan Tertentu di bawah Subkontrak Dinamakan
Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak PWD Form 203/203A (Rev. 1/2010)

Rujukan:…….. Pejabat:…….....

……...

……...

Tarikh :……...

Kepada : ……...

……

……..

(Wakil P.P.)

Tuan,

Kontrak No: .....

Untuk : .....

.....

Subkontrak bagi pembekalan.....

Dalam melaksanakan kuasa yang diletakhakkan kepada saya mengikut fasal 3.3 Syarat-syarat Kontrak, saya, (1)…… sebagai Pegawai Penguasa Kontrak yang tersebut di atas, dengan ini melantik tuan sebagai Wakil P.P. untuk bertindak bagi pihak diri saya bagi tujuan penyeliaan pembekalan (2)…… di bawah Kontrak. Kewajipan saya dan kuasa-kuasa yang diletakhakkan kepada saya di bawah Kontrak sepertimana yang disenaraikan di bawah ini, setakat mana yang berkenaan dengan pembekalan tersebut, adalah dengan ini diwakilkan kepada tuan:

---

(1) Isi nama jawatan Pegawai Penguasa

(2)Huraian jenis kerja yang berkenaan

(i) Di bawah Kontrak Utama

Bil.	Fasal	Perkara
1.	5.1(c)	Pengalihan dari Tapak Bina bahan-bahan atau barang-barang yang telah dibawa ke atasnya dan penggantiannya dengan bahan-bahan atau barang-barang lain.
2.	5.1(d)	Penghapusan dan/atau pelaksanaan semula kerja yang telah dilaksanakan.
3.	5.1(f);35.2	Pendedahan untuk diperiksa kerja yang tertutup.
4.	5.1(g);48.1(a)	Pemindaan dan pembaikan kecacatan.
5.	8.1(b) & (c)	Pemberian salinan Dokumen Kontrak dan pelan-pelan kerja atau butir-butir lanjut
6.	8.1(e)	Pengambilan pelan-pelan, butir-butir, spesifikasi dan dokumen-dokumen lain yang seumpanya
7.	19	Maklumat pancang tanda.
8.	21.2	Pertukaran dalam undang-undang bertulis dan sebagainya yang memerlukan perubahan kepada Kerja.
9.	25	Pengukuran dan penilaian perubahan, tertakluk kepada persetujuan P.P..
10.	28.1,28.2	Penilaian kerja yang dijalankan, tertakluk kepada persetujuan pihak yang berkuasa untuk mengeluarkan Perakuan Bayaran Interim.
11.	31.1	Penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, tertakluk kepada persetujuan P.P..
12.	35.1	Baucer-baucer dan/atau perakuan ujian pengilang bahan-bahan dan barang-barang.
13.	35.2	Ujian ke atas bahan-bahan atau barang-barang, atau ke atas kerja terlaksana.
14.	48.3	Penentuan kesusutan nilai Kerja oleh sebab adanya kecacatan, ketidak-sempurnaan, kekecutan atau kerosakan lain, tertakluk kepada persetujuan P.P.

(ii) Di bawah Subkontrak Dinamakan

Bil.	Fasal	Perkara
1.	6	Perlaksanaan Subkontrak.
2.	8.1	Sampel, ujian dan akses ke kilang dan lain-lain.
3.	13.2	Perakuan tentang kualiti Artikel.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

…….
…….
…….
…….
(Pegawai Penguasa)

s.k. Pengarah Cawangan …….

Nota : Surat Perwakilan Kuasa ini hendaklah disalinkan kepada Kontraktor bersama-sama dengan surat Pemberitahuan Perwakilan Kuasa yang berasingan.

LAMPIRAN 9H

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

SURAT PERWAKILAN KUASA

(Kepada Wakil Pegawai Penguasa (P.P.) (Juruukur Bahan) untuk
Memberi Perkhidmatan Ukur Bahan
Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak PWD Form 203/203A (Rev. 1/2010)

Rujukan : …… Pejabat: ……

……...

……

……

Tarikh: ……

Kepada : ……

……

……

(Wakil P.P.)

Tuan,

Kontrak No: ……

Untuk :……

……

……

Dalam melaksanakan kuasa yang diletakhakkan kepada saya mengikut fasal 3.3 Syarat-syarat Kontrak, saya, (1)…… sebagai Pegawai Penguasa Kontrak yang tersebut di atas, dengan ini melantik tuan sebagai Wakil P.P. untuk memberi perkhidmatan ukur bahan bagi Kontrak. Kewajipan saya dan kuasa-kuasa yang diletakhakkan kepada saya di bawah Kontrak sepertimana yang disenaraikan di bawah ini, adalah dengan ini diwakilkan kepada tuan:

---

(1) Nama jawatan Pegawai Penguasa

LAMPIRAN 9H (SAMB.)

Bil.	Fasal	Perkara
1.	25	Pengukuran dan penilaian perubahan.
2.	28.1;28.2	Penilaian kerja yang dijalankan tertakluk kepada persetujuan pihak yang berkuasa untuk mengeluarkan Perakuan Bayaran Interim.
3.	31.1	Penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, tertakluk kepada persetujuan P.P.
4.	44	Penilaian tuntutan atas perbelanjaan tambahan dan kerugian tertakluk kepada persetujuan P.P.
5.	48.3	Penentuan kesusutan nilai kerja oleh sebab adanya kecacatan, ketidak-sempurnaan, kekecutan atau kerosakan lain, tertakluk kepada persetujuan P.P..

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

……
……
……
(Pegawai Penguasa)

s.k. Pengarah Cawangan ……

Nota : Surat Perwakilan Kuasa ini hendaklah disalinkan kepada Kontraktor bersama-sama dengan surat Pemberitahuan Perwakilan Kuasa yang berasingan.

LAMPIRAN 9I

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

PEMBERITAHUAN PERWAKILAN KUASA

(Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak PWD Form 203/203A (Rev. 1/2010)

Rujukan : ……. Pejabat :……

……

Tarikh :……

Kepada : ……..

……

(Kontraktor)

Tuan,

Kontrak No: …….....

Untuk:……

…….....

Adalah tuan dengan ini diberitahu bahawa atas kuasa yang diletakhakkan kepada saya mengikut fasal 3.3 Syarat-syarat Kontrak, saya, (1)…… sebagai Pegawai Penguasa (P.P) Kontrak yang tersebut di atas, telah melantik pegawai-pegawai berikut sebagai Wakil P.P. untuk bertindak bagi diri saya bagi tujuan-tujuan tertentu di bawah Kontrak:-

+ i) ……* sebagai Wakil P.P. Kerja Utama bagi tujuan penyeliaan dan arahan keseluruhan kerja di bawah Kontrak.

+ ii) ……* sebagai Wakil P.P. (Elektrik) bagi tujuan penyeliaan kerja-kerja elektrik di bawah Kontrak.

+ iii) ……* sebagai Wakil P.P. (Mekanikal) bagi tujuan penyeliaan kerja-kerja mekanikal di bawah Kontrak.

+ iv) ……* sebagai Wakil P.P. (Ukur Bahan) untuk memberi perkhidmatan ukur bahan.

+ v) ……* sebagai Wakil P.P. (…….) bagi tujuan penyeliaan pembekalan ……** di bawah Kontrak.

---

(1) Isi nama jawatan Pegawai Penguasa

* *Isi nama jawatan Wakil P.P.*

** *Isi huraian jenis bekalan yang berkenaan*

\+ *Potong jika tidak berkenaan*

2. Kewajipan saya dan kuasa-kuasa yang diletakhakkan kepada saya di bawah Kontrak sepertimana yang dinyatakan di dalam Surat Perwakilan Kuasa yang berkembar telah diwakilkan kepada wakil P.P. yang berkenaan.

3. Bersama-sama ini dikembarkan sesalinan setiap satu Surat Perwakilan Kuasa untuk makluman dan simpanan tuan.

4. Pemberitahu ini adalah dalam dua (2) salinan. Sila akui penerimaan Pemberitahu ini dengan mengembalikan salinan asal yang telah ditandatangani ke Pejabat ini dan simpan salinannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

……
……
……
(Pegawai Penguasa)

s.k. - Semua Wakil P.P.

Kepada ……
……
……
(Pegawai Penguasa)

Saya/Kami mengaku penerimaan Pemberitahuan dan Surat Perwakilan Kuasa di atas dan sesalinannya telah disimpan.

……
……
(Kontraktor)

LAMPIRAN 9J

CONTOH

CATATAN MESYUARAT TAPAK

Maklumat Mesyuarat :

Bil. :

Tarikh Mesyuarat :

Waktu Mesyuarat Dimulakan :

Waktu Mesyuarat Ditamatkan :

Tarikh Mesyuarat Akan Datang :

Yang Hadir :

Nama	Jawatan & Organisasi
1.	
2.	
3.	
4.	

Yang Tidak Hadir :

Nama	Jawatan & Organisasi
1.	
2.	
3.	
4.	

Butir-butir Mengenai Kontrak :

I. Laporan Kemajuan Kerja :
(Sila Lihat Lampiran ‘K/1’)

II. Penyata Bayaran Interim :
(Sila Lihat LAmpiran ‘K/2’)

III. Jadual APK dan PHK :
(Sila Lihat Lampiran ‘K/3’)

IV. Jadual Kelambatan dan Lanjutan Masa :
(Sila Lihat Lampiran ‘K/4’)

Butir-butir Mengenai Kontrak : (samb.)

V. Senarai Sub-Kontraktor/Pembekal Dinamakan :
(Sila Lihat Lampiran 'K/5')

VI. Kedudukan Pekerja Di Tapak Bina :
(Sila Lihat Lampiran 'K/6')

MINIT MESYUARAT

(a) Ucapan Pengerusi

(b) Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lalu

(c) Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Oleh JKR :

(i) ……
……
……

Tarikh : …… Tindakan : ……
(* Tarikh Perkara Mula Dibangkitkan) (* Nama Pegawai JKR/Kontraktor/ Agensi Lain Yang Diarah Mengambil Tindakan)

(ii) ……
……

Tarikh : …… Tindakan :……

(d) Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Oleh Kontraktor :

(i) ……
……
……

Tarikh : …… Tindakan : ……

(ii) ……
……
……

Tarikh : …… Tindakan : ……

(e) Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Oleh Sub-Kontraktor/Pembekal Dinamakan :

(i) ……
……
……

Tarikh : …… Tindakan : ……

(ii) ……
……
……

Tarikh : …… Tindakan : ……

(f) Hal-hal Lain :

(i) ……
……
……

Tarikh : …… Tindakan : ……

(ii)
……
……
……

Tarikh : …… Tindakan : ……

Disediakan oleh : Diluluskan oleh :

…… ……

Edaran Minit :

i) Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia
* (u.p. Setiausaha Bahagian Pembangunan)
(1 salinan)

* Bagi kontrak-kontrak di bawah peruntukkan Kementerian Kerja Raya Sahaja.

ii) Ketua Setiausaha/Ketua Pengarah Kementerian/Jabatan Berkenaan (bagi kontrak-kontrak di bawah Peruntukkan Agensi Pelanggan yang berkenaan)
(1 salinan)

iii) Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia
(u.p. Pengarah Pengurusan Korporat)
(1 salinan)

iv) Pengarah Cawangan Yang Berkenaan
(1 salinan)

v) Pengarah Cawangan Kontrak & Ukur Bahan
(1 salinan)

vi) Pengarah Kerja Raya/Bekalan Air Negeri yang berkenaan.
(1 salinan)

vii) Semua yang hadir dan tidak hadir untuk tindakan yang sewajar.
(1 salinan).

LAMPIRAN 9J(SAMB.)

Lampiran K/1

TARIKH MESYUARAT :

NAMA KONTRAK :

NO. KONTRAK :

LAPORAN KEMAJUAN KERJA

Bil.	Butir-butir Kerja	Harga Kontrak (RM)	% Kemajuan Kerja			Cepat/Lewat (+/-)		Catatan
			Sebenar (Tarikh Semasa)	Jadual (Tarikh Semasa)	Sebenar (Tarikh Lepas)	%	Hari	
KEMAJUAN KERJA PADA KESELURUHANNYA :								

LAMPIRAN 9J(SAMB.)

Lampiran K/2

TARIKH MESYUARAT :

NAMA KONTRAK :

NO. KONTRAK :

PENYATA BAYARAN INTERIM

Bil. Bayaran	Tarikh Penilaian	Bayaran Yang Diperakukan (RM)		Tarikh Perakuan & Baucer Ditanda tangani	Jumlah Bayaran Semasa (RM)	No. Baucer	Tarikh Baucer Dihantar Untuk Pembayaran	Jumlah Bayaran Hingga Sekarang (RM)	Tarikh Terima Cek		Catatan
		Kontraktor Utama	Sub-Kontraktor / Pembekal Dinamakan						Kontraktor Utama	Sub-Kontraktor/ Pembekal Dinamakan	

LAMPIRAN 9J(SAMB.)

Lampiran K/3

TARIKH MESYUARAT :

NAMA KONTRAK :

NO. KONTRAK :

ATDA ASAL : RM ATDA PINDAAN : RM

JADUAL PERMOHONAN PERUBAHAN KERJA (KPK), ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK) DAN ARAHAN PEGAWAI PENGUASA(APP)

Bil.	Butir-butir KPK/APP	Tarikh KPK/APP Dihantar untuk Kelulusan	Kelulusan KPK/APP (Belum/Sudah)	No. Arahan Perubahan Kerja (APK)	Kelulusan APK (Belum/Sudah)	Nilai APK (+)/(-)	Nilai Sebenar Terkumpul (+/-)	% Tambah(+)/ Kurang(-)	Tarikh APK Diluluskan	Catatan

LAMPIRAN 9J(SAMB.)

Lampiran K/4

TARIKH MESYUARAT :

NAMA KONTRAK :

NO. KONTRAK :

JADUAL PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (PKLM)

Bil.	Tarikh Permohonan PKLM	Kelulusan PKLM (Belum/Sudah)	Tarikh Lanjutan Masa Bermula	Tarikh Lanjutan Masa Berakhir	Tempoh Lanjutan Masa	Kemajuan Kerja Semasa Permohonan (%)		Sebab-sebab/Fasal Lanjutan Masa	Catatan
						Sebenar	Jadual		

LAMPIRAN 9J(SAMB.)

Lampiran K/5

TARIKH MESYUARAT :

NAMA KONTRAK :

NO. KONTRAK :

SENARAI SUBKONTRAKTOR/PEMBEKAL DINAMAKAN

Bil.	Jenis Kerja	Nama/Alamat/Kelas Kontraktor/Pembekal	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kemajuan Kerja %	Jumlah Bayaran Kemajuan (RM)	Catatan

LAMPIRAN 9J(SAMB.)

Lampiran K/6

TARIKH MESYUARAT : BIL. MESYUARAT:

NAMA KONTRAK : NAMA/ALAMAT KONTRAKTOR:

NO. KONTRAK : KELAS:

KEDUDUKAN PEKERJA DI TAPAK BINA

Bil	Tarikh Laporan	Penyelia Tapak					Artisan					Pekerja Am				
		* Bil.			Jumlah Pekerja	% Bumi-putera	* Bil.			Jumlah Pekerja	% Bumi-putera	* Bil.			Jumlah Pekerja	% Bumi-putera
		Bumi-putera	Bukan Bumi-putera	Lain-lain			Bumi-putera	Bukan Bumi-putera	Lain-lain			Bumi-putera	Bukan Bumi-putera	Lain-lain		

* Sila beri jumlah purata bilangan pekerja di tapak bina untuk hari-hari bekerja sahaja bagi tempoh dari tarikh akhir melapor sehingga tarikh semasa melapor.

Petunjuk:

Lain-lain: Bukan Warga Negara Malaysia

BAB 10

KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

BAB 10 - KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

10.1 Pendahuluan

10.1.1 Penyiapan Kerja telah ditetapkan semasa permulaan projek dan adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor memastikan projek dapat disiapkan menurut tempoh yang dibenarkan dalam kontrak. Semasa Kerja sedang dilaksanakan, kemajuannya mestilah dipantau agar sebarang penyimpangan dari jadual dapat diketahui. Apabila nyata penyiapan Kerja akan tergendala, maka adalah perlu untuk mengkaji sebab-sebab timbulnya kelambatan tersebut.

10.1.2 Syarat-syarat Kontrak ada menyatakan sebab-sebab yang membolehkan Kontraktor mendapat lanjutan masa. Secara amnya Kontraktor akan diberikan lanjutan masa sekiranya dibuktikan bahawa Kerajaan telah menyumbang terhadap kelewatan penyiapan Kerja Kontraktor atau sebab-sebab kelambatan adalah diluar kawalannya. Lanjutan tempoh penyiapan diluluskan melalui Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa.

10.1.3 Sekiranya kontraktor didapati layak untuk mendapat lanjutan masa, maka Pegawai Penguasa (P.P.) perlulah meluluskan lanjutan masa itu sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Sekiranya P.P. gagal berbuat demikian, maka adalah dikhuatiri masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak tersebut dan kontraktor hanya bertanggungan untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah (*time is at large*).

10.2 Mengelakkan Kelambatan

10.2.1 Langkah mesti diambil untuk memastikan kelewatan perlaksanaan dan penyiapan Kerja tidak berpunca daripada pihak Kerajaan. Ini adalah kerana sekiranya didapati kelewatan penyiapan projek adalah berpunca daripada pihak Kerajaan, maka ia akan menyebabkan Kontraktor berhak untuk menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan terhadap Kerajaan.

10.2.2 Bagi mengelakkan kelewatan, beberapa peraturan asas perlu diikuti seperti berikut:

(a) Penyiasatan, Rekabentuk dan Penyediaan Dokumen Tender.

(i) Projek hendaklah dirancang dan dilaksanakan di dalam jangkamasa yang munasabah serta dipersetujui bersama dengan Jabatan Pelanggan/ Kementerian kecuali atas sebab-sebab khusus seperti arahan daripada Kerajaan. Satu pelan tindakan yang menunjukkan dengan jelas setiap aktiviti dan masa yang diperlukan baginya hendaklah disediakan dan mesti diikuti oleh semua yang terlibat.

(ii) Penyiasatan tapak bina dan tanah yang lengkap mesti dijalankan untuk mendapatkan data yang terkini dan tepat untuk membolehkan kerja rekabentuk dibuat. Penyiasatan tapak bina untuk mendapat ukur aras laras hendaklah juga termasuk penyiasatan terhadap adanya batu, kabel, saluran air, paip buangan najis dan halangan-halangan lain.

(iii) Keperluan Kementerian/Jabatan Pelanggan mesti dikaji, dipastikan dan disahkan sepenuhnya.

(iv) Keperluan-keperluan utiliti berkaitan, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa lain mesti disiasat sepenuhnya dan dipastikan dengan jelas.

Bagi perkara, (ii), (iii) dan (iv) di atas, sekiranya telah dilaksanakan dan atas sebab-sebab tertentu perolehan tidak dapat diuruskan segera, maka segala data/maklumat yang telah diperolehi hendaklah disemak semula sebelum projek tersebut dilancarkan.

(v) Kerja yang diperlukan berhubung dengan kemudahan elektrik, mekanikal dan lain-lain mesti dipastikan dan dimasukkan ke dalam rekabentuk dengan jelas.

(vi) Satu pendekatan bersepadu perlu diambil dalam penyediaan rekabentuk dan dokumen tender. Mesyuarat penyelarasan rekabentuk mesti diadakan secara tetap di antara semua yang terlibat dalam penyediaan rekabentuk dan penyediaan dokumen tender.

(vii) Semua lukisan, spesifikasi dan dokumen lain yang digunakan mesti menerangkan dengan sepenuhnya kehendak-kehendak pereka bentuk.

(viii) Dokumen tender termasuk lukisan mesti disemak sebelum tender dipelawa untuk mengelakkan sebarang percanggahan.

(ix) Peruntukkan Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara dalam Dokumen Tender hendaklah dikurangkan ke tahap minima.

(b) Pentadbiran Kontrak

(i) Semua lukisan yang diperlukan, spesifikasi, senarai kuantiti berserta maklumat-maklumat kontrak mesti diberikan kepada Kontraktor bersama-sama dengan Surat Setujuterima Tender dan Surat Pemberitahuan Setujuterima Tender.

(ii) P.P. bertanggungjawab untuk memberi semua butiran binaan dan maklumat lain, penjelasan, keputusan serta kelulusan untuk sampel-sampel bahan dan sebagainya yang diminta oleh Kontraktor dengan seberapa segera dengan syarat Kontraktor hendaklah memberi notis dalam tempoh yang munasabah.

(iii) Kontraktor perlu menyediakan program kerja berdasarkan kepada kaedah perancangan Kaedah Aliran Kritikal (*Critical Path Method* - CPM)[1] dalam tempoh 14 hari daripada tarikh Surat Setujuterima. Program kerja Kontraktor perlu dikaji dari segi kemunasabahan tempoh dan aktiviti. Program ini perlu mengambilkira pelawaan tender, membekal bahan atau barang-barang yang termasuk

[1] Surat Arahan KPKR Bil. (69) dlm. JKR.KPKR.020.050/03 Klt.3 bertarikh 31.7.2000

sebagai Wang Kos Prima dan/atau Wang Peruntukan Sementara dan perlantikan Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan. Program kerja yang telah dipersetujui bersama itu perlulah disenggara dan dikemaskinikan oleh Kontraktor di sepanjang tempoh pembinaan.

(iv) P.P. hendaklah memantau dan memastikan Kontraktor telah menyelaraskan semua kerja yang berkaitan bagi mendapatkan kelulusan yang perlu daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak berkuasa lain.

(v) P.P. mestilah memastikan peruntukan kewangan mencukupi setiap masa sepanjang tempoh Kontrak agar Kontraktor dapat menjalankan kerja dengan lancar. Penilaian kerja dan bayaran-bayaran kepada Kontraktor mestilah dalam tempoh yang ditetapkan dalam Kontrak.

(vi) Perubahan Kerja tidak boleh diarahkan dengan sewenang-wenangnya dan perlu dikaji serta P.P. perlu memohon kelulusan terlebih dahulu seperti dikehendaki oleh Arahan Perbendaharaan 202.

10.3 Sebab-sebab Lanjutan Masa

10.3.1 Kontraktor berhak mendapat lanjutan masa berdasarkan sebab-sebab kelambatan di luar kawalannya mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan di dalam klausa 43 Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev. 1/2010) seperti berikut:

(a) '*Force majeure*' [Klausa 58, Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev 1/2010)]

(b) Keburukan cuaca yang luar biasa.

(c) Penggantungan kerja [Klausa 50, Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev. 1/2010)]

(d) Arahan-arahan yang diberi oleh P.P. berbangkit dari pertikaian dengan tuan-tuan punya berjiran dengan syarat ianya tidak disebabkan oleh apa-apa perbuatan kecuaian atau kemungkiran di pihak Kontraktor atau mana-mana Subkontraktor yang Dinamakan atau selainnya.

(e) Arahan-arahan P.P. [klausa 5, Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203 A (Rev. 1/2010)]

(f) Kontraktor telah tidak menerima dalam masa yang wajar daripada P.P., apa-apa arahan, pelan, aras yang diperlukan atau arahan berkenaan dengan penamaan Subkontraktor dan/atau penamaan Pembekal yang diperuntukkan di dalam Kontrak, setelah Kontraktor memohon secara bertulis untuk mendapatkannya dalam tempoh yang munasabah.

(g) Kelambatan memberi milik Tapak Bina sebagaimana diperuntukkan di bawah Klausa 38.4, Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev 1/2010) dan bukannya disebabkan kelewatan/kegagalan Kontraktor menyediakan insurans dan Bon Pelaksanaan.

(h) Kelambatan di pihak artisan, tukang-tukang atau orang-orang lain yang ditugaskan oleh Kerajaan bagi melaksanakan kerja yang tidak menjadi sebahagian dari Kontrak.

(i) Kontraktor tidak berupaya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dikawal dan diramalkan olehnya dengan munasabahnya pada tarikh penutupan tender untuk mendapatkan apa-apa barang atau bahan yang diperlukan untuk menjalankan Kerja dengan sewajarnya.

(j) Kelambatan dipihak Subkontraktor Dinamakan dan/atau Pembekal Dinamakan melaksanakan kerja mereka dan kelambatan yang menjejaskan kerja mereka itu adalah disebabkan oleh sebab-sebab yang sama sebagaimana dinyatakan dalam perkara (a) hingga (i) di atas.

10.3.2 Walaupun Kontrak dengan jelas menyatakan sebab-sebab yang melayakkan Kontraktor mendapat lanjutan masa, ianya juga mengandungi satu syarat iaitu Kontraktor hanya berhak mendapat lanjutan masa sekiranya dia telah sentiasa berusaha sedaya-upayanya untuk mengelakkan kelambatan dan telah melaksanakan semua perkara yang munasabah yang dikehendaki oleh P.P..

10.3.3 Kontraktor tidak layak dipertimbangkan lanjutan masa atas sebab arahan-arahan P.P. yang diakibatkan oleh apa-apa perbuatan, kecuaian, kemungkiran atau pecah kontrak oleh Kontraktor.

10.4 Permohonan Lanjutan Masa

10.4.1 Untuk dipertimbangkan permohonan lanjutan masa, sebaik sahaja Kontraktor menjangkakan akan berlaku kelambatan atau sejurus setelah kelambatan berlaku, Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan kepada P.P. perkara-perkara berikut:

(a) Permohonan atau notis bertulis beserta maklumat-maklumat berkaitan dan dokumen sokongan perlulah dikemukakan seberapa segera dari tarikh dijangka berlaku kelambatan.

(b) Permohonan Kontraktor hendaklah disokong dengan perkara-perkara berikut antaranya:

(i) Justifikasi kelewatan secara terperinci dan ringkasan umum kejadian yang menyumbang kepada kelewatan.

(ii) Tahap kemajuan sebenar di tapak bina dengan mengambil kira aktiviti-aktiviti serta bilangan hari yang terlibat yang lewat yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan mahupun kontraktor.

(iii) Program kerja Kontraktor menunjukkan perancangan asalnya berserta dengan kemajuan sebenar di tapak bina dan menunjukkan kesan kelewatan berhubung dengan aktiviti atau peristiwa yang disumbang oleh Kerajaan mahupun kontraktor.

(iv) Bilangan hari yang lambat dan bilangan hari yang dipohon dengan menunjukkan perkiraan berdasarkan kepada peristiwa atau aktiviti sebenar di tapak bina.

(v) Klausa syarat-syarat kontrak yang membolehkan kontraktor diberikan lanjutan masa.

(vi) Dokumen-dokumen sokongan lain yang perlu bagi membantu P.P. membuat satu pandangan yang bernas berhubung dengan permohonan lanjutan masa kontraktor.

(c) Lanjutan tempoh liputan polisi insurans, bon pelaksanaan dan jaminan wang pendahuluan (jika berkaitan).

10.4.2 P.P. perlu sentiasa memantau kemajuan kerja Kontraktor dan menyemak kemajuan kerja di tapak berbanding program kerja yang telah dipersetujui dan jika didapati berlaku kelewatan, P.P. hendaklah meminta Kontraktor supaya memberi sebab-sebab mengapa kerjanya telah/akan terlambat dan langkah-langkah yang telah/akan diambil untuk mengelakkan/mengurangkan kelewatan.

10.5 Penilaian Tempoh Kelambatan Dan Lanjutan Masa

10.5.1 Dalam menilai tempoh kelambatan dan lanjutan masa, beberapa perkara perlu diberi perhatian:-

(a) Sebab-sebab kelambatan yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah dikaji sama ada dibenarkan di bawah Kontrak.

(b) Tentukan masa tambahan yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kerja tersebut.

(c) Ambil kira juga kemajuan sebenar di tapak bina dengan mengambilkira kemungkiran di pihak Kontraktor sendiri di samping kemungkiran yang disumbangkan oleh Kerajaan.

(d) Tentukan kelambatan sebenar (*nett effective delay*) yang dialami dengan mengambil kira perkara-perkara berikut[2]:

i) Tempoh peristiwa-peristiwa yang bertindih atau yang berjalan serentak yang didapati melewatkan penyiapan kerja tersebut.

ii) Bagi kelewatan yang bertindih, penilaian perlu mengambilkira kemajuan kerja sebenar pada waktu peristiwa yang melewatkan kerja tersebut berlaku.

ii) Bagi kelewatan yang disebabkan oleh perubahan kerja, tempoh dinilai adalah hanya yang berkaitan dengan kesan kelewatan akibat pengeluaran arahan tersebut sahaja. Penilaian ini tidak termasuk kerja-kerja lain yang berkaitan dengan arahan tersebut dimana sepatutnya telah diambilkira di dalam tempoh kontrak asal kecuali bagi kerja-kerja baru yang tidak termasuk dalam skop kontrak asal.

iii) Sama ada peristiwa yang melewatkan sesuatu aktiviti kerja tersebut terletak di dalam aktiviti yang kritikal kepada penyiapan kerja tersebut.

(e) Kaji kesan kelambatan terhadap tempoh siap keseluruhan berpandukan aktiviti serentak dan berturutan di dalam CPM.

10.5.2 Semasa menilai dan menganggarkan tempoh lanjutan masa yang layak kepada Kontraktor, P.P. hendaklah juga mengambilkira sama ada Kontraktor telah sedaya upaya mengambil semua langkah tindakan dipihaknya untuk mengelakkan kelambatan. P.P. hendaklah juga mengambilkira kehendak Kontrak atas perkara ini dan seterusnya meluluskan lanjutan masa dengan adil dan berpatutan kepada Kontraktor untuk penyiapan Kerja.

10.5.3 P.P perlu meluluskan lanjutan masa sebelum berakhirnya tarikh penyiapan semasa yang dibenarkan dalam kontrak, dan sekiranya tidak, masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak. Sehubungan itu, kontraktor hanya

[2] Surat Arahan KPKR Bil. 3/2008 bertarikh 23 April 2008

bertanggungan untuk menyiapkan keseluruhan kerja dalam tempoh yang munasabah (*time is at large)*.

10.5.4 Pertimbangan lanjutan masa boleh dipertimbangkan oleh P.P. sekiranya Kontraktor telah mengambil langkah-langkah berikut:

(a) Mencuba sedaya upaya untuk mengelakkan kelambatan

(b) Merancang semula program kerja untuk membendung kelambatan dengan mengambilkira keperluan sumber (bahan binaan, kewangan, loji & peralatan dan tenaga kerja)

(c) Mengemukakan jadual pelaksanaan asal dan pindaan dalam bentuk CPM.

(d) Kontraktor perlu membuat permohonan bertulis dengan menyatakan sebab-sebab kelambatan, ringkasan umum kejadian yang menyumbang kepada kelambatan serta dibuktikan dengan dokumen sokongan dan analisa kelambatan.

10.5.5 Lanjutan masa untuk keburukan cuaca luar biasa hanya boleh diberi pertimbangan sekiranya terbukti ianya luar biasa dengan berdasarkan kepada bukti seperti berikut:

(a) Rekod-rekod kajicuaca untuk beberapa tahun terdahulu daripada Jabatan Kajicuaca atau Jabatan Pengairan Dan Saliran (seboleh-bolehnya tidak kurang dari tiga tahun).

(b) Bagi yang melibatkan kerja tanah, peruntukan harus diberi bagi masa tambahan yang diperlukan untuk pengaliran dan/atau pengeringan kawasan bertakung atau lembap.

10.5.6 Lanjutan Masa atas sebab masalah mendapatkan bahan-bahan binaan boleh dipertimbangkan dengan syarat:

(a) Terdapat bukti secukupnya mengenai kekurangan bahan binaan dalam pasaran semasa negara.

(b) Kontraktor telah membuat pesanan pada tempoh yang munasabah sebelum sesuatu bahan tersebut diperlukan di tapak bina.

10.5.7 Lanjutan Masa disebabkan oleh penangguhan Kerja di bawah Klausa 43.1(c) Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev. 1/2010) boleh dipertimbangkan dengan syarat:-

(a) Kontraktor perlu memohon lanjutan masa khusus dibawah Klausa ini.

(b) Arahan penangguhan Kerja mestilah berasaskan kepada sebab-sebab yang munasabah yang menyebabkan kerja-kerja di tapak bina tidak boleh dilaksanakan atau diteruskan seperti masalah pengambilan tanah, peruntukan kewangan projek, masalah pengalihan utiliti dan lain-lain yang berkaitan.

(c) Kontraktor tidak berhak diberi lanjutan masa sekiranya penangguhan itu akibat daripada kemungkiran pihak Kontraktor.

Jika sekiranya penangguhan kerja dijangka berterusan melebihi dua belas bulan, kedua-dua belah pihak kontraktor dan Kerajaan perlulah berunding bagi memutuskan sama ada untuk menamatkan pelaksanaan kontrak secara bersama atau menangguhkan kerja ke jangkamasa yang lebih panjang.

10.5.8 Polisi-polisi Insurans Dan Bon Pelaksanaan.

(a) Kontraktor mestilah diminta untuk melanjutkan tempoh liputan polisi-polisi insurans, Bon Pelaksanaan dan Jaminan Wang Pendahuluan yang belum dibayar balik sepenuhnya kepada satu tarikh yang dijangka siap serta mengemukakan pengesahan (*endorsement)* dan resit rasmi.

(b) Jika Kontraktor gagal memperbaharui polisi-polisi insurans, P.P. hendaklah menggunakan haknya dibawah Kontrak untuk melanjutkan tempoh liputan insurans tersebut kepada satu tempoh yang dijangkakan kontraktor boleh menyiapkan keseluruhan kerja. P.P. akan menuntut kos bayaran premium yang terlibat yang ditambah dengan kos caj ke atas kos bayaran premium tersebut (*on-cost charges*) sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak.

10.6 Tatacara Kelulusan Lanjutan Masa

10.6.1 Sejajar dengan peruntukan Syarat-syarat Kontrak, Pegawai Yang Dinamakan bertanggungjawab untuk menimbang serta meluluskan permohonan Lanjutan Masa daripada Kontraktor. Demi memastikan proses pemberian lanjutan masa dilaksanakan dengan adil dan saksama dan tidak diluluskan sewenang-wenangnya oleh Pegawai Yang Dinamakan dalam kontrak, satu Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa[3] (JKLM) ditubuhkan diperingkat Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi semua projek persekutuan dibawah kendalian Jabatan Kerja Raya.

10.6.2 Dengan adanya JKLM ini, Pegawai Penguasa hanya dibenarkan untuk meluluskan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa sekali sahaja. Kelulusan Lanjutan Masa yang berikutnya hanya boleh dibuat oleh Pegawai Penguasa selepas mendapat perakuan daripada JKLM.

10.6.3 Kelulusan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1

(a) Setelah menerima notis bertulis daripada Kontraktor mengenai sebab-sebab kelambatan, P.P. mesti membuat penilaian ke atas permohonan Kontraktor tersebut. Sekiranya Kontraktor berhak untuk mendapat lanjutan masa, P.P. perlu menyediakan serta mengemukakan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa untuk diluluskan.

[3] Arahan KPKR Bil. 2/2009 bertarikh 28 Mei 2009 dan Arahan KPKR Bil (40) dlm.JKR.KPKR.020/03 Klt 8 bertarikh 21 Julai 2009.

(b) Semasa penyediaan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa, P.P hendaklah merujuk[4] kepada Sektor Bisnes yang berkaitan di Ibu Pejabat sekiranya perlu atau memaklumkan mengenai penilaian Perakuan tersebut. Kementerian Pelanggan juga perlu dimaklumkan terlebih dahulu.

(c) P.P. juga perlu merujuk kepada Sektor Pakar di Ibu Pejabat sekiranya memerlukan pandangan dari segi kepakaran bidang masing-masing.

(d) Semasa mengemukakan perakuan untuk kelulusan, ringkasan umum yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut hendaklah diberikan:-

(i) Butiran bagaimana tempoh lanjutan masa yang dicadangkan dihitung termasuk CPM, carta bar atau kaedah-kaedah lain.

(ii) Bilamana Kerajaan bertanggungjawab ke atas kelambatan, nyatakan:-

1) Sama ada sebab kelambatan telah diatasi dan jika tidak, langkah dan tindakan yang telah/sedang diambil untuk mengatasinya.
2) Sama ada Kontraktor ada atau tidak menuntut kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan, jika ada nyatakan anggarannya.

(iii) Huraian kemajuan kerja yang telah dicapai oleh Kontraktor pada tarikh Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa disediakan termasuk butiran baki kerja yang belum disiapkan.

(iv) Nyatakan sama ada Kontraktor boleh menyiapkan kerja pada tarikh siap lanjutan yang dicadangkan dan jika tidak, nyatakan tarikh siap dijangkakan.

(e) Berdasarkan penilaian yang dibuat Pegawai Penguasa dalam Kontrak mempunyai kuasa untuk melulus atau menolak Perakuan tersebut.

[4] Arahan KPKR Bil. 6/2009 bertarikh 2 September 2009 dan Surat Arahan KPKR Bil 1/2010 bertarikh 2 Mac 2010.

10.6.4 Kelulusan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 2 dan seterusnya.

a) Setelah penilaian dibuat ke atas permohonan Kontraktor dan P.P. berpendapat Kontraktor mempunyai asas yang kukuh sebagaimana diperuntukkan di bawah Syarat-syarat Kontrak, maka P.P. hendaklah memohon kepada JKLM untuk mendapat keputusan.

b) Permohonan perlulah menggunakan Borang Permohonan Lanjutan Masa seperti di Lampiran 10A dan dikemukakan kepada Urusetia JKLM di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia dengan salinan kepada Pengarah Kanan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan dan Pengurus Program (Pengarah Cawangan Kerja berkenaan).

c) P.P. juga hendaklah memastikan permohonan dibuat kepada JKLM dengan secepat mungkin bagi memastikan satu keputusan dibuat sebelum tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam kontrak berakhir.

d) JKLM dipengerusikan oleh Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya dan Senarai Keanggotaan serta Urusetia JKLM adalah seperti di Lampiran 10B.

e) Pegawai Penguasa hendaklah mengambilkira perakuan serta keputusan JKLM dalam menimbang permohonan Kontraktor. Walau bagaimanapun, Pegawai Penguasa hendaklah membuat keputusan atas sifatnya sebagai Pegawai Penguasa dalam Kontrak untuk bertindak bagi pihak Kerajaan dengan bebas, adil dan saksama. Oleh itu, sebarang keputusan yang dimaklumkan oleh Pegawai Penguasa kepada Kontraktor hendaklah tidak merujuk kepada perakuan JKLM bagi mengelakkan keadaan tersebut[5].

[5] Surat Rujukan: (40)dlm.JKR.KPKR.020.050/03 Klt.8 bertarikh 21 Julai 2009

10.7 Penyediaan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

10.7.1 Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa, borang JKR 203T Pind. 5/2008 seperti di lampiran 10C, hendaklah disediakan sebaik sahaja tempoh kelambatan dapat ditentukan. Perakuan tersebut hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor sebelum berakhirnya tempoh siap Kontrak semasa yang dibenarkan.

10.7.2 Semua maklumat di dalam Perakuan mestilah diisi dengan betul. Bagi memudahkan rujukan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan lanjutan masa, Perakuan dicatitkan perkara-perkara berikut:-

i) Kemajuan kerja sebenar/jadual

ii) Tempoh polisi Insurans dilanjutkan sehingga.....

iii) Tempoh Bon Perlaksanaan dilanjutkan sehingga .....
(catitkan WJP jika memilih Wang Jaminan Pelaksanaan)

iv) Tempoh Bon untuk Bayaran Pendahuluan dilanjutkan sehingga.....
(Catitkan 'tiada' jika kontraktor tidak mengambil Wang Pendahuluan /Bayaran Wang Pendahuluan telah selesai.)

10.7.1 Pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa adalah seperti dalam Bab 9 (Lampiran 9C[6]).

10.7.2 Sekiranya tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam Kontrak akan berakhir dan Pegawai Dinamakan mendapati dan berpendapat tiada lagi asas yang kukuh sejajar dengan Syarat-syarat Kontrak untuk lanjutan masa diberikan, maka Pegawai Dinamakan hendaklah memulakan proses pengeluaran Perakuan Kerja Tidak Siap sebagaimana yang diperuntukkan dalam Syarat-syarat Kontrak bagi mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan terhadap Kontraktor demi memastikan masa terus menjadi teras kepada Kontrak.

[6] Arahan KPKR Bil. 6/2009 bertarikh 2 September 2009 dan Surat Arahan KPKR bil 1/2010 bertarikh 2 Mac 2010.

10.8 Pengedaran Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

10.8.1 Setelah Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa diluluskan, salinan Asal hendaklah dihantar kepada Kontraktor. Satu salinan hendaklah diedarkan kepada pihak-pihak seperti yang disenaraikan di dalam Perakuan dan juga kepada pihak-pihak berikut:

(a) Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

(b) Juruukur Bahan terlibat dalam Kontrak.

(c) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM).

(d) Syarikat Insurans yang memberi liputan perlindungan Insurans

(e) Institusi Kewangan yang mengeluarkan Jaminan Bon Pelaksanaan.

LAMPIRAN 10A

JKR-JKLM

(Pind. 1/2009)

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

BORANG PERMOHONAN LANJUTAN MASA NO.:

A. BUTIR-BUTIR KONTRAK

1. Tajuk Kontrak :
2. Harga Kontrak Asal :
3. Tarikh Milik Tapak Asal :
4. Tarikh Siap Asal / Dilanjutkan :
5. Kemajuan Kerja Semasa :

B. MAKLUMAT LANJUTAN MASA YANG TELAH DILULUSKAN

1	Sebab-sebab Lanjutan Masa:	Klausa	Tempoh
	a.		
	b.		
	Jumlah hari yang diluluskan:		

C. MAKLUMAT LANJUTAN MASA YANG DIPOHON OLEH KONTRAKTOR

1. Tarikh Permohonan Kontraktor:
2.

	Sebab-sebab Pemohonan:	Klausa	Tempoh
	a.		
	b.		
	Jumlah hari yang dipohon:		

3. Asas Permohonan . Sila lampirkan:
   a. Laporan kemajuan semasa
   b. CPM' terkini yang telah dikemaskini yang menunjukkan kemajuan setiap aktiviti yang terlibat
4. Nyatakan sebab-sebab permohonan lanjutan masa samada bertindih atau berturutan.
5. Asas perkiraan temppoh lanjutan masa:
6. Dokumen sokongan berkaitan:

D. PENGESYORAN PEGAWAI PENGUASA/PENGARAH PROJEK

Sila nyatakan asas pengesyoran P.P. dengan memberi justifikasi dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:

a) Nyatakan peristiwa-peristiwa yang menyebabkan kelewatan
b) Nyatakan klausa-klausa yang berkaitan sejajar dengan syarat-syarat kontrak
c) Asas perkiraan bilangan hari dengan mengambil kira tempoh peristiwa yang bertindih dan berturutan
d) Faktor-faktor lain yang boleh diambil kira untuk menyokong permohonan kontraktor.

…….....

Pegawai Penguasa / Pengarah Projek

Tarikh:

E. KEPUTUSAN JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

Bersetuju / Tidak Bersetuju* memperakukan lanjutan masa di atas dengan tempoh

…….. hari.

Catatan:

_____	_____	_____
Pengerusi	Ahli Jawatankuasa	Ahli Jawatankuasa

Tarikh :

SENARAI KEANGGOTAAN DAN URUSETIA
JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

BIL.	NAMA JAWATANKUASA	KEANGGOTAAN	URUSETIA
1.	Jawatankuasa Kelambatan Dan Lanjutan Masa	1. Ketua Pengarah Kerja Raya/Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya **(Pengerusi)** 2. Pengarah Kanan Cawangan Kontrak & Ukur Bahan atau wakilnya 3. Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Kerja berkenaan atau Wakilnya sekiranya tidak menjadi pegawai Penguasa/Pengarah Projek bagi projek berkaitan **Atau** Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Kerja yang lain atau Wakilnya sekiranya Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Kerja berkenaan menjadi penguasa/pengarah Projek bagi projek berkaitan	**Pembentang** Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek/ Wakil P.P **Urusetia** Cawangan Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat JKR Malaysia

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA No……

(CERTIFICATE OF DELAY AND EXTENSION OF TIME No……)

Rujukan.....

Pejabat.....
.....

.....
.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....
(Kontraktor)

Berdaftar dengan J.K.R. dalam Kelas "....."

Kontrak No. .....

Kontrak untuk .....

Bahagian* .....
*Section**

Dengan ini saya memperakui bahawa kemajuan dan penyiapan Kerja-Kerja / Bahagian Kerja-
I hereby certify that the progress and completion of the Works / Section of the

Kerja* seperti yang tersebut di atas mungkin / telah* terlambat melewati Tarikh Siap seperti W*orks** *as mentioned above is likely to be / has been* delayed beyond the Date for Completion* yang dinyatakan dalam Lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak atau melewati Tarikh *stated in the Appendix to the Conditions of Contract or beyond the extended Date* Lanjutan Siap yang telah dibenarkan sebelum ini, iaitu …… *for Completion previously approved i.e*.
dengan sebab/ sebab-sebab berikut:
due to the following reason/reasons:

Sebab/sebab-sebab *(reason/reasons)*	Klausa+ *(Clause)*	Tempoh Kelambatan dan Lanjutan Masa++ *(Period of Delay and Extension of Time)*

2. Menurut Klausa 43 Syarat-Syarat Kontrak, saya dengan ini membenarkan lanjutan masa *In accordance with Clause 43 of the Conditions of Contract, I hereby grant you an extension* selama …… untuk menyiapkan Kerja-Kerja/Bahagian Kerja-Kerja* di bawah *of time of for the completion of the Works/Section of the Works* under* Kontrak ini.
this Contract.

3. Berikutan dengan itu Tarikh Siap yang telah ditetapkan pada …….. sekarang ini *The Date for Completion which has been fixed on is now* dilanjutkan kepada ……
therefore extended to

.....
Pegawai Penguasa
(Superintending Officer)

(Nama Penuh .....)
Name in full

Nama Jawatan .....
Designation

……
Tandatangan Pegawai yang diwakilkan bertindak untuk dan bagi pihak KERAJAAN
Signature of Officer authorised to act for and on behalf of GOVERNMENT

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Kuala Lumpur. (U/P: Bahagian Pembangunan Bumiputera)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank/Syarikat Insurans.....
(yang menjamin perlaksanaan kontrak)

Pengarah Pengurusan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur

Pengarah Cawangan.....
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur

Pengarah Cawangan Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR
Kuala Lumpur

Pengarah
JKR Negeri.....

Jurutera Daerah/Projek.....

---

* Potong jika tidak berkenaan.
(Delete if not applicable).

\+ Sebutkan rujukan Klausa yang mana Kontraktor berhak mendapat Lanjutan Masa.
(State Clause reference by which the Contractor is entitled to extension of time)

++ Sebutkan Tempoh Kelambatan dan Lanjutan Masa yang disokong (sama ada serentak atau berturut-turut.)
(State Period of Delay and Extension of Time recommended (Whether concurrently or consecutively)

BAB 11

KERJA TIDAK SIAP

BAB 11- KERJA TIDAK SIAP

11.1 Pendahuluan

11.1.1 Apabila penyiapan Kerja didapati telah terlambat dan sebab kelambatan tidak melayakkan Kontraktor mendapat lanjutan masa, maka kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kelambatan tersebut adalah ditanggung oleh Kontraktor.

11.1.2 Kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akan diperolehi semula daripada Kontraktor melalui Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Untuk maksud mengenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan, Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan.

11.2 Pertimbangan Yang Harus Diambil Kira Semasa Menentukan Sama ada Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan Akan Dikenakan

11.2.1 Apabila penyiapan Kerja didapati telah terlambat dan ada sebab-sebab kelambatan yang melayakkan Kontraktor mendapat lanjutan masa di bawah kontrak, maka tindakan seterusnya ialah untuk menimbangkan lanjutan masa. Satu Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa hendaklah disediakan untuk kelulusan .

11.2.2 Apabila penyiapan Kerja didapati telah terlambat dan kontraktor tidak layak untuk mendapat lanjutan masa serta tidak menunjukkan kemampuan untuk meneruskan Kerja sehingga siap, maka tindakan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor hendaklah diambil (rujuk Bab 12 - Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor). Walau bagaimanapun, sekiranya Kontraktor tidak layak untuk mendapat lanjutan masa tetapi menunjukkan kemampuan untuk meneruskan dan menyiapkan Kerja dalam masa yang munasabah, maka Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan untuk mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Pertimbangan untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap mestilah diberi dengan mengambil kira kesulitan pentadbiran dan kesan sosial dan politik, berbanding dengan apakah yang akan menjadi kepentingan terbaik Kerajaan. Di dalam keadaan ini, usaha mestilah diambil untuk memastikan Kerja dapat disiapkan dalam masa yang munasabah.

11.2.3 Pertimbangan utama dalam menentukan sama ada penamatan patut dikenakan ataupun tidak ialah keupayaan Kontraktor untuk meneruskan dan menyiapkan Kerja setelah beliau dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Ini sudah tentu sukar untuk ditentukan dengan tepat dan banyak bergantung kepada satu penilaian objektif ke atas keadaan semasa, perhitungan dan budi bicara. Kontraktor perlu membuktikan keupayaan untuk menyiapkan Kerja ini dengan mengemukakan maklumat kewangan, senarai pekerja, senarai loji dan peralatan serta program kerja yang terperinci. Perbincangan secara jujur dan terbuka dengan Kontraktor juga akan membantu P.P. membuat pertimbangan ke atas keupayaan sebenar kontraktor.

11.3 Notis Untuk Mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap

11.3.1 Sebarang kelambatan boleh dikesan apabila kemajuan Kerja pembinaan dipantau dengan rapi. P.P. hendaklah mengeluarkan surat amaran kepada Kontraktor apabila projek telah/dijangka akan lewat.

11.3.2 Sekiranya pada pandangan P.P. Kontraktor tidak dapat menyiapkan Kerja dan sebelum Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dikenakan, Kontraktor hendaklah diberi notis untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap[1]. Notis ini bertujuan untuk memberi peluang kepada Kontraktor untuk mengemukakan alasan mengenai kelambatan tersebut untuk pertimbangan Pegawai Yang Diberi Kuasa untuk bertindak bagi pihak Kerajaan. Bagi maksud memberi notis kepada Kontraktor, surat piawai seperti di dalam Lampiran 11A hendaklah digunakan.

11.3.3 Sekiranya P.P. berpendapat bahawa tiada asas atau alasan wajar bagi kelambatan dan lanjutan masa diberikan, maka tindakan untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah diambil.

11.3.4 Meskipun demikian, P.P. hendaklah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Sekiranya Perakuan Kerja Tidak Siap lewat dikeluarkan, maka masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak tersebut dan dengan itu kontraktor hanya bertanggungan untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah (*time is at large*). Sehubungan itu, hak Kerajaan untuk mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan akan terjejas.

---

1 Klausa 67.2, Syarat-Syarat Kontrak P.W.D FORM 203/203A (Rev.1/2010)

11.4 Penyediaan dan Penyerahan Perakuan Kerja Tidak Siap

11.4.1 Bagi maksud mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan, satu Perakuan Kerja Tidak Siap, Borang 203X - Pin. 2/2008[2] (rujuk Lampiran 11B) hendaklah dikeluarkan.

11.4.2 Bagi mengelak kelambatan dalam meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap, beberapa peraturan asas seperti berikut mesti dipatuhi di dalam penyediaannya:

(a) Semua butiran di dalam Perakuan hendaklah diisi dengan betul. Butiran mengenai Kontrak dan Kontraktor yang diisi ke dalam Perakuan hendaklah sama dengan yang terdapat di dalam Dokumen Kontrak. Ruangan yang disediakan untuk diisi di dalam Perakuan tidak boleh dibiarkan kosong. Tarikh Perakuan hendaklah tarikh bila Perakuan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk berbuat demikian.

(b) Tempoh perlindungan bagi polisi insurans dan juga tempoh jaminan Bon Pelaksanaan mestilah dilanjutkan sekurang-kurangnya ke tarikh jangkaan kerja siap. Sekiranya Kerajaan melanjutkan polisi insurans tersebut, kos sebenar yang terlibat hendaklah dikenakan kepada Kontraktor termasuk dan ditambah kos dalam bentuk caj ke atas kos yang terlibat (*on-cost charges*) dengan kadar sebanyak 5% sebagai kos pentadbiran Kerajaan yang terlibat.[3]

11.4.3 Apabila mengemukakan Perakuan Kerja Tidak Siap untuk kelulusan, butiran mengenai Kontrak dan maklumat-maklumat lain mesti disediakan di dalam borang piawai (Lampiran 11C). Sebagai tambahan, maklumat berikut mestilah juga disertakan:

(a) Kenyataan oleh pegawai pengesyor sama ada beliau telah mengkaji keadaan bagi kes tersebut dengan mendalam dan telah menilai keupayaan Kontraktor untuk meneruskan dan menyiapkan Kerja walaupun Ganti Rugi Tertentu dikenakan kepada Kontraktor.

(b) Huraian mengenai kemajuan Kerja yang telah dicapai oleh Kontraktor dan baki Kerja yang akan dilaksanakan dan perancangan bila dan bagaimana baki kerja tersebut boleh disiapkan.

---

[2] Surat Pekeliling KPKR Bil. 9/1977 bertarikh 2.9.77.

[3] Surat Kementerian Kewangan ruj. (K&B) (8.09) 735/10/1 jld.3 (44) bertarikh 5.4.1989, dan Klausa 15.3, 17.3 dan 18.2 dan Appendix To Condition of Contract , Syarat-Syarat Kontrak PWD Form 203/203A (Rev. 1/2010)

(c) Maklumat sama ada Kerajaan bertanggungjawab terhadap sebarang kelambatan dan sekiranya ada, sama ada satu lanjutan masa yang munasabah telah diberikan dan sama ada dijangka terdapat sebarang sebab kelambatan yang mana Kerajaan mungkin bertanggungjawab.

11.5 Pegawai Yang Diberi Kuasa Untuk Meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap.

11.5.1 Pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap[4] adalah sepertimana di Bab 9 - Lampiran 9C .

11.6 Pengedaran Perakuan Kerja Tidak Siap.

Setelah Perakuan Kerja Tidak Siap diluluskan, salinan asalnya (tanpa Lampiran 11C) mesti dihantar kepada Kontraktor. Satu salinan juga mesti diedarkan kepada pihak-pihak yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut.

11.7 Keperluan Memantau Kemajuan Kerja Dengan Lebih Rapi Setelah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan Dikenakan

11.7.1 Pemantauan rapi ke atas kemajuan Kerja Kontraktor adalah menjadi lebih penting apabila Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan telah dikenakan.

11.7.2 Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan ini mesti tidak dibenarkan terkumpul bagi satu tempoh masa yang lama sehingga ia menjadi satu bebanan kepada semua pihak. Jika sekiranya prestasi Kontraktor menunjukkan yang dia tidak mungkin dapat menyiapkan kerjanya, tindakan serta merta mesti diambil untuk penamatan kerja.

11.8 Pengecualian Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan Kepada Kontraktor Bumiputera[5]

11.8.1 Kementerian Kewangan telah memutuskan bahawa tiada pengecualian bayaran

[4] Surat Edaran KPKR Bil(24) dlm. JKR. KPKR:020.050/03 Klt.7 bertarikh 4.10.2006

[5] SAP bertarikh 21 Julai 2011 Kaedah/ Takrifan Pelaksanaan Dan Penguatkuasaan SAP bertarikh 18 Mac 2011 Berkenaan Pembatalan Pengecualian Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*Liquadated And Ascertained Damages-LAD*

Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan

11.8.2 Jika Kontraktor berhasrat untuk memohon pelepasan bagi baki Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang tidak diluluskan, Kontraktor hendaklah memohon terus kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan selanjutnya.

CONTOH NOTIS UNTUK MENGENAKAN
GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....
(Kontraktor)

Tuan,

Kontrak No. .....

Kontrak untuk .....

.....

NOTIS UNTUK MENGENAKAN GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN

Dukacita diperhatikan bahawa Kerja tuan dijangka tidak dapat disiapkan pada Tarikh Siap Kerja yang telah ditentukan pada .....

2. Tuan adalah diingatkan bahawa menurut Fasal 40 Syarat-syarat Kontrak, saya bercadang untuk mengeluarkan 'Perakuan Kerja Tidak Siap' terhadap tuan dan tuan akan dikehendaki membayar wang atau membenarkan Kerajaan menolak daripada mana-mana wang yang kena dibayar atau yang akan kena dibayar kepada tuan di bawah Kontrak ini atau Kontrak-kontrak lain di antara Tuan dan Kerajaan sejumlah wang yang dikira atas kadar yang dinyatakan dalam Lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak, iaitu RM..... setiap ..... sebagai bayaran Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan sepanjang tempoh Kerja di atas tidak disiapkan sepenuhnya.

3. Sekiranya tuan ingin memberi sebab-sebab dan alasan-alasan ke atas kelewatan Kontrak ini supaya 'Perakuan Kerja Tidak Siap' tidak dikeluarkan terhadap tuan, sila kemukakan keterangan-keterangan tersebut kepada Pegawai Penguasa secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat ini.

.....
Pegawai Penguasa/Wakil P.P.

LAMPIRAN 11B

(JKR 203X - Pind. 2/2008)

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

PERAKUAN KERJA TIDAK SIAP
(CERTIFICATE OF NON-COMPLETION)

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....
(Kontraktor)

Berdaftar dengan P.K.K. dalam Kelas "....."

Kontrak No. .....

Kontrak untuk .....

.....

Bahagian* .....
*Section**

Dengan ini adalah diperakui bahawa tuan telah gagal menyiapkan Kerja / Sebahagian
It is hereby certified that you have failed to complete the Works / Section of the

daripada Kerja* yang tersebut di atas pada "Tarikh Siap" yang dinyatakan dalam Lampiran
Works as mentioned above by the "Date for Completion " stated in the Appendix*

kepada Syarat-Syarat Kontrak ataupun dalam tempoh lanjutan masa yang telah dibenarkan
to the Conditions of Contract or within any extended time approved under

di bawah Klausa 43 Syarat-Syarat Kontrak, iaitu pada ..... dan mengikut
Clause 43 of the Conditions of Contract, i. e. on and in

pendapat saya Kerja / Sebahagian daripada Kerja* tersebut itu sepatutnya telah disiapkan pada
my opinion the said Works / Section of the Works ought to have been completed.*

tarikh ini.

2. Menurut Klausa 40 Syarat-Syarat Kontrak, tuan adalah dengan ini diberitahu bahawa
In accordance with Clause 40 of the Conditions of Contract, you are

tuan kenalah membayar atau membenarkan kepada Kerajaan sejumlah wang yang dikira
hereby informed that you are liable to pay or allow to the Government a sum

atas kadar yang dinyatakan dalam Lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak,
calculated at the rate stated in the Appendix to the Conditions of Contract,

iaitu RM..... setiap ..... sebagai Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan
i.e. RM per as Liquidated and Ascertained Damages

banyaknya sepanjang tempoh yang Kerja / Sebahagian daripada Kerja* tersebut itu tidak
for the period during which the said Works / Section of the Works shall so*

disiapkan sepenuhnya dan saya akan memperakukan supaya potongan sewajarnya dibuat dari
remain and have remain incomplete and I shall certify for deduction such damages from any

apa-apa wang yang kena dibayar atau yang akan kena dibayar kepada tuan di bawah Kontrak
money due or which may become due to you under this Contract.

ini.

.....
Pegawai Penguasa
(Superintending Officer)

Nama Penuh.....
Name in full

Nama Jawatan.....
Designation

.....
Tandatangan Pegawai yang diwakilkan
bertindak untuk dan bagi pihak Kerajaan
Signature of Officer authorised to act for and on behalf of Government

* Potong jika tidak berkenaan.
Delete if not applicable.

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia
KUALA LUMPUR
(U/p: Bahagian Pembangunan Bumiputera)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful / Syarikat Kewangan .....
(yang menjamin perlaksanaan kontrak)

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan.....
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah
JKR. Negeri.....

Jurutera Daerah/Projek.....

CONTOH
RINGKASAN KE ATAS KONTRAK YANG AKAN DI BERI
"PERAKUAN KERJA TIDAK SIAP"

1. No. Kontrak:

2. Nama Kontrak:

3. Nama Kontraktor:

4. Harga Kontrak Asal:

5. Harga Kontrak Semasa:

6. Tarikh Surat Setujuterima Dikeluarkan:

7. Tarikh Milik Tapak:

8. Tempoh Siap Kerja:

9. Tarikh Siap Asal:

10. Tarikh Dilanjutkan Kepada:

No. Lanjutan Masa	Sebab-Sebab	Klausa	Tempoh
i)			
ii)			

11. Surat Amaran kepada Kontraktor :

    i)
    ii)

12. Surat Amaran untuk mengeluarkan 'Perakuan Kerja Tidak Siap' dikeluarkan :

    i)
    ii)

13. Sebab-sebab yang diberi oleh Kontraktor ke atas Kelambatan :

    i)
    ii)

14. Ulasan-ulasan dari P.P./Wakil P.P. :

    i)
    ii)

15. Kerja-kerja binaan lain yang sedang diselenggarakan oleh Kontraktor dan Kemajuannnya :

    i)
    ii)

16. Pengesyoran oleh P.P./Wakil P.P. :

    .....

17. Analisa untuk 'Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan' :

    .....

18. Huraian kemajuan kerja yang dicapai dan baki kerja :

    .....

19. Butiran bayaran interim :

    .....

BAB 12

PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

BAB 12 – PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

12.1 Pendahuluan

12.1.1 Pemantauan kemajuan Kerja boleh juga menunjukkan tidak ada kemungkinan Kerja akan disiapkan dalam tempoh masa yang munasabah. Perlakuan Kontraktor boleh menyebabkan dirinya tidak berupaya menyiapkan Kerja atau memperlihatkan niatnya enggan menyiapkan Kerja.

12.1.2 Apabila terbukti Kontraktor tidak mungkin dapat menyiapkan Kerja atau dia memperlihatkan niatnya enggan menyiapkan Kerja atau telah menyebabkan dirinya tidak berupaya menyiapkan Kerja, adalah perlu untuk menimbangkan cara-cara lain bagi menyiapkan Kerja atau Pengambilan Kerja Kontraktor hendaklah ditamatkan. Untuk menamatkan pengambilan kerja Kontraktor, satu Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor akan dikeluarkan terlebih dahulu (rujuk lampiran 12A dan 12B), diikuti oleh satu Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor[1] (rujuk lampiran 12C dan 12D).

12.1.3 Setelah pengambilan kerja Kontraktor ditamatkan, Kerja hendaklah ditawarkan kepada Kontraktor lain, dan proses penyediaan dokumen-dokumen tender, pelawaan, penerimaan, pembukaan, penilaian, perakuan dan setujuterima tender, penyediaan dokumen-dokumen kontrak, penyediaan dan pemantauan perlaksanaan kerja kontraktor baru, dan sebagainya seperti yang dihuraikan di dalam Bab-bab 5,6,7,8,9,10 dan 11 akan diulangi. Satu tuntutan akan dibuat terhadap Kontraktor iaitu melalui Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor sebaik sahaja Kontraktor baru dilantik[1].

12.1.4 Jenis-Jenis Penamatan :

(a) Kemungkiran Oleh Kontraktor
(b) Penamatan Bersama Akibat Penggantungan Kerja
(c) Kepentingan Negara
(d) Penamatan Akibat Rasuah, aktiviti-aktiviti yang bertentangan dan menyalahi undang-undang
(e) Kemungkiran oleh Kerajaan

[1] Surat Arahan KPKR :(26)JKR: KPKR. 020.050/03klt.7 bth. 4/10/06 dan Surat Arahan KPKR Bil 6/2009 bertarikh 2 September 2009 dan Surat Arahan KPKR Bil 1/2010 bertarikh 2 Mac 2010.

12.2 Pegawai-Pegawai Yang Diberi Kuasa Untuk Menamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor.

12.2.1 Pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menamatkan pengambilan kerja Kontraktor adalah seperti yang dinamakan di dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak (Rujuk Bab 9-Lampiran 9B).[2]

12.3 Kemungkiran Kontraktor Dan Hak Kerajaan Untuk Menamatkan Pengambilan Kerjanya.

12.3.1 Syarat-syarat Kontrak dengan khususnya telah memperuntukkan kepada kerajaan hak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor di mana kontraktor telah melakukan kemungkiran dalam memenuhi obligasinya di bawah kontrak atau menyebabkan dirinya tidak berupaya meneruskan dan menyiapkan kerja. Kerajaan berhak untuk menamatan pengambilan kerja Kontraktor boleh dilakukan atas dua sebab kemungkiran oleh Kontraktor seperti berikut:

(a) Kemungkiran Menunaikan Tanggungjawab
(b) Kemungkiran Am

12.4 Kemungkiran Menunaikan Tanggungjawab

12.4.1 Kontraktor di anggap melakukan kemungkiran menunaikan tanggungjawab atas sebab-sebab berikut:

(a) Gagal memulakan Kerja di tapak dalam tempoh 2 minggu selepas tarikh milik tapak bina; atau

(b) Menggantung atau meninggalkan keseluruhan Kerja atau sebahagiannya bagi satu tempoh yang berterusan sebelum tarikh siap kerja; atau

(c) Gagal meneruskan Kerja dengan mengikut aturan dan tekunnya; atau

[2] Surat Arahan KPKR :(24)dlm.JKR.KPKR.020.050/03klt.7 bth.4/10/06 dan Surat Arahan KPKR Bil 6/2009 bertarikh 2 September 2009 dan Surat Arahan KPKR Bil 1/2009 bertarikh 2 Mac 2010

(d) Gagal melaksanakan Kerja mengikut Kontrak; atau

(e) Kecuaian berulangkali menunaikan obligasinya di bawah kontrak; atau

(f) Enggan atau berulangkali cuai mematuhi suatu notis bertulis daripada P.P. berkaitan mana-mana kecacatan Kerja, atau peralatan dan bahan-bahan yang tidak memenuhi kehendak Kontrak; atau

(g) Gagal mematuhi peruntukan-peruntukan klausa 47[3]; atau

(h) Gagal mematuhi apa-apa terma dan peruntukan di dalam Kontrak.

12.4.2 Pegawai Yang Diberi kuasa di Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak hendaklah memberi notis bertulis kepada kontraktor dengan menyatakan tindakan kemungkiran kontraktor dengan merujuk kepada klausa/klausa-klausa yang berkaitan, dan kontraktor dikehendaki membaiki kemungkiran tersebut dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan notis kemungkiran atau sebarang tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya kontraktor gagal membaiki kemungkiran dalam tempoh yang ditetapkan, Pegawai tersebut berhak menamatkan kontrak dengan memberi notis secara bertulis.

12.4.3 Kaedah Penyampaian Notis hendaklah melalui:

(a) Dengan tangan atau perkhidmatan kiriman cepat (*courier*) dan satu resit pemakluman hendaklah diperolehi

(b) Meninggalkan notis di pejabat berdaftar atau pejabat tapak kontraktor di mana ia hendaklah disifatkan telah dihantar sewajarnya sebagaimana yang dijadualkan.

(c) Dengan pos berdaftar dimana ia hendaklah disifatkan telah diterima dalam tempoh tujuh hari dari tarikh kiriman.

[3] P.W.D Form 203/**203A (Rev.1/2010**)– Sub-Contract Or Assignment

12.4.4 Kesan Penamatan sekiranya perjanjian ditamatkan di bawah klausa 51.1(c)[4] Syarat-syarat Kontrak P.W.D 203/203A (Rev.1/2010) seperti berikut:

(a) Kontraktor hendaklah :

(i) Dengan serta merta memberhentikan semua aktiviti

(ii) Mengambil langkah-langkah untuk melindungi tapak bina, Kerja-kerja yang telah disiapkan, peralatan, barang-barang, bahan-bahan daripada sebarang kesusutan, kerugian atau kerosakan dan melaksanakan kerja-kerja yang sepatutnya supaya tapak bina berada di dalam keadaan bersih dan kemas;

(iii) Mengeluarkan kakitangan dan pekerja dari tapak bina;

(iv) Mengosongkan tapak bina di dalam tempoh yang dinyatakan oleh P.P., mengeluarkan semua bangunan sementara, loji, alat, perkakas, barang-barang dan bahan tak pasang yang belum di bayar oleh kerajaan seperti yang ditentukan oleh P.P.. Jika Kontraktor gagal, kerajaan boleh (tetapi tidak bertanggungjawab ke atas apa jua kerugian atau kerosakan) mengeluarkan dan menjual mana-mana harta kepunyaan kontraktor, menyimpan hasil jualan itu selepas ditolak segala kos yang terlibat sebagai kredit kepada kontraktor;

(b) Kontraktor juga boleh sama ada :

(i) Menamatkan semua kontrak dengan pihak ketiga yang terlibat dengan kontrak ini atau;

(ii) Menyerahhak kepada Kerajaan jika dikehendaki oleh P.P. tanpa kos dan perbelanjaan kepada kerajaan, faedah yang diperolehi daripada sebarang perjanjian untuk membekal bahan-bahan atau barang-barang dan/atau pelaksanaan mana-mana kerja atau perkhidmatan untuk tujuan kontrak ini atau;

[4] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Termination (Default Of Obligation)

(iii) Membenarkan pihak ketiga untuk memasuki kontrak dengan Kerajaan atau mana-mana pihak yang difikirkan perlu untuk menyiapkan Kerja ini dengan syarat Kerajaan tidak bertanggungjawab membayar kepada pihak ketiga untuk sebarang bahan atau barang yang dihantar atau sebarang kerja yang dilaksanakan atau perkhidmatan untuk tujuan kontrak ini (sama ada sebelum atau selepas tarikh penamatan) dimana kerajaan telah membayar tetapi kontraktor gagal membuat bayaran kepada pihak ketiga.

(iv) Tanpa sebarang kos kepada kerajaan, menyerahkan kepada kerajaan semua pelan, rekabentuk, spesifikasi dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Kerja;

(v) Membayar kepada Kerajaan mana-mana kerugian atau kerosakan akibat penamatan kontrak ini mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah klausa 56[5]; dan

(vi) Tidak dilepaskan sebarang tanggungjawab di bawah kontrak ini.

(c) Apabila penamatan pengambilan kerja kontraktor dilakukan, Kerajaan hendaklah:

(i) Menuntut Bon Pelaksanaan atau merampas Wang Jaminan Pelaksanaan;

(ii) Memasuki dan memiliki semula tapak bina;

(iii) Berhak menjalankan dan menyiapkan Kerja samada oleh jabatan sendiri atau melantik pihak lain untuk menyiapkan Kerja; dan

(iv) Berhak untuk membuat tuntutan ke atas kontraktor bagi apa-apa kerugian, kos, perbelanjaan dan kerosakan yang dialami kesan dari penamatan kontrak ini mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah klausa 56[6].

[5] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Certificate Of Termination Costs
[6] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Certificate Of Termination Costs

12.4.5 Walau bagaimanapun, tiada apa jua dalam klausa 51.1[7] atau mana-mana bahagian di dalam kontrak ini yang melayakkan kontraktor untuk menuntut apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian keuntungan, gantirugi, tuntutan-tuntutan atau apa-apa yang berkaitan apabila kontrak ini ditamatkan di bawah klausa ini.

12.5 Kemungkiran Am

12.5.1 Sekiranya kontraktor melakukan Kemungkiran Am Kerajaan berhak untuk menamatkan Kerja Kontraktor dibawah kontrak melalui satu notis yang dihantar kepada kontraktor. Kemungkiran Am boleh disebabkan sekiranya pada bila-bila masa sepanjang tempoh Kontrak :

(a) kontraktor menjadi bankrap;atau

(b) menjadi taksolven (tidak mampu membayar hutang) atau membuat penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau membuat perkiraan dengan mereka itu; atau

(c) menyebabkan suatu perintah penggulungan dibuat terhadapnya; atau

(d) Mempunyai seorang penyelesai, penerima atau pengurus sementara bagi urusan atau pengusahaannya yang dilantik dengan sewajarnya, atau menyerahkan pemilikan supaya diambil oleh atau bagi pihak pemiutang-pemiutang atau pemegang-pemegang debentur bercagar dengan gadaian terapung akan apa-apa harta yang terkandung dalam gadaian terapung atau tertakluk kepada gadaian terapung itu; atau

(e) Pelaksanaan levi ke atas sebahagian besar aset kontraktor.

12.5.2 Kesan-kesan Penamatan disebabkan Kemungkiran Am :

a) Klausa 51.1 (c)(i) dan 51.1(c)(ii)[8] akan digunapakai jika penamatan Kontrak dilaksanakan di bawah klausa 51.2[9].

[7] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010)– Default of Obligation
[8] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010)– Consequences of Termination

b) Tiada apa jua dalam klausa 51.2 atau mana-mana bahagian di dalam kontrak ini yang melayakkan kontraktor untuk menuntut apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian keuntungan, gantirugi, tuntutan-tuntutan atau apa-apa yang berkaitan apabila kontrak ini ditamatkan di bawah klausa ini.

12.6 Prosedur-Prosedur Berikutan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

12.6.1 Peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang mesti dipatuhi berikutan dengan penamatan pengambilan kerja Kontraktor adalah seperti berikut :

(a) Satu tuntutan mestilah dibuat terhadap bank atau syarikat insurans yang mengeluarkan Bon Pelaksanaan dan Jaminan untuk Wang Pendahuluan, sekiranya terdapat baki Wang Pendahuluan yang belum didapatkan kembali.Tuntutan ini hendaklah disegerakan dan dibuat tidak lewat dari dua (2) minggu dari tarikh penamatan sungguhpun tempoh kuatkuasa Bon Pelaksanaan hanya berakhir setahun selepas tarikh pemansuhan Kontrak.Tindakan yang sama hendaklah juga diambil untuk merampas sebarang baki bayaran balik Wang Pendahuluan yang belum diterima daripada penjamin bagi Jaminan Wang Pendahuluan. Sekiranya bank, syarikat kewangan atau syarikat insuran tidak melunaskan bayaran jaminan di dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tuntutan, perkara tersebut hendaklah dirujuk dengan serta-merta kepada Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya untuk tindakan selanjutnya. Sekiranya Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) dipilih bagi menggantikan Bon Perlaksanaan, rampasan hendaklah dibuat oleh P.P. daripada akaun amanah dan dibayar kepada akaun hasil Kerajaan.[10]

(b) Mengarah Kontraktor berhenti kerja dan meninggalkan semua bangunan sementara, loji, perkakas, kelengkapan, barang-barang dan bahan takpasang di Tapak Bina dengan serta-merta.

(c) Tutup tapak bina dan dapatkan perkhidmatan pengawal keselamatan dua puluh empat (24) jam sehingga tapak bina diserahkan kepada Kontraktor

---

[9] P.W.D Form 203/203A (Rev1/2010) – General Default

[10] Surat Arahan KPKR :(26)dlm.JKR.KPKR.020.050/03klt.7 bth. 4/10/06

baru, untuk memastikan tiada sesiapa pun dibenarkan masuk atau berada di tapak bina tanpa kebenaran P.P dan tiada sesuatu apa jua pun dibawa keluar dari tapak bina tanpa kebenaran bertulis daripada P.P..

(d) Rekodkan bilangan, jumlah, lokasi dan keadaan bangunan-bangunan sementara, loji-loji, alat-alat jentera, peralatan binaan, bahan-bahan binaan dan barang-barang lain yang berada atau disimpan di dalam kawasan tapak bina dan dibuat pengukuran dan penilaian ke atas kerja setakat yang telah disiapkan. Wakil Kontraktor hendaklah dijemput supaya menyaksikan pengambilan rekod dan pengukuran yang dibuat. Gambar foto yang menunjukkan keadaan kerja bangunan-bangunan sementara dan bahan-bahan binaan serta alat-alat yang ditinggalkan semasa kontrak dimansuhkan hendaklah diambil, untuk rujukan masa hadapan, jika perlu. Inventori yang disediakan tidak akan dimasukkan di dalam dokumen tender untuk tender semula.

(e) Keluarkan arahan kepada Kontraktor yang mengeluarkan semua loji, peralatan dan barang-barang kepunyaan Kontraktor di tapak bina.

(f) Pastikan keselamatan kerja-kerja yang belum siap seperti tetulang keluli yang belum dituang konkrit, disapu simen '*slurry* 'untuk mengelakkannya dari berkarat, lubang-lubang penggalian yang dalam hendaklah dilitupi, ditimbus dan dilindungi bagi mengelakkan kecederaan dan pembiakan nyamuk.

(g) Dokumen-dokumen tender mesti disediakan dan tender atau sebutharga dipelawa untuk menyiapkan baki kerja tersebut. Walau bagaimanapun, tender untuk menyiapkan baki kerja lazimnya dipelawa dikalangan Kontraktor-Kontraktor terpilih[11]. Peraturan dan prosedur bagi penyediaan dokumen-dokumen tender dan penerimaan, penilaian dan setujuterima tender yang dihuraikan dalam Bab 5, 6 dan 7 hendaklah dipatuhi di sini. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang harus diambil perhatian seperti berikut:

(i) Baki skop kerja, spesifikasi bahan dan kerja, bagi kerja yang akan dilaksanakan hendaklah tidak berbeza daripada yang asal. Sekiranya

[11] Surat Arahan KPKR :(31)dlm.JKR.KPKR.020.050/03klt.8 bth. 7/11/08

perubahan kepada kerja diperlukan, ianya perlu dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen-dokumen tender yang memudahkan penyelesaian akaun dengan Kontraktor.[12]

(ii) Kerja yang siap dan/atau bahan dan barang yang dibekalkan tetapi tidak mematuhi Kontrak mesti dikenalpasti dan pengeluaran, pembaikan, perlaksanaan semula, atau penggantiannya dimasukkan ke dalam kontrak baru.[13]

(iii) Satu peruntukan mesti dibuat bagi membenarkan kredit kepada Kerajaan untuk loji, perkakas, kelengkapan serta bahan-bahan dan barang-barang takpasang yang ditinggalkan di Tapak Bina untuk kegunaan atau untuk dimasukkan ke dalam kerja oleh kontraktor baru[14]. Inventori yang disediakan tidak akan dimasukkan di dalam dokumen tender untuk tender semula.Kontraktor hendaklah menentukan sendiri kuantiti item tersebut.

(iv) SubKontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan mungkin akan dilantik semula kepada kontraktor baru dengan syarat mereka bersetuju meneruskan kerja subkontrak atau membekal bahan-bahan atau barang-barang dengan jumlah harga subkontrak atau harga yang sama seolah-olah pengambilan kerja Kontraktor tidak ditamatkan. Jumlah harga subkontrak baru atau jumlah nilai baru `artikel-artikel' hendaklah jumlah harga subkontrak asal atau jumlah nilai asal `artikel' tolak amaun yang telah dibayar kepada Subkontraktor atau Pembekal Dinamakan. Sekiranya seseorang Subkontraktor Dinamakan atau Pembekal Dinamakan memohon kenaikan jumlah harga subkontrak atau harga-harga, tender baru bagi subkontrak atau pembekalan bahan-bahan atau barang-barang mesti dipelawa atau kelulusan dari Kementerian Kewangan diperolehi untuk menaikkan jumlah harga subkontrak atau harga membekal bahan-bahan atau barang-barang.

(v) Sebaik sahaja Kontraktor baru dilantik, satu penilaian terhadap kos dan/atau kerugian atau kerosakan kepada Kerajaan mestilah dibuat dan satu tuntutan dibuat terhadap Kontraktor. Surat tuntutan tersebut hendaklah

[12] Surat Arahan KPKR :(31)dlm.JKR.KPKR.020.050/03klt.8 bth. 7/11/08
[13] Surat Arahan KPKR :(31)dlm.JKR.KPKR.020.050/03klt.8 bth. 7/11/08
[14] Surat Arahan KPKR :(26)dlm.JKR.KPKR.020.050/03klt.7 bth. 4/10/06

dihantar secara Akuan Terima Berdaftar ke alamat terkini Kontraktor, sebaik sahaja nilai ini diketahui tetapi hendaklah tidak lewat dari sembilan (9) bulan selepas kontrak ditamatkan pengambilan kerja kontraktornya.[15] Satu perakuan yang menyatakan jumlah kos dan/atau kerugian atau ganti rugi yang dituntut terhadap Kontraktor hendaklah dikeluarkan. Sekiranya Kontraktor gagal untuk membayar tuntutan tersebut walaupun beberapa peringatan telah diberi kepadanya untuk berbuat demikian, perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya bagi projek-projek Persekutuan atau Penasihat Undang-undang di negeri bagi projek-projek Negeri untuk tindakan selanjutnya.

12.6.2 Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor mengikut Syarat-syarat Kontrak JKR P.W.D 203/203A (Rev.1/2010), Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatan Pengambilan Kerja Kontraktor menunjukkan antara lain[16]:

(a) Kos Penyiapan di mana kos ini meliputi :

(i) Jumlah bayaran wang pendahuluan;

(ii) Jumlah bayaran interim yang telah dibayar kepada kontraktor asal;

(iii) Jumlah bayaran yang kena dibayar kepada subkontraktor, pembekal, dan sebagainya

(iv) Jumlah Harga Kontrak Baru;

(v) Kos mempelawa semula tender;

(vi) Kos kerugian kepada Kerajaan;

(vii) Caj ke atas kos (*on-cost charges*).

[15] Surat Arahan KPKR :(26)dlm.JKR.KPKR.020.050/03klt.7 bth. 4/10/06
[16] Surat Arahan KPKR :(26)dlm.JKR.KPKR.020.050/03klt.7 bth. 4/10/06

(b) Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras yangi meliputi :

(i) Jumlah Harga Kontrak Asal;

(ii) Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal;

(iii) Potongan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan,yang dikenakan terhadap Kontraktor Asal;

(iv) Bayaran-bayaran lain yang dibenarkan di dalam Kontrak.

12.6.3 Bayaran Akibat Penamatan mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah Klausa 50[17] atau 52[18].

(a) Sekiranya kontrak ditamatkan di bawah klausa-klausa ini, baki kerja yang perlu dibayar kepada Kontraktor-meliputi perkara-perkara berikut :

(i) Nilai keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan sehingga tarikh penamatan.

(ii) Jumlah yang kena dibayar yang berkaitan dengan kerja-kerja awalan atau Kerja atau perkhidmatan yang telah dilaksanakan dengan sempurna boleh dibayar mengikut nisbah yang munasabah

(iii) Kos bahan-bahan atau barang-barang yang ditempah dengan munasabah bagi kerja ini yang telah dihantar kepada Kontraktor atau yang mana Kontraktor bertanggungjawab menerima penghantaran tersebut (bahan-bahan atau barang-barang tersebut akan menjadi hak Kerajaan setelah bayaran dibuat kepada Kontraktor).

(iv) Suatu amaun bagi sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh Kontraktor di dalam menyiapkan keseluruhan Kerja selagi perbelanjaan tersebut belum dibayar melalui mana-mana bayaran berdasarkan sub-klausa ini.

[17] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Suspension Of Works
[18] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Termination Of National Interest

(v) Kos yang munasabah untuk melindungi kerja dan mengeluarkan peralatan dan kemudahan di tapak bina akibat dari penamatan seperti yang diperuntukkan dalam Kontrak ini.

Dengan syarat amaun yang dibayar oleh Kerajaan hendaklah terhad kepada item yang dijelaskan dan termaktub di dalam Klausa yang dinyatakan dalam sub-klausa (i) – (v) di atas.

(b) Setelah Kontrak ditamatkan di bawah Klausa 50 atau Klausa 52, Perakuan Muktamad Kontrak ini hendaklah disediakan dan dikeluarkan oleh P.P..

12.6.4 Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan

(a) Sebaik sahaja urusan bagi menyiapkan Kerja dibuat oleh Kerajaan yang membolehkan P.P membuat penilaian yang tepat dan munasabah bagi kos yang muktamad kepada Kerajaan untuk menyiapkan kerja berikutan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dan perlantikan Kontraktor atau individu lain, dan kerugian langsung dan / atau kerosakan kepada Kerajaan disebabkan oleh penamatan yang telah ditentukan oleh P.P., maka P.P. boleh mengeluarkan Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan dengan menyatakan Kos Penyiapan dan Harga Kontrak Asal Terlaras

(b) Pengiraan Kos Penyiapan meliputi perbelanjaan yang berikut:

(i) Jumlah bayaran yang telah dibayar kepada Kontraktor oleh Kerajaan;

(ii) Jumlah yang dibayar atau kena dibayar kepada Kontraktor atau individu lain yang dilantik oleh Kerajaan untuk menyiapkan Kerja;

(iii) Jumlah yang dibayar kepada Sub-Kontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan

(iv) Lain-lain kos atau perbelanjaan mempelawa semula tender yang ditanggung atau akan ditanggung termasuk caj ke atas kos (*on-cost charges*) oleh Kerajaan bagi menyiapkan Kerja; dan

(v) Amaun kerugian langsung dan / atau kerosakan kepada Kerajaan akibat dari penamatan.

(c) Pengiraan Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras Meliputi Jumlah Seperti Dibawah:

Berikut adalah bayaran yang akan dibuat kepada kontraktor seandainya pengambilan kerja kontraktor tidak ditamatkan. Bagi menentukan Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal, perkara-perkara berikut hendaklah diambil kira[19]:

(i) Semua Arahan Perubahan Kerja (APK) yang dikeluarkan kepada Kontraktor sebelum pengambilan kerjanya ditamatkan, tidak kira samada APK berkenaan telah dilaksanakan atau tidak.

(ii) Jumlah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang dikenakan ke atas kontraktor berdasarkan tempoh dan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Jumlah ini hendaklah dipotong dalam pengiraan.

(iii) Bayaran-Bayaran lain yang dibenarkan di dalam kontrak yang mengakibatkan pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal seandainya pengambilan kerja Kontraktor tidak ditamatkan.

(d) Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan hendaklah menunjukkan perbezaan di antara Harga Kontrak Asal Terlaras dan Kos Penyiapan. Sekiranya Harga Kontrak Asal Terlaras kurang dari Kos Penyiapan, perbezaan tersebut hendaklah menjadi hutang yang harus dibayar oleh Kontraktor kepada Kerajaan, dan jika sebaliknya, hutang tersebut harus dibayar oleh Kerajaan kepada Kontraktor.

(e) Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan hendaklah mengikat dan muktamad ke atas Kontraktor sebagai amaun kerugian dan gantirugi.

[19] Surat Arahan KPKR :(26)dlm.JKR.KPKR.020.050/03klt.7 bth. 4/10/06

(f) Sekiranya penyiapan kerja dibuat secara Jabatan, amaun untuk diperakukan sebagai kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan hendaklah termasuk kos penyeliaan, faedah dan susutnilai loji dan perbelanjaan asas (*overhead*) dan keuntungan seolah-olah kerja disiapkan oleh Kontraktor atau pihak lain.

12.7 Penggantungan Kerja

12.7.1 Pegawai Penguasa boleh pada bila-bila masa mengarahkan kontraktor untuk menggantungkan sebahagian atau keseluruhan kerja.

12.7.2 Setelah menerima arahan bertulis, kontraktor hendaklah menggantung sebahagian atau keseluruhan kerja untuk tempoh tertentu sebagaimana yang dinyatakan di dalam arahan tersebut dan hendaklah sewajarnya melindungi, menyimpan dan mengawasi/menjamin keselamatan (*secure*) kerja-kerja atau sebahagian kerja daripada sebarang kesusutan, kehilangan atau kerosakan.

12.7.3 Dalam tempoh penggantungan tersebut, kontraktor hendaklah meneruskan pelaksanaan obligasinya di bawah kontrak. Bagi kerja-kerja yang tidak terlibat dengan penggantungan kerja, kontraktor hendaklah meneruskan pelaksanaan kerjanya termasuk obligasinya di bawah kontrak serta memastikan tempoh Insurans dan Bon Pelaksanaan sentiasa sah dan berkuatkuasa.

12.7.4 Pegawai Penguasa boleh mengarahkan kontraktor menyambung semula kerja pada bila-bila masa. Sebaik sahaja menerima arahan, Kontraktor perlulah menyambung semula kerja dan kedua-dua belah pihak perlu membuat pemeriksaan yang bersama kerja yang terlibat daripada penggantungan kerja tersebut. Kontraktor hendaklah membaiki segala kesusutan atau kecacatan atau kerugian ke atas kerja tersebut yang berlaku sepanjang tempoh penggantungan. Kontraktor perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan perbelanjaan yang terlibat.

12.7.5 Sekiranya kontraktor mengalami kelewatan dan/atau mengalami kerugian di dalam mematuhi arahan di bawah klausa 50.1(a)[20] dan penyambungan kerja dan jika sebarang kelewatan dan/atau kerugian sekiranya yang tidak dapat dijangkakan oleh kontraktor, kontraktor hendaklah memberi Notis Untuk Lanjutan

[20] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Suspension And Resumption of Works

Masa di bawah klausa 43[21] dan peruntukan tersebut hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

12.7.6 Kontraktor tidak layak diberi Lanjutan Masa sekiranya penggantungan kerja disebabkan oleh kesalahan Kontraktor sendiri, dan ia tidak akan dipertimbangkan untuk pembayaran ke atas perbelanjaan dan kerugian jika kontraktor :

(b) Gagal untuk mengambil langkah-langkah yang ditetapkan di dalam klausa 50.1(b)[22]; dan

(c) Gagal untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan perbelanjaan yang terlibat.

12.7.7 Dalam keadaan dimana penggantungan berterusan sehingga melebihi tempoh 12 bulan, pihak-pihak yang terlibat hendaklah berbincang samada untuk menamatkan kontrak secara Penamatan Bersama atau melanjutkan tempoh penggantungan kerja.

12.7.8 Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan penamatan bersama di bawah klausa ini:

(ii) Klausa 51.1(c)(i)[23] hendaklah digunapakai;dan

(iii) Obligasi bayaran termasuk semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kontraktor hendaklah ditentukan sebagaimana yang diperuntukan di bawah klausa 54[24] sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 12.6.3.

12.8 Penamatan Untuk Kepentingan Negara

12.8.1 Sekiranya Kerajaan berpandangan penamatan ini perlu demi kepentingan negara, polisi negara, atau keselamatan negara, Kerajaan boleh menamatkan Kontrak dengan memberikan notis bertulis kepada Kontraktor tidak kurang daripada 30 hari dari tarikh Kontrak yang akan ditamatkan.

[21] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Delay And Extension Of Time
[22] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Suspension And Resumption of Works
[23] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Consequences of Termination
[24] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Payment Upon Suspension & Termination On National Interest

12.8.2 Hanya Kerajaan yang boleh mentafsirkan apa yang dimaksudkan dengan ”kepentingan negara”, ”polisi negara” dan ”keselamatan negara”, dan ianya tidak boleh dipertikaikan.

12.8.3 Kesan-kesan penamatan jika penamatan kontrak di bawah klausa 52.1[25] seperti berikut:

(i) Obligasi bayaran termasuk segala kos dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan Kontraktor hendaklah ditentukan berdasarkan klausa 54 sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 12.6.3; dan

(ii) Klausa 51.1(c)(i) dan klausa 51.1(c)(ii)(B) dan (C)[26] hendaklah digunapakai.

12.9 Penamatan Akibat Rasuah, Aktiviti-aktiviti Yang Bertentangan Dan Menyalahi Undang-undang

12.9.1 Penamatan akibat rasuah, aktiviti-aktiviti yang bertentangan dan menyalahi undang-undang boleh dilakukan sekiranya Kontraktor samada pegawai, kakitangan, atau ejen disabitkan melakukan kesalahan-kesalahan sedemikian.

12.9.2 Pegawai Yang Diberi Kuasa di dalam Lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak berhak menamatkan kontrak pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada kontraktor.

12.9.3 Kesan-kesan penamatan jika penamatan kontrak di bawah Klausa 53.1 seperti berikut:

(i) Kerajaan berhak menuntut keatas segala kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan termasuk kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan tersebut;

(ii) Klausa 51.1 (c) (i) and (ii)[27] hendaklah dipatuhi; dan

(iii) Tiada apa-apa jua dalam klausa 53[28] atau sebarang kandungan dalam kontrak ini yang melayakkan kontraktor untuk menuntut apa-apa bentuk

[25] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Termination (Default Of Obligation)
[26] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Consequences of Termination (Default Of Obligation)
[27] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Consequences of Termination (Default Of Obligation)

kerugian termasuk kerugian keuntungan, gantirugi, tuntutan-tuntutan atau apa-apa yang berkaitan apabila kontrak ini ditamatkan di bawah klausa ini.

12.10 Kemungkiran Kerajaan Dan Hak Kontraktor Untuk Menamatkan Pengambilan Kerja

Syarat-syarat Kontrak memperuntukkan hak Kontraktor untuk menamatkan pengambilan kerjanya apabila Kerajaan didapati dengan secara munasabahnya gagal melaksana atau memenuhi mana-mana tanggungjawab kontraknya yang secara ketara menjejaskan pelaksanaan Kerja. Sehubungan dengan itu Kontraktor boleh mengeluarkan satu notis dengan menyatakan tindakan kemungkiran kerajaan dan meminta pihak Kerajaan membetulkan kemungkiran tersebut dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu setelah mengambilkira langkah-langkah pembetulan yang boleh diambil oleh pihak Kerajaan. Tempoh tersebut juga bolehlah dipersetujui diantara kedua-dua belah pihak.

12.10.1 Sekiranya Kerajaan didapati gagal membetulkan kemungkiran tersebut dalam tempoh yang dinyatakan maka Kontraktor berhak menamatkan pengambilan kerjanya dengan memberi notis bertulis kepada Kerajaan.

12.10.2 Kesan-kesan Penamatan Oleh Kontraktor :

(i) Obligasi Kerajaan untuk membayar Kontraktor adalah seperti berikut :

a) Nilai kerja yang telah dijalankan sehingga tarikh penamatan pengambilan kerja

b) Nilai yang kena dibayar berhubung dengan kerja-kerja awalan setakat mana yang telah dilaksanakan dan satu kadar yang berpatutan berhubung dengan butiran-butiran yang sebahagiannya telah dilaksanakan.

c) Kos bahan-bahan atau barangan yang secara munasabahnya telah dipesan bagi Kerja yang telah diserah hantar kepada Kontraktor di tapak bina atau dalam keadaan dimana Kontraktor bertanggungan di sisi undang-undang untuk menerima serahan bahan-bahan atau barangan tersebut. Bahan-bahan atau

[28] P.W.D Form 203/203A (Rev.1/2010) – Termination On Corruption, Unlawful or Illegal Activities

barangan tersebut hendaklah menjadi hak Kerajaan apabila bayaran dibuat kepada kontraktor.

d) Sejumlah wang bagi apa-apa perbelanjaan yang secara munasabahnya ditanggung oleh Kontraktor setakat mana perbelanjaan tersebut tidak dibayar ganti dengan mana-mana bayaran yang dirujuk di bawah Klausa 55(b).

Kedua-dua belah pihak bersetuju bahawa Kontraktor tidak boleh menuntut apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian keuntungan, gantirugi, tuntutan-tuntutan atau apa-apa yang berkaitan apabila kontrak ini ditamatkan oleh pihak Kontraktor.

PANDUAN UNTUK MENYEDIAKAN DRAF NOTIS UNTUK TUJUAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
A. Tajuk Notis NOTIS UNTUK TUJUAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR	Perkataan “NOTIS” digunakan di mana setelah keadaan kes telah diambilkira, keputusan telah diambil untuk menamatkan pengambilan kerja Kontraktor, dan surat tersebut sebagai amaran terakhir sebelum penamatan.
B. Butir-Butir Kontrak Nombor Kontrak: _____ Tajuk Kerja: _____ Harga Kontrak: _____ Tarikh Milik Tapak Bina: _____ Tarikh Siap Kerja (Asal /Terkini): _____	Nyatakan dengan jelas nombor Kontrak, Tajuk Kerja, Harga Kontrak. Di mana nombor Kontrak tidak diketahui, ianya boleh dipotong. Di bawah ‘Tarikh Milik Tapak Bina’ dan ‘Tarikh Siap Kerja’, nyatakan Tarikh Milik Tapak dan Tarikh Siap Kerja atau tarikh lanjutan siap kerja yang terakhir.

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
C. <u>Kandungan Notis</u> (a) <u>Para 1, ayat pertama</u> Dukacita diperhatikan bahawa* _____ *i) tuan belum lagi memulakan kerja sungguhpun tuan patut memulakannya pada tarikh milik tapak yang telahpun ditentu pada _____ dan juga hingga hari ini tuan belum lagi mengemukakan nota-nota liputan berserta resit-resit premium bagi maksud polisi-polisi insurans sungguhpun tuan patut mengemukakannya sebelum memulakan kerja. *ii) hingga hari ini tuan belum lagi memulakan kerja sungguhpun tuan patut memulakannya pada tarikh milik tapak yang telahpun ditentukan pada _____ *iii) tuan didapati tidak menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh dan kerja tuan dijangka tidak akan dapat disiapkan pada Tarikh Siap Kerja yang telah ditentukan pada _____. Kerja tuan sepatutnya sudah _____% siap tetapi kemajuan yang dicapai setakat ini adalah hanya _____%. *iv) Kerja tuan telah terhenti sama sekali tanpa apa-apa sebab sejak _____ _____ iaitu _____ hari yang lalu. *v) tuan didapati gagal melaksanakan kerja mengikut kontrak ini atau berulang kali cuai menunaikan obligasi kontrak. Ini berlaku apabila tuan gagal_____	Nyatakan kegagalan Kontraktor yang sesuai. Enam kes kegagalan Kontraktor yang biasa diberikan di sini. Kegagalan-kegagalan Kontraktor yang lain seperti keengganan berkali-kali untuk mengalih kerja dan/atau bahan yang cacat jika berkenaan, perlu dinyatakan. Dalam (i), (ii), (iii) dan (iv) (bergantung atas mana yang berkenaan), perkara berikut mesti dinyatakan : (i) & (ii) – tarikh milik tapak (iii) – tarikh siap kerja atau tarikh siap kerja dilanjutkan, peratus kerja yang Kontraktor sepatutnya telah disiapkan mengikut program asal atau yang telah disemak, dan peratus kerja sebenar yang telah disiapkan. (iv) – tarikh Kontraktor memberhentikan kerja-kerja dan bilangan hari kerja-kerja telah diberhentikan. (v) – nyatakan kegagalan kontraktor secara khusus dan dengan jelas.

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
C. <u>Kandungan Notis (samb)</u> (a) <u>Para 1, ayat pertama (samb)</u> Dukacita diperhatikan bahawa* _____ *vi) tuan didapati mungkir atau berulang kali cuai mematuhi notis bertulis daripada P.P. melalui surat _____ bertarikh _____ di mana tuan didapati gagal menukar dan mengganti apa-apa kerja yang cacat atau bahan atau barang-barang yang tidak sesuai. Kerja-kerja yang cacat / bahan-bahan dan / atau barang yang tidak sesuai adalah: _____ _____ _____ (b) <u>Para 1, ayat kedua</u> Kegagalan tuan itu masih berterusan/ berulang sungguhpun tuan telahpun diberi amaran* _____ _____ *i) di Mesyuarat Tapak No.: _____ pada _____ *ii) melalui surat _____ bertarikh _____ *iii) di perjumpaan dengan _____ pada _____	(vi) – senaraikan kerja-kerja yang cacat / bahan-bahan dan / atau barang yang tidak sesuai yang dimaksudkan. Notis ini merupakan surat amaran terakhir sebelum penamatan. Ayat yang kedua ini adalah perlu kerana notis ini merupakan amaran terakhir kepada Kontraktor. Di mana Kontraktor terlebih dahulu telah diberi amaran, potong “berterusan” atau “berulang” di mana bersesuaian. Juga, nyatakan dengan jelas di mana, bagaimana dan bila Kontraktor telah terlebih dahulu diberi amaran. Di dalam (i), (ii) dan (iii), perkara berikut hendaklah dinyatakan : (i) – Nombor siri dan tarikh mesyuarat tapak di mana Kontraktor telah diberi amaran, (ii) – Jawatan pegawai yang mengeluarkan, nombor rujukan dan tarikh pertemuan tersebut, (iii) – Jawatan atau nama pegawai yang menemui Kontraktor, dan tarikh pertemuan tersebut. Di mana dua atau lebih dari (i), (ii) atau (iii) ada kaitan, perkataan “dan juga” hendaklah ditambah di mana sesuai.

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
C. <u>Kandungan Notis</u> (Samb.)	
(c) <u>Para 2, ayat pertama</u> Perlakuan tuan sedemikian sangatlah mendukacitakan. Perlakuan tuan bukan sahaja akan/telah melewatkan penyiapkan kerja ini tetapi juga akan/telah mengakibatkan kesusahan kepada orang ramai.	Ayat ini adalah perlu untuk menarik perhatian Kontraktor terhadap tanggungjawabnya bukan sahaja kepada Jabatan Kerja Raya tetapi kepada orang ramai. Potong “akan” atau “telah” mengikut mana yang sesuai.
(d) <u>Para 3, ayat pertama</u> Tuan adalah dikehendaki *_____	
*i) mengemukakan nota-nota liputan berserta resit-resit premium bagi maksud polisi-polisi insurans dan memulakan kerja,	Nyatakan kegagalan Kontraktor yang sesuai. Di mana Kontraktor gagal di dalam kes (i) dan (ii), tambah perkataan “dan juga” selepas (i).
*ii) memulakan kerja,	
*iii) menjalankan kerja tuan dengan lebih cergas lagi,	
*iv) memulakan kerja tuan semula.	
*v) menjalankan kerja tuan sejajar dengan obligasi kontrak ini.	
*vi) membaiki semula kerja-kerja cacat tersebut / menggantikan bahan / barangan yang tidak sesuai tersebut.	
(e) <u>Para 3, ayat kedua</u> Sekiranya tuan gagal mematuhi kehendak perenggan ini dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan Notis ini atau di dalam tempoh yang munasabah, pengambilan kerja tuan di bawah Kontrak ini akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51 Syarat-syarat Kontrak.	

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
C. <u>Kandungan Notis (Samb.)</u> (f) <u>Para 4</u> Tuan adalah diingatkan iaitu sekiranya pengambilan kerja tuan ditamatkan, kerja akan disiapkan sejajar dengan Fasal 51(c) Syarat-syarat Kontrak dan segala perbelanjaan berlebihan yang akan timbul hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh tuan. D. <u>Edaran Notis</u> sk - Ketua Pengarah Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia,., Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur. (U/P: Pengarah Kanan Cawangan _____) - Pengarah Kanan, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR., Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur. - Pengarah Kerja Raya, J.K.R. Negeri _____ *_____ - Jurutera Penguasa/Kanan, J.K.R. Unit _____ * _____ Jurutera Kerja/Kanan, J.K.R. Daerah _____ * _____	Notis tersebut hendaklah disalinkan kepada semua pegawai-pegawai JKR yang berkenaan. Potong mana yang tidak berkenaan. Masukkan perenggan (i) di bawah mana-mana pejabat JKR yang berkenaan yang mempunyai kedudukan yang terbaik untuk melapor iaitu pegawai yang sebenarnya membuat kerja pengawasan kerja, atau pegawai yang menerima Bon Pelaksanaan dan/atau polisi insurans. * (i) Sila beritahu Pejabat ini sama ada kontraktor mematuhi kehendak perenggan tiga (3) di atas dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuan menerima surat ini.

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
D. <u>Edaran Notis (Samb.)</u> sk - ** - Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur. (u/p: Bahagian Pembangunan Usahawan) - Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ** - Pusat Khidmat Kontraktor Pengurus Bank/Syarikat Insurans Surat Jaminan No.:_____ ada kaitan. - Juruukur Bahan _____ (JUB yang terlibat dalam projek).	Masukkan perenggan (ii) di bawah Pusat Khidmat Kontraktor dan BPU kerana pihak-pihak ini perlu dimaklumkan untuk membolehkan penyemakan semula dan tindakan tatatertib ke atas pendaftaran Kontraktor. ** (ii) Kontraktor di atas berdaftar di dalam Kelas ____ . Bank yang menjamin/syarikat insurans bagi bon pelaksanaan dan jaminan wang pendahuluan perlu dimaklum juga. Ia merupakan “hak”nya supaya dimaklumkan mengikut terma-terma gerenti. Nombor rujukan jaminan tersebut hendaklah dinyatakan dengan terang.

CONTOH
NOTIS UNTUK TUJUAN PENAMATAN
PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

Pejabat dan Alamat

J.K.R.

_____
Tarikh: _____

Nama dan Alamat Kontraktor

_____
_____

NOTIS UNTUK TUJUAN PENAMATAN
PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

Nombor Kontrak :

Tajuk Kontrak :

Harga Kontrak :

Tarikh Milik Tapak Bina :

Tarikh Siap Kerja :

Tajuk :
_____

Dukacita diperhatikan bahawa tuan didapati tidak menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh dan kerja tuan dijangka tidak dapat disiapkan pada Tarikh Siap Kerja yang telah ditentukan pada _____. Kerja tuan sepatutnya sudah _____% siap tetapi kemajuan yang dicapai setakat ini adalah hanya _____% Kegagalan tuan itu masih berulang sungguhpun tuan telah diberi amaran di Mesyuarat Tapak No. _____ pada _____.

2. Perlakuan tuan sedemikian sangatlah mendukacitakan. Perlakuan tuan bukan sahaja akan melewatkan penyiapan kerja ini tetapi juga akan mengakibatkan kesusahan kepada orang ramai.

…/2-

3. Tuan adalah dikehendaki memulakan kerja tuan semula dan menjalankan kerja tuan dengan lebih cergas lagi. Sekiranya tuan gagal mematuhi kehendak perenggan ini dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan notis ini atau di dalam tempoh yang munasabah, pengambilan kerja tuan di bawah Kontrak ini akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51 Syarat-syarat Kontrak.

4. Tuan adalah diingatkan iaitu sekiranya pengambilan kerja tuan ditamatkan, kerja akan disiapkan sejajar dengan Fasal 51 (c) Syarat-syarat Kontrak dan segala perbelanjaan berlebihan yang akan timbul hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh tuan.

_____
Pegawai Yang Dinamakan Dalam Kontrak / Pegawai Penguasa

s.k. - Ketua Pengarah Kerja Raya,
Ibu Pejabat JKR Malaysia.,
Jalan Sultan Salahuddin,
Kuala Lumpur.
(U/P: Pengarah Kanan Cawangan _____)

- Pengarah Kanan,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,
Ibu Pejabat J.K.R.,
Jalan Sultan Salahuddin,
Kuala Lumpur.

- Jurutera Kerja Kanan,
JKR. Daerah _____.
Sila beritahu Pejabat ini samada Kontraktor mematuhi kehendak perenggan tiga (3) di atas dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuan menerima surat ini.

- Ketua Setiausaha,
Kementerian Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
Kuala Lumpur.
(u/p: Bahagian Pembangunan Usahawan)

- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

- Pusat Khidmat Kontraktor.
Kontraktor di atas berdaftar di dalam Kelas _____.

- Pengurus,
Bank/Syarikat Insurans.
Surat Jaminan No.: _____ ada kaitan.

- Juruukur Bahan _____(JUB yang terlibat dalam projek).

PANDUAN UNTUK MENYEDIAKAN DRAF NOTIS PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
	PERINGATAN **Kandungan dan susunkata notis hendaklah merujuk kepada Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor yang telah dikeluarkan**.
A. Tajuk Notis NOTIS PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR	
B. Butir-Butir Kontrak Nombor Kontrak: _____ Tajuk Kerja: _____ Harga Kontrak: _____ Tarikh Milik Tapak Bina: _____ Tarikh Siap Kerja (Asal /Terkini): _____	Nyatakan dengan jelas nombor Kontrak, Tajuk Kerja, Harga Kontrak. Di mana nombor Kontrak tidak diketahui, ianya boleh dipotong. Di bawah 'Tarikh Milik Tapak Bina' dan 'Tarikh Siap Kerja', nyatakan Tarikh Milik Tapak dan Tarikh Siap Kerja atau tarikh lanjutan siap kerja yang terakhir.
C. Kandungan Notis (a) Para 1 Surat kami _____ bertarikh _____ adalah dirujuk.	Nyatakan rujukan dan tarikh Notis ntuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
C. <u>Kandungan Notis (samb.)</u> (b) <u>Para 2, ayat pertama</u> Dukacita diperhatikan bahawa *_____ *i) tuan masih belum lagi memulakan kerja sungguhpun tuan patut memulakannya pada tarikh milik tapak yang telahpun ditentu pada _____ dan juga hingga hari ini tuan belum lagi mengemukakan nota-nota liputan berserta resit-resit premium bagi maksud polisi-polisi insurans sungguhpun tuan patut mengemukakannya sebelum memulakan kerja. *ii) hingga hari ini tuan masih belum lagi memulakan kerja sungguhpun tuan patut memulakannya pada tarikh milik tapak yang telahpun ditentukan pada _____ *iii) tuan masih didapati tidak menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh dan kerja tuan dijangka tidak akan dapat disiapkan pada Tarikh Siap Kerja yang telah ditentukan pada _____. Kerja tuan sepatutnya sudah _____% siap tetapi kemajuan yang dicapai setakat ini adalah hanya _____%. *iv) Kerja tuan masih terhenti sama sekali tanpa apa-apa sebab sejak _____ _____ iaitu _____ hari yang lalu. *v) tuan didapati masih gagal melaksanakan kerja mengikut kontrak ini atau berulang kali cuai menunaikan obligasi kontrak. Ini berlaku apabila tuan gagal_____	Nyatakan kegagalan kontraktor yang berterusan.

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
C. <u>Kandungan Notis (samb)</u> (b) <u>Para 2, ayat pertama (samb)</u> Dukacita diperhatikan bahawa* _____ *vi) tuan didapati masih mungkir atau berulang kali cuai mematuhi notis bertulis daripada P.P. melalui surat _____ bertarikh _____ di mana tuan didapati gagal menukar dan mengganti apa-apa kerja yang cacat atau bahan atau barang-barang yang tidak sesuai. Kerja-kerja yang cacat / bahan-bahan dan / atau barang yang tidak sesuai adalah: _____ _____ _____ (c) <u>Para 2, ayat kedua</u> Kegagalan tuan itu masih berterusan/ berulang sungguhpun tuan telahpun diberi Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor seperti yang tersebut di atas. (d) <u>Para 3</u> Maka sejajar dengan Fasal 51 Syarat-syarat Kontrak, pengambilan kerja tuan adalah dengan ini **<u>DITAMATKAN</u>**.	

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
C. Kandungan Notis (Samb.) (e) Para 4 Tuan hendaklah dengan serta-merta memberhentikan semua pekerjaan di tempat Kerja, memindahkan kakitangan dan pekerja dari Tapak Bina dan menyerahkan pemilikan Tapak Bina itu dengan meninggalkan semua bangunan sementara, loji, perkakas, kelengkapan, barang-barang dan bahan takpasang di Tapak Bina. (f) Para 5 Kerja akan disiapkan sejajar dengan Fasal 51 (c) Syarat-syarat Kontrak, dan tuan adalah dikehendaki menanggung segala perbelanjaan berlebihan yang akan timbul akibat dari penamatan pengambilan kerja tuan.	

KANDUNGAN DAN SUSUNAN KATA	PANDUAN PENGGUNAAN
D. <u>Edaran Notis</u> sk - Ketua Pengarah Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia,., Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur. (U/P: Pengarah Kanan Cawangan _____) - Pengarah Kanan, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat J.K.R., Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur. * _____ - Pengarah Kerja Raya, JKR. Negeri _____ * _____ - Jurutera Penguasa/Kanan, JKR. Unit _____ * _____ Jurutera Kerja/Kanan, JKR. Daerah _____ * _____ - Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur. (u/p: Bahagian Pembangunan Usahawan) ** _____ - Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia - Pusat Khidmat Kontraktor ** _____ - Pengurus Bank/Syarikat Insurans, Surat Jaminan No. _____ ada kaitan. - Juruukur Bahan ____ (JUB yang terlibat dalam projek).	Notis penamatan hendaklah disalinkan kepada semua pegawai-pegawai JKR yang berkenaan. Potong mana yang tidak berkenaan. Setelah penamatan pengambilan kerja kontraktor, tindakan seperti di (i), (ii) dan /atau (iii) diperlukan. Oleh itu, masukkan (i), (ii) dan /atau (iii) di bawah mana-mana pejabat JKR yang berkenaan. Pusat Khidmat Kontraktor juga perlu dimaklumkan untuk membolehkan penyemakan semula dan tindakan tatatertib ke atas pendaftaran Kontraktor. Oleh itu masukkan (iv) di bawah PKK dan nyatakan dengan jelas kelas pendaftaran Kontraktor. Bank /syarikat insurans yang menjamin perlu dimaklumkan juga. Nombor rujukan jaminan tersebut hendaklah dinyatakan dengan terang. * (i) Sila ambil tindakan dengan segera untuk mempelawa tender semula. (ii) Sila ambil tindakan utk menuntut nilai bon pelaksanaan daripada Penjamin. (iii) Sila ambil tindakan untuk menuntut balik segala perbelanjaan tambahan daripada Kontraktor sejajar dengan Fasal 51 (c) Syarat-syarat Kontrak. ** (iv) Kontraktor di atas berdaftar di dalam Kelas ____.

CONTOH

KERAJAAN ……..

JABATAN KERJA RAYA

NOTIS PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

Rujukan……

Pejabat…….

…….
..……..

Tarikh …….

Kepada…….
……
……
……
(Kontraktor)

Berdaftar dengan PKK dalam Kelas "……."

Kontrak Untuk
……..……..
……..
Kontrak No……
Harga Kontrak: RM……..
Tarikh Milik Tapak Bina: …….
Tarikh Siap Kerja……..

Surat kami _____ bertarikh _____ adalah dirujuk.

2. Dukacita diperhatikan bahawa tuan masih didapati tidak menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh dan kerja tuan dijangka tidak dapat disiapkan pada Tarikh Siap Kerja yang telah ditentukan pada _____. Kerja tuan sepatutnya sudah _____% siap tetapi kemajuan yang dicapai setakat ini adalah hanya _____% Kegagalan tuan itu masih berulang sungguhpun tuan telah diberi Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor seperti yang tersebut di atas.

3. Maka sejajar dengan Fasal 51 Syarat-Syarat Kontrak, pengambilan kerja tuan adalah dengan ini **DITAMATKAN.**

…/2 -

4. Tuan hendaklah dengan serta-merta memberhentikan semua pekerjaan di tempat Kerja, memindahkan kakitangan dan pekerja dari Tapak Bina dan menyerahkan pemilikan Tapak Bina itu dengan meninggalkan semua bangunan sementara, loji, perkakas, kelengkapan, barang-barang dan bahan takpasang di Tapak Bina.

5. Kerja akan disiapkan sejajar dengan Fasal 51(c) Syarat-Syarat Kontrak, dan tuan adalah dikehendaki menanggung segala perbelanjaan berlebihan yang akan timbul akibat dari penamatan pengambilan kerja tuan.

……
Pegawai Yang Dinamakan Dalam Kontrak

s.k. - Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
Kuala Lumpur.
(u.p.: Pengarah Kanan Cawangan _____)

- Pengarah Kanan Cawangan Kontrak & Ukur Bahan,
Ibu Pejabat JKR.,
Jalan Sultan Salahuddin,
Kuala Lumpur.

- Pengarah Kerja Raya, } 1) Sila ambil tindakan dengan segera untuk mempelawa semula tender

JKR Negeri _____. } 2) Sila ambil tindakan untuk menuntut nilai Bon Pelaksanaan daripada Penjamin.

- Jurutera Daerah, } 3) Sila ambil tindakan untuk menuntut balik segala perbelanjaan tambahan daripada Kontraktor sejajar dengan Fasal 51(c) Syarat-syarat Kontrak.

JKR _____

- Ketua Setiausaha, - Kontraktor di atas berdaftar di dalam Kelas ____.
Kementerian Kerja Raya,
(u/p: Bahagian Pembangunan Usahawan)

- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

- Pusat Khidmat Kontraktor - Kontraktor di atas berdaftar di dalam Kelas ___.

- Pengurus Bank/ Syarikat Kewangan / Syarikat Insurans.
Surat Jaminan No.: _____ ada kaitan.

- Juruukur Bahan _____(JUB yang terlibat dalam projek).

Catatan: Kandungan dan susunkata notis ini hendaklah merujuk kepada Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor yang telah dikeluarkan.

BAB 13

PENYIAPAN KERJA, PENYERAHAN KERJA DAN KECACATAN

BAB 13 - PENYIAPAN KERJA, PENYERAHAN KERJA DAN KECACATAN

13.1 Pendahuluan

13.1.1 Satu Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan apabila Kerja telah siap menurut peruntukan kontrak. Kerja yang telah disiapkan akan diserahkan oleh Kontraktor kepada JKR yang seterusnya akan menyerahkannya kepada pihak Jabatan/Kementerian Pelanggan.

13.1.2 Pengeluaran Perakuan Siap Kerja menandakan permulaan Tempoh Tanggungan Kecacatan. Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah selama dua belas bulan (12) dari tarikh kerja diperakukan siap. Sebarang kecacatan yang timbul dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan perlu diperbaiki oleh Kontraktor dengan kosnya sendiri. Apabila semua kecacatan telah diperbaiki satu Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan akan dikeluarkan.

13.2 Penyiapan Kerja yang Praktikal

13.2.1 Sekiranya kontraktor berpendapat kerjanya telah disiapkan dengan sempurna, Kontraktor perlu mengemukakan notis secara bertulis kepada Pegawai Penguasa (P.P).

13.2.2 Dalam tempoh 14 hari daripada penerimaan notis bertulis daripada Kontraktor, Pegawai Penguasa hendaklah menjalankan satu pemeriksaan bersama dengan pihak Kontraktor. P.P. juga hendaklah berpuas hati bahawa kesemua ujian dan pentauliahan telah dijalankan dan telah lulus menurut peruntukan kontrak. Apabila Kerja telah disiapkan ke satu tahap yang memenuhi kriteria sebagaimana yang ditentukan di dalam perenggan 13.2.3, maka Perakuan Siap Kerja (rujuk Lampiran 13A) bolehlah dikeluarkan oleh P.P.. Jika kriteria sebagaimana yang ditentukan di dalam perenggan 13.2.3 tidak dipenuhi, kerja yang tidak sempurna atau kerja yang cacat hendaklah dikenalpasti, dan disenaraikan dan diserahkan kepada Kontraktor untuk tindakannya. Proses ini hendaklah diulangi sehingga kriteria sebagaimana yang ditentukan di perenggan 13.2.3 dipenuhi sebelum Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

13.2.3 P.P. akan menentukan sama ada Kerja telah mencapai penyiapan praktikal. Kerja boleh dianggap telah mencapai penyiapan praktikal apabila kesemua kerja siap sepenuhnya menurut peruntukan kontrak. Dalam menentukan sama ada Kerja itu telah mencapai penyiapan praktikal, P.P. mestilah berpuas hati bahawa Kontraktor telah menyiapkan kerja dengan memenuhi perkara-perkara berikut :

(a) Semua kerja telah disiapkan menurut peruntukan Kontrak

(b) Kerja telah siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan dan boleh diduduki dengan selamat

(c) Kerja tersebut telah siap dan terdapat hanya kecacatan yang sedikit sahaja

(d) Pengujian dan pentauliahan ke atas perkara berkaitan telah diluluskan

(e) Semua keperluan utama perkhidmatan seperti jalan masuk, landskap, tempat letak kereta, longkang, pembentungan, sistem kelengkapan kebersihan, sistem bekalan air dan elektrik, pili bomba, dan lif bomba seperti yang termaktub dalam kontrak sudah disiapkan

13.2.4 Perakuan Siap Kerja hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor dan salinan-salinannya hendaklah juga diedarkan kepada semua pihak sepertimana yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut, dan kepada pihak-pihak lain yang terlibat dengan Kontrak termasuk Bank/Insurans yang mengeluarkan Bon Pelaksanaan (jika berkenaan).

13.2.5 Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula dari tarikh siap kerja yang praktikal yang dinyatakan di dalam Perakuan Siap Kerja. Pada bila-bila masa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, apa-apa kecacatan yang timbul hendaklah diperbaiki oleh kontraktor dengan kosnya sendiri apabila P.P. mengarahkannya.

13.2.6 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan tersebut, maka P.P. bolehlah melantik Kontraktor yang berasingan untuk memperbaiki kecacatan tersebut dan segala kos yang terlibat dan ditambah dengan caj ke atas kos (*on-cost charges*) sebanyak 10% hendaklah ditanggung oleh Kontraktor. P.P. bolehlah menolak kos tersebut daripada baki wang yang ada dalam kontrak dan sekiranya tidak

mencukupi, P.P. bolehlah melunaskannya daripada Bon Pelaksanaan ataupun Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan.

13.2.7 Apabila berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan, satu lawatan bersama hendaklah dijalankan di antara P.P., Jabatan Pelanggan dan Kontraktor. Apa-apa kecacatan yang didapati timbul disebabkan kecacatan mutu pembinaan ataupun bahan-bahan binaan, ia hendaklah dikenalpasti oleh P.P. dan satu Jadual Kecacatan hendaklah dikeluarkan oleh P.P. dalam tempoh 14 hari daripada tarikh berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

13.2.8 Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh yang munasabah tetapi hendaklah tidak melewati tempoh 3 bulan. Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, maka P.P. bolehlah melantik pihak ketiga dan apa-apa kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Kontraktor dan P.P. bolehlah memotong daripada baki wang yang ada dalam akaun kontrak dan sekiranya ianya tidak mencukupi, maka P.P. bolehlah melunaskannya daripada Bon Pelaksanaan ataupun Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan. Sekiranya tidak mencukupi, maka P.P. hendaklah menuntutnya daripada Kontraktor sebagai satu hutang terhadap kontraktor yang perlu dibayar kepada pihak Kerajaan.

13.3 Pelepasan Wang Jaminan Perlaksanaan / Bon Perlaksanaan

13.3.1 Setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan, P.P. boleh melepaskan sebanyak 50% daripada nilai Jaminan Bank / Insurans / Syarikat Kewangan atau Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP) dan bakinya hendaklah dilepaskan setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan.[1] Walau bagaimanapun, P.P. hendaklah berpuas hati bahawa kecacatan yang ada adalah pada tahap minimum sahaja sebelum pelepasan sebanyak 50% itu dibuat.

13.3.2 Untuk tujuan pelepasan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) satu Perakuan hendaklah dikemukakan kepada pejabat pembayar dengan menggunakan format Perakuan Pemulangan Wang Jaminan Perlaksanaan seperti di Lampiran 13B.

[1] SPP Bil 5/2007 , surat Arahan KPKR ruj (29)dlm.KPKR.020.050/03 Klt.4 bth 15.10.2001 dan surat Arahan KPKR ruj (12)dlm KPKR 020.050/03 Klt.5 bth 31.01.2002.

13.3.3 Bagi pelepasan Jaminan Bank/Insurans atau Syarikat Kewangan pula, sekiranya permohonan Kontraktor diluluskan, P.P hendaklah menyediakan surat kepada Penjamin iaitu Bank/ Syarikat Insurans/ Syarikat Kewangan mengikut format di Lampiran 13C. Kontraktor berkenaan hendaklah berurusan dengan Bank/ Insurans atau Syarikat Kewangan untuk menggantikan Jaminan asal dengan Jaminan baru yang bersamaan dengan 50% daripada jaminan asal. Setelah Jaminan yang baru diterima, barulah Jabatan memulangkan jaminan yang asal kepada Kontraktor.

13.3.4 Kontraktor juga dibenarkan untuk menggantikan baki WJP sebanyak 50% dengan Jaminan Bank/Insurans ataupun Syarikat Kewangan.

13.3.5 Dimana kontraktor dikehendaki mencadangkan reka bentuk yang menjadi sebahagian daripada kontrak, apabila Perakuan Siap Kerja dikeluarkan kontraktor hendaklah mengemukakan Jaminan Reka Bentuk menurut format Surat Arahan KPKR Bil. 7/2011 Borang Piawai Jaminan Bank Bagi Bon Jaminan Reka Bentuk. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan Jaminan Reka Bentuk tersebut maka Kerajaan berhak untuk merampas Bon Pelaksanaan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Syarat-syarat Kontrak.

13.4 Siap Berbahagian-bahagian

13.4.1 Syarat-syarat Kontrak mengandungi satu peruntukan yang membenarkan Kerajaan menghendaki Kerja disiapkan dalam seksyen atau bahagian. Sekiranya ini diperlukan, seksyen atau bahagian Kerja tersebut hendaklah dikenalpasti dan nilaian Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan bagi setiap seksyen dan bahagian, dan sebagainya hendaklah dinyatakan di Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak.

13.4.2 Jika siap berbahagian-bahagian bagi Kerja dinyatakan di dalam Kontrak, maka peruntukan Kontrak mengenai Perakuan Siap Kerja, Kelambatan dan Lanjutan Masa, Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dan Tempoh Tanggungan Kecacatan (kecuali Insurans Kerja, Bon Perlaksanaan dan Perakuan Muktamad) hendaklah dipakai seolah-olah setiap satu seksyen atau bahagian itu adalah menjadi perkara kontrak yang berasingan dan berlainan di antara Kerajaan dan

Kontraktor. Prosedur mengenai penyiapan praktikal seperti yang dihuraikan dalam perenggan 13.2 boleh digunakan bagi setiap seksyen atau bahagian Kerja. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi setiap seksyen atau bahagian bermula sama dengan tarikh penyiapan praktikal bagi seksyen atau bahagian tersebut.

13.4.3 Walau bagaimanapun di para 13.4.2, Kontraktor tidak layak untuk mengurangkan atau mengeluarkan nilai Bon Perlaksanaan atau Wang Jaminan Perlaksanaan beliau. Bon Perlaksanaan atau Wang Jaminan Perlaksanaan hanya boleh dilepaskan selepas Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan untuk keseluruhan kerja dikeluarkan.

13.5 Pendudukan Separa

13.5.1 Sebelum penyiapan praktikal bagi keseluruhan Kerja, Kerajaan boleh, setelah mendapat persetujuan Kontraktor secara bertulis mengambil milik dan menduduki mana-mana bahagian Kerja yang telah siap menurut peruntukan kontrak.

13.5.2 Perkara-perkara berikut boleh digunakan jika terdapat mana - mana bahagian Kerja yang telah diambil milik dan diduduki oleh Kerajaan sebelum penyiapan keseluruhan Kerja :

(a) Satu Perakuan Pendudukan Separa, (rujuk Lampiran 13D), hendaklah dikeluarkan dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh pemilikan dan pendudukan sebahagian Kerja tersebut. Perakuan tersebut hendaklah menyatakan nilai anggaran bagi bahagian Kerja yang diambil milik dan diduduki.

(b) Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi bahagian Kerja yang diambil milik dan diduduki hendaklah bermula sama dengan tarikh penyiapan praktikal bagi seksyen atau bahagian tersebut.

(c) Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang dinyatakan di dalam Kontrak akan dikurangkan mengikut kadar jumlah nilai bahagian yang diambil milik dan diduduki berbanding dengan Jumlah Harga Kontrak.

(d) Peruntukan Kontrak mengenai Insurans dan pelepasan Bon Perlaksanaan adalah tidak berubah.

(d) Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan hendaklah dikeluarkan mengikut bahagian kerja yang telah diambil milik dan diduduki.

13.6 Penyerahan Kerja

13.6.1 Setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan**,** JKR bagi pihak Kerajaan akan mengambil milik Kerja tersebut dan Kontraktor tidak lagi bertanggungjawab atas sebarang kerugian dan/atau kerosakan kepada Kerja tersebut selain daripada kerugian dan/atau kerosakan yang disebabkan oleh atau akibat daripada Kerja cacat atau kerja yang tidak mematuhi Kontrak. Namun demikian, sebelum bahagian kerja tersebut diambil milik oleh Kerajaan, persetujuan daripada pihak Pelanggan hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi memastikan pihak pelanggan bersedia untuk mengambil alih bahagian kerja yang telah disiapkan tersebut. Seberapa segera yang mungkin Kerja tersebut hendaklah diserahkan kepada Jabatan/Kementerian Pelanggan.

13.6.2 Bagi tujuan penyerahan Kerja kepada Jabatan/Kementerian Pelanggan, satu pemeriksaan bersama (oleh Jabatan /Kementerian Pelanggan, P.P., Kontraktor dan pihak lain yang terlibat) hendaklah diatur dan kunci bangunan diserahkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja. Jabatan/Kementerian Pelanggan akan dinasihatkan mengenai keperluan penyenggaraan Kerja tersebut termasuk penyenggaraan pemasangan mekanikal dan elektrikal. Semua dokumen berkaitan yang diperlukan bagi penyenggaraan Kerja oleh Jabatan/Kementerian Pelanggan seperti lukisan siap dibina, manual operasi, perjanjian penyenggaraan, dan sebagainya hendaklah diserahkan.

13.6.3 Perakuan Serahan Kerja seperti di Lampiran 13E dan 13F hendaklah digunakan bagi menyerahkan Kerja kepada Jabatan/Kementerian Pelanggan. Perakuan di Lampiran 13E hendaklah digunakan bagi penyerahan keseluruhan Kerja manakala Lampiran 13F digunakan untuk penyerahan Kerja yang disiapkan dan diserahkan dalam seksyen-seksyen atau bahagian-bahagian.

13.6.4 Di dalam keadaan di mana JKR bagi pihak Kerajaan telah mengambil milik kerja daripada pihak Kontraktor, namun pihak pelanggan belum mengambil milik, P.P. hendaklah melantik Pengawal Keselamatan dengan menggunakan peruntukan projek untuk mengawasi projek berkenaan pada tarikh serahan projek kepada Kerajaan sebelum diambil alih sepenuhnya oleh pihak pelanggan.

13.7 Lukisan Siap Bina (LSB)

13.7.1 Lukisan siap bina hendaklah dikemaskini di sepanjang masa Kerja berjalan dan hendaklah dikemukakan kepada P.P secara berperingkat-peringkat menurut aturan kerja. Lukisan siap bina hendaklah dikemaskini dan disiapkan seberapa segera setelah Kerja disiapkan.

13.7.2 Lukisan siap bina hendaklah menunjukkan Kerja sebagaimana dibina, terutamanya kedudukan dan laluan paip-paip perkhidmatan dan kabel-kabel yang tertanam. Satu set Lukisan siap bina mesti diserahkan kepada P.P. dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja untuk rekod dan penyenggaraan kerja tersebut. Satu set lukisan tersebut hendaklah dihantar kepada Cawangan pelanggan yang berkenaan di Ibu Pejabat JKR untuk rekod dan dimana perlu, bagi mengemaskini lukisan-lukisan piawai.

13.7.3 Pengurusan Lukisan siap bina hendaklah dilaksanakan menurut Garis Panduan Pengurusan Lukisan Siap Bina.[2] Skop Lukisan siap bina termasuklah dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan seperti Manual Operasi dan Penyenggaraan, Sijil Pengujian dan Pentauliahan dan sebagainya.

13.8 Kecacatan

13.8.1 Kecacatan, kekecutan dan kerosakan lain yang mungkin kelihatan pada Kerja dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang disebabkan oleh bahan atau mutu Kerja yang tidak menepati kontrak, hendaklah diperbaiki oleh Kontraktor atas perbelanjaannya sendiri.

[2] Surat Arahan KPKR Bil. 2/2011 Garis Panduan Pengurusan Lukisan Siap Bina bertarikh 24 Mei 2011

13.8.2 Prosedur-prosedur yang perlu diikuti mengenai kecacatan Kerja adalah seperti berikut:

(a) Jabatan/Kementerian Pelanggan hendaklah dinasihatkan supaya melaporkan dengan kadar segera apa-apa kecacatan yang kelihatan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

(b) Setelah menerima laporan mengenai sebarang kecacatan dari Jabatan/Kementerian Pelanggan, Kontraktor hendaklah diarahkan untuk memperbaiki kecacatan tersebut. Kontraktor hendaklah diberi tempoh masa yang munasabah untuk berbuat demikian. Apa yang dimaksudkan dengan tempoh masa yang munasabah bergantung kepada keadaan dan tahap kecacatan tersebut.

Sebarang kecacatan yang mengakibatkan Kerja mudah rosak disebabkan oleh elemen kecacatan itu, akan bertambah buruk jika tidak dibaiki dengan segera, atau menjejaskan fungsi dan kegunaan sebenar Kerja tersebut, hendaklah diperbaiki dalam tempoh yang secepat mungkin.

(c) Pada tarikh tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan, satu pemeriksaan bersama ke atas Kerja (oleh Kontraktor, P.P., Jabatan/ Kementerian Pelanggan dan pihak lain yang terlibat) hendaklah diadakan. Jika hasil daripada pemeriksaan bersama tersebut menunjukkan tiada lagi kecacatan, Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan, Borang JKR 203Y Pind.3/2008 (rujuk Lampiran 13G), hendaklah dikeluarkan.

Di mana pemeriksaan bersama menunjukkan terdapat kecacatan, kecacatan tersebut hendaklah dikenal pasti dan satu Jadual Kecacatan hendaklah disediakan dan diserahkan kepada Kontraktor dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Kontraktor hendaklah diarahkan untuk membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh masa yang berpatutan tetapi tidak lewat daripada tiga (3) bulan, dari tarikh penerimaan Jadual Kecacatan tersebut. Pemeriksaan bersama hendaklah diadakan sekali lagi pada tarikh tamat tempoh masa yang diberikan kepada Kontraktor untuk membaiki kecacatan atau setelah tamatnya tempoh tiga (3) bulan yang mana terdahulu, dan satu Perakuan

Siap Memperbaiki Kecacatan akan dikeluarkan jika semua kecacatan telah diperbaiki.

(d) Jika Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan yang telah diarahkan oleh P.P. dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan atau seperti yang tersenarai di dalam Jadual Kecacatan dalam tempoh masa yang telah diberi untuk berbuat demikian, tindakan segera hendaklah diambil untuk memperbaiki kecacatan tersebut dengan cara lain sepertimana yang diperuntukkan dalam Syarat-Syarat Kontrak.

Kos perbelanjaan yang terlibat termasuk caj ke atas kos perbelanjaan yang terlibat (*on-cost charges*) seperti yang diperuntukkan dalam Lampiran Kepada Syarat-Syarat kontrak berhubung dengan kemungkiran kontraktor yang gagal membaiki kecacatan tersebut hendaklah didapatkan kembali daripada Kontraktor dengan memotong dari baki wang yang kena dibayar kepadanya, potongan atau tuntutan daripada Bon Perlaksanaan, atau potongan daripada Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan, atau dituntut sebagai hutang daripada kontraktor.

13.8.3 Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor dan salinan-salinannya hendaklah juga diedarkan kepada semua pihak sepertimana yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut dan pihak-pihak lain yang terlibat dengan Kontrak.

13.8.4 Pengeluaran Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan menandakan tamatnya obligasi Kontraktor di bawah Kontrak. Liabiliti Bank, Syarikat Insurans atau Syarikat Kewangan yang menjadi penjamin Bon Pelaksanaan, atau baki Wang Jaminan Perlaksanaan hendaklah juga dilepaskan.

LAMPIRAN 13A

(JKR 203S – Pind.3/2008)

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA

PERAKUAN SIAP KERJA
CERTIFICATE OF PRACTICAL COMPLETION

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....
(Kontraktor)

Berdaftar dengan P.K.K. dalam Kelas "....."

Kontrak No. .....

Kontrak untuk .....

.....

Bahagian* .....
*Section**

Menurut Klausa 39 Syarat-Syarat Kontrak, dan tertakluk kepada penyiapan berkaitan
In accordance with Clause 39 of the Conditions of Contract and subject to

dengan pembaikan apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kesusutan atau apa-apa
the completion of making good defects, imperfections, shrinkages or any

kerosakan lain apajuapun sebagaimana yang dikehendaki di bawah Klausa 48 Syarat-Syarat
other faults whatsoever as required under Clause 48 of the Conditions of Contract

Kontrak dan yang mungkin terzahir dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, maka adalah
and which may appear during the Defects Liability Period, it is hereby

dengan ini diperakui bahawa seluruh Kerja / Sebahagian daripada Kerja* seperti yang tersebut
certified that the whole of the Works / Section of the Works as mentioned*

di atas telah siap dengan memuaskan hati pada ..... dan diambil milik
above were satisfactorily completed on and taken into possession

pada ..... dan dengan itu Tempoh Tanggungan Kecacatan untuk Kerja/
on and that the said Defects Liability Period in respect of the said

Sebahagian daripada Kerja* tersebut bermula pada ..... dan akan berakhir
Works / Section of the Works began on* *and will end*

pada .....
on

.....
Pegawai Penguasa/Wakil P.P.
Superintending Officer/SO Rep.

Nama Penuh .....
Name in full

Nama Jawatan .....
Designation

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia
KUALA LUMPUR
(U/p: Bahagian Pembangunan Bumiputera)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful / Syarikat Kewangan .....
(yang menjamin perlaksanaan kontrak)

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan.....
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah
J.K.R. Negeri.....

Jurutera Daerah/Projek.....

---

* Potong jika tidak berkenaan.
Delete if not applicable.

LAMPIRAN 13B

PERAKUAN PEMULANGAN WANG JAMINAN PELAKSANAAN

……

……

……

……

Tarikh :

……..

……..
……..
……..
……..
(Pejabat Pembayar)

Nama Kontraktor :
Nama Projek :

No. Kontrak :

---

* Adalah dimaklumkan bahawa seluruh Kerja yang tersebut di atas telah disiapkan oleh Kontraktor. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Perakuan Siap Kerja untuk rujukan tuan. Oleh itu 50% daripada Wang Jaminan Pelaksanaan boleh dipulangkan kepada Kontraktor.

* Adalah dimaklumkan bahawa segala kecacatan dan kerosakan telah disempurnakan oleh Kontraktor. Bersama-sama ini disetakan sesalinan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan untuk rujukan tuan. Oleh itu baki Wang Jaminan Pelaksanaan boleh dipulangkan kepada Kontraktor.

2. Dengan ini adalah diperakukan supaya Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM…… dibayar kepada Kontraktor.

……
Pegawai Penguasa/Wakil P.P.)

** Batalkan yang tidak berkenaan*

CATATAN OLEH PEGAWAI YANG MENYEDIA BAUCER
Jumlah amaun yang dilepaskan ialah RM……..
(Sesalinan Perakuan hendaklah dikembalikan kepada Pengawai Pengesyor

LAMPIRAN 13C

……

……

……

(Bank/Syarikat Insurans/Syarikat Kewangan)

Tuan,

Projek :
No. Kontrak :
Kontraktor :
Jaminan Bank/Insurans/Syarikat Kewangan No.: ……
Nilai Bon : RM……

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan sesalinan Perakuan Siap Kerja untuk rujukan tuan.

2. Sehubungan dengan itu Jabatan ini bersetuju untuk melepaskan 50% daripada nilai bon pelaksanaan kepada Kontraktor. Maka dengan ini adalah disahkan bahawa Jaminan asal akan dikembalikan kepada tuan sebaik sahaja pihak tuan mengemukakan satu jaminan bernilai RM……. bagi meliputi baki 50% daripada nilai bon pelaksanaan. Jaminan baru ini hendaklah berkuatkuasa sehingga …….. (iaitu 12 bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan).

Sekian, terima kasih.

……..
(Pegawai Penguasa)

s.k. ……) Sila berurusan dengan Bank/Insurans/
……) Syarikat Kewangan dan seterusnya kemukakan
(Kontraktor)) kepada P.P. jaminan yang baru.

LAMPIRAN 13D

(JKR 203W – Pind.1/2008)

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA

PERAKUAN PENDUDUKAN SEPARA
CERTIFICATE OF PARTIAL OCCUPATION

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....
(Kontraktor)

Berdaftar dengan P.K.K. dalam Kelas "....."

Kontrak No. .....

Kontrak untuk .....

.....

Perihal Bahagian daripada Kerja yang diduduki :
Description of the Part of the Works occupied :

.....

Menurut Klausa 42 Syarat-Syarat Kontrak, Kerajaan berhasrat hendak mengambil milik
In accordance with Clause 42 of the Conditions of Contract, the Government is desirous

dan menduduki bahagian daripada Kerja seperti yang tersebut di atas (kemudian dari ini
of taking possession and occupying the part of the Works as mentioned above (hereinafter

disebut ”Bahagian yang berkaitan”) sebelum sempurna siap sepenuhnya Kerja itu, dan dengan
referred to as ”the relevant Part”) before the Practical Completion of the whole of the Works,

persetujuan tuan secara bertulis bertarikh ..... mengenai perkara itu,
and with your written consent dated to the same,

maka adalah dengan ini diperakui bahawa Bahagian yang berkaitan itu telah siap dengan
it is hereby certified that the relevant Part has been

memuaskan hati pada ..... dan diambil milik dan diduduki pada
satisfactorily completed on and taken into possession and occupied on

..... dan dengan itu Tempoh Tanggungan Kecacatan mengenai
and that the Defects Liability Period in respect of

Bahagian yang berkaitan itu akan bermula pada ..... dan berakhir
the relevant Part shall commence on and end

pada .....
on

2. Nilai yang dianggarkan bagi Bahagian berkaitan yang telah siap dan diambil milik dan
The estimated value of the relevant Part completed and taken into possession and

diduduki ialah RM.....
occupied is

3. Setelah Bahagian yang berkaitan itu siap dan diambil milik dan diduduki, Gantirugi
The relevant Part having been completed and taken into possession and occupied,

Tertentu dan Ditetapkan banyaknya seperti yang dinyatakan dalam Lampiran kepada
the Liquidated and Ascertained Damages as stated in the Appendix to the

Syarat-Syarat Kontrak, adalah dengan ini dikurangkan daripada RM.....
Conditions of Contract is hereby reduced from

setiap ..... kepada RM..... setiap .....
per to per

menurut Klausa 42(d) Syarat-Syarat Kontrak.
in accordance with Clause 42(d) of the Conditions of Contract.

.....
Pegawai Penguasa/Wakil P.P.
Superintending Officer/SO Rep.

Nama Penuh .....
Name in full

Nama Jawatan .....
Designation

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia
KUALA LUMPUR
(U/p: Bahagian Pembangunan Bumiputera)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful / Syarikat Kewangan .....
(yang menjamin perlaksanaan kontrak)

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan.....
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah
J.K.R. Negeri.....

Jurutera Daerah/Projek.....

LAMPIRAN 13E

JABATAN KERJA RAYA

Ruj: Fail : ……

PERAKUAN SERAHAN KERJA SIAP

Kerja : ……

…….. No. Kontrak : ……

Kerja di atas telahpun disiapkan. Kerja yang telah siap telah diperiksa oleh …… mewakili
(Nama Pegawai)

……. dan ……..……. mewakili Jabatan
(Jabatan/Kementerian Pelanggan) (Nama Pegawai)

Kerja Raya. Kami yang menandatangani di bawah ini mewakili ……

……. (Jabatan/Kementerian Pelanggan) mengakui menerima kunci-kunci dan mengambil milik Kerja tersebut. Baki Kerja termasuk pepasangan yang belum dipasang, dan/atau kerja cacat adalah seperti disenaraikan di Lampiran `A'.

……	……
(Tandatangan Wakil Jabatan/ Kementerian Pelanggan)	(Tandatangan Wakil Jabatan Kerja Raya)
Nama: ……..	Nama: ……...
Nama Jawatan: …….	Nama Jawatan: ……..
Tarikh: …….	Tarikh: ……

Nota : Aduan terhadap kerja cacat hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Penguasa tidak lewat dari tarikh tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan pada ……

LAMPIRAN 13F

JABATAN KERJA RAYA

Ruj: Fail : ……..

PERAKUAN SERAHAN KERJA SIAP BERBAHAGIAN NO._____

Kerja : ……

No. Kontrak : ……

Bangunan-bangunan/seksyen Kerja telah disiapkan. Bangunan-bangunan/seksyen Kerja telah diperiksa oleh ……...……....

…… dari ……
(Nama Pegawai) (Jabatan/Kementerian Pelanggan)

dan ……..…….... mewakili Jabatan Kerja Raya.
(Nama Pegawai)

Kami yang menandatangani di bawah ini mewakili, …….
(Jabatan/Kementerian Pelanggan)
mengakui menerima kunci-kunci dan mengambil milik seperti berikut:

No.	Bangunan/Seksyen	No. Blok	Catatan
(i)			
(ii)			
(iii)			

Baki Kerja termasuk pepasangan dan/atau peralatan yang belum dipasang, dan/atau Kerja cacat disenaraikan di Lampiran `A'.

…… ……
(Tandatangan Wakil Jabatan/ Kementerian Pelanggan) (Tandatangan Wakil Jabatan Kerja Raya)

Nama: …….. Nama: ……...

Jawatan: …….. Jawatan: ……..……..

Tarikh: …… Tarikh: ……

Nota : Aduan terhadap kerja cacat hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Penguasa tidak lewat dari tarikh tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan pada …….

LAMPIRAN 13G

(JKR 203Y – Pind.3/2008)

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....
(Kontraktor)

Berdaftar dengan P.K.K. dalam Kelas "....."

Kontrak No. .....

Kontrak untuk .....

.....

Bahagian* .....

1. Menurut Klausa 42.1(c) Syarat-Syarat Kontrak, maka adalah dengan ini diperakui bahawa segala kecacatan, ketidaksempurnaan, kesusutan dan apa-apa kerosakan lain apajuapun terhadap Kerja-Kerja yang tersebut di atas, yang dikehendaki diperbaiki oleh tuan di bawah Syarat-Syarat Kontrak, telah sempurna diperbaikkan oleh tuan / *oleh pihak lain (disebabkan kegagalan tuan untuk menyempurnakannya) pada .....

---

* Batalkan yang mana tidak berkenaan

2. (a)[#] Menurut Klausa 13.5 Syarat-Syarat Kontrak, Bon Pelaksanaan atau mana-mana bahagian darinya adalah dengan ini dilepaskan.

*(i) **Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans / Takaful / Syarikat Kewangan No. ……..... berharga RM..... yang merupakan Bon Pelaksanaan di bawah Kontrak ini adalah dengan ini dilepaskan.*

**Baki Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM …… yang merupakan Bon Pelaksanaan di bawah Kontrak ini adalah dengan ini dilepaskan.

(b)[#](i) ** Tuntutan terhadap Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans / Takaful / Syarikat Kewangan No. ……..... berharga RM..... yang merupakan Bon Pelaksanaan di bawah Kontrak ini telah pun diperolehi untuk membiayai kos perbelanjaan membaiki kecacatan dan/atau kerosakan berkenaan yang telah disempurnakan oleh pihak lain. Butir-butir kos perbelanjaan adalah sepertimana yang ditunjukkan di Lampiran.

** Wang sejumlah RM..... telah dipotong dari Wang Jaminan Pelaksanaan yang merupakan Bon Pelaksanaan di bawah Kontrak untuk membiayai kos perbelanjaan membaiki kecacatan dan/atau kerosakan berkenaan yang telah disempurnakan oleh pihak lain. Butir-butir kos perbelanjaan adalah sepertimana yang ditunjukkan di Lampiran.

(ii) * Oleh kerana amaun daripada Bon Pelaksanaan tidak mencukupi, dengan ini tuan adalah dikehendaki untuk membayar kepada Kerajaan sebanyak RM.....

*Terdapat baki sebanyak RM..... daripada Bon Pelaksanaan yang akan dikembalikan kepada tuan.

.....
Pegawai Penguasa/Wakil P.P.

Nama Penuh .....

Nama Jawatan .....

Batalkan keseluruhan 2(b) jika kerja kecacatan disiapkan oleh kontraktor sendiri atau batalkan keseluruhan 2(a) jika kerja kecacatan disiapkan oleh pihak ketiga.

** Batalkan salah satu daripada perenggan yang berkenaan di bawah 2(a)(i) atau 2(b)(i) mengikut bon pelaksanaan yang diambil.

* Batalkan salah satu perenggan atau kedua-duanya jika tidak berkenaan.

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia
KUALA LUMPUR
(U/p: Bahagian Pembangunan Bumiputera)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful / Syarikat Kewangan .....
(yang menjamin perlaksanaan kontrak)

Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan.....
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah
J.K.R. Negeri.....

Jurutera Daerah/Projek.....

BAB 14

SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN DAN PEMBEKAL DINAMAKAN

BAB 14 - SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN DAN PEMBEKAL DINAMAKAN

14.1 Pendahuluan

14.1.1 Subkontraktor Dinamakan dan/atau Pembekal Dinamakan bermaksud semua subkontraktor pakar bagi melaksanakan sebahagian kerja Kontrak dan/atau Pembekal bagi membekal bahan-bahan atau barangan yang menjadi sebahagian daripada Kontrak yang dinamakan kepada Kontraktor oleh P.P. menurut Syarat-syarat Kontrak. Menurut peruntukan Kontrak, kerja-kerja bagi Subkontraktor Dinamakan dan/atau Pembekal Dinamakan diperuntukkan sebagai Wang Kos Prima dalam ringkasan tender/senarai kuantiti. P.P. juga boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengubah peruntukan Wang Kos Sementara kepada Wang Kos Prima dengan mengeluarkan arahan bertulis kepada Kontraktor. Subkontraktor atau pembekal yang dinamakan oleh P.P. menjadi Subkontraktor Dinamakan atau Pembekal Dinamakan kepada Kontraktor. Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan Kontrak oleh Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan.

14.1.2 Tatacara Perolehan bagi Subkontrak Yang Dinamakan adalah mengikut peraturan secara tender atau sebut harga. Bagi nilai kerja kurang daripada RM500,000 dipelawa secara sebut harga dan nilai kerja yang melebihi RM500,000 dipelawa secara tender.

14.1.3 Prosedur perolehan dan pentadbiran kontrak bagi Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan secara keseluruhannya telah diterangkan dalam Bab 5 hingga 16. Bab 14 ini hanya menerangkan prosedur khusus mengenai Subkontrak Dinamakan dan Pembekal Dinamakan.

14.2 Dokumen Tender / Sebut harga

14.2.1 Peraturan dan prosedur yang menentukan cara penyediaan dokumen tender dan Dokumen Meja Tender yang diterangkan dalam Bab 5 secara am juga terpakai bagi penyediaan dokumen tender/sebut harga dan Dokumen Meja Tender/Sebut harga untuk Subkontrak Dinamakan dan Pembekal Dinamakan. Perbezaannya ialah borang kontrak piawai dan borang-borang lain yang digunakan.

14.2.2 Dokumen tender/sebut harga yang akan dikeluarkan kepada petender bagi Subkontrak Dinamakan dan Pembekal Dinamakan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

(a) Untuk Kerja

(i) Kenyataan Tender atau Notis sebut harga atau Surat pelawaan kepada petender.

(ii) Senarai semakan mengemukakan tender/sebut harga (senarai semakan piawai hendaklah disesuaikan untuk kegunaan).

(iii) Arahan Kepada Petender / Penyebut harga

(iv) Borang Tender (JKR 203N1 Pind. 2010)(Lihat Lampiran 14A).

(v) Syarat-syarat Membuat Tender dan Maklumat Am (JKR 203N2 Pind. 2010) (Lihat Lampiran 14B).

(vi) Ringkasan Tender dan Jadual Kadar Harga; atau Senarai Kuantiti

(vii) Senarai Jenama Barang-barang

(viii) Spesifikasi yang merangkumi spesifikasi piawai dan spesifikasi addenda, jadual kehendak teknikal.

(ix) Borang latar belakang pendaftaran kontraktor sebagai kontraktor Kerajaan, organisasi kontraktor, butiran sepuluh (10) buah projek yang telah siap dan projek yang sedang dilaksanakan, laporan bank/penyata kewangan.

(x) Lukisan-lukisan

(xi) Peruntukan Khas Kepada Syarat-syarat Subkontrak berhubung dengan Wang Pendahuluan

(b) Untuk Bekalan Bahan atau Barang

(i) Iklan atau Surat pelawaan kepada petender.

(ii) Senarai semakan mengemukakan tender (senarai semakan piawai hendaklah disesuaikan untuk kegunaan).

(iii) Borang Tender (JKR 203P1 Pind. 2010)(Lihat Lampiran 14C).

(iv) Syarat-syarat membuat tender dan Maklumat Am (JKR 203P2 Pind. 2010) (Lihat Lampiran 14D).

(v) Borang latarbelakang pendaftaran kontraktor sebagai Kontraktor Kerajaan, organisasi Kontraktor dan butiran sepuluh (10) buah projek yang telah siap dan projek yang sedang dilaksanakan.

(vi) Spesifikasi yang merangkumi spesifikasi piawai dan spesifikasi adenda, jadual kehendak teknikal, peruntukan-peruntukan khas kepada Syarat-syarat Kontrak dan lain-lain.

(vii) Lukisan-lukisan (jika perlu).

14.2.3 Dokumen Meja Tender / Sebut harga untuk Subkontrak Dinamakan dan Pembekal Dinamakan hendaklah mengandungi tender dan dokumen-dokumen lain yang disusun mengikut aturan seperti berikut:

(a) Untuk Kerja

(i) Kenyataan Tender atau Notis sebut harga atau Surat pelawaan kepada petender.

(ii) Senarai semakan mengemukakan tender/sebut harga (senarai semakan piawai hendaklah disesuaikan untuk kegunaan).

(iii) Arahan kepada Petender / Penyebut harga

(iv) Borang Tender (JKR 203N1 Pind. 2010).

(v) Syarat-syarat Membuat Tender dan Maklumat Am(JKR 203N2 Pind. 2010).

(vi) Syarat-syarat Kontrak [PWD Form 203N (Revised 1/2010)]

(vii) Surat Penamaan kepada Kontraktor (JKR 203N3 Pind. 2010) (Lihat Lampiran 14E)[1]

(viii) Surat Setujuterima Tender (JKR 203N4 Pind. 2010) (Lihat Lampiran 14F)

(ix) Perintah Rasmi Untuk Memulakan Kerja (JKR 203N5 Pind. 2010) (Lihat Lampiran 14G).

(x) Surat Pemberitahuan Penamaan kepada Subkontraktor Dinamakan (JKR 203N6 Pind. 2010)(Lihat Lampiran 14H).

(xi) Surat Jaminan Tanggung Rugi (JKR 203N7 Pind. 2010) (Lihat Lampiran 14J).

(xii) Ringkasan Tender dan Jadual Kadar Harga; atau Senarai Kuantiti

(xiii) Spesifikasi.

(xiiv) Borang latar belakang pendaftaran kontraktor sebagai kontraktor kerajaan, organisasi kontraktor, butiran sepuluh (10) buah projek yang telah siap dan projek yang sedang dilaksanakan, laporan bank / penyata kewangan.

(xv) Borang Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans untuk Bon Pelaksanaan (Subkontraktor Dinamakan)[2] (Lihat Lampiran 14K)

(xvi) Lukisan-lukisan.

---

1 Surat Arahan KPKR bil. (13) dlm. JKR:KPKR/01/2/A44 bertarikh 12.5.1993

2 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 bertarikh 27.2.2007

(b) Untuk Pembekalan Bahan atau Barang

(i) Iklan atau Surat pelawaan kepada Petender.

(ii) Senarai Semakan mengemukakan tender.

(iii) Syarat-syarat Kontrak [PWD Form 203P(Revised 1/2010)]

(iv) Borang Tender (JKR 203P1 Pind. 2010)

(v) Syarat-syarat Membuat Tender dan Maklumat Am (JKR 203P2 Pind. 2010).

(vi) Borang latarbelakang pendaftaran kontraktor sebagai kontraktor Kerajaan, organisasi kontraktor dan butiran sepuluh (10) buah projek yang telah siap dan projek yang sedang dilaksanakan

(vii) Surat Pemberitahuan Penamaan kepada kontraktor (JKR 203P3 Pind. 2010)(Lihat Lampiran 14L).

(viii) Surat Pemberitahuan Penamaan kepada Subkontraktor Dinamakan (JKR 203P6 Pind. 2010)(Lihat Lampiran 14M).

(ix) Surat Jaminan Tanggung Rugi (JKR 203P7 Pind. 2010)(Lihat Lampiran 14N).

(x) Surat Setujuterima Tender (JKR 203P4 Pind. 2010)(Lihat Lampiran 14O).

(xi) Pesanan untuk Membekal dan Menyerah-Hantar Artikel-artikel (JKR 203P5 Pind. 2010)(Lihat Lampiran 14P).

(xii) Jadual Artikel-artikel Yang Dipesan Untuk Dibekal Dan Diserah Hantar (JKR 203P5A Pind. 2010)(Lihat Lampiran 14Q).

(xiii) Borang Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan

Insurans untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Bekalan/Perkhidmatan)[3] (Lihat Lampiran 14R)

(xiv) Spesifikasi.

(xiv) Lukisan-lukisan (jika perlu).

14.3 Pelawaan dan Penerimaan Tender

14.3.1 Peraturan dan prosedur yang menentukan cara pelawaan, penerimaan dan pembukaan tender yang diterangkan dalam Bab 6 secara amnya digunakan juga untuk pelawaan, penerimaan dan pembukaan tender Subkontrak Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan.

14.3.2 Satu perkara penting yang perlu diingat mengenai Subkontrak Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan ialah walaupun sebut harga boleh dipelawa bagi kerja yang hendak dilaksanakan atau barang-barang atau bahan-bahan yang hendak dibekalkan yang nilainya kurang dari RM500,000[4], dokumen yang hendak digunakan mestilah sama dengan dokumen yang digunakan jika tender dipelawa. Sehubungan dengan itu terma-terma Subkontrak mestilah sama.

14.4 Penilaian Tender

14.4.1 Peraturan dan prosedur bagi penilaian dan perakuan tender yang dihuraikan dalam Bab 7 secara amnya juga digunakan bagi penilaian dan perakuan tender untuk Subkontrak Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan.

14.4.2 Bagi kerja-kerja Wang Kos Prima (Mekanikal/Elektrik/Pakar) keutamaan hendaklah diberi kepada Bumiputera berdasarkan kepada keutamaan harga mengikut peratusan seperti berikut:[5]

[3] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2007 bertarikh 27.2.2007
[4] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2009 bertarikh 24.2.2009
[5] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1995 bertarikh 12.4.1995

Nilai Tender	Peratusan Keutamaan
Melebihi RM 100,000.00 hingga RM 500,000.00	10%
Melebihi RM 500,000.00 hingga RM 1.5 juta	7%
Melebihi RM 1.5 juta hingga RM 5 juta	5%
Melebihi RM 5 juta hingga RM 10 juta	3%
Melebihi RM 10 juta hingga RM 15 juta	2.5%
Melebihi dari RM 15 juta	Tiada

14.4.3 Bagi semua kerja Elektrik yang bernilai sehingga RM100,000.00 adalah dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera sahaja[6].

14.4.4 Jika Kontraktor dibenarkan menender, dia tidak layak dibayar keuntungan dan caj layanan sekiranya tendernya disetujuterima. Ini juga mesti diambil kira dalam penilaian tender.

14.5 Penerimaan Tender

14.5.1 Jika tender daripada Kontraktor disetujuterima, Kerajaan tidak perlu menamakan Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan. Sebaliknya jika tender dari Subkontraktor atau Pembekal disetujuterima, P.P. akan mengarahkan Kontraktor untuk menyetujuterima tender tersebut.

14.5.2 P.P. akan mengeluarkan Surat Penamaan, borang JKR 203N3 Pind. 2010 atau JKR 203P3 Pind. 2010 mengikut yang mana berkenaan bagi mengarah Kontraktor untuk menyetujuterima tender Subkontraktor atau pembekal setelah menerima keputusan daripada Lembaga Perolehan/Jawatankuasa Sebut Harga dan peruntukan mencukupi serta telah disahkan. Salinan Surat Penamaan mestilah diedarkan kepada pihak-pihak yang disenaraikan dalam borang surat piawai dan juga kepada pihak-pihak lain yang terlibat.

14.5.3 Kontraktor menurut peruntukan kontrak boleh membantah penamaan seseorang Subkontraktor atau pembekal. Kontraktor mempunyai dua puluh satu (21) hari

6 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2009 bertarikh 24 Februari 2009

dari tarikh penerimaan Surat Penamaan untuk berbuat demikian. Jika Kontraktor membantah penamaan Subkontraktor atau pembekal, dan jika mengikut pendapat P.P. bantahan itu dibuat atas sebab yang munasabah, P.P. hendaklah:

(a) Menamakan subkontraktor atau pembekal alternatif; atau

(b) Mengeluarkan Arahan untuk mengeluarkan butiran kerja Wang Kos Prima/Wang Peruntukan Sementara tersebut daripada Kontrak supaya bahagian kerja tersebut boleh dilaksanakan oleh kontraktor yang berasingan; atau

(c) Mengarah Kontraktor sendiri melaksanakan butiran kerja Wang Kos Prima/Wang Peruntukan Sementara tersebut.

14.5.4 Jika tender daripada Kontraktor disetujuterima, surat setujuterima yang ditunjukkan dalam Lampiran 14S hendaklah digunakan.

14.6 Dokumen Subkontrak

14.6.1 Peraturan dan prosedur yang menentukan cara penyediaan Dokumen Kontrak yang diterangkan dalam Bab 8 secara am juga terpakai bagi penyediaan Dokumen Subkontrak.

14.6.2 Dokumen Subkontrak mengandungi dokumen-dokumen yang disusun mengikut aturan seperti berikut:

(a) Untuk Kerja.

(i) Arahan kepada Petender / Sebutharga

(ii) Borang Tender (JKR 203N1 Pind. 2010).

(iii) Syarat-syarat Membuat Tender dan Maklumat Am (JKR 203N2 Pind. 2010).

(iv) Syarat-syarat Subkontrak [PWD Form 203N (Revised 1/2010)]

(v) Surat Penamaan kepada Kontraktor (JKR 203N3 Pind. 2010)[7]

(vi) Surat Setujuterima Tender (JKR 203N4 Pind. 2010)

(vii) Perintah Rasmi Untuk Memulakan Kerja (JKR 203N5 Pind. 2010)

(viii) Surat Pemberitahuan Penamaan kepada Subkontraktor Yang Dinamakan (JKR 203N6 Pind. 2010)

(xiii) Surat Jaminan Tanggung Rugi (JKR 203N7 Pind. 2010)

(x) Ringkasan Tender dan Jadual Kadar Harga; atau Senarai Kuantiti

(xi) Spesifikasi.

(xii) Borang latar belakang pendaftaran kontraktor sebagai Kontraktor Kerajaan, organisasi Kontraktor, butiran sepuluh (10) buah projek yang telah siap dan projek yang sedang dilaksanakan, laporan bank / penyata kewangan

(xiii) Lukisan-lukisan.

(xiii) Peruntukan Khas Kepada Syarat-syarat Kontrak berkaitan Bayaran Wang pendahuluan untuk Subkontraktor Yang Dinamakan.

(b) <u>Untuk Membekal Bahan atau Barang</u>

(i) Perkara-perkara Perjanjian dan Syarat-syarat Subkontrak, dan Jadual yang disertakan [PWD Form 203P (Revised 1/2010)].

(ii) Borang Tender (JKR 203P1 Pind. 2010).

(iii) Syarat-syarat Membuat Tender dan Maklumat Am (JKR 203P2 Pind. 2010).

(iv) Surat Pemberitahuan Penamaan kepada kontraktor (JKR 203P3 Pind. 2010)

[7] Surat Pekeliling KPKR bil (13) JKR:KPKR/01/2/A44 bertarikh 12.5.1993

(v) Surat Pemberitahuan Penamaan kepada Subkontraktor Yang Dinamakan (JKR 203P6 Pind. 2010)

(vi) Surat Jaminan Tanggung Rugi (JKR 203P7 Pind. 2010)

(vii) Surat Setujuterima Tender (JKR 203P4 Pind. 2010).

(viii) Surat kepada dan daripada Subkontraktor Yang Dinamakan membetulkan atau mengesahkan tender asal atau yang mempengaruhi subkontrak dengan apa cara pun.

(ix) Spesifikasi.

(x) Dokumen-dokumen bersabit dengan cadangan tender yang disetujuterima termasuk katalog, risalah dan lain-lain.

(xi) Lukisan-lukisan (jika perlu).

14.6.3 Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan adalah dikehendaki menyerahkan Bon Pelaksanaan bersamaan 5% daripada Harga Subkontrak atau jumlah nilai bahan atau barang yang hendak dibekal, kepada Kontraktor. Subkontraktor Yang Dinamakan juga dikehendaki mengambil perlindungan Insurans Terhadap Kecederaan Diri dan Kerosakan Kepada Harta untuk melindungi liabiliti kontraktor atau mana-mana subkontraktor, disamping dirinya sendiri**,** dan membayar caruman bawah skim PERKESO bagi para pekerja yang digaji olehnya.

14.6.4 Dokumen Subkontrak mestilah ditandatangani oleh Kontraktor dan Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan. Bayaran bagi Duti Setem hendaklah ditanggung oleh Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan.

14.6.5 Salinan Dokumen Subkontrak yang mencukupi mestilah disediakan untuk diedarkan kepada pihak-pihak seperti berikut(mana-mana yang perlu):

(a)	Pejabat yang menyediakan Dokumen Subkontrak.	Satu salinan dengan lukisan

(b)	Kontraktor	Satu salinan dengan lukisan
(c)	Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan	Satu salinan dengan lukisan
(d)	P.P.	Satu salinan dengan lukisan
(e)	Wakil Utama P.P.	Satu salinan dengan lukisan dan satu salinan tanpa lukisan
(f)	Wakil Pakar P.P.	Satu salinan dengan lukisan
(g)	Wakil Pakar P.P. (Juruukur Bahan).	Satu salinan dengan lukisan
(h)	Akauntan Kementerian Kerja Raya atau pihak berkuasa lain yang membuat pembayaran	Satu salinan tanpa lukisan
(i)	Bank atau syarikat insurans yang mengeluarkan Bon Pelaksanaan.	Satu salinan tanpa lukisan
(j)	Cawangan Portfolio di Ibu Pejabat JKR.	Satu salinan dengan lukisan
(k)	Jabatan/Kementerian Pelanggan.	Satu salinan tanpa lukisan

14.6.6 Dokumen Subkontrak asal hendaklah disediakan sebanyak dua salinan dan hendaklah diedarkan kepada kontraktor dan Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan. Manakala salinan-salinan dokumen subkontrak hendaklah disimpan oleh P.P., wakil P.P. Utama dan Wakil P.P. (Pakar) serta pejabat yang menyediakan dokumen Subkontrak tersebut. Bagi Bon pelaksanaan yang dikemukakan oleh Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan, ia hendaklah diserah dan disimpan oleh Kontraktor.

14.6.7 Jika tender daripada Kontraktor disetujuterima, Dokumen Subkontrak tidak perlu disediakan. Sebaliknya satu set dokumen yang mengandungi dokumen-

dokumen yang serupa dengan Dokumen Subkontrak kecuali surat setujuterima, borang JKR 203N4 Pind.2010 atau JKR 203P4 Pind.2010, digantikan dengan surat setujuterima dalam Lampiran 14S, mestilah disediakan sebagai dokumen tambahan kepada Kontrak tersebut**.** Satu Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) perlulah disediakan oleh P.P. bagi melaraskan butiran nilai Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara (yang mana berkaitan) dengan merujuk kepada set dokumen tersebut yang perlu disertakan bersama dengan PHK tersebut. P.P. bagi pihak Kerajaan berserta dengan Kontraktor perlulah menandatangani kedua-dua PHK dan set dokumen tersebut agar terma-terma di dalam set dokumen tersebut menjadi sebahagian daripada terma-terma kontrak yang mengikat di antara Kerajaan dengan Kontraktor. Salinan-salinan dokumen ini berserta dengan PHK tersebut mesti diedarkan kepada semua pihak yang terlibat.

14.7 Permulaan dan Penyiapan

14.7.1 Terdapat perbezaan antara cara dan prosedur untuk menentukan tarikh penyiapan kerja dan/atau pembekalan bahan atau barang antara Kontraktor dan Subkontrak Dinamakan.

14.7.2 Untuk pelaksanaan kerja Subkontrak Yang Dinamakan, Kontraktor berkenaan mesti mengeluarkan Perintah Rasmi kepada Subkontraktor Dinamakan untuk memulakan Kerja dengan menggunakan borang JKR 203N5 Pind.2010. Subkontraktor Yang Dinamakan mesti melaksanakan Kerja dalam tempoh yang ditender olehnya bermula dari tarikh Perintah Rasmi diterima. Tarikh Siap dikira dari tarikh permulaan kerja oleh Subkontraktor Yang Dinamakan.

14.7.3 Untuk Pembekal Yang Dinamakan, Kontraktor boleh memesan barang atau bahan yang diperlukan dengan menggunakan borang 203P5 Pind. 2010 dan borang JKR 203P5A Pind. 2010 dari semasa ke semasa. Pembekal Yang Dinamakan mesti memulakan bekalan barang-barang atau bahan-bahan untuk tiap-tiap perintah dalam jangkamasa tempoh yang ditendernya dari tarikh penerimaan perintah daripada Kontraktor. Tarikh penyiapan bagi membekal untuk tiap-tiap arahan dikira dari tarikh permulaan pembekalan oleh Pembekal Yang Dinamakan.

14.8 Tanggungjawab Kontraktor Ke atas Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan

14.8.1 Meskipun bayaran kepada Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan dibayar terus kepada mereka oleh Kerajaan, namun Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perbuatan, kemungkiran atau pelanggaran mana-mana peruntukan kontrak oleh Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan di antara Kerajaan dengan Kontraktor. Ini adalah kerana wujudnya satu ikatan kontrak di antara Kontraktor dengan Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan. Tambahan pula, menurut peruntukan kontrak, apa-apa bayaran yang dibuat secara terus kepada Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan adalah dibuat oleh Kerajaan bagi pihak Kontraktor.

14.8.2 Jika Subkontraktor atau Pembekal Yang Dinamakan mungkir dalam pelaksanaan kerja atau pembekalan barang-barang atau bahan-bahan di bawah subkontrak, adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk melaksanakan kerja atau barang-barang atau bahan-bahan dibekalkan dengan apa cara yang perlu sekalipun. Kontraktor hanya berhak dibayar dengan jumlah yang sama seolah-olah Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan tidak mungkir dalam melaksanakan kerja atau membekalkan barang-barang atau bahan-bahan itu.

14.9 Bayaran Kepada Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan

14.9.1 Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan layak memohon bayaran Wang Pendahuluan sebagaimana dalam Bab 15, seperti berikut:

(a) Bagi Subkontraktor Dinamakan, sehingga 20% daripada nilai pakej kerja atau maksimum RM5 juta[8]

(b) Bagi Pembekal Dinamakan, sehingga 25% daripada nilai keseluruhan kontrak atau maksimum RM10 juta[9]

[8] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 tahun 2007 bertarikh 27.2.2007.
[9] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 tahun 2007 bertarikh 27.2.2007

14.9.2 Sebelum bayaran wang pendahuluan dibuat, Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan perlulah mengemukakan Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans Untuk Bayaran Pendahuluan menurut format yang diluluskan kepada Kerajaan.[10]

14.9.3 Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan juga perlulah mengemukakan Surat Jaminan Tanggung Rugi Dari Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Dinamakan kepada Kontraktor memandangkan bayaran wang pendahuluan yang dibuat adalah melalui kontrak yang diikat di antara Kerajaan dengan Kontraktor. Ini adalah perlu memandangkan Kerajaan tiada mempunyai ikatan kontrak dengan Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan sepertimana borang JKR 203N8 Pind. 2010.

14.9.4 Semua bayaran yang perlu dibayar kepada Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan hendaklah dibayar terus oleh Kerajaan kepada mereka[11]. Namun demikian, sebelum bayaran terus boleh dibuat kepada Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan, perkara-perkara berikut perlulah dipatuhi terlebih dahulu:

(a) Pemakluman berkaitan dengan penamaan Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan dengan menggunakan borang JKR 203N6 Pind. 2010 atau JKR 203P6 Pind. 2010. Surat Pemberitahuan berkaitan dengan penamaan mesti diedarkan kepada pihak-pihak yang dinamakan dalam borang surat piawai dan juga pihak-pihak lain yang terlibat.

(b) Kedua-dua Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan hendaklah menandatangani Surat Jaminan Tanggung Rugi, dengan menggunakan borang JKR 203N7 Pind. 2010 atau JKR 203P7 Pind. 2010 sebelum Kerajaan boleh membuat bayaran secara terus kepada mereka.

14.9.5 Apa-apa bayaran yang dibuat secara terus kepada Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan, sama ada bayaran melalui Perakuan Bayaran Interim atau Perakuan Muktamad, adalah disifatkan sebagai

[10] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 tahun 2007 bertarikh 27.2.2007.
[11] Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 tahun 2007 bertarikh 27.2.2007. Surat Arahan KPKR Bil.1 Tahun 1988 bertarikh 30.3.1988 dan Tambahan Pertama kepadanya Surat Arahan KPKR Bil 4/2008 bertarikh 1.8.2008.

bayaran yang dibuat oleh Kerajaan kepada kontraktor menurut peruntukan syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010). Sehubungan dengan itu apa-apa bayaran yang dibuat secara terus kepada Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan oleh Kerajaan adalah sebenarnya disifatkan sebagai bayaran yang dibuat bagi pihak Kontraktor kepada Subkontraktor Yang Dinamakan dan Pembekal Yang Dinamakan.

14.9.6 Kontraktor berhak dibayar dan Kerajaan boleh membuat pembayaran kepada kontraktor daripada bayaran yang kena dibayar kepada Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan berkaitan dengan perkara-perkara berikut*:*

(a) Memotong atau menolak daripada apa-apa jumlah yang kena dibayar kepada Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan di atas sebab tindakan kemungkiran kontrak oleh Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan, dengan syarat kedua-dua belah pihak bersetuju dengan jumlah potongan tersebut.

(b) Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan Kontraktor terhadap Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan, disebabkan tindakan kemungkiran kontrak oleh Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan, dengan syarat Kontraktor membuktikan kerugian serta jumlah perbelanjaan tambahan dengan terperinci.

(c) Awad yang diputuskan dalam tuntutan timbang tara atau keputusan undang-undang yang berpihak kepada Kontraktor berkaitan dengan pertikaian di antara Kontraktor dengan Subkontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan.

LAMPIRAN 14A

(JKR 203N1 Pind. 2010)

BORANG TENDER UNTUK DIGUNAKAN OLEH SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN

FORM OF TENDER FOR USE BY NOMINATED SUB-CONTRACTOR

(Borang ini hendaklah dikembalikan ke tempat yang beralamat seperti di bawah ini pada atau sebelum.....)

(This Form is to be returned to the place addressed below on or before .....)

Kepada,
To,

……

……

……
(Pihak yang menerima tender)
(Party receiving tenders)

Tuan,
Sir,

TENDER BAGI KERJA SUBKONTRAKTOR……...
TENDER FOR SUB-CONTRACT WORKS

……

……

DI ……
AT

KEPADA KONTRAKTOR UTAMA ……
TO THE MAIN CONTRACTOR

---

1. Kami faham bahawa Kerja Subkontrak yang akan dilaksanakan, yang menjadi hal-perkara Tender ini, adalah/akan diliputi oleh Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara dalam Kontrak Utama yang dibuat/akan dibuat oleh Kontraktor Utama dan bahawa apabila Tender ini disetujuterima oleh Kontraktor Utama, kami akan menjadi Subkontraktor Dinamakan, iaitu Subkontraktor yang dinamakan oleh Pegawai Penguasa mengikut terma-terma Kontrak Utama.

We understand that the Sub-contract Works to be executed, the subject of this Tender, are/will be covered by a Prime Cost Sum or Provisional Sum in the Main Contract entered/to be entered into by the Main Contractor and that upon acceptance of this Tender by the Main Contractor, we shall become a Nominated Sub-contractor, that is to say a Sub-contractor nominated by the Superintending Officer in accordance with the terms of the Main Contract.

2. Setelah meneliti Syarat-syarat Subkontrak (Borang PWD 203N – Revised 1/2010), Syarat-syarat Membuat Tender dan Maklumat Am (Borang JKR 203N2 Pind. 2010), Pelan dan Spesifikasi bagi perlaksanaan Kerja Subkontrak yang tersebut di atas, kami sanggup melaksanakan dan menyiapkan keseluruhan Kerja Subkontrak tersebut dengan menepati Syarat-syarat Subkontrak, Syarat-syarat Membuat Tender dan Maklumat Am, Pelan dan Spesifikasi tersebut bagi sejumlah Ringgit Malaysia :

Having examined the Conditions of Sub-contract (PWD Form 203N – Revised 1/2010), Conditions of Tendering and General Information (JKR Form 203N2 Pind. 2010), Drawings and Specification for the execution of the above-mentioned Sub-contract Works, we offer to execute and complete of the whole of the said Sub-contract Works in conformity with the said Conditions of Sub-contract, Conditions of Tendering and General Information, Drawings and Specification, for the sum of Malaysian Ringgit :

.....

.....

.....(RM .....)

3. Kami mengakujanji akan memulakan kerja Subkontrak dalam tempoh..... minggu dari tarikh Arahan Rasmi daripada Kontraktor Utama dan menyiapkan keseluruhan Kerja Subkontrak dalam tempoh ..... minggu dari tarikh permulaan.

We undertake to commence the Sub-contract Works within ..... weeks from the date of receipt of the Official Order from the Main Contractor and to complete the whole of the Sub-contract Works within ..... weeks from the date of commencement.

4. Kami bersetuju bahawa, Tender ini adalah tetap sah dan tidak boleh ditarik balik dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan untuk mengemukakan tender dan bersetuju bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau penetapan lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

We agree that this Tender shall remain valid and shall not be withdrawn within sixty (60) days from the final date fixed for the submission of tenders and agree that no other term, condition or stipulation shall be imposed by us after the said date.

5. Kami bersetuju bahawa jika Tender ini disetujuterima oleh Kontraktor Utama, akan mendepositkan dengan Kontraktor Utama seberapa segera yang praktik selepas menerima surat Setujuterima Tender, tetapi sebelum memulakan Kerja Subkontrak, perkara-perkara berikut :

We agree that in the event of acceptance of this Tender by the Main Contractor, to deposit with the Main Contactor as soon as is practicable after the receipt of the Letter of Acceptance of Tender, but before the commencement of the Sub-contract Works, the following :

(a) Bon Perlaksanaan;
Performance Bond;

(b) Polisi-polisi Insurans bagi Liabiliti Awam (iaitu insurans terhadap kecederaan kepada orang dan kerosakan kepada harta);
Insurance policy for Public Liability (i.e. insurance against injury to persons and damage to property);

(c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO); dan/atau
Registration number under the Employees' Social Security (SOCSO) Scheme; and/or

(d) Polisi Insurans bagi Pampasan Pekerja.
Insurance Policy for Workmen's Compensation.

6. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju :
The undersigned agrees that :

(a) jika Tender ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
if this Tender is withdrawn before the expiry of the Tender Validity Period or any extended period thereof, or

(b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janjian tambahan kepada Tender ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender, atau
if the undersigned imposes any additional term, condition or stipulation to the Tender after the final date fixed for the submission of tenders, or

(c) jika sekiranya Tender telah disetujuterima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Subkontrak yang formal atau mendeposit Bon Perlaksanaan sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-syarat Subkontrak atau tidak meneruskan Kerja-kerja Subkontrak, maka dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak yang ada pada Kontraktor, Kerajaan sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai Kontraktor Kerajaan, sebagaimana difikirkan perlu oleh Kerajaan.
in the event that the Tender having been accepted, the undersigned refuses and fails to execute the formal Sub-contract Agreement or to deposit the Performance Bond as required by the Conditions of Sub-contract or fails to proceed with the Sub-contract Works, then in any such event, without prejudice to any right the Contractor may possess, the Government reserves the right to take disciplinary action against the undersigned or to cancel the registration of the undersigned as a Government Contractor.

Bertarikh .....haribulan .....
Dated this day of

.....
Tandatangan Petender
Signature of Tenderer

(Nama Penuh : .....)
Name in full

No. Kad Pengenalan : .....
I/C No.

Atas sifat : .....
In the capacity of

Yang diberi kuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani Tender ini untuk dan bagi pihak;
Duly authorised to sign this Tender for and on behalf of;

.....
Meteri atau Cap Petender
Tenderer's Seal or Chop

Saksi .....
Witness

(Nama Penuh : .....)
Name in full

No. Kad Pengenalan : .....
I/C No.

Pekerjaan : .....
Occupation

Alamat: .....
Address
.....

.....

SYARAT-SYARAT MEMBUAT TENDER DAN MAKLUMAT AM
CONDITIONS OF TENDERING AND GENERAL INFORMATION

UNTUK DIGUNAKAN OLEH SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN
FOR USE BY NOMINATED SUB-CONTRACTOR

1. SYARAT-SYARAT MEMBUAT TENDER
CONDITIONS OF TENDERING

1.1 Keseluruhan kerja yang dinyatakan dalam Tender ini akan diberi secara Subkontrak. Petender yang berjaya hendaklah menjadi Subkontraktor Dinamakan dan akan dikehendaki mengikat Subkontrak dengan Kontraktor Utama.

The whole of the works set forth in this Tender shall be let on a Sub-contract. The successful tenderer shall become a Nominated Sub-contractor and will be required to enter into a Sub-contract with the Main Contractor.

1.2 Syarat-syarat Subkontrak (Borang PWD 203N – Revised 1/2010), Pelan dan Spesifikasi dan Dokumen Kontrak untuk Kontrak Utama (kecuali butir-butir harga yang terkandung di dalamnya) boleh diperiksa di pejabat :

The Conditions of Sub-contract (PWD Form 203N – Revised 1/2010), Drawings and Specification and Contract Documents for the Main Contract (except the details of prices included therein) may be inspected at the office of :

……

……

dalam masa waktu bekerja biasa. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan berpengetahuan penuh akan semua peruntukan Kontrak Utama.
during normal working hours. The tenderer shall be deemed to have examined and have full knowledge of all the provisions of the Main Contract.

1.3 Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan dalam satu sampul surat bertutup dan bermeteri yang dialamatkan sebagaimana ditetapkan dalam Notis Tender, suatu tender yang sah dalam Borang Tender yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Senarai Kuantiti atau Spesifikasi dan Ringkasan Tender seperti yang diuntukkan yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Tender yang tidak diisi dengan sempurna dan ditandatangani oleh petender akan ditolak.

Each tenderer must submit, enclosed and sealed in an envelope addressed as stipulated in the Tender Notice, a genuine tender on the Form of Tender provided, together with the copy of the Bills of Quantities or the Specification and Summary of Tender as are provided with duly filled in and signed. The tenderer whose Form of Tender is not duly filled in and signed will be disqualified.

1.4 Tender dan semua dokumen yang berkaitan dengannya mestilah diserah-hantar ke tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Tender. Mana-mana tender yang diserah-hantar selepas masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

The tender and all documents in connection therewith must be delivered to the place and at or before the time stipulated in the Tender Notice. Any tender delivered after the stipulated time will not be considered.

								WJP		Kontraktor Utama (RM)	Penerima Bayaran (RM)				
		Terkumpul (RM)	% dari Nilai Kerja Pembina	Semasa (RM)	Terkumpul (RM)			Semasa (RM)	Terkumpul (RM)						
A	B	C	D	E	F	G	H	J	K	L	M	N	P	Q	R

Nota Untuk Kolum A :

*** Perakuan Bayaran Pendahuluan**

**** Perakuan Bayaran Pendahuluan untuk Sub Kontraktor Dinamakan**

***** Pelepasan WJP**

PANDUAN PENGISIAN BORANG LEJAR KONTRAK

KOLUM	PERKARA	HURAIAN
A	No. Interim	Nombor berturutan bilangan Perakuan Bayaran Interim mengikut Borang JKR 66
B	Tarikh Penilaian	Tarikh penilaian kemajuan Kerja di tapak bina mengikut Perkara A.1, Borang JKR 66
	Nilai Kerja Dilaksanakan & Amaun lain Kena bayar	
C	Terkumpul	Nilai terkumpul kemajuan kerja yang dilaksanakan mengikut Perkara A.2, Borang JKR 66
D	% Dari Nilai Kerja Pembina	Peratus (%) nilai kemajuan kerja yang dilaksanakan (C) berbanding Nilai Kerja Pembina (Mengikut Perkara 9, Borang Lejar Kontrak)
	Bayaran Balik Wang Pendahuluan Kontraktor	
E	Semasa	Nilai potongan semasa bayaran balik Bayaran Pendahuluan mengikut Perkara A.5a(iii) Borang JKR 66
F	Terkumpul	Nilai potongan terkumpul Bayaran Pendahuluan yang perlu dibuat dalam setiap Perakuan Bayaran Interim mengikut Perkara A.5a(i), Borang JKR 66.Potongan bagi bayaran balik Bayaran Pendahuluan dibayar balik sepenuhnya apabila nilai kerja mencapai 75% daripada nilai kerja
G	LAD Terkumpul	Nilai terkumpul 'Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan' bagi setiap Bayaran Interim (jika ada) mengikut Perkara A.5c, Borang JKR 66.
H	Bayaran Disyorkan	Jumlah bayaran yang disyorkan oleh Pegawai Pengesyor bagi setiap Perakuan Bayaran Interim mengikut Perkara A, Borang JKR 66
	Bayaran Diperakukan	
J	WJP Semasa	Nilai bersih potongan Kredit Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) yang perlu dibuat dalam setiap Perakuan Bayaran Interim mengikut perkara B.2 Borang JKR 66
K	WJP Terkumpul	Jumlah amaun potongan terkumpul Kredit Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan sehingga penilaian interim tersebut (tertakluk kepada nilai maksimum 5% daripada Harga Kontrak).
L	Kontraktor Utama	Amaun bersih bayaran diperakukan kepada Kontraktor Utama sahaja Mengikut Perkara B.1(a), Borang JKR 66.
M	Penerima Bayaran	Jumlah pukal bayaran kepada Subkontraktor/Penerima Bayaran dan lain-lain Mengikut Perkara B.1(b), Lampiran A, Borang JKR 66. Penerima bayaran termasuklah kepada Perunding sekiranya bayaran dibuat terus kepada Perunding berkaitan (Projek Reka & Bina).
N	Bayaran Diperakukan	Jumlah bayaran semasa yang diperakukan oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa Memperakukan mengikut Perkara B, Borang JKR 66
P	Jumlah Terkumpul	Jumlah amaun terkumpul Bayaran Yang Diperakukan oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa Memperakukan
Q	Tarikh & No. Baucar	Tarikh dan Nombor Baucar yang diterima daripada Unit Kewangan, PTJ.
R	t.t Unit Kew.PTJ	Tandatangan Unit Kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Nota: Rujukan kepada Sijil Perakuan Bayaran Interim, Borang JKR 66 (Pind.1/2011)

LAMPIRAN 15C

SURAT IKATAN PENYERAHAN

(UNTUK BEKALAN BAHAN-BAHAN BINAAN)

SURAT IKATAN PENYERAHAN ini dibuat pada …….. di antara ……..... suatu Syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai Pejabat Berdaftarnya di …… (kemudian dari ini disebut 'Penyerahak' sebagai satu pihak dan ……..... ……. yang mempunyai pejabat berdaftarnya beralamat di ……..... ……. (kemudian dari ini disebut 'Pemegang Serahak') sebagai pihak yang satu lagi.

Bahawasnya:-

1. Penyerahak telah diberi oleh Kerajaan Malaysia (kemudian dari ini disebut "Kerajaan") satu kontrak bernombor …… (kemudian dari ini disebut "kerja-kerja) bernilai ……. (RM ……) (kemudian dari ini disebut "Harga Kontrak").

2. Harga kontrak, dengan atau tanpa pelarasan sebagaimana dinyatakan di dalam syarat-syarat kontrak, akan dibayar oleh Kerajaan kepada Penyerahak tertakluk kepada Penyerahak melaksanakan obligasinya dengan memuaskan seperti dinyatakan.

3. Tertakluk kepada terma dan syarat-syarat kontrak, jumlah sebanyak Ringgit: …… (RM ……..) atau apa-apa juga jumlah seperti yang diperuntukkan dalam terma dan syarat-syarat kontrak iaitu jumlah wang untuk wang kos prima (prime cpst sum) dan wang peruntukan sementara (provisional sum) untuk kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh sub-kontraktor dinamakan (nominated sub-kontraktor) dan bahan-bahan atau barang yang akan dibekalkan oleh pembekal dinamakan (nominated suppliers) hendaklah dibayar terus oleh Kerajaan kepada sub-kontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan.

4. Sebagai balasan kepada Pemegang Serahak atas bahan-bahan yang dibekalkan atau akan dibekalkan. Tertakluk kepada persetujuan bertulis oleh Kerajaan atau wakil yang diberikuasa, Penyerahak bersetuju menyerahakkan kepada Pemegang Serahak bayaran yang telah genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini.

5. Penyerah berhasrat untuk membeli dan Pemegang Serahak telah bersetuju membekalkan bahan-bahan binaan iaitu ……..... ……. (selepas ini disebut “Bahan-bahan”) untuk kegunaan Penyerahak dalam melaksanakan kontrak ini.

6. Penyerahak berhasrat menyerahkkan kepada Pemegang Serahak wang yang telah genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini sebagai bayaran kepada bahan-bahan yang dibeli dan diterima oleh Penyerahak.

MAKA SURAT IKATAN INI MENYAKSIKAN seperti berikut:-

1. Terma Surat Ikatan Penyerahakan ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan dalam memberikan kebenaran mengenai penyerahakan ini.

2. Sebagai balasan kepada Pemegang Serahak kerana membekalkan dan/atau bersetuju untuk membekalkan Bahan-bahan kepada Penyerahak dari semasa ke semasa, Penyerahak dengan ini menyerahakkan sepenuhnya kepada Pemegang Serahak wang yang selepas ini genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini tertakluk kepada nilai bahan-bahan yang dibekalkan dan diterima oleh Penyerahak.

3. Penyerahakan ini tidak boleh dibatalkan dan adalah berkuatkuasa selagi masih ada wang yang kena dibayar dan belum dibayar oleh Kerajaan kepada Penyerahak di bawah kontrak ini.

4. Untuk tujuan penyerahakan ini, wang yang genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini adalah tidak termasuk jumlah wang yang kena dibayar kepada sub-kontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan di mana mengikut terma dan syarat-syarat kontrak hendaklah dibayar terus oleh Kerajaan kepada sub-kontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan.

5. Pemegang Serahak hendaklah dibayar nilai bahan-bahan yang dibekalkan daripada wang yang genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak melalui potongan bayaran interim dan bayaran terakhir yang dibuat tertakluk kepada terma dan syarat-syarat kontrak.

6. Jumlah yang kena dibayar kepada Pemegang Serahak hendaklah dibuat berdasarkan dan Arahan Hantaran yang disahkan penerimaannya oleh Penyerahak atau wakilnya dan dikemukakan bersekali dengan invois oleh Pemegang Serahak kepada pegawai penguasa yang dinamakan didalam kontrak atau wakilnya tidal lewat daripada tiga (3) hari sebelum tarikh penilaian bayaran interim dibuat.

7. Jika sekiranya jumlah wang yang genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak didalam Penyerahak didalam bayaran interim tidak mencukupi untuk membayar Pemegang Serahak atas bahan-bahan yang dibekalkan, maka bakinya hendaklah dibayar kepada Pemegang Serahak dalam bayaran interim yang berikutnya.

8. Sekiranya semasa bayaran terakhir jumlah wang yang diterima oleh Pemegang Serahak adalah kurang atau tidak mencukupi berbanding dengan bahan-bahan yang dibekalkan, nilai bahan-bahan yang belum dibayar adalah merupakan hutang yang tertanggung ke atas Penyerahak atas bahan-bahan yang dibekalkan oleh Pemegang Serahak.

9. Penyerahak hendaklah memastikan pihak Kerajaan membuat bayaran kepada Pemegang Serahak wang yang sepatutnya genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak atas bahan-bahan yang dibekalkan oleh Pemegang Serahak.

10. Penyerahak dan Pemegang Serahak hendaklah terlebih dahulu memberitahu dan mendapatkan persetujuan Kerajaan sebelum melaksanakan Ikatan Serahakan ini dengan mengemukakan kepada Kerajaan atau wakil yang diberikuasa sesalinan Surat Ikatan Penyerahakan ini yang bermetri.

11. Segala kos dan bayaran sampingan yang timbul dalam urusan penyerahakan ini dan Duti Setem hendaklah ditanggung oleh Penyerahak.

12. Suratikatan Penyerahak ini adalah mengikat wasi-wasi, pentadbir, waris-waris, Penerima Serahak dan pengganti-pengganti pihak kepada Surat Ikatan Penyerahakan ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, pihak-pihak kepada Surat Ikatan ini telah menurunkan tandatangan dan mohor mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh

Nama :
Jawatan :

_____
(T/T Penyerahak)

DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak

_____
(Cop Rasmi Penyerah Hak)

Disaksikan Oleh

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :

_____
(T/T Saksi)

DITANDATANGANI oleh

Nama :
Jawatan :

_____
(Tandatangan
Pemegang Penyerahak)

DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak

_____
(Mohor dan Cop Rasmi Penyerah Hak)

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :

_____
(T/T Saksi)

LAMPIRAN 15D

KERAJAAN MALAYSIA

RUJUKAN : ……. (NAMA DAN ALAMAT KEMENTERIAN/
JABATAN : ……
……

KEPADA : (PENYERAHAK) ……..

……..

…….. TARIKH : ……..

……

NO. KONTRAK : ……

KERJA : ……

……

PERSETUJUAN KERAJAAN KEPADA SURAT IKATAN

PENYERAHAKAN

Saya merujuk kepada surat tuan ……. bertarikh ……
Memohon persetujuan Kerajaan kepada cadangan untuk menyerahak sebahagian daripada bayaran untuk kontrak di atas kepada ……..
(Pemegang Serahak).

Di sini adalah persetujuan Kerajaan berkenaan dengan penyerahakan tersebut seperti yang terkandung dalam Surat Ikatan Penyerahakan (Borang Piawai Lampiran B Surat Pekeliling Perbendaharaan mengenai skim Bekalan Bahan-bahan Binaan) tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

(a) Apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atas Kerajaan melalui surat ikatan penyerahakan tidaklah dengan apa jua cara memudaratkan atau menjejaskan apa-apa hak Kerajaan atau kuasa pegawai penguasa di bawah terma-terma dan syarat-syarat kontrak, termasuk perkara-perkara berhubung dengan pembayaran terus kepada sub-kontraktor dinamakan (nominated sub-contractor) dan pembekal dinamakan (nominated suppliers) dan potongan daripada apa-apa jua wang yang kena dibayar kepada tuan di bawah kontrak.

(b) Apa-apa pembayaran yang dibuat kepada Pemegang Serahak oleh Kerajaan hendaklah dianggap sebagai pembayaran itu dibuat kepada tuan di bawah terma-terma dan syarat kontrak tersebut dan adalah satu penyelesaian yang cukup dan sah bagi tanggungan Kerajaan terhadap pembayaran di bawah kontrak tersebut.

(c) Sebarang syarat termasuk syarat-syarat mengenai pembayaran faedah atas kelewatan bayaran yang dikenakan oleh Pemegang Serahan kepada tuan tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan di bawah ikatan penyerahakan ini.

(d) Tuan adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Kerajaan atas sebarang kerosakan, perbelanjaan sampingan, liability, kerigian atau seumpamanya yang ditanggung oleh Pemegang Serahak akibat daripada penyerahakan ini.

(e) Sila akui penerimaan surat ini dan sahkan setujuterima oleh tuan dan Pemegang Serahak akan terma-terma tersebut di atas dengan menandatangani surat ini dan kembalikannya kepada saya.

Yang benar,

……

Jabatan : ……
……
……

Kami mengaku dan mengesahkan persetujuan kami akan terma-terma yang dikenakan ke atas surat ikatan penyerahakan ini.

……..	……..
T/T Penyerahak	T/T Pemegang Serahak
(Pemborong)	(Pembekal)

KEPADA :

……
……
……..
……..
……..

MD/fi

LAMPIRAN 15E

PERMOHONAN DARIPADA PEMBORONG UNTUK MENDAPATKAN BAHAN BINAAN BAGI KEGUNAAN PROJEK-PROJEK KERAJAAN

1. PERIHAL PEMBORONG

(a) (i) Nama Syarikat/Pemborong : ……

(ii) Alamat : ……

(iii) Telefon : ……

(b) Kelas Pendaftaran Pemborong dengan JKR :

2. PERIHAL PROJEK

(a) (i) Nama Projek : ……

(ii) Kontrak No. : ……

(iii) Nilai Tawaran : ……

(iv) Tarikh Tawaran diberi : ……

(v) Tarikh Projek itu dijangka siap : ……

(b) Jumlah bahan-bahan binaan yang diperlukan adalah seperti berikut:-

	Bahan	Jumlah yang diperlukan (Qty)
(i)	……	……..
(ii)	……..	……
(iii)	……	……
(iv)	……	……
(v)	……	……
(vi)	……..	……
(vii)	……..	……..

*Sekiranya Lampiran digunakan ianya mestilah disahkan.

(c) Untuk diserahantar kepada tapak projek seperti berikut:-

……
……
……..

3. <u>PERAKUAN PEMBORONG</u>

Saya mengaku butir-butir yang diberi ini adalah benar.

Tarikh : ……. Tandatangan

Pemborong : ……

<u>Perakuan Daripada Pegawai Penguasa Atau Wakil Yang Dilantik</u>

Segala kenyataan yang diberi di atas adalah benar.

Tandatangan : ……

Jawatan : ……..

Tarikh : ……..

<u>Nota</u>

1. Tiga (3) salinan boring ini hendaklah dipenuhkan oleh Pemborong dan dihantarkan kepada Pegawai Penguasa Projek. Pegawai yang menandatangani borang ini hendaklah menyimpan satu (1) salinan. Salinan kedua hendaklah disimpan oleh pemborong dan salinan ketiga disimpan oleh pembekal.

LAMPIRAN 15F

***SBBB SDN. BHD**
(DITUBUHKAN DI MALAYSIA)

ARAHAN HANTARAN Tarikh:
TEMPATAN (D.O.)

*(Alamat Pembekal)

Tel :
P.O. Box :
Fax :
Telex :

- JUALAN KEPADA :

……

……

……

- ARAHAN PENGHANTARAN :

……..

……

……

  - Bil. Kontrak :

    Bil. Pesanan Jualan :

No. Kad	Bil.	Butir Barang-barang	Jumlah Hantaran

b/p SBBB SDN. BHD.

TANDATANGAN PEMBAWA DAN
NAMA SYARIKAT

……. ……..
Saya akui menerima dengan sempurna NAMA DAN I/C PEMBAWA
Barang-barang di atas

TANDATANGAN PENERIMA DAN
COP PERNIAGAAN

……. No. Lori : ……..
*Sila ubahsuai mengikut nama/alamat pembekal.

LAMPIRAN 15G

***SBBB SDN. BHD.**
((DITUBUHKAN DI MALAYSIA)

INVOIS JUALAN

*****Alamat Pembekal

Tel. :
Peti Surat :
FAX :
Telex :

STOCK

INVOIS ASAL
Bilangan Invois
……
……
……

- JUALAN KEPADA
……..
……..
……..

- TARIKH INVOIS
……

NO. AKAUN TUAN
……

- ALAMAT PENGHANTARAN :
.....
……..
……..

- Syarat & Tarikh Pembayaran
……
TUNAI Mesti dijelaskan sebelum:
……..--

- Bil Kontrak :
- Bil. Pesanan Jualan :

- Syarat dan Tarikh

No. Kad	Bil.	Butir Barang-barang	Jumlah Hantaran	Harga Tiap-tiap Satu	Jumlah
				JUMLAH INVOIS RM	

*b/p SBBB SDN. BHD.

E & O.E.

*Sila ubahsuai mengikut nama/alamat pembekal.

LAMPIRAN 15H

DEED OF ASSIGNMENT

(Security for direct payments to third party)

THIS DEED OF ASSIGNMENT is made the……day of ……..20……between …… having its registered office at …… (hereinafter referred to as "the Assignor") of the one part and …… …… (hereinafter referred to as "the Assignee") of the other part.

WHEREAS -

1. The Assignor has been awarded by the Government of Malaysia (hereinafter referred to as "the Government") a contract numbered …… (hereinafter referred to as "the Contract") for the …… …… (hereinafter referred to as "the Works") for the sum of Ringgit …… …… (RM……..) (hereinafter referred to as "the Contract Sum").

2. The Assignor has caused work to be executed and/or is desirous of causing *work /supply to be executed and the Assignee has agreed to execute certain *work/supply namely …… (hereinafter referred to as *"the Subcontract Work"/ the Subcontract Supply) for the Assignor in the fulfillment of his obligations under the Contract.

3. The Assignor is desirous of assigning to the Assignee moneys due and payable to the Assignor under the Contract as payment for the *Sub-contract Work/ Subcontract Supply, up to a maximum value of Ringgit……(RM…… (hereinafter referred to as the "Assigned Sum").

4. The Government has through its authorized representative in a letter ……..… dated ……. (attached herewith as Appendix A) given its approval for the assignment by the Assignor to the Assignee moneys due and payable to the Assignor under the Contract.

* Delete whichever is not applicable

NOW THIS DEED WITNESS as follows:

1. The terms of this Deed of Assignment shall be subject to the terms and conditions imposed by the Government or its authorized representative in granting its consent to this Assignment.

2. In consideration of the Assignee having executed and/or agreeing to execute the *Subcontract Work/Subcontract Supply, the Assignor hereby absolutely assigns to the Assignee moneys payable now or hereinafter due and payable to the Assignor under the Contract, not exceeding the Assigned Sum.

3. This assignment shall be irrevocable and shall remain in force for so long as moneys due and payable to the Assignor under the Contract shall remain unpaid by the Government.

4. For the purposes of this Assignment, moneys due and payable to the Assignor under the Contract shall be deemed to exclude moneys due and payable to nominated subcontractors and nominated suppliers who, in accordance with the terms and conditions of the Contract shall be paid direct by the Government to the nominated subcontractors and nominated suppliers.

5. The Assignee shall be paid the value of the *Subcontract Work/Subcontract Supply executed out of moneys due and payable to the Assignor under the Contract in interim payments and the final payment shall be made in accordance with the terms and conditions of the Contract.

6. The amount to be paid to the Assignee in each interim payment shall be ascertained based on claims certified by the Assignor or his authorized representative and submitted by the Assignee to the Superintending Officer named in the Contract or his authorized representative not later than 3 days before the date of interim valuation.

7. In the event of the money due and payable to the Assignor in an interim payment is insufficient to pay the amount due to the Assignee in respect of the *Subcontract Work/Subcontract Supply executed, the deficiency shall be paid to the Assignee in the next and subsequent interim payment(s).

8. If upon final payment under the Contract no money is received by the Assignee or the amount received by the Assignee is less than the total value of the *Subcontract Work/ Subcontract executed, the value of the *Subcontract Work/ Subcontract Supply that remain unpaid shall be a debt due from the Assignor to the Assignee.

* Delete whichever is not applicable

9. The Assignor shall do all things and acts necessary to ensure that the Government pays to the Assignee moneys otherwise due and payable to the Assignor under the Contract in respect of the *Subcontract Work/Subcontract Supply executed by the Assignee.

10. The Assignor shall notify the Government of the execution of this Deed of Assignment by lodging a stamped copy thereof with the Government or its authorised representative.

11. Any charge to this Deed of Assignment and the stamp duty thereof shall be borne by the Assignor.

12. This Deed of Assignment shall be binding upon the successors in title of the parties hereto and, if the party is an individual, upon his heirs, executors and personal representatives.

* Delete whichever is not applicable

IN WITNESS WHEREOF the Parties hereto have hereunto set their hands and seals on the day and year first above written.

SIGNED by)
)
Name:)
)
Capacity :)
)
for and on behalf of)
)
)
(Seal or chop of Assignor)

(Signature of Assignor)

in the presence of

Name :)
)
NRIC No.:)
)
Address :)

(Signature of Witness)

SIGNED by)
)
Name :)
)
Capacity :)
)
for and on behalf of)
)
)
(Seal or chop of Assignee)

(Signature of Assignee)

in the presence of

Name)
)
NRIC No.)
)
Address :)

(Signature of Witness)

LAMPIRAN 15J

KERAJAAN MALAYSIA

CONSENT BY GOVERNMENT FOR DIRECT PAYMENT TO THIRD PARTY THROUGH DEED OF ASSIGNMENT

Reference: …… Office of: ……

……

……

Date : ……

To: (Contractor)
……
……
……..
……..

CONTRACT NO.: ……..

WORK ……

I refer to your application …… dated …… seeking the consent of the Government to your proposal to assign part of the Contract Sum by a Deed of Assignment to ……, the Assignee.

2. Please be informed that the Government has consented to the said assignment as contained in the Deed of Assignment, subject to the terms as follows:

a. Any obligation imposed upon the Government by the Deed of Assignment shall not in any way prejudice or affect the rights of the Government or the powers of the Superintending Officer under the terms and conditions of the Contract, including those relating to direct payments to nominated subcontractors and nominated suppliers and deductions from any money otherwise due to you under the Contract.

b. Any payment made to the Assignee shall be deemed to be a payment as if the same is paid to you under the terms and conditions of the Contract and shall constitute a sufficient and valid discharge of the obligations of the Government under the Contract to the extent of such payment.

c. No terms of payment including any term for the payment of interest for delayed payments which the Assignee may impose upon you shall be imposed upon the Government by the Deed of Assignment.

d. You shall be liable and shall indemnify the Government against any damage, expense, liability, loss whatsoever suffered by the Government in the event of any claim or action taken by the Assignee arising from the assignment.

3. Kindly acknowledge receipt of this letter and confirm acceptance by the Assignee and yourself of the terms stipulated above by appending your signature and returning the same to me.

Yours faithfully,

……..
(Superintending Officer)

I/We acknowledge receipt of the above Consent of the Government and confirm my/our acceptance of the terms imposed.

……..…	……
Signature of Assignor	Signature of Assignee
Name :	Name :
Capacity :	Capacity :
for and on behalf of	for and on behalf of
……..	…….
(Seal or chop of Assignor)	(Seal or chop of Assignee)

LAMPIRAN 15K

CARTA ALIRAN KERJA BAGI BAYARAN KEMAJUAN

Nama Pejabat :

Nama Kerja : ……..

……..

……..

……..

Kontrak No : ……Ketua Bahagian : ……..

Bayaran Kemajuan No . ……Jurutera Kerja : ……

Bil	Aliran Kerja (PWD.66)	Tarikh	t.t. pegawai yang ambil tindakan	Catatan
1.	Penilaian dibuat			
2.	Penilaian siap ditaip			
3.	Hantar kepada Jurutera Kerja			
4.	Tandatangan oleh Jurutera Kerja			
5.	Hantar kepada Ketua Bahagian			
6.	T.T. oleh Ketua Bahagian			
7.	Hantar kepada Ketua Bahagian			
8.	Tandatangan oleh Juruukur Bahan			
9.	Hantar kepada Pengarah			
10.	Diluluskan oleh Pengarah			
11.	Hantar kepada Kewangan			
12.	Penyediaan Voucer			
13.	Voucer dihantar kepada Pengarah			
14.	Voucer di t.t. oleh Pengarah			
15.	Voucer dikembalikan kepada Kewangan			
16.	Penyediaan Doket oleh Kewangan			
17.	Hantar kepada pihak Pembayaran			

N.B. Borang ini diawasi oleh :

BAB 16

PERUBAHAN KERJA DAN AKAUN MUKTAMAD

BAB 16 - PERUBAHAN KERJA DAN AKAUN MUKTAMAD

16.1 Pendahuluan

16.1.1 Semasa Kerja sedang dilaksanakan akan terdapat perubahan kerja untuk disesuaikan dengan keadaan tapak bina, atau untuk menampung sebarang perubahan atau pengubahsuaian dalam reka bentuk, kualiti dan kuantiti yang diperlukan oleh Jabatan/Kementerian Pelanggan. Untuk membuat perubahan kepada Kerja yang terkandung dalam Kontrak, arahan P.P. dikeluarkan melalui Arahan Perubahan Kerja (APK).

16.1.2 Bagi menyediakan Akaun Muktamad, pelarasan kepada jumlah Harga Kontrak hendaklah dibuat oleh P.P. melalui Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK). Perkara-perkara yang perlu diambilkira dalam mengeluarkan PHK adalah berikut:

(a) Penilaian Perubahan Kerja;
(b) Pengukuran kuantiti sementara sekiranya berkenaan;
(c) Pelarasan Wang Kos Prima;
(d) Pelarasan Wang Peruntukan Sementara;
(e) Perubahan Turun Naik Harga (*Variation Of Prices*); dan
(f) Penilaian Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan Kontraktor

16.1.3 Untuk memastikan Kontraktor dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Kontrak, adalah wajar untuk mengukur dan menilai perubahan kerja dan kerja yang diukur sementara, dan melaras Jumlah Harga Kontrak dan pelarasan-pelarasan lain yang diperlukan di bawah Kontrak secepat mungkin.

16.1.4 Akaun Muktamad disediakan secepat mungkin setelah Kontraktor menunaikan obligasinya di bawah Kontrak termasuk membaiki kecacatan, dan setelah tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan yang Kontraktor layak di bawah Kontrak telah dinilai dan diperakukan. Bayaran Muktamad kepada Kontraktor dibuat melalui Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad.

16.2 Perubahan Kerja

16.2.1 Perubahan kerja berpunca daripada arahan yang di keluarkan oleh P.P. yang diberi kuasa berbuat demikian menurut peruntukan Syarat-syarat Kontrak. P.P. boleh mewakilkan kuasa untuk mengeluarkan arahan perubahan kerja kepada Wakil P.P. Utama atau Wakil P.P. Pakar.[1]

16.2.2 Perubahan kerja bermaksud suatu perubahan di dalam Dokumen Kontrak yang melibatkan perubahan atau pengubahsuaian ke atas rekabentuk, kualiti atau kuantiti kerja yang memberi kesan kepada Jumlah Kontrak termasuk:

(a) Pertambahan, pengurangan atau penggantian sebarang kerja;

(b) Pengubahsuaian kepada jenis atau piawai mana-mana bahan-bahan atau barang-barang yang digunakan bagi Kerja;

(c) Mengeluarkan daripada tapak bina apa-apa kerja, bahan-bahan atau barang-barang yang dibekalkan oleh Kontraktor untuk tujuan Kerja, yang tidak mematuhi kehendak Kontrak.

16.2.3 Semua arahan yang melibatkan perubahan ke atas kerja hendaklah diberi secara bertulis dengan menggunakan format JKR-APK (Pind.1/2008) (rujuk Lampiran 16A).

16.2.4 Jika arahan lisan dikeluarkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, P.P hendaklah :-

(a) Mengesahkan arahan lisan yang dikeluarkan secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas arahan lisan dikeluarkan. Kegagalan mengesahkan arahan lisan secara bertulis boleh menyebabkan Kontraktor tidak terikat untuk mematuhi arahan tersebut.

(b) Apabila Kontraktor gagal mematuhi arahan tersebut selepas tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan notis bertulis, P.P. boleh melantik pihak ketiga atau

[1] Surat Arahan KPKR Bil. (34) dlm. JKR:KPKR.020.050/03 Klt. 5 bertarikh 2009

dilaksanakan oleh Jabatan sendiri untuk menyiapkannya. Segala kos dan perbelanjaan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

16.2.5. P.P. dan wakil-wakilnya, perlu mematuhi Arahan Perbendaharaan 202 bagi pengeluaran Arahan Perubahan Kerja yang mensyaratkan bahawa kelulusan daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja yang berkenaan mesti diperolehi terlebih dahulu sebelum Arahan Perubahan Kerja dikeluarkan[2].

16.2.6 Perkara-perkara berikut juga dikecualikan daripada keperluan untuk mendapatkan kelulusan terdahulu di bawah Arahan Perbendaharaan 202:

(a) Tuntutan Kontraktor bagi kerugian dan/atau perbelanjaan yang berpunca daripada :-

(i) mematuhi arahan P.P;

(ii) kelambatan yang disebabkan oleh Kerajaan; dan

(iii) percanggahan dalam atau di antara dokumen-dokumen Kontrak.

(b) Tuntutan Kontraktor bagi fee dan caj untuk memasangkan sambungan tetap dan pemindahan kepada pembentungan awam,bekalan air, dan elektrik.

(c) Tuntutan-tuntutan lain yang dibenarkan secara khusus di dalam Kontrak.

(d) Pelarasan Harga Kontrak bagi atau disebabkan oleh:-

(i) Pelarasan Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara;

(ii) Pengukuran semula Kuantiti Kerja bagi Kuantiti Sementara yang diperuntukkan dalam Kontrak; dan

(iii) Perubahan turun naik harga (V.O.P).

[2] Surat Arahan KPKR Bil 5/2008 (29)dlm. JKR:KPKR.020.050/ 03 Klt. 8 bertarikh 24 Oktober 2008 - Peraturan Mengenai Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak

(iv) Kesilapan dalam huraian atau kuantiti atau peninggalan Kerja dari senarai kuantiti

(e) Perubahan yang mengakibatkan kurangan kepada Jumlah Harga Kontrak.

16.2.7 Kelulusan diperlukan untuk mengeluarkan arahan perubahan kerja, kelulusan untuk menambah nilai perubahan kerja yang telah diluluskan terdahulu, daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa Perubahan Kerja tertentu seperti Lampiran 16A

16.2.8 Sebagai langkah tambahan bagi mengawal perubahan-perubahan tersebut peraturan-peraturan berikut mesti dipatuhi seperti berikut:

(a) Perubahan hendaklah dikurangkan ke tahap minima. Penyelidikan tapak bina, reka bentuk dan dokumen tender bagi kerja hendaklah lengkap seberapa yang boleh. Usaha-usaha hendaklah diambil bagi mengelak perubahan kerja yang diperlukan oleh Jabatan/Kementerian Pelanggan. Permohonan untuk perubahan kerja dari Jabatan/ Kementerian Pelanggan hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk berbuat demikian.

(b) Sebarang perubahan kerja yang dipohon oleh Jabatan/Kementerian Pelanggan hendaklah diteliti terlebih dahulu untuk menentukan sama ada ia benar-benar diperlukan dan Jabatan/Kementerian Pelanggan hendaklah dinasihatkan mengenai kos dan kesan-kesan lain perubahan kerja tersebut. Jika perubahan kerja tidak dapat dielakkan, kemungkinan menjalankan kerja tersebut dengan cara selain daripada perubahan kepada Kontrak hendaklah dipertimbangkan. Jika perubahan kerja yang dipohon itu dilaksanakan didapati akan menyebabkan gangguan kepada kemajuan kerja dan pemanjangan tempoh penyiapan kerja, maka perubahan kerja tersebut bolehlah dilaksanakan dengan kaedah yang berasingan.

(c) Skop dan tahap kerja tambahan yang diarahkan hendaklah terbatas kepada kerja yang dirangkumi oleh Kontrak. Sebarang kerja yang dikeluarkan daripada Kontrak hendaklah merupakan kerja yang benar-benar tidak diperlukan. Kerja yang terkandung di dalam Kontrak tidak

boleh dikeluarkan daripada Kontrak dengan tujuan untuk dilaksanakan oleh pihak lain. Jika permohonan perubahan kerja yang diterima dari pihak Pelanggan didapati di luar skop Kontrak, pihak pelanggan perlu terlebih dahulu memohon kelulusan daripada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos, Unit Perancang Ekonomi (UPE) sebelum kerja tersebut dilaksanakan.[3]

(d) Perubahan kerja tidak boleh diarahkan selepas Tarikh Siap Kerja atau selepas Tarikh Siap Kerja yang dilanjutkan.

(e) Perubahan kerja tidak boleh diarahkan kecuali dan sehingga kesannya ke atas Jumlah Harga Kontrak dan kemajuan kerja Kontraktor telah dinilai, dan keperluan untuk mendapatkan kelulusan terdahulu mengikut Arahan Perbendaharaan 202, dan wang peruntukan yang mencukupi telah diperolehi.

16.2.9 Perubahan kerja diarahkan menggunakan borang JKR-APK (Pind.1/2008) (Rujuk Lampiran 16B). Peraturan-peraturan yang hendaklah dipatuhi dalam penyediaan dan pengeluaran Arahan Perubahan Kerja adalah seperti berikut:-

(a) Semua butiran di dalam Arahan tersebut hendaklah diisi dengan betul. Butiran Kontrak dan Kontraktor yang diisi di dalam arahan tersebut mestilah sama dengan yang terdapat di dalam Dokumen Kontrak. Semua ruangan yang disediakan di dalam arahan tersebut hendaklah diisi.

(b) Tarikh arahan tersebut hendaklah tarikh ianya ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan.

(c) Sebelum Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan P.P. perlu menganggarkan nilai kerja perubahan yang terlibat. Nilai ini adalah nilai sementara dan hendaklah disokong dengan pengiraan sewajarnya.

(d) Kontraktor hendaklah menandatangani borang APK ini sebagai tanda penerimaan arahan perubahan kerja serta mengambil tindakan sewajarnya. Jika Kontraktor enggan atau gagal menandatangani APK

[3] Surat Arahan KPKR (34) dlm. JKR : UB 123/PKP.05/86 bertarikh 7.10.89 dan Surat Pekeliling Am Bil. 4/1989 bertarikh 31.12.89.

setelah ianya dikeluarkan dan enggan atau gagal melaksanakan arahan perubahan kerja tersebut, P.P boleh melantik pihak ketiga untuk melaksanakan kerja berkenaan. Segala kos berkaitan hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

(e) Semua lukisan, lakaran dan butiran lain yang berkaitan hendaklah disertakan

(f) Jika keadaan perubahan kerja tersebut memerlukan rekod tapak bina dan/atau kerja harian, Kontraktor hendaklah diarahkan supaya menyimpan dan menyerahkannya mengikut peruntukan berkaitan di dalam kontrak.

(g) Jika perakuan perubahan kerja dikendalikan oleh Wakil P.P Pakar (Juruukur Bahan / Perunding atau pegawai selain daripada pegawai yang mengeluarkan arahan), salinan arahan tersebut mestilah dikemukakan kepada beliau semasa ianya diedarkan kepada Kontraktor. APK hendaklah diedarkan kepada Kontraktor, Wakil P.P. Utama dan semua Wakil P.P. (Pakar).

16.2.10 Permohonan Kelulusan Perubahan Kerja, borang JKR-KPK (Pind. 1/2008) hendaklah disediakan untuk kelulusan pihak berkuasa /Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja sebelum sesuatu Arahan Perubahan Kerja dikeluarkan (Rujuk Lampiran 16C). Peraturan yang perlu dipatuhi dalam membuat pengukuran dan penilaian perubahan kerja dan penyediaan permohonan untuk mendapatkan Kelulusan Perubahan Kerja (JKR-KPK) adalah seperti berikut:

(a) Huraian mengenai perubahan kerja hendaklah ditulis dengan jelas,tepat dan ringkas, dan dalam masa yang sama ianya mesti cukup untuk membolehkan sesiapa sahaja yang membacanya mengetahui kandungan perubahan kerja tersebut tanpa merujuk kepada butirannya.

(b) Pengukuran dan Penilaian

(i) Perubahan kerja hendaklah diukur dan dinilai seberapa segera yang mungkin, kecuali jika sifat kerja hanya membolehkan ianya diukur dengan tepat setelah kerja siap dilaksanakan.

(ii) Jika kerja tersebut boleh diukur dengan tepat dari lukisan-lukisan, ianya mesti diukur dari lukisan-lukisan, jika tiada lukisan pengukuran dibuat dari apa maklumat apa maklumat yang ada seberapa yang boleh.

(iii) Jika kerja tersebut boleh diukur dengan tepat hanya setelah kerja dilaksanakan dan kerja tersebut akan ditutup apabila siap, ianya hendaklah diukur dan rekod-rekod terperinci mengenainya mesti disimpan semasa pelaksanaan kerja tersebut.

(iv) Jika kerja tidak dapat diukur dan/atau dinilai, P.P. boleh menggunakan kadar harga kerja harian sebagaimana yang dilampirkan di dalam Kontrak, sebagai asas penilaian perubahan kerja.rekod masa bagi buruh dan loji yang digunakan mesti disemak dan dipersetujui dengan Kontraktor atau wakilnya yang sah setiap hari.

(v) Tiap-tiap butiran perubahan kerja mesti diukur di bawah tajuk yang sesuai. Tajuk tersebut hendaklah sama dengan huraian perubahan kerja didalam Borang JKR-KPK. Pergabungan butiran-butiran perubahan kerja adalah dilarang.

(vi) Jika harga atau kadar-kadar harga di dalam Kontrak digunakan, ianya hendaklah dirujuk di dalam Senarai Kuantiti atau Jadual Kadar Harga dalam Kontrak. Perhatian hendaklah juga diberikan terhadap sebarang pelarasan peratusan pada harga atau kadar kadar harga yang berkenaan. Kaedah yang lain seperti pro-rata hendaklah digunakan terhadap harga atau kadar-kadar harga yang berasal daripada harga atau kadar -kadar harga dalam Kontrak.

(vii) Jika harga atau kadar - kadar harga yang digunakan selain daripada harga atau kadar-kadar harga di dalam Kontrak , ia hendaklah dinyatakan dengan jelas sebagai harga yang saksama *(fair rates).*

(viii) Jika kadar Kerja harian digunakan, Kontraktor hendaklah mengemukakan baucar bayaran, resit, buku gaji lembaran catatan masa dan sebagainya untuk disahkan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas pelaksanaan Kerja tersebut. Kontraktor akan dibayar kadar

harga harian dan ditambah 15%. Perhatian mesti diberi kepada keperluan ini untuk memastikan kehendak Kontrak dipatuhi.

(c) Penyediaan Permohonan Untuk Mendapat Kelulusan Perubahan Kerja (JKR- KPK)

(i) Semua butiran di dalam Borang Permohonan mesti diisi dengan betul. Butiran kontrak yang diisi dalam borang permohonan mestilah sama dengan yang terdapat di dalam Dokumen Kontrak. Semua ruangan yang terdapat di dalam Borang Permohonan mesti diisi.

(ii) Huraian mengenai perubahan kerja hendaklah ditulis dengan jelas,tepat dan ringkas, dan dalam masa yang sama ianya mesti cukup untuk membolehkan sesiapa sahaja yang membacanya mengetahui kandungan perubahan kerja tersebut tanpa merujuk kepada butirannya.

(iii) Nilai anggaran kerja perubahan yang dipohon dan Butiran pengukuran dan penilaian perubahan kerja berkenaan hendaklah juga disertakan sebagai menyokong nilai anggaran perubahan kerja yang dipohon.

(iv) Dokumen-dokumen sokongan hendaklah disertakan .

(v) Permohonan Kelulusan Perubahan Kerja (JKR-KPK) mesti ditandatangani oleh P.P. atau Wakil P.P Utama untuk mendapatkan Kelulusan Jawatankuasa Perubahan Kerja.

(vi) Salinan permohonan Kelulusan Perubahan Kerja (JKR-KPK) yang telah diluluskan hendaklah diedarkan kepada semua pihak yang terlibat.

16.3 Tuntutan Kontrak

16.3.1 Apabila perkataan `tuntutan' digunakan secara am ianya merangkumi sebarang permohonan Kontraktor untuk bayaran tambahan, samada mengikut

peruntukan khusus di dalam Kontrak ataupun tidak, dan termasuk sebarang tuntutan bagi bayaran interim, bayaran untuk Kerja perubahan, dan sebagainya. Hanya tuntutan Kontraktor yang dibenarkan secara khusus di dalam Syarat-syarat Kontrak sahaja akan dibincangkan di sini.

16.3.2 Syarat-syarat Kontrak secara khususnya membenarkan Kontraktor menuntut bayaran ganti kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan seperti berikut:-

(a) Kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan berpunca daripada pematuhan Arahan P.P.

(b) Kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan disebabkan oleh gangguan terhadap kemajuan Kerja Kontraktor yang teratur akibat daripada :-

(i) Penggantungan sebahagian atau keseluruhan Kerja;

(ii) Arahan-arahan P.P. berbangkit dari pertikaian dengan tuan-tuan punya berjiran;

(iii) Kontraktor telah tidak menerima dalam masa yang wajar, arahan, lukisan dan sebagainya dan arahan berkenaan dengan penamaan Subkontraktor dan/atau penamaan pembekal dan

(iv) Kelambatan yang disebabkan oleh artisan, tukang-tukang dan orang-orang lain yang ditugaskan oleh Kerajaan secara terus.

16.3.3 Sebelum Kontraktor berhak mendapat bayaran ganti bagi kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 16.3.2. dua syarat seperti di bawah ini mesti dipatuhi;[4]

(a) Kontraktor hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas menerima arahan P.P. atau selepas berlakunya kejadian atau keadaan yang mengganggu kemajuan kerjanya yang teratur, hendaklah

[4] Surat Arahan KPKR bil.(14) dlm. JKR.KPKR:020.050/03 Klt.6 bertarikh 19.1.2005 – Panduan Memproses Tuntutan Kontraktor dan Surat Arahan KPKR bil.(30) dlm. JKR.KPKR.020.050/03 Klt. 8 bertarikh 24.10.2008 – Peraturan bagi Memproses Tuntutan Kontraktor.

mengemukakan notis tuntutannya bersama dengan satu anggaran amaun kerugian/dan atau perbelanjaan tambahan.

(b) P.P. hendaklah menghantar surat pemakluman yang mana Kerajaan mengambil maklum notis hasrat yang telah dikemukakan oleh Kontraktor dan mengingatkan Kontraktor untuk mengemukakan butir-butir tuntutan serta bukti-bukti yang menyokong tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan di dalam syarat-syarat Kontrak.

(c) Kontraktor mestilah mengemukakan bukti-bukti yang secukupnya bagi menyokong tuntutannya tidak lewat dari sembilan puluh (90) hari selepas tarikh penyiapan kerja. Tuntutan tersebut hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan seperti huraian, asas perkiraan, baucar bayaran, rekod-rekod yang berkaitan dan sebagainya.

16.3.4 Semua tuntutan oleh Kontraktor hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Tuntutan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh Kerja diisytiharkan siap.

16.3.5 Perakuan ke atas tuntutan Kontraktor bagi kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan hendaklah dikemukakan untuk kelulusan jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahli seperti berikut:-

(a) Ketua Pengarah Kerja Raya (Pengerusi).

(b) Pengarah Kanan /Pengarah Cawangan Sektor Bisnes yang berkenaan atau wakilnya (Ahli).

(c) Pengarah Kanan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan atau wakilnya (Ahli).

(d) Penasihat Undang-Undang

16.3.6 Perakuan ke atas tuntutan Kontraktor bagi kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan hendaklah dikemukakan kepada jawatankuasa seperti yang dihuraikan di perenggan 16.3.5. dalam lapan salinan melalui Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan sebagai Urusetia. Perakuan hendaklah mengandungi (tetapi tidak terhad kepada) perkara-perkara berikut:

(a) Butiran Kontrak seperti:-

(i) Tajuk, nombor dan Harga Kontrak
(ii) Nama dan alamat Kontraktor.
(iii) Tarikh Milik tapak bina;
(iv) Tarikh Siap Kerja Asal;
(v) Tempoh Lanjutan Masa yang telah diberikan dan alasan-alasannya;
(vi) Tarikh Siap Kerja yang dilanjutkan; dan
(vii) Tarikh Siap Kerja Sebenar.

(b) Sinopsis peristiwa yang menyebabkan tuntutan dibuat oleh Kontraktor.

(c) Asas tuntutan Kontraktor.

(d) Butiran mengenai kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan dan amaun yang dituntut.

(e) Perakuan P.P. secara prinsip sebab-sebab tuntutan Kontraktor layak atau tidak layak dipertimbangkan.

(f) Perakuan lengkap dan terperinci daripada P.P ke atas amaun kerugian dan/atau perbelanjaan yang layak dibayar kepada Kontraktor.

16.3.7 Keputusan Jawatankuasa Tuntutan akan dimaklumkan kepada P.P. secara bertulis dan P.P. hendaklah memaklumkan kepada kontraktor.

16.4. Pelarasan Harga Kontrak

16.4.1 Jumlah Harga Kontrak mesti dilaraskan bagi mengambilkira sebarang tambahan atau kurangan daripada Harga Kontrak. Perkara-perkara yang menyebabkan Jumlah Harga Kontrak perlu diselaraskan, adalah seperti berikut:

(a) Perubahan kepada harga Kontrak

(b) Jumlah Tuntutan oleh Kontraktor untuk kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan

(c) Kos berkaitan dengan ujian kerja atau bahan binaan dan pendedahan kerja untuk pemeriksaan.

(d) Tuntutan Kontraktor bagi fee dan caj untuk memasangkan sambungan tetap dan pemindahan kepada pembentungan awam,bekalan air, dan elektrik.

(e) Pengukuran semula senarai kuantiti sementara.

(f) Pelarasan Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara.

(g) Pelarasan bagi turun naik harga bahan-bahan binaan dan sebagainya.

(h) Kesilapan dalam huraian atau kuantiti atau peninggalan Kerja dari senarai kuantiti

16.4.2 Perakuan Pelarasan Harga Kontrak hendaklah digunakan untuk semua pelarasan Harga Kontrak. Prosedur yang perlu dipatuhi dalam penyediaan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak adalah seperti berikut:

(a) Satu Perakuan Pelarasan Harga Kontrak mesti disediakan dan dikeluarkan apabila Harga Kontrak diselaraskan. Pengeluaran Arahan Perubahan Kerja turut mengubah harga kontrak sebanyak nilai sementara yang telah dianggarkan dan ianya hendaklah dimuktamadkan nilainya berdasarkan pengiraan dan nilai muktamad dengan menggunakan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak, tidak kira sama ada nilainya berubah ataupun tidak. Walau bagaimanapun nilai yang dinyatakan di dalam format JKR-PHK adalah merupakan nilai bersih perbezaan di antara nilai muktamad dan nilai sementara sama ada tambahan, kurangan atau kosong.

(b) Butiran di dalam Perakuan Pelarasan Harga Kontrak mestilah diisi dengan betul. Butiran mengenai Kontrak dan Kontraktor dalam Perakuan mesti sama dengan butiran di dalam Dokumen Kontrak. Semua ruangan yang disediakan di dalam perakuan tersebut mesti diisi.

(c) Tarikh perakuan adalah tarikh P.P. menandatangani perakuan tersebut.

(d) Huraian mengenai pelarasan hendaklah jelas dan tepat. Jika pelarasan adalah disebabkan oleh perubahan, nombor rujukan Arahan Perubahan Kerja mesti dinyatakan.

(e) Butiran pengiraan bagi pelarasan tersebut mesti dilampirkan.

16.4.3 Borang Perakuan Pelarasan Harga Kontrak JKR-PHK Pind. 2/2008 (rujuk Lampiran 16D) digunakan untuk tujuan Pelarasan Harga Kontrak.

16.4.4 Perakuan Pelarasan Harga Kontrak mesti ditandatangani oleh P.P. Salinan asal Perakuan Pelarasan Harga Kontrak mesti dikeluarkan kepada Kontraktor. Salinan Perakuan tersebut mesti juga diedarkan kepada semua pihak yang terlibat.

16.4.5 Jika Kontraktor tidak bersetuju terhadap penilaian muktamad perubahan Kerja dan pelarasan-pelarasan yang lain di dalam Perakuan Pelarasan Harga Kontrak, perakuan tersebut walau bagaimanapun hendaklah juga dikeluarkan dan bayaran dibuat bagi kerja tersebut.

16.5. Akaun Muktamad

16.5.1 Bagi memastikan Kontraktor dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Kontrak, adalah perlu untuk mengukur dan menilai perubahan kerja, kuantiti sementara, dan melaras Harga Kontrak serta pelarasan-pelarasan lain yang diperlukan di bawah Kontrak dalam tempoh tidak melebihi 6 bulan dari tarikh perakuan siap kerja dikeluarkan.

16.5.2 Akaun Muktamad mesti disediakan secepat mungkin setelah Kontraktor menunaikan obligasinya di bawah Kontrak termasuk membaiki kecacatan dan setelah tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan yang Kontraktor layak di bawah Kontrak telah diperakukan. Untuk tujuan membuat bayaran

muktamad kepada Kontraktor, Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, Borang JKR 66A (rujuk Lampiran 16E) mesti disediakan dan dikeluarkan.[5]

16.5.3 Peraturan dan prosedur dalam penyediaan dan pengeluaran Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad adalah seperti berikut:

(a) Mengikut syarat-syarat kontrak,Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad disedia dan dikeluarkan tidak lewat dari tiga (3) bulan selepas tamat tempoh Liabiliti Kecacatan, atau tiga (3) bulan selepas dikeluarkan Perakuan Siap Membaiki kecacatan mengikut mana yang terkemudian. Walau bagaimanapun mengikut Surat Arahan KPKR, Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tidak lewat dari enam (6) bulan selepas tarikh Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.[6]

(b) Nilai kerja muktamad yang dilaksanakan dan bahan-bahan atau barang-barang yang dibekal oleh Subkontraktor dan Pembekal Dinamakan dan Pemegang Serah Hak hendaklah dinyatakan secara berasingan dengan menggunakan Lampiran A kepada Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad (Borang JKR 66A)

(c) Akaun Muktamad mesti mengambilkira perkara-perkara berikut:-

(i) Semua Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak – untuk perubahan, tuntutan Kontraktor dan pelarasan-pelarasan lain (rujuk perenggan 16.4.).

(ii) Bayaran yang telah dibayar kepada Kontraktor, Subkontraktor dan Pembekal Dinamakan dan Pemegang Serah Hak.

(iii) Potongan dari wang yang akan dibayar kepada Kontraktor, khususnya, kos membaiki kecacatan jika Kontraktor gagal membaiki kecacatan dan amaun kesusutan nilai Kerja oleh sebab adanya kecacatan tersebut.

[5] Surat Arahan KPKR Bil. (18) dlm. JKR.KPKR 020.050/3 Klt. 3 bertarikh 3.11.1999 - Menyelesaikan Pembayaran Ke Atas Kerja-kerja Perubahan dan Perakuan Muktamad

[6] Surat Arahan KPKR bil.(6)dlm.JKR.KPKR. 020.050/3 Klt.4 bertarikh 20.9.2000.- Penyediaan dan Kelulusan Perakuan Muktamad

Jika bayaran muktamad yang diperakukan untuk dibayar tidak mencukupi untuk membayar Subkontraktor dan Pembekal Dinamakan, Pemegang Serah Hak dan Kontraktor, bayaran hendaklah dibuat mengikut keutamaan seperti yang telah ditetapkan dalam bayaran interim.

16.5.4 Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad mestilah ditandatangani oleh P.P dan seterusnya dikemukakan kepada Akauntan Perbendaharaan atau badan-badan pembayar yang lain untuk dibuat bayaran. Pada masa yang sama, satu salinan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad mesti dikeluarkan kepada Kontraktor dan salinan-salinannya diedarkan kepada pihak-pihak lain yang terlibat dengan Kontrak tersebut. Sebelum bayaran muktamad dibuat kepada Kontraktor, Kontraktor mesti mengemukakan sama ada akuan statutori atau perakuan daripada Ketua Pengarah Buruh yang menyatakan bahawa semua pekerja yang diambil bekerja olehnya dan oleh Subkontraktornya telah menerima upah mereka dan segala wang yang kena dibayar dan caruman yang berkenaan dengan pengambilan Kerja pekerja telah dijelaskan.

16.5.5 Jika Kontraktor gagal mengemukakan sama ada akuan statutori atau perakuan daripada Ketua Pengarah Buruh, P.P. boleh meneruskan penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad dan membuat apa-apa bayaran yang kena dibayar kepada Kontraktor di bawah Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad tersebut melainkan jika P.P. mempunyai bukti kukuh mengenai kemungkiran Kontraktor dalam membuat apa-apa pembayaran, semua upah yang kena dibayar atau semua wang yang kena dibayar atau caruman di bawah mana-mana Undang-undang yang berkenaan yang bersabit dengan pengambilan Kerja pekerja sebagaimana Surat Arahan KPKR yang masih berkuatkuasa.

16.5.6 Adalah diingatkan bahawa amalan mendapatkan tandatangan kontraktor sebelum Perakuan Muktamad dan Arahan Perubahan Kerja / Pelarasan Harga Kontrak berkenaan diluluskan bukanlah merupakan satu syarat yang ditetapkan di bawah Kontrak. Bagi mengelakkan kelewatan yang mungkin timbul daripada amalan ini, tempoh masa untuk kontraktor mengembalikan Perakuan berkaitan hendaklah dihadkan kepada empat belas (14) hari dari Arahan Perubahan Kerja / Pelarasan Harga Kontrak dan tiga puluh (30) hari bagi Perakuan Muktamad.

Sekiranya Kontraktor gagal berbuat demikian, tindakan meluluskan perakuan-perakuan tersebut hendaklah diteruskan tanpa tandatangan kontraktor.[7]

16.5.7 Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad bukanlah dokumen terakhir yang perlu disediakan berhubung dengan pentadbiran Kontrak. Dua dokumen lain perlu disediakan seperti berikut:

(a) Laporan Siap Kerja, dan Laporan Prestasi Kontraktor (Borang JKR 8-Pin 1/2005) yang diperlukan bukan sahaja untuk melaporkan penyiapan Kerja tetapi juga untuk melaporkan prestasi Kontraktor.

(b) Cabutan Butiran Seperti Yang Disiapkan (ACDA) (rujuk Bab 4-Lampiran 4D) yang diperlukan untuk mengadakan rekod kos muktamad Kerja.

[7] Surat Arahan KPKR Bil. (26) dlm. JKR.KPKR.020. 050/03 Klt. 3 bertarikh 30.11.99

LAMPIRAN 16A

JAWATANKUASA PERUBAHAN KERJA JKR

BIL.	NAMA JAWATANKUASA	KEANGGOTAAN	URUSETIA
1.	Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja di Peringkat Pegawai Penguasa/Pengarah Projek HAK ≤ RM10.0 Juta dan perubahan ≤ 10% daripada HAK Atau HAK > RM10.0 Juta dan perubahan ≤ RM 1 Juta	1. Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (Pengerusi) 2. Ketua BahagianBukan Potfolio Kerjaberkenaan di pejabat Pegawai Penguasa/Pengarah Projek 3. Juruukur Bahan di JKR Negeri/ Cawangan/Pasukan Projek (jika ada)	Pembentang Wakil P.P. Urusetia Pejabat Pegawai Penguasa/Pengarah Projek
2.	Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja di Peringkat TKPKR HAK ≤ RM10.0 Juta dan perubahan ≤ 20% daripada HAK Atau HAK > RM10.0 Juta dan perubahan ≤ RM 2 Juta	1. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya* (**Pengerusi)** 2. Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan 3. Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Kerja yang berkenaan jika tidak menjadi Pegawai Penguasa/Pengarah Projek bagi projek berkaitan **Atau** Pengarah Kanan /Pengarah Cawangan Kerja yang lain sekiranya Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Kerja yang Berkenaan menjadi Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek bagi projek berkaitan	Pembentang Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek/ Wakil P.P. Urusetia Bahagian Dasar dan Kontrak di Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan

JAWATANKUASA PERUBAHAN KERJA JKR

BIL.	NAMA JAWATANKUASA	KEANGGOTAAN	URUSETIA
